CGC

POWERING MALAYSIAN SMEs

MEMACU TRANSFORMASI MEMPERKASAKAN PKS

LAPORAN TAHUNAN 2016

Logo baharu ini menggambarkan semangat korporat yang progresif. Reka bentuknya yang ringkas, mempamerkan visual yang lebih menyerlah.

Berinspirasikan huruf cetak klasik, dengan sentuhan rasmi, rekaan aksaranya pula melambangkan kecanggihan serta dinamik. Pada masa yang sama, ia juga mencerminkan tahap kecekapan yang diselaraskan.

Huruf 'G' yang menonjol ditengah melambangkan daya maju mekanisma jaminan kami yang memastikan akses pembiayaan yang berterusan bagi PKS.

Di samping itu, bingkai tebal yang mengelilingi logo tersebut menggambarkan keteguhan asas CGC yang telah wujud selama lebih empat dekad.

Garisan berlapis membayangkan komitmen kami mempromosi pertumbuhan dan pembangunan PKS. Ia juga mencerminkan bahawa CGC menyediakan perkhidmatan kepada kepelbagaian segmen PKS. Sumbangan kami terhadap kejayaan PKS digambarkan pada titik pertemuan lipatan menaik. Dengan bantuan pembiayaan CGC, PKS dapat mencapai tahap kejayaan yang lebih tinggi.



MEMACU TRANSFORMASI, MEMPERKASAKAN PKS

Laporan Tahunan CGC 2016 bertema **'Memacu Transformasi, Memperkasakan PKS'** mencerminkan kemajuan perjalanan tahun kedua kami menuju pencapaian matlamat Pelan Strategik 5 Tahun (2016-2020) kami yang dipupuk dengan kecekalan semangat dan landasan yang tepat. Dengan sokongan kakitangan, proses, teknologi dan inisiatif pembangunan jenama yang sedia terbina, kami kekal fokus mempertingkatkan kekuatan dalaman kami yang sedia ada bagi memacu transformasi ini.

Imej visual pada kulit hadapan memaparkan kemahiran pertukangan "tukang kaca" yang tekun meniup kaca cair dan dengan kemahiran serta kepakaran profesionalnya, menukar bahan mentah menjadi sesuatu yang bernilai. Produk yang dihasilkan sentiasa mendapat sambutan menggalakkan, baik di peringkat serantau, mahupun global. Warna biru di bahagian tengah menggambarkan komitmen sepenuh hati yang menjulur keluar bagi menghasilkan bentuk yang diilhamkan.

Di CGC, kami akan terus memacu transformasi bagi merealisasi setiap potensi seperti yang digambarkan menerusi wawasan dan kesungguhan kami mempromosi pertumbuhan dan pembangunan PKS yang berdaya saing dan dinamik di negara ini. Seterusnya, kami beriltizam memenuhi aspirasi CGC mencapai matlamat untuk **'Menjadi Pilihan Utama bagi PKS Menjelang 2020'.**

Memacu Pertumbuhan

Bahan mentah bertukar menjadi kaca cair melalui proses yang sangat pantas apabila dipanaskan dengan haba bersuhu tinggi. Di CGC, kami menyediakan bantuan dan khidmat nasihat yang amat bernilai kepada PKS bagi mempercepatkan pencapaian impian dan pertumbuhan perniagaan mereka supaya mampu menghasilkan kejayaan berterusan dan pertumbuhan mampan.

CGC

POWERING
MALAYSIAN
SMEs

Mentransformasi
Potensi

Membentuk kaca cair dengan meniupkan udara secara tepat dan cermat mampu menghasilkan karya seni yang bernilai. Di CGC, kami mempromosi pertumbuhan dan pembangunan komuniti PKS dengan menyediakan seluas peluang supaya mereka dapat merealisasi potensi mereka yang tiada batasnya.

CGC

POWERING
MALAYSIAN
SMEs

Melakar Wawasan

Membentuk kaca panas pada suhu optimum membolehkan produk tersebut dibentuk menjadi berbagai rupa yang bernilai. Di CGC, kami mempunyai wawasan untuk memajukan PKS dengan memanfaatkan kelebihan yang ada pada mereka dan mempertingkatkan perniagaan mereka menerusi pelbagai portfolio produk kewangan dan khidmat profesional yang kami sediakan.

CGC

POWERING
MALAYSIAN
SMEs

Merentas Sempadan Kecemerlangan

Barangan kaca yang jernih dan cerah itu terbentuk melalui berbagai proses teliti yang memerlukan tatacara profesional dan tahap kepakaran yang tinggi. Di CGC, kami memperkasa PKS supaya mereka mampu menyerlahkan diri di latar perniagaan yang serba mencabar. Selain membekalkan mereka dengan pengetahuan penting dan sokongan kewangan yang diperlukan, kami juga memastikan mereka sentiasa bersedia di pasaran. Ini mencerminkan komitmen dan keazaman kami memacu transformasi dan memperkasa PKS mencapai kecemerlangan.

CGC

POWERING
MALAYSIAN
SMEs

KANDUNGAN UTAMA

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 44

Tarikh :
Isnin, 22 Mei 2017

Masa :
12.00 tengahari

Tempat :
Taming Sari 3
The Royale Chulan Kuala Lumpur
5 Jalan Conlay
50450 Kuala Lumpur

Muka Surat 4

PENCAPAIAN & KEJAYAAN 2016
CGC memenangi anugerah "Laporan Tahunan Terbaik Organisasi Bukan Tersenarai" di majlis National Annual Corporate Report Awards (NACRA) yang diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Disember 2016.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT
CGC menganjurkan Program Kembali Ke Sekolah Ke-3 dengan komuniti Orang Asli sebagai sebahagian daripada sumbangan kepada anak-anak mereka untuk sesi persekolahan 2017.

Muka Surat 108

Muka Surat 132

KESEDARAN JENAMA & PERHUBUNGAN MEDIA
CGC berjaya memperolehi hak untuk menamakan Stesen LRT Glenmarie.

MESEJ PENGERUSI

CGC terus mencatat pertumbuhan teguh dan akan kekal relevan dalam menjalankan mandat kami.

DATO' AGIL NATT
PENGERUSI

MESEJ PRESIDEN/ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

Keputusan yang memberangsangkan ini tercapai hasil kegigihan rakan sekerja dan penyeliaan daripada Lembaga Pengarah kami.

DATUK MOHD ZAMREE MOHD ISHAK
PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

KANDUNGAN

MENGENAI KAMI

2 CGC Sepintas Lalu
3 Visi & Misi Korporat
4 Kejayaan & Pencapaian 2016
6 Struktur Organisasi
8 Maklumat Korporat

PRESPEKTIF & PROFIL KEPIMPINAN

12 Mesej Pengerusi
16 Mesej Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif
Perbincangan Dan Analisis Pengurusan
30 Lembaga Pengarah
32 Profil Pengarah
42 Ahli Pengurusan
44 Profil Ahli Pengurusan

SOROTAN PRESTASI

60 Ringkasan Sorotan Kewangan 5 Tahun

KOMITMEN KAMI KEPADA AMALAN BERTANGGUNGJAWAB

66 Kisah Kejayaan
72 Penyata Tadbir Urus Korporat
86 Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman
96 Program Jangkauan
100 Penyata Kemampanan
108 Tanggungjawab Korporat

ULASAN OPERASI

118 Skim Jaminan / Pembiayaan
120 Kajian Operasi
122 Maklumat Utama Operasi
124 Peristiwa Korporat
130 CGC Dalam Liputan Akhbar
132 Kesedaran Jenama Dan Hubungan Media

PENYATA KEWANGAN

138 Laporan Para Pengarah
142 Penyata Kedudukan Kewangan
144 Penyata-penyata Pendapatan Komprehensif
146 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti
148 Penyata-penyata Aliran Tunai
151 Nota-nota Penyata Kewangan
259 Penyata Pengarah
259 Akuan Berkanun
260 Laporan Juruaudit Bebas

MAKLUMAT KORPORAT TAMBAHAN

266 Piagam Lembaga Pengarah
274 Piagam Pematuhan
277 Rangkaian Cawangan
280 Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-44

Borang Proksi

CGC SEPINTAS LALU

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) telah ditubuhkan pada 5 Julai 1972 dengan matlamat untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang memiliki perniagaan berdaya maju tetapi tidak mempunyai cagaran dan rekod prestasi untuk mendapat pembiayaan daripada institusi kewangan. CGC merapatkan jurang di antara institusi kewangan dan PKS dengan menyediakan perlindungan jaminan kepada kemudahan pembiayaan yang dipohon oleh PKS dan pembiayaan langsung bagi segmen tertentu. CGC telah menjamin lebih 444,700 pinjaman kepada PKS yang bernilai lebih RM63.6 bilion sejak ia ditubuhkan.

CGC telah berubah seiring dengan masa untuk terus kekal relevan. Ia telah berubah daripada pemberi jaminan tradisional kepada sebuah institusi kewangan yang mampan, menyediakan pelbagai rangkaian produk dan perkhidmatan untuk liputan PKS yang lebih luas. Ia telah menjalin permuafakatan strategik dengan pelbagai institusi kewangan terkemuka untuk menawarkan pembiayaan secara Jaminan Portfolio (PG) yang mampu mempercepatkan pemprosesan dan kelulusan bagi membolehkan PKS mendapat akses kepada pembiayaan yang diperlukan untuk perniagaan mereka. CGC juga telah melaksanakan Jaminan Borong untuk menawarkan pembiayaan kepada perniagaan tidak bercagar, satu usaha pertama di negara ini. Selain itu, CGC juga telah melancarkan BizMula-i dan BizWanita-i, skim pembiayaan langsung untuk membantu perniagaan baharu dan perniagaan yang dimiliki oleh usahawan wanita.

Sokongan CGC kepada PKS tidak terhad kepada penyediaan jaminan pinjaman dan kemudahan pembiayaan sahaja, malah turut meliputi maklumat kredit dan perkhidmatan penarafan kredit melalui anak syarikatnya, Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd. Melalui Biro ini, CGC membantu PKS membina sejarah kredit dan rekod pencapaian bagi meningkatkan kredibiliti dan kewibawaan mereka untuk memperoleh pembiayaan berdasarkan merit mereka sendiri dan pada kos yang berpatutan.

Untuk meningkatkan lagi perkhidmatannya dan menambah nilai kepada PKS, CGC telah meluaskan liputan perkhidmatannya melebihi penyediaan jaminan dan pembiayaan sahaja. Ia telah menerokai ke dalam bidang khidmat nasihat dan panduan kepada para pelanggannya melalui Program Pembangunan.

Sejak dilancarkan pada bulan September 2016, CGC telah melaksanakan beberapa inisiatif seperti program bengkel dan mentor dengan kerjasama rakan-rakan strategiknya yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang berkaitan bagi mempersiap, memberi panduan dan menghubung PKS untuk mendapat akses kepada saluran pengedaran tempatan dan pasaran antarabangsa utama.

CGC akan mengekalkan fokusnya kepada peranan yang dimandatkan bagi membantu PKS berdaya maju yang berpotensi untuk mendapat akses kepada pembiayaan. Ini selaras dengan wawasan CGC untuk menjadi sebuah institusi kewangan berkesan yang beriltizam mempromosi pertumbuhan dan pembangunan perniagaan kecil dan sederhana yang berdaya saing dan dinamik seperti digambarkan dengan jelas menerusi cogan katanya 'Memperkasakan PKS Malaysia'.

VISI KORPORAT

Untuk menjadi sebuah institusi kewangan yang berdedikasi dalam mempromosikan pertumbuhan dan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana yang berdaya saing dan dinamik.

MISI KORPORAT

Membantu perusahaan kecil dan sederhana dengan menyediakan produk dan perkhidmatan yang kompetitif dengan tahap profesionalisme, kecekapan dan keberkesanan yang tinggi.

KEJAYAAN & PENCAPAIAN 2016

Anugerah NACRA

CGC memenangi anugerah "Laporan Tahunan Terbaik Organisasi Bukan Senarai Awam" di majlis National Annual Corporate Report Awards (NACRA) yang diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Disember 2016. Anugerah NACRA yang berprestij dan bermatlamat untuk menggalakkan kecemerlangan dalam laporan korporat, adalah anjuran bersama Bursa Malaysia Berhad, Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) diberikan kepada syarikat-syarikat yang telah menampilkan kecemerlangan dalam membentangkan maklumat kewangan dan perniagaan mereka, ketelusan yang lebih meluas dan kebertanggungjawaban dalam pelaporan kewangan mereka.

Oleh kerana NACRA menilai syarikat-syarikat yang telah menghasilkan laporan tahunan terbaik dan cemerlang, maka CGC perlu bersaing dengan para pesaing yang lebih sengit terdiri daripada para pemenang lalu dalam pelbagai kategori. Justeru, pemilihan Laporan Tahunan 2015 CGC sebagai pemenang di bawah kategori "Laporan Tahunan Terbaik Organisasi Bukan Senarai Awam" sewajarnya membawa nafas baharu dan pembuka mata kepada potensi yang dimiliki oleh syarikat.

Anugerah Karlsruhe

The Kalseruhe Sustainable Finance Awards memberi anugerah kepada institusi dan organisasi kewangan yang memberi sumbangan bermakna terhadap bidang kemampanan kewangan. Anugerah ini bermatlamat untuk memberi pengiktirafan kepada institusi kewangan yang berjaya memupuk kemampanan ekonomi, sosial dan alam sekitar ke dalam perniagaan mereka dan memberi penghargaan kepada organisasi yang memberi sumbangan besar dalam bidang kelestarian kewangan.

CGC telah menerima Kalsruhe Sustainable Finance Awards di The Global Sustainable Finance Conference yang berlangsung di Jerman untuk BizWanita-i, produk pembiayaan inovatif yang ditawarkan khusus kepada usahawan wanita.

Anugerah Brand Laureate

CGC telah dipilih sebagai penerima The BrandLaureate Transformational Organisation Brand Award 2015-2016 atas usaha memperkukuhkan asas jenamanya dan mempertingkatkan kecekapan prestasinya. Anugerah BrandLaureate ini ditubuhkan oleh Yayasan Jenama Asia Pasifik (APBF), sebuah organisasi bukan perniagaan yang bermatlamat untuk memajukan jenama dalam pelbagai latar belakang perniagaan. Kini, Anugerah BrandLaureate ini dikenali sebagai kemuncak kecemerlangan jenama, dan merupakan anugerah jenama yang paling berprestij dan terkemuka di negara ini.

Anugerah HR Asia

Pada 2016, CGC telah menerima undangan untuk menyertai Anugerah "HR Asia Best Company to Work For in Asia 2016" dalam kategori Perkhidmatan. HR Asia – Best Companies to Work for dalam Asia Award ini dianjurkan oleh MERCER, salah sebuah firma perunding sumber manusia terbesar di dunia dan diselaraskan oleh HR Asia Magazine.

Objektif utama penyertaan CGC adalah untuk memupuk kefahaman yang lebih mendalam berhubung keperluan dan harapan kakitangan, mewujudkan kesedaran terhadap jenama CGC dalam masyarakat, menarik dan mengekalkan bakat kerja yang terbaik, membina nilai yang tinggi kepada pemegang kepentingan serta mengukuhkan kedudukan CGC sebagai majikan pilihan dan syarikat terbaik untuk pekerja di Malaysia.

CGC berbesar hati untuk menerima pengiktirafan serantau bagi Jenama Pekerja sebagai salah satu daripada penerima Anugerah HR Asia : Best Companies to Work for in Asia (Malaysian Chapter) pada bulan Oktober 2016.

STRUKTUR ORGANISASI




PENGURUSAN RISIKO
Perbagaran Kuppusamy
Ketua Pegawai Risiko
PERUNDANGAN & KESETIAUSAHAAN SYARIKAT
Daeng Hafez Arafat Zuhud
Ketua Penasihat Perundangan & Setiausaha Syarikat
AUDIT DALAMAN
Noraishah Jamaludin
Ketua Juruaudit Dalam
PERANCANGAN STRATEGIK
Mohd Reza Mohd Hatta
Naib Presiden Kanan
TEKNOLOGI MAKLUMAT
Yushida Husin
Ketua Pegawai Maklumat
MODAL INSAN
Kosong
Ketua Pegawai Modal Insan
KEWANGAN
Syed Naufal Shahabudin
Ketua Pegawai Kewangan
STRUKTUR & STRATEGI PERUSAHAAN
Kosong
OPERASI IT
Fong Chiok Hin
Naib Presiden
MODAL INSAN
Hanim Abdul Manaf
Naib Presiden
KEWANGAN
Norazlina Puasa
Naib Presiden
PELABURAN
Sum Leng Kuang
Ketua Pelaburan
TADBIR URUS IT
Kosong
PMO KORPORAT
Kosong

MAKLUMAT KORPORAT

LEMBAGA PENGARAH

1. **Dato' Agil Natt**
   Pengerusi Bukan Eksekutif

2. **Datuk David Chua Kok Tee**
   Pengarah Bukan Eksekutif

3. **Dato' Hj. Syed Moheeb Syed Kamarulzaman**
   Pengarah Bukan Eksekutif

4. **Encik Mohamed Rashdi Mohamed Ghazalli**
   Pengarah Bukan Eksekutif

5. **Encik Teoh Kok Lin**
   Pengarah Bukan Eksekutif

6. **Encik Suresh Menon**
   Pengarah Bukan Eksekutif

7. **Encik Ong Eng Bin**
   Pengarah Bukan Eksekutif

8. **Puan Nadzirah Abd. Rashid**
   Pengarah Bukan Eksekutif

9. **Encik Choong Tuck Oon**
   Pengarah Bukan Eksekutif
   (dilantik pada 20 Januari 2017)

PRESIDEN/ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak

PEJABAT BERDAFTAR

Aras 14, Bangunan CGC
Kelana Business Centre
No. 97, Jalan SS 7/2
47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

ALAMAT PERNIAGAAN DAN SURAT MENYURAT

Aras 8, Bangunan CGC
Kelana Business Centre
No. 97, Jalan SS 7/2
47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

SETIAUSAHA SYARIKAT

Encik Daeng Hafez Arafat Zuhud
LS0007002

JURUAUDIT

PricewaterhouseCoopers
(AF 1146)
Akauntan Bertauliah

PERSPEKTIF KEPIMPINAN DAN PROFIL

12 Mesej Pengerusi

16 Mesej Presiden/
Ketua Pegawai Eksekutif
Perbincangan Dan Analisis Pengurusan

30 Lembaga Pengarah

32 Profil Pengarah

42 Ahli Pengurusan

44 Profil Ahli Pengurusan

MESEJ PENGERUSI

PARA PEMEGANG SAHAM SEKALIAN

Dalam perutusan yang lepas, saya telah berkongsi gambaran tentang langkah transformasi yang dilancarkan oleh CGC di bawah Pelan Strategik 5 Tahun (2016-2020) berlandaskan tema "Mentransformasi CGC, Memperkasakan PKS". Selain daripada itu, pengenalan logo baharu CGC akan menampilkan semangat korporat progresif melalui reka bentuk logonya yang serba ringkas, tetapi menyerlah. Penampilan huruf 'G' yang lebih menonjol di tengah menampakkan pandangan jauh kami yang direalisasi melalui mekanisma jaminan dalam meyakinkan PKS untuk mendapat akses pembiayaan berterusan. Di samping itu, bingkai tebal yang mengelilingi logo tersebut pula menggambarkan keteguhan asas CGC yang telah wujud selama lebih empat dekad. Dengan pelancaran logo baharu ini, kami berhasrat untuk meningkatkan serta memperkukuhkan kehadiran dan kesedaran jenama selaras dengan aspirasi kami untuk mencapai matlamat sebagai Jenama yang 'Ternama Di Kalangan PKS Menjelang 2020'.

2016 merupakan satu tahun yang memberangsangkan bagi CGC dalam melaksanakan hampir keseluruhan komitmen yang telah ditetapkan. Walaupun berdepan dengan persekitaran operasi yang mencabar, namun model perniagaan CGC terus berfungsi dengan baik untuk merekod prestasi kewangan yang sihat. Berlatarkan suasana ini, CGC mampu mencatat laluan pertumbuhan yang teguh dan terus kekal serta relevan dalam melaksanakan mandat yang dipertanggungjawabkan.

DATO' AGIL NATT
PENGERUSI

MESEJ PENGERUSI

TAHUN YANG BERLATARKAN KEMAJUAN BERTERUSAN

CGC telah mencapai banyak kejayaan dalam mendorong laluan transformasi dan telah mencatat kemajuan yang memberangsangkan bagi mencapai Sasaran Utama, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Piagam Kecekapan yang ditetapkan. Kemajuan CGC juga diukur melalui ukuran bukan kewangan seperti tahap hubungan kakitangan. Kepentingan penglibatan wargakerja tidak boleh diperkecilkan kerana wargakerja dengan penglibatan yang tinggi akan menunjukkan prestasi yang lebih baik apabila mereka dapat merasakan kewujudan ikatan sesama majikan. Di samping itu, wargakerja yang saling berhubungan adalah lebih produktif dan bahagia di tempat kerja mahupun dalam kehidupan seharian mereka. Setelah setahun dalam perlaksanaan, anda boleh saksikan bahawa CGC berada di landasan yang tepat dan mampu menjana keputusan yang dijangka melalui pelbagai inisiatif yang dilancarkan pada tahun 2016.

Berikutan pertambahan penumpang melalui rangkaian LRT di kalangan rakyat Malaysia, serta penglibatan beberapa PKS yang telah menyumbang kepada pembinaan laluan LRT, CGC telah membuat bidaan untuk mendapatkan hak penamaan bagi Stesen LRT Glenmerie pada 9 Mei 2017. Langkah ini akan memberi kesan yang besar dan meluas kepada penjenamaan korporat CGC.

PANDANGAN MASA DEPAN

Keupayaan berterusan untuk menghasilkan keputusan yang memberangsangkan meyakinkan saya bahawa tunjang asas perniagaan CGC adalah memang teguh. CGC mempunyai banyak kelebihan daya saing merujuk kepada kedudukan masa kini, antaranya termasuk asas pembiayaan yang stabil, kunci kira-kira yang teguh dengan nisbah kewangan yang sangat memuaskan, kedudukan yang bermakna dalam ekosistem PKS dan sebuah jenama yang ketara di pasaran.

CGC sangat berpuas hati terhadap kemajuan yang dicapai kerana keputusan yang dicatat merupakan batu loncatan untuk mengorak langkah yang lebih jauh lagi ke tahun 2017 dan seterusnya. Matlamat yang kami tetapkan melalui Pelan Strategik 5 Tahun (2016-2020) adalah bercita tinggi namun mampu dicapai melalui pelan dan strategi yang diatur rapi. Sambil melangkah memasuki tahun 2017, satu tahun yang penuh berperistiwa dengan pengisytiharaan sebagai Tahun Mempromosi Perniagaan Baharu dan Tahun PKS, diikuti dengan peruntukan yang disediakan oleh kerajaan sebanyak RM6.7 bilion bagi pembangunan PKS yang akan dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan agensi.

ANUGERAH DAN PENGHARGAAN

Setiap tahun, CGC menerima anugerah serta penghormatan industri. Begitu juga pada tahun 2016 dimana CGC telah dianugerah dengan Karlsruhe Sustainable Finance Award, yang memberi penghormatan kepada institusi dan organisasi kewangan pembangunan yang menyumbang secara ketara dalam bidang kewangan yang mampan. CGC memenangi anugerah ini di atas keistimewaan BizWanita-i, produk pembiayaan langsung yang inovatif disediakan khusus untuk usahawan wanita.

CGC juga telah dianugerahkan HR Asia Award - Best Companies to Work for in Asia (Malaysian Chapter). Anugerah HR Asia Award adalah anjuran MERCER, salah sebuah firma perunding sumber manusia terbesar di dunia dan dikelola oleh HR Asia Magazine. CGC dianugerahkan The BrandLaureate Transformational Organisation Brand Award 2015-2016 atas usahanya dalam memperkukuh asas jenama dan menambahbaik tahap kecekapannya. BrandLaureate Foundation ditubuhkan dengan tujuan untuk menambahbaik amalan dan piawaian penjenamaan di seluruh dunia dan anugerah ini adalah lambang kejayaan penjenamaan bertaraf antarabangsa.

Pemikiran teliti dan ketekunan yang dicurah untuk menghasilkan laporan tahunan telah membawa berita gembira apabila Laporan Tahunan 2015 CGC dipilih sebagai "Laporan Tahunan Terbaik bagi Organisasi Tidak Tersenarai" di Majlis Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA) anjuran bersama Bursa Malaysia Berhad, Institut Akauntan Malaysia dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia pada bulan Disember 2016. Anugerah ini diberikan kepada syarikat yang memberi tumpuan bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam penerbitan laporan tahunan masing-masing.

CGC turut memenangi anugerah daripada Persatuan Institusi Kewangan Pembangunan di Asia dan Pasifik (ADFIAP) bagi Laporan Tahunan Terbaik (Anugerah Khas) dan 'Plaque of Merit' khas bagi Jaminan Portfolio dibawah Perusahaan Mikro (di bawah kategori Financial Inclusion) di Mesyuarat Tahunan ADFIAP yang berlangsung di Macao baru-baru ini.

PENGHARGAAN

Komitmen warga kerja kami adalah tunjang kepada kekuatan kami. Mereka merupakan sumber kelebihan daya saing CGC. Kemajuan yang dicapai pada tahun lepas adalah hasil ketekunan dan kesungguhan tenaga kerja bersama. Justeru, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada warga kerja di atas sumbangan yang diberikan sepanjang tahun ini.

Saya ingin mengalu-alukan pelantikan Encik Choong Tuck Oon sebagai ahli Lembaga Pengarah. Dalam usaha kami melalui pengenalan Pelan Induk Teknologi 3 Tahun, pengalaman profesional beliau adalah amat penting dalam memastikan kejayaan Pelan Induk ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para pelanggan, pemegang saham dan rakan-rakan strategik dalam industri yang amat dihargai.

Ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada semua pihak berkepentingan iaitu Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Bank Negara Malaysia, pelbagai agensi kerajaan yang berkaitan dan agensi berperaturan di atas panduan dan kerjasama yang diberi kepada usaha kami dalam Memperkasakan PKS Malaysia.

Perjalanan CGC masih panjang dan sebahagian daripadanya merupakan rancangan dan inisiatif yang besar untuk dicapai. Seperti lain-lain pencapaian memberangsangkan yang kebiasaannya diingati, saya percaya bahawa pencapaian yang terbaik akan menyusul tiba di masa hadapan.

DATO' AGIL NATT
Pengerusi

DATUK MOHD ZAMREE MOHD ISHAK
PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

MESEJ PRESIDEN/ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

PARA PEMEGANG SAHAM SEKALIAN

Tahun 2016 merupakan tahun permulaan Pelan Strategik 5 Tahun (2016-2020) CGC. Kami mencapai kebanyakan inisiatif yang dilancar berasaskan kepada imperatif strategik yang terus meletakkan kami di kedudukan yang teguh.

Semua pencapaian ini membuktikan kecekalan semangat CGC memperkukuh kedudukannya sebagai pelopor pembangunan PKS di Malaysia. Saya dengan sukacitanya membentangkan butiran terperinci prestasi kewangan dan operasi CGC bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

MANDAT KAMI

Mandat CGC adalah untuk membantu PKS yang mempunyai potensi perniagaan yang berdaya maju, tetapi tiada cagaran dan rekod pencapaian untuk mendapatkan pembiayaan. Kami meneruskan usaha untuk menghubung jurang antara PKS dengan institusi kewangan dengan menyediakan jaminan serta pembiayaan langsung bagi segmen-segmen yang kurang mendapat perkhidmatan ini.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai mandat dan aktiviti utama CGC, sila rujuk seksyen "CGC Sepintas Lalu" pada awal Laporan Tahunan ini.

MESEJ PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

TINJAUAN EKONOMI

Pada tahun 2016, ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan sederhana, daripada 5.0% pada tahun sebelumnya kepada 4.2%. Permintaan domestik menyumbang lebih 90.0% kepada bahagian KDNK dengan lebih setengah daripadanya terhasil daripada penggunaan swasta. Di peringkat bekalan pula, sektor Perkhidmatan terus muncul sebagai penyumbang utama kepada ekonomi dengan sumbangan sebanyak 54.2% kepada KDNK (2015:53.5%) diikuti dengan sektor Perkilangan sebanyak 23.0% kepada KDNK (2015: 23.0%), Perlombongan & Kuari sebanyak 8.8% (2015: 8.9%), Pertanian sebanyak 8.1% (2015: 8.8%) dan Pembinaan sebanyak 4.5% (2015: 4.4%). Inflasi pada kadar 2.1% adalah sama seperti pada tahun sebelumnya, sementara kadar pengangguran pula meningkat sedikit kepada 3.5% berbanding 3.1% pada tahun 2015 (Sumber: Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2016).

Ketidaktentuan ekonomi menyebabkan sentimen pengguna lemah sehingga pada satu tahap tertentu, mereka menangguh perbelanjaan. Ini memberi kesan kepada pelbagai perniagaan dan juga PKS sama seperti kemerosotan permintaan untuk kredit daripada segmen runcit, perniagaan dan korporat. Sungguhpun ekonomi Malaysia tumbuh sederhana pada tahun 2016, namun sektor PKS dijangka akan berkembang antara 5.0% - 5.5%, iaitu lebih tinggi berbanding pertumbuhan KDNK secara keseluruhan.

PELAN STRATEGIK 5 TAHUN (2016-2020)

Kami meneruskan fokus untuk menjayakan Pelan Strategik 5 Tahun (5SP) sebagai panduan dalam melaksanakan peranan yang telah dimandatkan kepada CGC. Sebagai imbasan semula, rangka kerja yang telah dibangunkan pada tahun 2015 seperti dihuraikan di bawah:

Aspirasi
untuk menjadi Pilihan Utama bagi PKS menjelang 2020

Visi

Untuk menjadi sebuah institusi kewangan yang berdedikasi dalam mempromosikan pertumbuhan dan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana yang berdaya saing dan dinamik.

Misi

Untuk meningkatkan daya maju perniagaan kecil dan sederhana melalui penyediaan produk dan perkhidmatan yang kompetitif dengan tahap profesionalisma, kecekapan dan keberkesanan yang tinggi.

Nilai-nilai Teras

`Usahasama`, `Ketekunan`, `Berwibawa`, `Mendidik`, `Berpengetahuan`

4 Objektif Strategik

OS #1	OS #2	OS #3	OS #4
Penyusunan semula kedudukan CGC untuk menjadi lebih proaktif dan relevan	Memastikan pertumbuhan mampan	Meningkatkan modal insan	Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi

Sasaran Utama bagi Tahun 2020

Jaminan dan Pembiayaan	Nisbah Rizab Jaminan	Keuntungan Sebelum Cukai	Kos kepada Pendapatan dihadkan	Kadar Graduasi	Kesedaran Jenama
RM14.5 bilion	4 kali	RM160 juta	35%	50%	80%

Di bawah Pelan Strategik 5 Tahun Aspirasi kami adalah untuk menjadi "Pilihan Utama bagi PKS Menjelang 2020" dan disokong oleh kenyataan Visi dan Misi kami. Nilai Teras kami, "THiNK" (mewakili Teamwork, Hardworking, Integrity, Nurturing dan Knowledgeable – Usahasama, Ketekunan, Berwibawa, Mendidik dan Berpengetahuan) bertindak sebagai platform untuk menggambarkan siapa kami, apa yang kami percaya dan bagaimana kami berhubung dengan pemegang kepentingan kami dan antara satu sama lain.

Untuk merealisasi aspirasi ini, kami telah mengenal pasti empat (4) Objektif Strategik (OS) dengan 15 strategi dan 31 inisiatif:-

- OS #1 menyeru kami menyusun semula posisi kami supaya menjadi lebih proaktif dan relevan. Inisiatif yang telah dikenal pasti akan membantu kami meneroka pelbagai peluang baharu dan peluang khusus yang akan mempertingkat dan mengukuhkan jenama kami.

- OS #2 mendorong supaya kami fokus kepada pertumbuhan mampan. Inisiatif yang telah dikenal pasti akan membantu kami mengekalkan pertumbuhan mampan dengan mempertingkat serta memanfaat pelbagai aktiviti teras kami serta selaras dengan peranan kami yang telah dimandat dan saling melengkapi dalam ekosistem PKS secara menyeluruh.

- OS #3 memfokus kepada peningkatan modal insan. Inisiatif yang dikenal pasti akan membantu kami memastikan modal insan kami selaras dengan strategi utama melalui peningkatan keupayaan serta usaha kami untuk menarik, membangun dan mengekalkan bakat.

- OS #4 memerlukan kami mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi. Inisiatif yang dikenal pasti akan menyokong usaha kami bagi mempertingkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan operasi secara berterusan dengan memastikan supaya penggerak utama iaitu Modal Insan, Proses dan Teknologi sedia tersusun.

Pelan Strategik 5 Tahun juga meliputi inisiatif Penyusunan Semula Proses Perniagaan dan Pelan Pembangunan IT kami di bawah OS#4 yang bertema "Mentransformasi CGC, Memperkasakan PKS".

Ini menggambarkan perjalanan transformasi yang telah dilancarkan oleh CGC bagi membolehkan kami melaksanakan peranan pembangunan secara berkesan dalam ekosistem pembiayaan PKS. Melalui penetapan hala tuju strategik dan sasaran utama, kami meneruskan usaha melaksanakan secara berterusan imperatif ini secara berperingkat dan mempercepatkan bidang-bidang tertentu.

Pelan strategik kami sehingga tahun 2020 mengandungi 15 strategi dan 31 inisiatif dilancarkan dalam tiga (3) peringkat sepanjang tempoh lima (5) tahun. Peringkat tersebut meliputi berikut:-

- Peringkat 1 (Tahun 2016): "Membina Asas Yang Kukuh"
- Peringkat 2 (Tahun 2017-2018): "Mencipta Pertumbuhan"
- Peringkat 3 (Tahun 2019-2020): "Mengekalkan Momentum"

SOROTAN PRESTASI 2016

Pada tahun 2016, kami melaksanakan 15 inisiatif di mana 7 inisiatif difokus kepada usaha mempertingkatkan modal insan untuk membina keteguhan asas untuk Pelan Strategik 5 Tahun kami. Enam belas (16) inisiatif selebihnya akan dilaksanakan mulai tahun 2017.

Objektif Strategik	Bilangan Strategik	Jumlah inisiatif yang dilaksanakan pada tahun 2016
OS #1: Penyusunan semula CGC untuk menjadi lebih proaktif dan relevan	13	2
OS #2: Memastikan pertumbuhan mampan	8	5
OS #3: Meningkatkan modal insan	8	7
OS #4: Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi	2	1
Jumlah	**31**	**15**

MESEJ PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

Kejayaan pelaksanaan inisiatif di atas membolehkan pencapaian berikut dalam 6 Sasaran Utama kami:

	Sasaran	Capaian	Sasaran Capaian
Jaminan & Pembiayaan	RM9.0 bilion	RM9.6 bilion	107%
Nisbah Rizab Jaminan	2.4 kali	2.26 kali	94%
Keuntungan Sebelum Cukai	RM120 juta	RM167.7 juta	140%
Kos kepada Pendapatan Dihadkan	Ditetapkan pada 38%	26.8%	142%
Kadar Graduasi	47.4%	46.8%	98.7%
Kesedaran Jenama	63%	54.5% (2015)*	86.5% (2015)*

* *Setakat 26 April 2017, keputusan kaji selidik bagi 2016 masih dianalisis.*

Di samping Sasaran Utama di atas, kami turut memantau dengan rapi prestasi Jangkauan PKS dan Piagam Kecekapan kami seperti dihuraikan di bawah:

Imbasan Prestasi KPI 2016

		Sasaran	Sebenar	Prestasi
Liputan PKS				
1.	Nilai Jaminan & Pembiayaan	RM4.0 bilion	RM4.2 bilion	105%
2	Bilangan Jaminan & Pembiayaan	8,650	7,568	87%
3	Nilai Jaminan & Pembiayaan Bumiputera Diluluskan	RM1.2 bilion	RM0.8 bilion	67%
4	Bilangan Jaminan & Pembiayaan Bumiputera	3,030	1,665	55%
Piagam Kecekapan				
5	Kelulusan Pembiayaan/Pinjaman di bawah Jaminan Portfolio (PG)(%)	90% dalam tempoh 2 hari	95% dalam tempoh 2 hari	106%
6	Bayaran Tuntutan (%)	90% dalam tempoh 10 hari	100% dalam tempoh 10 hari	111%

Pada tahun tersebut, CGC meluluskan 7,568 jaminan dan pembiayaan bernilai RM4.2 bilion. Dari segi nilai, kami mengatasi sasaran sebanyak 24% berbanding pada tahun sebelumnya. Dari segi memenuhi Piagam Kecekapan, saya dengan sukacitanya ingin melaporkan bahawa kami mengatasi piagam kami bagi kelulusan pembiayaan/pinjaman di bawah skim PG dan pembayaran tuntutan. Kami akan meneruskan usaha untuk mempertingkat dan meluaskan pelbagai perkhidmatan yang kami sediakan.

Berkenaan dengan Jangkauan Bumiputera pula, dua kolaborasi dengan Institusi Kewangan Pembangunan yang dijangka dilaksanakan pada tahun 2016 telah dicapai hanya pada awal tahun 2017. Kolaborasi ini akan membolehkan CGC mempunyai Jangkauan Bumiputera yang lebih tinggi pada tahun 2017.

Selain itu, pengumuman yang dibuat oleh Kerajaan baru-baru ini mengenai sambungan lima (5) tahun bagi Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) memberi

manfaat kepada PKS. Kami mendapati semakin banyak Institusi Kewangan dan Institusi Kewangan Pembangunan menyediakan lebih banyak peruntukan GTFS dan ini dijangka akan menyumbang kepada peningkatan kelulusan untuk PKS Bumiputera. Bahagian Pembangunan Bumiputera (BDD) CGC telah diperkukuhkan dengan tambahan tiga jabatan baharu di bawahnya iaitu Institusi Kewangan dan Institusi Kewangan Pembangunan Islamik, Agensi Kerajaan & Syarikat Kerajaan dan Sektor Swasta Bumiputera untuk mendekati dan menyediakan perkhidmatan kepada PKS Bumiputera secara lebih berkesan.

Dengan penyelesaian isu-isu ini dan juga langkah yang telah diambil untuk mengeratkan hubungan dengan beberapa pemegang kepentingan Bumiputera utama, saya yakin bahawa kami akan mencapai sasaran Jangkauan Bumiputera yang telah ditetapkan.

Butiran lanjut mengenai pelbagai aktiviti berkaitan skim jaminan dan pembiayaan diberikan dalam seksyen "Program Jangkauan PKS" dalam Laporan Tahunan ini.

Inisiatif Jangkauan PKS Utama

Pada tahun ditinjau, kami telah mengukuhkan kedudukan kami sebagai pendokong PKS yang berdaya saing dan dinamik dengan memastikan pertumbuhan mantap dalam nilai jaminan/pembiayaan diluluskan yang meningkat sebanyak 24% mengikut perbandingan dari tahun ke tahun. CGC telah meluluskan jaminan/pembiayaan berjumlah RM4.2 bilion (2015: RM3.4 bilion).

Prestasi lebih teguh pada tahun ini disumbangkan terutamanya oleh inisiatif pemasaran yang agresif, terutamanya bagi produk PG dan WG di mana RM3.1 bilion telah diberi jaminan pada tahun 2016. Kini, skim PG dan WG mewakili 74% daripada kelulusan jaminan dan terus menjadi pendorong pertumbuhan perniagaan CGC. Kami turut meneruskan pertumbuhan organik bagi beberapa produk kami yang lain.

Bagi membina asas teguh untuk menyemarakkan lagi agenda Bumiputera, pada bulan Jun 2016, kami telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Johor Petroleum Development Corporation untuk memenuhi keperluan bagi projek-projek berkaitan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang. Selain itu, berikutan kejayaan pembiayaan kontraktor Bumiputera dalam Projek MRT Laluan 1, kami telah menandatangani MoU dengan Mass Rapid Transport Corporation Sdn Bhd pada bulan Ogos 2016 untuk membantu kontraktor Bumiputera mendapatkan pembiayaan kontrak bagi Projek MRT Laluan 2. Di samping itu, kami juga menyediakan pembiayaan kepada PKS di Sabah dan Sarawak bagi pembinaan Lebuhraya Pan Borneo.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif di bawah Pelan Strategik 5 Tahun, kami telah mengambil peluang untuk menjadi lebih menonjol dengan memindahkan beberapa cawangan kami ke lokasi strategik bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada PKS. Kami telah mengubahsuai Cawangan Utama di Kelana Jaya untuk menjadikannya lebih segar dan mesra PKS, sementara empat cawangan lain iaitu Kota Kinabalu, Kuantan, Melaka dan Seremban telah dipindahkan ke lokasi baharu.

Sebagai sokongan terhadap inisiatif Kerajaan supaya PKS mendapat akses di pasaran antarabangsa, CGC dengan kerjasama MATRADE telah menyediakan platform bagi tiga pelanggan paling berpotensi untuk mengambil bahagian dalam China-ASEAN Ekspo ke 13 yang berlangsung di Nanning, China pada bulan September 2016. Ekspo ini bertindak sebagai wadah pengalaman belajar dan platform bagi PKS mempamer dan memasarkan produk mereka. Berasaskan kepada kejayaan inisiatif ini, CGC akan terus menghantar pelanggan yang paling berpotensi ke luar negara untuk mendapat pengalaman yang sama pada tahun 2017.

Selain itu, bagi memudahkan akses ke pasaran antarabangsa, kami juga telah menyediakan khidmat nasihat bagi PKS mendapat akses pasaran tempatan dengan menghubungkan mereka kepada peluang dan pembeli prospek. CGC telah mendapatkan khidmat Agensi Inovasi Malaysia (AIM) melalui organisasi bukan berorientasikan keuntungannya iaitu Steinbeis Malaysia Foundation bagi menghubungkan PKS dengan pakar sesuatu subjek dalam pelbagai bidang seperti keperluan kemasukan pasaran, pembungkusan produk dan pengurusan kualiti.

Penyusunan Semula Proses Perniagaan (BPR)

Pada tahun 2015, CGC telah melancarkan inisiatif BPR dan menyiapkan pembangunan Pelan Induk BPR yang melibatkan pengenalpastian dan pelaksanaan "quick wins". Pelaksanaan inisiatif ini akan diteruskan sepanjang tempoh Pelan Strategik 5 Tahun. CGC telah meletakkan semula prioriti inisiatif yang telah dikenal pasti dalam inisiatif BPR mengikut Pelan Strategik 5 Tahun kami. Sejumlah enam inisiatif disiapkan pada tahun 2016 yang telah menghasilkan kejayaan berikut, antaranya:

1) Pengwujudan platform Hab Inovasi bagi memupuk budaya inovasi di CGC;
2) Borang permohonan yang telah diselaraskan untuk semua produk, agar ianya membawa pengalaman yang baik untuk pelanggan; dan
3) Penyeragaman dan pembentukan dasar polisi bagi Tempoh Penangguhan Tuntutan. Ini membolehkan pemantauan penghantaran tuntutan dibuat secara lebih tersusun dan membolehkan pengurusan tuntutan yang cekap dan berkesan dari segi pemprosesan, pemantauan dan pengesanan.

MESEJ PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

Pelan Pembangunan IT 3 Tahun (IT Blueprint)

Pelan Pembangunan IT 3 Tahun yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada bulan September 2016 mengandungi 41 inisiatif yang menyokong pelaksanaan strategi yang dibentangkan dalam pelan induk tersebut. Objektifnya adalah seperti berikut:

1) Untuk meletakkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) sebagai pemboleh strategik bagi mencapai kecemerlangan operasi, pertumbuhan dan kemampanan perniagaan;
2) Untuk mengemudi perubahan perniagaan dengan kekal fleksibel dan sesuai kepada keperluan perniagaan;
3) Untuk mentransformasi keupayaan Teknologi Maklumat CGC supaya dapat memaksimum kecekapan dan menggalakkan produktiviti;
4) Untuk menerima pakai pendekatan perusahaan untuk infrastruktur Teknologi Maklumat dan aplikasi CGC bagi memacu inovasi dan kolaborasi; dan
5) Untuk mengurus risiko dan pematuhan melalui tadbir urus dan kawalan yang baik.

Hasil strategik yang dijangkakan daripada Pelan Pembangunan IT 3 Tahun ini adalah seperti digariskan di bawah:

Hubungan pelanggan

Semua kemungkinan titik sentuhan pelanggan boleh dilakukan secara atas talian melalui alat mudah alih dengan inisiatif yang luas dan perantara muka yang saling berhubungan.

Pemprosesan/automasi dengan lebih cekap

Pengurangan mendahului pasaran dalam masa diambil oleh beberapa proses teras melalui automasi dan integrasi (contoh permohonan dari hari/jam ke minit)

Ketangkasan, Kelajuan dan Kecekapan

Menggunakan teknologi supaya sentiasa selari dengan kepantasan perubahan pasaran dan pengguna, misalnya pengenalan ciri-ciri baharu, kempen pemasaran dan perkhidmatan baharu keseluruhannya.

Data & Keputusan

Memuat ciri-ciri analitik ke dalam semua aspek perniagaan yang menyampaikan nilai dalam konteks dan kadangkala dalam mod yang boleh dijangkakan.

Jenis Perkhidmatan Baharu

Untuk menerima pakai model operasi digital, contohnya menyediakan sebarisan produk kewangan jenis baharu seperti pembayaran mudah alih yang inovatif melalui FinTech, pindahan wang berasaskan DLT dan sebagainya.

Perkongsian Perniagaan

Dengan berhubung rapat dalam perkongsian dengan perniagaan, Teknologi Maklumat boleh mendorong pandangan dalam dan inovasi.

Prestasi Kewangan

CGC mencatatkan kedudukan kewangan yang teguh secara berterusan. Kami merekodkan hasil sebanyak RM132.1 juta, terutamanya daripada pendapatan yuran jaminan berjumlah RM108.0 juta. Pertumbuhan pendapatan yuran jaminan menunjukkan peningkatan mantap berbanding pada tahun 2015 dan lebih tinggi, iaitu mengikut perbandingan dari tahun ke tahun sebanyak RM34.7 juta atau 47.5%. Skim PG dan WG CGC yang merupakan sebahagian besar daripada asas jaminan dan pembiayaan, terus menjadi pendorong kepada pertumbuhan perniagaan.

Perbelanjaan operasi menyaksikan peningkatan sebanyak 14.5% berbanding pada tahun 2015, disebabkan terutamanya oleh kos kakitangan dan peruntukan daripada tuntutan di bawah skim jaminan. Kesannya, kami menutup lembaran tahun ini dengan keuntungan bersih sebanyak RM167.7 juta, kenaikan ketara sebanyak 19.8% berbanding pada tahun sebelumnya. Kami kekal komited untuk memastikan pertumbuhan mampan dengan mempertingkatkan secara berterusan penyediaan pembiayaan langsung kepada segmen yang kurang mendapat perkhidmatan.

Pada tahun ini, kami terus teliti dalam pengurusan kualiti aset dengan memastikan pengurusan risiko kredit yang ketat. Pemantauan kredit yang kerap dan tekun membolehkan kami mengesan lebih awal tanda amaran kemerosotan kredit dan dengan demikian, membolehkan pengurusan tahap peruntukan yang lebih baik.

Sebagai langkah proaktif, kami berhubung dengan pelanggan kami bagi memastikan mereka mampu bertahan dalam keadaan perniagaan mereka yang tidak tertentu. Kami juga membantu pelanggan secara berterusan yang menunjukkan tanda-tanda kesukaran dengan menyusun atau menjadual semula pembayaran balik pembiayaan/pinjaman mereka supaya mereka boleh fokus lebih baik pada perniagaan serta merancang aliran tunai mereka.

Fungsi pelaburan juga merupakan komponen penting dalam model perniagaan kami. Strategi risiko rendah dan pemeliharaan modal dalam pengurusan pelaburan kami akan terus mengukuhkan rizab CGC.

Prestasi Bahagian-Bahagian Utama

Pada tahun ini, Bahagian-bahagian Utama CGC mencatatkan kemajuan memuaskan seperti berikut:

	FUNGSI	PENCAPAIAN UTAMA BAGI 2016
BAHAGIAN PERNIAGAAN	– Mendorong portfolio jaminan melalui pemasaran dan kempen produk. – Mempromosi dan mempertingkat penyertaan PKS Bumiputera. – Menginovasi produk baharu dan mempertingkat ciri-ciri produk sedia ada melalui pembangunan produk. – Memperkenal Program Pembangunan CGC untuk mempromosikan pertumbuhan dan pembangunan PKS. – Menyelia dan menyediakan sokongan terhadap operasi harian dan prestasi cawangan secara keseluruhan antaranya objektif dan polisi Pengurusan.	• Kejayaan jangkauan kepada 7,568 PKS dengan jaminan dan pembiayaan berjumlah RM4.2 bilion. • Memperkukuh Bahagian Pembangunan Bumiputera dengan mewujudkan tiga jabatan baharu iaitu Institusi Kewangan & Institusi Kewangan Pembangunan Islamik, Agensi Kerajaan & Syarikat Kerajaan dan Sektor Swasta Bumiputera, di mana setiap jabatan menumpukan perhatian kepada inisiatif Bumiputera tertentu. • Mencapai kelulusan lebih tinggi bagi Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i (TPUB-i) berjumlah RM178.1 juta (2015: RM172.4 juta). Mengubahsuai dan menyelaras manual pemprosesan TPUB-i bagi mendorong penyerahan, kelulusan dan kualiti aset yang lebih tinggi. • Menandatangani MoU dengan MRT Corp pada bulan Ogos 2016 bagi membiayai kontraktor Bumiputera yang terlibat dalam pembinaan Projek MRT Laluan 2. • Menandatangani MoU dengan Johor Petroleum Development Corporation pada bulan Jun 2016 bagi membantu PKS Bumiputera mendapat akses pembiayaan bagi projek berkaitan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang. • Melancarkan 23 tranche Skim PG/WG dan sebuah produk baharu. • Memeterai kolaborasi dengan OCBC Bank (Malaysia) Berhad untuk melancarkan sebuah skim risiko penuh baharu yang dikenali sebagai BizSME. Selain Skim PG, kami telah memulakan tranche baharu dengan Hong Leong Bank Berhad bagi segmen Perbankan Komuniti Runcit dan AmBank (M) Berhad bagi segmen PKS. • Menganjurkan Bengkel Mentor dengan menjemput pakar industri untuk memberi panduan dan latihan kepada PKS dalam bidang tertentu seperti pemasaran digital, logistik, arah aliran F&B, dan lain-lain. Lebih 200 PKS mendapat manfaat daripada usaha perkongsian pengetahuan dan pembinaan rangkaian perniagaan anjuran CGC. • Program pembangunan ini turut meliputi beberapa topik mengenai akses pasaran PKS ke pasaran tempatan dan antarabangsa, contohnya pasaraya di Malaysia dan pameran perdagangan antarabangsa. • Mengubahsuai Cawangan Utama di Kelana Jaya untuk menjadikannya lebih segar dan mesra PKS. • Empat cawangan lain telah dipindahkan ke beberapa lokasi strategik iaitu cawangan Kota Kinabalu, Kuantan, Melaka dan Seremban.

MESEJ PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

	FUNGSI	PENCAPAIAN UTAMA BAGI 2016
BAHAGIAN KREDIT	– Penilaian kredit dan kelulusan di bawah Skim Jaminan serta pembiayaan bagi TPUB-i dalam tempoh pemprosesan yang disyaratkan. – Pentadbiran dokumentasi perundangan, pengurusan panel peguam, pengeluaran sijil jaminan, pengembalian faedah/keuntungan di bawah skim sokongan Kerajaan, pembatalan dan kutipan yuran jaminan.	• Prestasi Masa Pemprosesan (TAT) piagam secara keseluruhan bertambah baik daripada 90% pada tahun 2015 kepada 95% pada tahun 2016. • Bengkel Kompetensi Kredit dianjurkan pada bulan November dan Disember 2016 untuk berkongsi pengetahuan dengan cawangan-cawangan CGC. • Sistem aliran kerja dipendekkan bagi menambahbaik proses dalam Bahagian Kredit.
BAHAGIAN OPERASI	– Menambahbaik Prestasi Masa Pemprosesan bagi pembayaran Tuntutan kepada Institusi Kewangan & Institusi Kewangan Pembangunan	i) <u>Jabatan Tuntutan</u> • Prestasi Masa Pemprosesan bayaran tuntutan disemak semula bagi skim Risiko Penuh dan Risiko Dikongsi daripada 10 hari kepada 5 hari bekerja mulai bulan Mac 2016 (pencapaian 100% berbanding takat 80%). • Penambahbaikan pemberitahuan bayaran tuntutan melalui surat keputusan tuntutan (CD) automasi mulai bulan Disember 2016.
	– Proses produk diselaras dengan pihak berkaitan untuk menambahbaik prestasi Prestasi Masa Pemprosesan. Proses kerja disemak semula untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan serta bertindak sebagai penghubung antara pengguna dan sistem dalam CGC.	ii) <u>Jabatan Pengeluaran Bayaran dan Laporan</u> • Penambahbaikan Prestasi Masa Pemprosesan pengeluaran melalui peningkatan Sistem Pejabat Sokongan Modul Pembiayaan Kontrak. • Penambahbaikan kepada proses kerja bertujuan meningkatkan produktiviti dan kecekapan dengan mengautomasi analisis suku tahunan bagi kadar Kemungkinan Ingkar (PD) / Kerugian Akibat Ingkar (LGD) dalam Modul Pemberian Pinjaman Langsung (DLM). Pelaksanaannya berjaya diselesaikan pada akhir bulan Ogos 2016 – sebulan sebelum jadual sasaran.
		iii) <u>Jabatan Pengurusan Bil</u> • Semua dokumen guaman pembiayaan skim Langsung dan pembiayaan Kontrak diseragam dan dipermudah iaitu BizMula-i, BizWanita-i dan TPUB-i pada bulan Ogos 2016. Semakan menyeluruh ini menggambarkan penambahbaikan ketara dan Prestasi Masa Pemprosesan yang lebih pantas bagi pemprosesan dokumen (pencapaian 100% pada bulan Disember 2016 berbanding purata 50% pada bulan September 2016). • Berjaya menyiapkan fasa pertama automasi sistem Bil PG pada bulan Disember 2016.

	FUNGSI	PENCAPAIAN UTAMA BAGI 2016
BAHAGIAN OPERASI	– Memantau dan memulih portfolio CGC	**iv) <u>Jabatan Pemantauan dan Pemulihan Pinjaman</u>** • Peratus elaun peruntukan / rosot nilai kepada asas pinjaman bertambah baik kepada 1.40% pada tahun 2016 berbanding 1.67% pada tahun 2015. • NPL pada TPUB-i dikurangkan melalui penambahbaikan hubungan dengan Penerima Kontrak (CA); pemantauan rapi terhadap kemajuan pembayaran daripada CA melalui aktiviti pengesanan senarai induk dan usaha mengukuh manual dan garis panduan mengenai pemantauan bagi skim pembiayaan.
	– Memaksimumkan pemulihan semula dan kutipan daripada akaun sukar bayar.	**v) <u>Jabatan Penyerahan dan Perolehan Semula</u>** • Memaksimumkan perolehan semula dan kutipan daripada akaun sukar bayar bagi mencapai berikut: – Pemulihan Semula: Sebenar RM51.8 juta berbanding Sasaran RM51.0 juta (pencapaian 101%).
	– Penyenggaraan dan Penjagaan Bangunan	**vi) <u>Jabatan Pentadbiran Am</u>** • Ubahsuai tingkat bawah untuk menempatkan Cawangan Utama dan Pusat Perkhidmatan Pelanggan sebagai "Cawangan Model". • Pemindahan/pengubahsuaian empat cawangan lain di Kota Kinabalu, Kuantan, Melaka dan Seremban.
BAHAGIAN KEWANGAN		**i) <u>Jabatan Kewangan</u>** • Melaksanakan laporan yang lebih menyeluruh kepada Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pemegang kepentingan utama yang lain. • Kecekapan kos keseluruhan CGC diurus dengan lebih baik. **ii) <u>Jabatan Pelaburan</u>** Telah melalui penyusunan semula besar-besaran pada tahun 2016 dan polisi serta garis panduan pelaburan yang menyeluruh disediakan. Kesannya telah menyaksikan pencapaian pulangan daripada pelaburan.
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	– Pengurusan persekitaran Teknologi Maklumat dilaksanakan secara menyeluruh dan semakan semula strategi Teknologi Maklumat yang menyeluruh untuk memenuhi keperluan perniagaan.	• Penyiapan inisiatif Pelan Pembangunan IT 3 Tahun CGC pada bulan Julai 2016. Semakan semula dan perancangan strategik secara menyeluruh persekitaran IT bagi tempoh tiga tahun akan datang bertujuan menambahbaik tahap kecergasan dan kesediaan CGC menerima pakai teknologi baharu. Oleh yang demikian, Bahagian Teknologi Maklumat telah ditubuhkan pada Januari 2017 untuk meningkatkan Bahagian Teknologi Maklumat dalam memainkan peranan yang strategik serta lebih fokus di CGC.

MESEJ PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

	FUNGSI	PENCAPAIAN UTAMA BAGI 2016
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK	– Fungsi perancangan strategik, penyelidikan dan pembangunan; Laporan Lembaga Pengarah dan Prestasi Pengurusan.	i) **Jabatan Perancangan & Penyelidikan** • Mengendalikan sesi Perancangan Strategik Lembaga Pengarah tahunan dan menyemak semula bajet secara terperinci, menyelaras dengan inisiatif yang akan dijalankan sepanjang tempoh perancangan. • Mempermudah dan memastikan pelarasan KPI Bahagian dan Jabatan dengan KPI Korporat. • Berkolaborasi dengan beberapa Pemegang Kepentingan utama contohnya Rakan Bersekutu Antarabangsa dan badan Bukan Institusi Kewangan/ Institusi Kewangan Pembangunan supaya dapat mempertingkatkan keketaraan CGC baik di dalam mahupun di luar negara.
	– Pengurusan dan Komunikasi Jenama & Media.	ii) **Jabatan Komunikasi Korporat** • Tahap kesedaran meningkat dan kehadiran media secara konsisten dicapai melalui kekerapan hubungan/kemunculan di media. Pada tahun 2016, CGC menerima 154 sebutan media hasil 30 aktiviti hubungan media yang dijalankan. • Melaksanakan enam kempen pengiklanan korporat dan produk di beberapa akhbar utama, stesen radio, pengiklanan luar (e-bunting), media digital dan sosial bagi mempertingkatkan tahap kesedaran jenama dan Jangkauan PKS. • Melancarkan platform Facebook CGC. • Menganjurkan 16 acara Program Tanggungjawab Korporat untuk sampai kepada komuniti kurang bernasib baik di seluruh negara. • Menerbitkan laporan tahunan yang meraih anugerah berprestij "Laporan Tahunan Terbaik di bawah kategori Organisasi Bukan Senarai Awam" di Upacara Penyampaian Anugerah NACRA 2016.

	FUNGSI	PENCAPAIAN UTAMA BAGI 2016
BAHAGIAN MODAL INSAN	- Perancangan strategik sumber manusia untuk mengambil, memberi ganjaran dan mengekal bakat serta mencapai proses Modal Insan yang cekap.	• Menyusun semula secara strategik Carta Organisasi Korporat bagi menggambarkan struktur yang lebih cekap dan mantap serta untuk mencapai tadbir urus proses dengan lebih baik. • Mewujudkan Rangka Kerja Pengurusan Bakat bagi memastikan supaya bakat dan kemahiran yang diperlukan akan tersedia apabila dikehendaki. Persiapan untuk menyahut keperluan pemimpin masa depan bagi menjalankan pelbagai peranan Pengurusan. • Mewujudkan Rangka Kerja Kompetensi bagi membina tenaga kerja yang kompeten dan berpengetahuan dengan tugas dan peranan yang seragam. • Mempertingkatkan penjenamaan majikan dan pengiktirafan pasaran yang telah membolehkan CGC menerima Anugerah Perak di majlis penyampaian anugerah HR Asia Best Companies to Work for (Malaysian Chapter). • Terus berhubung, memotivasi dan menunjukkan penghargaan kepada tenaga kerja kami dengan menganjurkan aktiviti seperti Majlis Makan Malam Tahunan, Anugerah Menghargai Perkhidmatan, Insentif Pencapai Jualan Luar Negara dan Sesi Perkongsian Pengetahuan dengan pemegang kepentingan berkaitan. • Melaksanakan 132 program latihan dalaman dan 73 latihan luaran sepanjang tahun 2016 yang melibatkan 100% jangkaun kakitangan. • Menganjurkan 10 sesi 'team building' seluruh organisasi yang berkisar kepada nilai teras baharu iaitu "THiNK" bagi mengukuhkan semangat berpasukan. • Meneruskan kolaborasi dengan ICAEW melalui penajaan dua kakitangan kami untuk menyambung pelajaran dalam ACA yang dikenali di seluruh dunia bagi mendapatkan kelayakan sebagai Akauntan Bertauliah. • Meneruskan perkongsiannya dengan Asian Institute of Chartered Bankers (AICB) bagi program pensijilan utamanya, Advanced Credit Enhancer (ACE). • Membangunkan Program Kecemerlangan Cawangan pada Suku Kedua 2016 dengan tumpuan khusus kepada usaha membangunkan tenaga kerja Cawangan yang kompeten. • Melaksanakan Kaji Selidik Hubungan Kakitangan (EES) Tahunan CGC yang melibatkan 99.6% penyertaan. Keputusan ini menunjukkan bahawa 73% kakitangan kami terlibat dan usaha sedang dijalankan untuk mempertingkatkan lagi tahap penglibatan tersebut.

MESEJ PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

RISIKO PERNIAGAAN

Sambil CGC mara ke hadapan sebagai pendokong pembangunan PKS, kami menyedari bahawa kami mungkin terdedah kepada pelbagai risiko yang dijangkakan atau diketahui yang boleh memberi kesan ketara kepada operasi, prestasi, keadaan kewangan dan kecairan kami. Strategi kami untuk mengawal risiko adalah seperti digariskan dalam seksyen "Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman" dalam Laporan Tahunan ini.

MASA DEPAN DAN PROSPEK

Melangkah mengharungi tahun 2017, aktiviti ekonomi global dijangka akan bangkit sejurus memasuki tahun 2017 dengan pertumbuhan sebanyak 3.4% berbanding 3.1% pada tahun 2016. Ekonomi negara-negara maju diunjur akan bertambah baik, manakala aktiviti ekonomi di negara-negara sedang membangun pula dijangka akan mendorong pertumbuhan global.

Dalam negara pula, permintaan domestik dijangka kekal sebagai kunci utama pertumbuhan ekonomi pada tahun 2017. Pelaburan ke dalam pelbagai projek infrastruktur jangka panjang yang besar baik dalam sektor awam mahupun swasta dijangka akan menyediakan satu tahap daya tahan. Pertumbuhan pelaburan swasta berkemungkinan akan dihadkan oleh kekurangan pelaburan dalam industri minyak dan gas, kelembapan relatif di pasaran hartanah dan kenaikan kos perniagaan. Secara keseluruhan, pertumbuhan ekonomi diunjur akan meningkat antara 4.3% hingga 4.8% pada tahun 2017 (2016: 4.2%) berlatarkan pemulihan ekonomi secara berperingkat dan permintaan domestik yang berdaya tahan.

Sambil CGC menuju ke hadapan, Pelan Strategik 5 Tahun kami akan membuat persiapan untuk mempertingkatkan elemen modal insan, Proses dan Teknologi kami sambil mencipta kehadiran jenama yang lebih teguh dalam industri. Selaras dengan tema 2017 "Memacu Transformasi, Memperkasakan PKS", seluruh organisasi akan diseru supaya memacu transformasi CGC melalui inisiatif Modal Insan, Proses, Teknologi dan Pembinaan Jenama.

Bagi memajukan Modal Insan, kami akan meneruskan usaha untuk memupuk budaya prestasi tinggi. Dalam memajukan Proses pula, kami akan menggandakan usaha untuk mempertingkatkan proses supaya mampu mencapai penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan. Dalam menambahbaik Teknologi, kami mahu membolehkan pemprosesan secara langsung, menambahbaik Prestasi Masa Pemprosesan dan mewujudkan pengalaman pelanggan yang positif serta memainkan peranan penting dalam Teknologi Kewangan (FinTech). Kami sedar tentang kepesatan FinTech setiap hari berikutan kemasukan teknologi dan pemain baharu yang merintis kepada peningkatan impak inovasi yang menjadi gangguan kepada institusi kewangan di seluruh dunia. Penerimaan cabaran FinTech memerlukan perancangan jangka pendek dan jangka panjang. Justeru, sambil CGC meneroka strategi P2P bagi memenuhi keperluan segera PKS, teknologi dan pemain lain dalam lanskap FinTech sedang dikaji dan dari segi daya laksana dan kemampanannya. Untuk mengukuhkan jenama pula, kami akan melaksanakan beberapa inisiatif bagi mengukuhkan tahap kesedaran terhadap jenama CGC.

Bagi tahun 2017, CGC akan terus memainkan peranan dalam agenda rangkuman kewangan melalui pertambahan akses kepada pembiayaan. Jadual di bawah menggariskan Sasaran Utama, Jangkauan PKS dan Piagam Kecekapan 2017 kami.

Sasaran Utama 2017

	Sasaran
Asas Jaminan & Pembiayaan	RM11.0 bilion
Nisbah Rizab Jaminan	2.6 kali
Keuntungan Sebelum Cukai	RM151.0 juta
Nisbah Kos Kepada Pendapatan	Dihadkan pada 34.4%
Kadar Graduasi	48%
Tahap Kesedaran Jenama	67%

Sasaran Jangkauan PKS dan Piagam Kecekapan 2017

		Tahun Kewangan 2017
		Sasaran
Jangkauan PKS		
1	Bilangan Dijamin	9,500
2	Nilai Pinjaman Dijamin	RM4.7 bilion
3	Nilai Jaminan/Pembiayaan Bumiputera	RM1.2 bilion
4	Bilangan Jaminan/Pembiayaan Bumiputera	2,850
Piagam Kecekapan		
1	Kelulusan Pembiayaan/Pinjaman di bawah PG	95% dalam tempoh 2 hari
2	Pembayaran Tuntutan	90% dalam tempoh 5 hari

Sebagai langkah menuju ke hadapan, kami akan terus kekal fokus untuk memenuhi matlamat mandat kami. Pada masa yang sama, kami akan memantau dengan rapi keadaan pasaran dan kekal cergas supaya mampu menyesuai kepada perubahan keadaan, melaras dan mempertingkat strategi kami sewajarnya.

PENGHARGAAN

Ramai pemegang kepentingan yang telah memainkan peranan dalam kejayaan kami pada tahun 2016. Sehubungan itu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada para pelanggan, Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Bank Negara Malaysia, pelbagai agensi kerajaan yang berkaitan serta agensi-agensi berperaturan atas sokongan tidak berbelah bahagi yang diberikan semasa kita berganding bahu memenuhi mandat CGC.

Penghargaan saya juga ditujukan kepada Lembaga Pengarah kami atas pandangan serta nasihat bijaksana dalam menerajui CGC semasa kita mengharungi tahun yang mencabar dan juga di atas kegigihan melonjakkan kedudukan kami ke peringkat berikutnya. Ucapan terima kasih ini saya tujukan juga secara khusus kepada rakan-rakan sejawat saya atas komitmen teguh dan sumbangan yang diberikan kepada pencapaian prestasi tahun 2016.

Saya berharap untuk mendapat sokongan berterusan daripada semua pemegang kepentingan semasa kami meneruskan usaha bagi merealisasi Aspirasi CGC untuk menjadi **"Pilihan Utama bagi PKS Menjelang 2020".**

DATUK MOHD ZAMREE MOHD ISHAK
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif

LEMBAGA PENGARAH

Dari kiri ke kanan:

Barisan permata

DATO' AGIL NATT

DATUK DAVID CHUA KOK TEE

DATO' HJ. SYED MOHEEB SYED KAMARULZAMAN

ENCIK MOHAMED RASHDI MOHAMED GHAZALLI

Barisan kedua

ENCIK TEOH KOK LIN, CFA

ENCIK SURESH MENON

ENCIK ONG ENG BIN

PUAN NADZIRAH ABD. RASHID

Barisan ketiga

ENCIK CHOONG TUCK OON

ENCIK DAENG HAFEZ ARAFAT ZUHUD
KETUA PENASIHAT PERUNDANGAN & SETIAUSAHA SYARIKAT

PROFIL PENGARAH

DATO' AGIL NATT
PROFIL PENGARAH

- Berusia 65 tahun, Warganegara Malaysia
- Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan

Dato' Agil Natt telah dilantik sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif CGC pada 18 Jun 2013.

Dato' Agil Natt memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains Ekonomi (Kepujian) dari Brunel University dan Sarjana Sains Kewangan dari Cass Business School, kedua-duanya di London. Beliau juga pernah mengikuti Program Pengurusan Lanjutan (AMP 163) di Harvard Business School, Amerika Syarikat.

Dato' Agil Natt kini berkhidmat sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif di Sumitomo Mitsui Banking Corporation Malaysia Berhad, Manulife Insurance Berhad dan Manulife Asset Management Services Berhad. Beliau turut menganggotai Lembaga Pengarah Export Import Bank of Malaysia Berhad dan Cagamas Berhad. Selain itu, beliau juga merupakan Pengarah Bukan Eksekutif di Sogo (KL) Department Store Sdn Bhd dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tun Abdul Razak.

Dato' Agil Natt membawa bersama pengalaman yang luas dalam bidang perbankan korporat, perbankan pelaburan serta kewangan Islam. Beliau memulakan kerjaya dalam bidang Kewangan Korporat di Bumiputra Merchant Bankers Berhad pada tahun 1977 sebelum berkhidmat sebagai Pengurus Besar Kanan di Island & Peninsular Berhad. Beliau juga merupakan Ketua Perwakilan Kleinwort Benson Limited sebelum menyertai Kumpulan Maybank pada tahun 1995 di mana beliau berkhidmat sebagai Pengurus Besar Kanan, Perbankan Korporat, Ketua Pegawai Eksekutif Aseambankers Berhad (kini dikenali sebagai Maybank Investment Bank Berhad), dan Timbalan Presiden / Pengarah Eksekutif Maybank. Beliau meninggalkan Kumpulan Maybank untuk menyandang jawatan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif di Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF), Universiti Global Kewangan Islam yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia.

Beliau telah menghadiri kesemua 7 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

DATUK DAVID CHUA KOK TEE
PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF

- Berusia 69 tahun, Warganegara Malaysia
- Ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- Ahli Jawatankuasa Pelaburan
- Ahli Jawatankuasa Pembangunan Bumiputera
- Ahli Jawatankuasa IT

Datuk David Chua dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah CGC pada 15 Februari 2013.

Beliau juga merupakan Pengarah Credit Bureau Malaysia (M) Sdn Bhd (CBM), sebuah anak syarikat CGC.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (B.A. Hons) dari Universiti Malaya dan telah dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat Perniagaan (Ph.D Hon) oleh Universiti Malaya pada tahun 2016.

Datuk David Chua adalah Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat DC & A yang terlibat dalam pembangunan perumahan dan hartanah, termasuk pusat peranginan percutian. Beliau memiliki pengalaman yang luas dalam sektor komersial dan perindustrian.

Kini beliau menyandang jawatan Pengarah di Majlis Perniagaan Malaysia-China (MCBC) dan Penasihat Dewan Perniagaan & Perindustrian Cina Kuala Lumpur dan Selangor (KLSCCCI). Beliau turut berkhidmat sebagai Ahli Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Kecil (SDRC) Bank Negara Malaysia, Ahli Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan juga Ahli Majlis Keusahawanan Pengajian Tinggi Nasional (MKPTN), Kementerian Pendidikan Malaysia.

Datuk David Chua juga banyak terlibat dalam perkhidmatan sukarelawan dengan menyandang pelbagai jawatan penting dan kanan dalam Persatuan Perdagangan, Dewan Perniagaan dan Industri serta jawatan-jawatan yang dilantik oleh Kerajaan. Antara jawatan penting tersebut termasuk sebagai Pengarah di Lembaga Pengarah Universiti Malaya dari 2007 – 2015, Pengerusi UM Holdings Sdn Bhd (anak syarikat dalam bidang komersial dan pelaburan milik penuh Universiti Malaya) bagi tempoh September 2009 - April 2015, Pengerusi dan kemudian kekal sebagai Ahli Lembaga Pengarah di UM Specialist Centre Sdn Bhd (UMSC) bagi tempoh dari 2009 – 2015, Ahli Panel Penasihat dan Pencegahan di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Ahli Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Beliau juga pernah dilantik menganggotai Majlis Penasihat Ekonomi Kebangsaan (MAPEN I 1990-1991) dan dilantik semula ke MAPEN II pada 1999 sebagai Timbalan Pengerusi.

Beliau telah menghadiri kesemua 7 mesyuarat Lembaga Pengarah CGC yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

PROFIL PENGARAH

DATO' HJ. SYED MOHEEB SYED KAMARULZAMAN

PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF

- Berusia 63 tahun, Warganegara Malaysia
- Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Bumiputera
- Ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan
- Ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- Ahli Jawatankuasa IT

Dato' Haji Syed Moheeb dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah CGC pada 15 Januari 2014.

Beliau merupakan Fellow di Institut Insurans Malaysia serta Ahli Bersekutu Institut Profesional Kewangan Islam Bertauliah.

Beliau kini menyandang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif di Institut Insurans Malaysia dan turut menganggotai Lembaga Pengarah Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd (CBM) serta Lembaga Pemegang Amanah, ASEAN Insurance, Institut Latihan dan Penyelidikan. Beliau juga bertugas sebagai Adjunct Profesor di Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, Universiti Teknologi Mara.

Dato' Haji Syed Moheeb mempunyai sejarah kerjaya dalam bidang insurans konvensional, insurans semula dan Takaful selama lebih 40 tahun, di mana beliau pernah menerajui beberapa syarikat insurans tempatan dan multinasional, insurans semula dan Takaful.

Beliau merupakan bekas Pengerusi Persatuan Takaful Malaysia dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan Persatuan Insurans Am Malaysia. Beliau juga pernah bertugas sebagai Penolong Pengurus Besar di Royal Insurance Bhd dari 1976 hingga 1991, Naib Presiden Kanan di Aetna Universal Life Insurance Bhd dari 1991 hingga 1995, sebelum menerajui South East Asia Insurance Bhd pada tahun 1995 sebagai Pengarah Urusan. Beliau kemudian mengetuai Gerling Global Reinsurance (M) Bhd sebagai CEO pada tahun 1998 dan kemudian dilantik sebagai Pengarah Urusan Takaful Ikhlas Sdn Bhd dari 2002 hingga 2012.

Beliau telah menghadiri kesemua 7 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

ENCIK MOHAMED RASHDI MOHAMED GHAZALLI

PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF

- Berusia 60 tahun, Warganegara Malaysia
- Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- Ahli Jawatankuasa Pelaburan
- Ahli Jawatankuasa Pembangunan Bumiputera
- Ahli Jawatankuasa IT

Encik Mohamed Rashdi dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah CGC pada 3 Mac 2014.

Encik Mohamed Rashdi menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pengkomputeran pada tahun 1979 di University of Manchester Institute of Science and Technology.

Beliau kini berkhidmat sebagai Pengarah Bebas di Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP) serta Barclays Capital Markets Malaysia Sdn Bhd, sebuah anak syarikat milik Barclays Plc. Beliau turut menganggotai Lembaga Pengarah SapuraKencana Petroleum Berhad dan Danajamin Nasional Berhad.

Sepanjang kerjaya beliau, Encik Mohamed Rashdi pernah berkhidmat di Telecoms Australia, Melbourne dan Coopers & Lybrand, London, United Kingdom. Beliau merupakan Rakan Kongsi PwC Consulting (Asia Timur) serta IBM Consulting. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Penasihat IT & Perunding di PricewaterhouseCoopers Malaysia dalam bidang pembangunan kapasiti, pembangunan perniagaan dan jaminan kualiti. Sebagai Ahli Lembaga MIMOS Berhad (MIMOS) dari tahun 2006 hingga 2013, beliau turut dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tender termasuk anak syarikat MIMOS yang terlibat dalam bidang pelesenan dan pengkomersilan teknologi.

Sebagai perunding pengurusan dan teknologi, Encik Mohamed Rashdi telah mengetuai sendiri pelbagai tugasan dalam bidang strategi dan ekonomi, penambahbaikan proses perniagaan, perancangan sistem dan teknologi maklumat serta pengurusan projek berskala besar. Beliau telah menyumbangkan kepakaran khidmat perundingan beliau ke segenap industri termasuk sektor kerajaan, telekomunikasi, tenaga, pengangkutan dan utiliti serta khidmat nasihat dalam sektor perkhidmatan kewangan.

Beliau telah menghadiri kesemua 7 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

PROFIL PENGARAH

ENCIK TEOH KOK LIN, *CFA*

PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF

- Berusia 53 tahun, Warganegara Malaysia
- Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan
- Ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus dan Audit
- Ahli Jawatankuasa IT

Encik Teoh Kok Lin dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah CGC pada 27 Jun 2014.

Encik Teoh Kok Lin memiliki dua Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama (Kepujian) dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Perdagangan. Beliau merupakan pelajar terbaik Ijazah Sarjana Sains jurusan Pentadbiran Industri (setara MBA) dalam kelas pengajiannya di Purdue University, Amerika Syarikat. Beliau juga merupakan salah seorang Penganalisis Kewangan Bertauliah (CFA) terawal di Malaysia dan bekas Presiden Persatuan CFA Malaysia.

Beliau adalah Pengasas dan Ketua Pegawai Pelaburan di Singular Asset Management Sdn Bhd, sebuah syarikat pengurusan dana yang ditubuhkan pada tahun 2002 dan dilesenkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Encik Teoh Kok Lin juga merupakan Pengasas dan Ketua Pegawai Pelaburan Singular Asset Management (Singapore) Ltd, sebuah syarikat pengurus dana berdaftar dengan Monetary Authority of Singapore.

Beliau menyandang jawatan Pengerusi dalam Jawatankuasa Ekonomi Digital dan Timbalan Pengerusi dalam Jawatankuasa Penyelidikan Sosio-Ekonomi bagi Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penyelidikan Fiskal & Ekonomi bagi Dewan Perniagaan & Perindustrian Cina Kuala Lumpur dan Selangor.

Encik Teoh Kok Lin mempunyai pengalaman selama lebih 29 tahun dalam bidang perbankan, kredit dan pelaburan di institusi-institusi kewangan. Beliau memulakan kerjaya di Citicorp Citibank Malaysia pada tahun 1987 dan kemudiannya menyertai Barings Malaysia, HSBC Research Malaysia dan UOB Kay Hian Singapura. Encik Teoh Kok Lin sentiasa mengunjungi Negara-negara ASEAN dan Asia Utara bagi tujuan penyelidikan dan lawatan syarikat sambil menguruskan dana bagi pelbagai institusi dan pelanggan berprofil tinggi.

Encik Teoh Kok Lin telah menghadiri kesemua 7 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

ENCIK SURESH MENON
PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF

- Berusia 59 tahun, Warganegara Malaysia
- Ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- Ahli Jawatankuasa Pelaburan
- Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus dan Audit

Encik Suresh Menon dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah CGC pada 17 Julai 2014.

Beliau merupakan lulusan ijazah Sarjana Muda Teknologi dalam jurusan Kejuruteraan Kimia dari University of Madras pada tahun 1979 dan Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan dari Asian Institute of Management Philippines pada 1985.

Berkuatkuasa mulai 17 Julai 2014, Encik Suresh Menon telah dilantik sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif di Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd (CBM), sebuah anak syarikat CGC.

Encik Suresh mempunyai pengalaman selama hampir 37 tahun dalam pelbagai sektor dinamik seperti sektor pengeluaran dan pasaran kewangan dan hutang di peringkat antarabangsa. Kepakaran beliau merangkumi analisis kredit dan metodologi penarafan kredit, panduan industri dan amalan terbaik proses penarafan kredit, penulisan laporan kredit, perancangan dan pembangunan strategik, analisis korporat dan kewangan, pembangunan kemahiran dan warga kerja, pengurusan pengeluaran dan operasi serta pengurusan dan pentauliahan projek.

Beliau memainkan peranan penting dalam mempelopori penubuhan RAM Holdings Berhad (dahulu dikenali sebagai Rating Agency Malaysia Berhad). Selama 18 tahun beliau terlibat dalam memudahcara pelbagai perkhidmatan dan menerajui agensi tersebut sehingga berjaya ke kemuncak yang tinggi. Beliau adalah Ahli Lembaga Pengarah dan Ahli Jawatankuasa Penilaian di RAM. Jawatan terakhir beliau di RAM adalah sebagai Pengarah Eksekutif.

Beliau juga pernah terlibat dalam pelbagai projek pembangunan bersama badan-badan antarabangsa seperti Bank Pembangunan Asia (ADB), Majlis Penasihat Perniagaan APEC dan Persatuan Agensi Penarafan Kredit di Asia (ACRAA). Beliau merupakan mantan Pengerusi Jawatankuasa Latihan ACRAA serta Ahli Jawatankuasa Utama Indeks Tadbir Urus Korporat Malaysia 2009, 2010 dan 2011 bagi Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (MSWG).

Encik Suresh merupakan seorang Perunding Pasaran Modal Bebas sejak 2010 yang menawarkan khidmat perundingan dan latihan kepada agensi-agensi kewangan dan pihak berkuasa di pelbagai negara.

Beliau telah menghadiri kesemua 7 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

PROFIL PENGARAH

ENCIK ONG ENG BIN
PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF

- Berusia 53 tahun, Warganegara Malaysia
- Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus dan Audit
- Ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan
- Ahli Jawatankuasa Pembangunan Bumiputera

Encik Ong Eng Bin dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah CGC pada 14 Oktober 2014.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan & Kewangan dari University of Manchester, United Kingdom.

Encik Ong Eng Bin kini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif OCBC Bank Malaysia Berhad dan telah dilantik menyandang jawatan tersebut pada bulan Ogos 2014. Selain daripada peranan beliau di OCBC Bank, Encik Ong Eng Bin juga merupakan Ahli Majlis di Asian Institute of Chartered Bankers dan Persatuan Bank-Bank di Malaysia. Beliau turut memegang jawatan Pengarah di Asian Banking School.

Beliau kini bekhidmat sebagai Pengerusi dengan Pac Lease Sdn Bhd.

Beliau memiliki pengalaman yang luas dalam bidang perbankan korporat. Kerjaya beliau selama 29 tahun dalam bidang perbankan korporat bermula di OCBC Bank pada tahun 1988. Beliau telah dilantik sebagai Ketua Perbankan Korporat pada tahun 2004, dan kemudian dinaikkan pangkat ke jawatan Ketua Perbankan Perniagaan pada tahun 2012 bagi menggalas tanggungjawab yang meliputi perbankan korporat dan komersil, perniagaan baharu dan perbankan urusniaga.

Beliau telah menghadiri 6 daripada 7 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

PUAN NADZIRAH ABD. RASHID

PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF

- Berusia 54 tahun, Warganegara Malaysia
- Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Urus dan Audit
- Ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan
- Ahli Jawatankuasa Pelaburan

Puan Nadzirah Abd. Rashid dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah CGC pada 22 Oktober 2015.

Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari University of South Australia, Australia.

Puan Nadzirah juga turut berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di CIMB Investment Bank Berhad dan Kaunselor Bahagian di CPA Australia, Bahagian Malaysia. Beliau juga merupakan Fellow CPA Australia dan ahli Institut Akauntan Malaysia.

Beliau mempunyai pengalaman profesional selama lebih 27 tahun dalam bidang pasaran sekuriti dan industri perbankan. Beliau memulakan kerjaya di Bank Negara Malaysia sebagai pemeriksa bank dan kemudiannya mengetuai jabatan kewangan di sebuah institusi kewangan. Beliau menyertai Kumpulan Bursa Malaysia pada tahun 1999 dan telah memegang pelbagai jawatan di bahagian Kewangan dan Pentadbiran di beberapa syarikat dalam Kumpulan tersebut. Beliau turut menyandang jawatan sebagai Ketua Pegawai Kewangan Bursa Malaysia Berhad dari tahun 2006 hingga awal 2014.

Puan Nadzirah telah menghadiri kesemua 7 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

PROFIL PENGARAH

ENCIK CHOONG TUCK OON
PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF

- Berusia 58 tahun, Warganegara Malaysia
- Pengerusi Jawatankuasa IT

Encik Choong Tuck Oon dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah CGC pada 20 Januari 2017.

Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Matematik (Kelas Pertama) dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Sains Aplikasi Komputer dari Asian Institute of Technology serta Diploma Eksekutif Kepengarahan dari Singapore Management University.

Encik Choong Tuck Oon memiliki kepakaran dalam bidang teknologi, strategi dan transformasi bagi perbankan dan insurans. Beliau juga aktif dalam ekosistem permulaan digital di ASEAN di mana beliau sering diminta untuk memberi khidmat nasihat berhubung program digital dan Fintech.

Beliau kini memegang jawatan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dalam Lembaga Pengarah FIDE Forum Malaysia dan NTUC Income Insurance Cooperative Singapore.

Encik Choong Tuck Oon pernah berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dalam Lembaga Pengarah RHB Bank, RHB Islamic Bank, RHB Indochina Bank, RHB Indochina Securities dan RHB Private Equity.

Beliau berkhidmat selama 24 tahun dengan Accenture dan bersara sebagai Rakan Kongsi Kanan dalam amalan Perkhidmatan Kewangan Asia-Pasifik. Beliau pernah mengetuai inisiatif-inisiatif strategik bersama lebih 20 buah bank dan penginsurans terkemuka tempatan dan global di Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand, China, Hong Kong dan Taiwan, termasuk projek-projek pembayaran nasional di Malaysia dan Singapura. Beliau juga terlibat secara aktif dalam inisiatif sukarelawan NGO di mana beliau memberi khidmat nasihat kepada sebuah konsortium agensi bantuan antarabangsa berhubung sistem teras bagi pelancaran bank untuk industri perbankan bagi MFI di Indonesia. Selain itu, beliau turut memberi khidmat nasihat kepada sebuah agensi hidupan liar/alam semulajadi global mengenai strategi pertumbuhan baharu untuk sebelas buah negara di Asia. Encik Choong Tuck Oon memulakan kerjaya beliau di Petronas dengan menyandang jawatan-jawatan eksekutif dalam pelbagai fungsi huluan dan hiliran selama lebih 7 tahun.

CGC | POWERING MALAYSIAN SMEs

AHLI PENGURUSAN

Dari kiri:

DATUK MOHD ZAMREE MOHD ISHAK
PRESIDEN / KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

NAZLEENA NORDIN
KETUA PEGAWAI OPERASI

LEONG WENG CHOONG
KETUA PEGAWAI PERNIAGAAN

SYED NAUFAL SHAHABUDIN
SYED ABDUL JABBAR SHAHABUDIN
KETUA PEGAWAI KEWANGAN

YUSHIDA HUSIN
KETUA PEGAWAI MAKLUMAT

ZARINA OSMAN
KETUA PEGAWAI KREDIT

MOHD SUKERI ISMAIL
NAIB PRESIDEN KANAN, PENGURUSAN ASET

PERBAGARAN KUPPUSAMY
KETUA PEGAWAI RISIKO

MOHAMED AZMAN MOHAMED TAUFIK
NAIB PRESIDEN KANAN,
PEMBANGUNAN & PRODUK BUMIPUTERA

WONG KEET LOONG
NAIB PRESIDEN KANAN, PEMASARAN & JUALAN

SUM LENG KUANG
KETUA, PELABURAN

MOHD REZA MOHD HATTA
NAIB PRESIDEN KANAN, PERANCANGAN STRATEGIK

NORAISHAH JAMALUDIN
KETUA JURUAUDIT DALAMAN

DAENG HAFEZ ARAFAT ZUHUD
KETUA PENASIHAT PERUNDANGAN &
SETIAUSAHA SYARIKAT
PERUNDANGAN & KESETIAUSAHAAN SYARIKAT

PROFIL AHLI PENGURUSAN

DATUK MOHD ZAMREE MOHD ISHAK

PRESIDEN /
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak dilantik sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif CGC pada 1 Januari 2015.

Datuk Zamree membawa bersama pengalaman yang luas dalam bidang operasi, korporat dan pengguna perbankan serta pendidikan kewangan Islam. Beliau memulakan kerjaya di Malayan Banking Berhad (Maybank) pada tahun 1989 dan kekal di sana hingga 2009. Di Maybank, beliau pernah memegang pelbagai jawatan kanan termasuk Penolong Eksekutif kepada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (April 2001 – Dis 2004), Naib Presiden, Perbankan Pengguna (Jan 2005 - Jan 2008) dan Naib Presiden Eksekutif, Perbankan Korporat (Jan 2008 - Jun 2009). Datuk Zamree juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Operasi INCEIF - Universiti Global Kewangan Islam dari Julai 2009 hingga pelantikan terkini beliau di CGC. Beliau juga merupakan ahli Institut Kewangan Islam Bertauliah (CIIF).

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Pentadbiran Perniagaan dari Saint Louis University, Amerika Syarikat dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari University of Hull, United Kingdom. Beliau turut mengikuti Program Eksekutf Antarabangsa Asian di INSEAD, Program Pembangunan Pemimpin Global di ICLIF dan Program Pengurusan Lanjutan (AMP 191) di Harvard Business School, Amerika Syarikat.

NAZLEENA NORDIN
KETUA PEGAWAI OPERASI

Nazleena Nordin adalah Ketua Pegawai Operasi yang bertanggungjawab menyelia pengurusan dan prestasi keseluruhan pengurusan aset dan sokongan korporat.

Pada tahun 2002, beliau menyertai CGC sebagai Penolong Pengurus Besar, Organisasi dan Kaedah. Pada tahun 2007 pula, beliau telah ditugaskan sebagai Penolong Pengurus Besar Perancangan Korporat dan kemudian dinaikkan pangkat ke jawatan Pengurus Besar Perkhidmatan Korporat pada tahun 2011.

Beliau pernah menghadiri pelbagai program latihan dan mewakili CGC sebagai penceramah di beberapa platform dan persidangan Antarabangsa.

Sebelum menyertai CGC, beliau merupakan seorang Jurutera Sistem di sebuah syarikat teknologi dan perunding multinasional yang menyokong industri kewangan dari 1988 hingga 1994. Beliau juga merupakan Pengurus Kanan di salah sebuah kumpulan perkhidmatan kewangan terbesar di Malaysia dari tahun 1994 hingga 2001.

Daripada segi profesion, beliau merupakan seorang Jurutera Kimia yang memiliki ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kimia) dari University of Adelaide, South Australia, dan pernah bekerja di sebuah syarikat petroleum Australia sebaik sahaja menamatkan pengajian.

PROFIL AHLI PENGURUSAN

LEONG WENG CHOONG
KETUA PEGAWAI PERNIAGAAN

Leong Weng Choong menyertai CGC sebagai Ketua Pegawai Perniagaan pada 15 Julai 2015. Beliau menyelia program Jaminan, Pemberian Pinjaman Langsung dan Pembangunan. Beliau turut mengetuai pembangunan model pengurusan pelanggan dan menguruskan rangkaian pengedaran CGC iaitu cawangan.

Beliau memiliki pengalaman selama 22 tahun dalam industri kewangan setelah berkhidmat dengan OCBC Bank (M) Bhd. dan Hong Leong Bank (M) Berhad. Di OCBC Bank, beliau telah bertugas selama 19 tahun dalam pelbagai fungsi terutamanya yang berkaitan dengan PKS, iaitu pengurusan tunai, kutipan, bankasurans, pembangunan produk, dan jualan & pemasaran. Jawatan terakhir beliau sebelum menyertai CGC adalah sebagai Pengurus Besar Perniagaan Komuniti Runcit di Hong Leong Bank di mana beliau menyelia PKS peruncitan di bank tersebut.

Leong berkelulusan ijazah Sarjana Muda Perdagangan dari University of Western Australia, Australia.

SYED NAUFAL SHAHABUDIN
SYED ABDUL JABBAR SHAHABUDIN
KETUA PEGAWAI KEWANGAN

Syed Naufal Shahabudin kini merupakan Ketua Pegawai Kewangan CGC yang dilantik pada 15 Februari 2016.

Beliau memiliki ijazah Sarjana Muda Sains Ekonomi dalam bidang Ekonomi Kewangan (Kepujian) dari London School of Economics and Political Science, University of London pada tahun 1993 dan ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam Pengurusan Strategik dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Syed Naufal Shahabudin diiktiraf sebagai Akauntan Awam Bertauliah oleh Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia semasa beliau memulakan kerjaya di Ernst & Young pada tahun 1994 sebagai Akauntan Pelatih. Pada akhir tahun 1998, beliau menyertai Bank Negara Malaysia sebagai Eksekutif Kanan.

Beliau menyertai KPMG pada tahun 2005 sebagai Pengurus Audit dan kemudian Bank Muamalat, anak syarikat DRB Berhad sebagai Naib Presiden, Kewangan. Beliau meninggalkan Bank Muamalat untuk menyertai Agrobank sebagai Ketua Pegawai Kewangan pada tahun 2012.

PROFIL AHLI PENGURUSAN

YUSHIDA HUSIN
KETUA PEGAWAI MAKLUMAT

Yushida Husin adalah Ketua Pegawai Maklumat. Beliau menyelia Bahagian IT yang meliputi susun atur & strategi perusahaan, tadbir urus dan operasi IT.

Beliau menyertai CGC pada bulan April 2016 sebagai Naib Presiden Kanan di Pejabat Pengurusan Program Korporat (CPMO) di mana beliau bertanggungjawab menyelia pelaksanaan inisiatif 5S yang merangkumi Penstrukturan Semula Proses Perniagaan, Pelan Pembangunan IT dan projek-projek strategik lain yang dilaksanakan oleh CGC.

Sebelum pelantikan tersebut, Yushida memegang jawatan Ketua Pegawai Perkhidmatan Korporat di Takaful Ikhlas Berhad dan mempunyai pengalaman selama lebih 20 tahun. Bidang kepakaran beliau termasuk Pengurusan Projek, Perancangan Korporat, Penambahbaikan Proses, Organisasi & Kaedah serta Perkhidmatan Korporat dan fungsi-fungsi Sokongan. Beliau pernah berkhidmat dengan firma perundingan multinasional, Accenture di mana beliau terlibat dalam penstrukturan semula proses perniagaan dan projek-projek pelaksanaan sistem dalam bidang perkhidmatan kewangan untuk syarikat-syarikat tempatan dan rantau Asia.

Yushida memiliki ijazah Sarjana Muda Sains (Statistik) dari University of Illinois, Urbana-Champaign, Illinois, Amerika Syarikat.

ZARINA OSMAN
KETUA PEGAWAI KREDIT

Zarina Osman menyertai CGC sebagai Ketua Pegawai Kredit pada 3 April 2017. Beliau bertanggungjawab menyelia operasi perniagaan kredit yang meliputi jabatan Penilaian Kredit, Pengurusan Kredit dan Pemberian Pinjaman Langsung / Persekuritian.

Sebelum menyertai CGC, Zarina pernah berkhidmat sebagai Ketua, Pengurusan Kredit di Kuwait Finance House Malaysia. Beliau turut menyandang beberapa jawatan kanan di Bank Muamalat Malaysia Berhad, RHB Islamic Bank Berhad dan Alliance Merchant Bank Berhad.

Di CGC, Zarina membawa bersama pengalaman selama lebih 22 tahun dalam bidang pengurusan kredit yang mencakupi rangkaian penuh Perbankan Perniagaan, iaitu daripada Pelaburan, Perbendaharaan dan Pasaran Modal, Korporat dan Komersial hinggalah ke perniagaan Runcit.

Beliau berkelulusan ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Malaya dan juga merupakan seorang Profesional Kredit dan Pakar Kredit Perbankan Bertauliah.

PROFIL AHLI PENGURUSAN

MOHD SUKERI ISMAIL
NAIB PRESIDEN KANAN
PENGURUSAN ASET

Mohd Sukeri Ismail adalah Naib Presiden Kanan, Pengurusan Aset yang bertanggungjawab ke atas Jabatan Pemantauan & Pemulihan Pinjaman dan Subrogasi & Kutipan Semula. Sebelum menyandang jawatan tersebut, beliau berperanan mengetuai Jabatan Jaminan, Operasi dan Kredit.

Beliau telah berkhidmat di CGC sejak 21 tahun yang lalu. Sebelum menyertai CGC pada tahun 1996, beliau berkhidmat di sebuah institusi kewangan selama enam (6) tahun.

Sukeri memiliki ijazah Sarjana Muda Sains Pentadbiran Perniagaan dalam jurusan Kewangan dari Creighton University, Amerika Syarikat dan Diploma Bersekutu Pengajian Am dari Indiana University.

PERBAGARAN KUPPUSAMY
KETUA PEGAWAI RISIKO

Perbagaran adalah Ketua Pegawai Risiko yang memastikan risiko berkaitan Kredit, Pasaran, Operasi, Liabiliti Aset dan Kecairan CGC dikenal pasti, dinilai, diurus, dipantau dan dilaporkan kepada Pengurusan Kanan dan Lembaga Pengarah.

Beliau menyertai CGC pada bulan Ogos 2005 sebagai Ketua Audit Dalam. Pada bulan Mac 2008, beliau dinaikkan pangkat ke jawatan Pengurus Kanan Pengurusan Aset, yang bertanggungjawab ke atas Pemantauan dan Pemulihan Pinjaman, Tuntutan dan Subrogasi & Pemulihan. Pada bulan Januari 2012, beliau telah dinaikkan pangkat ke jawatan Penolong Pengurus Besar.

Perbagaran memiliki ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Utara Malaysia dan ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Cardiff Metropolitan University. Beliau merupakan seorang Akauntan Bertauliah (Malaysia), Juruaudit Dalaman Bertauliah (CIA) dan Ahli Bersekutu Institut Juruaudit Dalaman Malaysia serta Institut Akauntan Malaysia. Beliau juga memiliki kelayakan Advance Credit Enhancer (ACE).

PROFIL AHLI PENGURUSAN

MOHAMED AZMAN MOHAMED TAUFIK

NAIB PRESIDEN KANAN PEMBANGUNAN & PRODUK BUMIPUTERA

Mohamed Azman Mohamed Taufik menyertai CGC sebagai Naib Presiden Kanan, Pembangunan & Produk Bumiputera pada bulan Februari 2015. Beliau bertanggungjawab menyelia Pembangunan Bumiputera, Pembangunan Produk & Sokongan serta Pusat Perkhidmatan Pelanggan.

Beliau mempunyai pengalaman selama lebih 25 tahun dalam sektor perbankan dan kewangan di Malaysia dan Indonesia. Sebelum menyertai CGC, beliau menyandang jawatan sebagai Pengarah Bersekutu dan Pengurus Cawangan di Bank of Nova Scotia Berhad.

Mohamed Azman memperoleh ijazah Sarjana Muda Pengajian Pengurusan dari University of Waikato, New Zealand pada tahun 1990, dan beliau juga merupakan Pengamal Kredit Bertauliah sejak tahun 2002.

WONG KEET LOONG
NAIB PRESIDEN KANAN
PEMASARAN & JUALAN

Wong Keet Loong menyertai CGC sebagai Naib Presiden Kanan, Pemasaran & Jualan pada bulan April 2015. Beliau bertanggungjawab menyelia Pemasaran & Jualan bagi CGC melalui Institusi Kewangan (Konvensional), Cawangan CGC dan Pakatan Strategik dengan Persatuan-persatuan PKS.

Beliau mempunyai pengalaman selama lebih 20 tahun dalam industri kewangan setelah berkhidmat di AmBank, OCBC Bank (M) Bhd., EON Bank dan Hong Leong Bank (M) Bhd. Beliau memulakan kerjaya dalam bidang audit sebelum menceburi bidang pemasaran dan jualan dalam perbankan perniagan dan pengguna. Beliau mempunyai pengalaman luas sebagai Ketua Serantau yang bertanggungjawab ke atas jualan dan operasi di Lembah Klang. Pengalaman beliau yang lain termasuk dalam bidang perancangan sumber dan pengurusan perubahan perniagaan.

Beliau pernah mewakili CGC untuk memberi ceramah mengenai produk CGC kepada PKS dan Bank-bank di pelbagai seminar anjuran Bank Negara Malaysia, Star Outstanding Business Awards (SOBA) dan pernah menjadi salah seorang ahli panel antarabangsa dalam seminar Asian Development Bank mengenai institusi jaminan kredit PKS di Sri Lanka.

Beliau merupakan ahli berkelayakan dengan Association of Chartered Certified Accountants (ACCA).

PROFIL AHLI PENGURUSAN

SUM LENG KUANG
KETUA, PELABURAN

Sum Leng Kuang menyertai CGC sebagai Ketua Pelaburan pada bulan September 2015 dan bertanggungjawab menyelia Jabatan Pelaburan.

Beliau memiliki pengalaman dalam pengurusan yang luas, khususnya dalam bidang pengurusan portfolio pelaburan pendapatan tetap, penilaian kredit dan pengurusan risiko kredit. Beliau juga telah mencapai prestasi yang membanggakan dan pulangan yang baik secara konsisten, serta menempa rekod kadar ingkar sifar sepanjang tempoh kerjaya beliau selama 26 tahun.

Sum memperoleh ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Kewangan) dari University of Canterbury, New Zealand.

MOHD REZA MOHD HATTA

NAIB PRESIDEN KANAN
PERANCANGAN STRATEGIK

Mohd Reza Mohd Hatta menyertai CGC sebagai Naib Presiden Kanan, Perancangan Strategik pada 3 April 2017. Beliau bertanggungjawab menyelia dua (2) jabatan utama, iaitu Perancangan & Penyelidikan dan Komunikasi Korporat.

Sebelum menyertai CGC, beliau pernah berkhidmat sebagai Pemangku CEO di sebuah Bank Islam antarabangsa. Beliau juga pernah memegang jawatan Ketua Perancangan Strategik dan Penolong Khas kepada Presiden semasa beliau berkhidmat dengan Export-Import Bank of Malaysia Berhad. Sepanjang tempoh kerjaya beliau selama kira-kira 16 tahun, Mohd Reza telah berkhidmat di beberapa organisasi terkemuka iaitu Petronas, OSK Investment Bank, Bank Islam Malaysia Berhad dan PricewaterhouseCoopers.

Mohd Reza berkelulusan ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Utara Malaysia dan juga merupakan ahli bersekutu dengan Association of Chartered Certified Accountant (ACCA).

PROFIL AHLI PENGURUSAN

NORAISHAH JAMALUDIN

KETUA JURUAUDIT DALAM

Noraishah Jamaludin adalah Ketua Juruaudit Dalaman yang menggalas peranan utama membantu Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Tadbir Urus dan Audit serta Pengurusan dalam melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan bagi mewujudkan kawalan kos yang efektif, menilai risiko, mengesyorkan langkah-langkah untuk mengurangkan risiko dan memastikan proses tadbir urus yang sewajarnya.

Beliau menyertai CGC pada bulan Disember 2006 sebagai Penolong Pengurus Audit Dalaman. Pada bulan Ogos 2013, beliau dinaikkan pangkat ke jawatan Ketua Juruaudit Dalam. Beliau memiliki pengalaman bekerja di institusi kewangan dalam bidang Audit, Kredit, Kutipan, Operasi dan Pengurusan Cawangan.

Noraishah memiliki ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Perakaunan) dari Flinders University, South Australia. Beliau juga mempunyai kelayakan Advance Credit Enhancer (ACE) dan seorang Ahli Bersekutu dengan Institut Juruaudit Dalaman Malaysia.

DAENG HAFEZ ARAFAT ZUHUD

KETUA PENASIHAT PERUNDANGAN & SETIAUSAHA SYARIKAT

Daeng Hafez Arafat Zuhud adalah Ketua Penasihat Perundangan & Setiausaha Syarikat yang bertanggungjawab menyelia fungsi perundangan, kesetiausahaan syarikat dan tadbir urus korporat.

Beliau menyertai CGC sebagai Ketua Jabatan Perundangan dan Kesetiausahaan Syarikat pada bulan Mei 2015. Beliau memegang ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan diterima sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya pada 18 Mac 1995. Beliau dilesenkan sebagai Setiausaha Syarikat oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia sejak tahun 1998.

Beliau merupakan pegawai, eksekutif dan pengurus perundangan yang telah berkhidmat dalam bidang perundangan dan kesetiausahaan korporat di beberapa syarikat swasta dan syarikat tersenarai awam di Malaysia. Jawatan terakhir beliau sebelum menyertai CGC adalah Penolong Naib Presiden, Kesetiausahaan Korporat Kumpulan di Malayan Banking Berhad. Beliau juga adalah bekas Setiausaha Syarikat di Kumpulan Syarikat Maybank Asset Management dan Maybank (Cambodia) Plc. Beliau memiliki pengalaman dalam bidang pengurusan sumber manusia, kesetiausahaan syarikat dan perundangan.

SOROTAN PRESTASI

60 Ringkasan Sorotan Kewangan 5 Tahun

RINGKASAN SOROTAN KEWANGAN 5 TAHUN

KUMPULAN	2012 RM'000	2013 RM'000	2014 RM'000	2015 RM'000	2016 RM'000
Hasil	401,262	275,031	304,671	325,390	379,913
Keuntungan Sebelum Cukai	196,057	168,203	199,550	190,699	236,664
Keuntungan Selepas Cukai	196,055	169,243	198,505	190,699	236,284
Pengagihan Keuntungan Kepada Pemegang Saham	195,989	168,957	200,606	192,221	237,191
Ekuiti Pemegang Saham	2,589,010	2,757,788	2,958,531	3,150,975	3,377,484
Jumlah Ekuiti	2,591,020	2,760,084	2,958,726	3,154,342	3,379,944
Jumlah Aset	5,088,163	4,465,398	4,563,430	4,767,381	4,841,083

HASIL



KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI



PENGAGIHAN KEUNTUNGAN KEPADA PEMEGANG SAHAM



EKUITI PEMEGANG SAHAM



JUMLAH EKUITI



JUMLAH ASET



RINGKASAN SOROTAN KEWANGAN 5 TAHUN

SYARIKAT	2012 RM'000	2013 RM'000	2014 RM'000	2015 RM'000	2016 RM'000
Hasil	394,524	268,531	298,915	323,762	378,147
Keuntungan Sebelum Cukai	152,424	116,873	143,766	140,030	167,730
Keuntungan Selepas Cukai	152,424	116,873	143,766	140,030	167,730
Pengagihan Keuntungan Kepada Pemegang Saham	152,424	116,873	143,766	140,030	167,730
Jumlah Ekuiti	2,526,837	2,646,197	2,790,375	2,932,565	3,088,604
Jumlah Aset	5,021,840	4,348,357	4,392,241	4,542,817	4,546,819

HASIL



KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI



PENGAGIHAN KEUNTUNGAN KEPADA PEMEGANG SAHAM



JUMLAH EKUITI



JUMLAH ASET



KOMITMEN KAMI TERHADAP AMALAN YANG BERTANGGUNGJAWAB

66 Kisah Kejayaan

72 Penyata Tadbir Urus Korporat

86 Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman

96 Program Jangkauan

100 Penyata Kemampanan

108 Tanggungjawab Korporat

KISAH KEJAYAAN

TRY NG
Pengasas
CUBO Sdn. Bhd.

"DENGAN SOKONGAN CGC, PERNIAGAAN KAMI BERKEMBANG DENGAN LEBIH PESAT...

Saya berkelulusan Universiti Teknologi Malaysia. Selepas menamatkan pengajian, saya bekerja di bahagian jualan, tetapi sebenarnya saya sangat berminat dengan perabot. Keluarga saya menghasilkan perabot di mana ayah saya akan membeli bahan mentah dan kami adik beradik dan juga ibu akan membantu beliau membuat perabot dari mula, termasuk menggosok kertas pasir sehingga tangan kami melecet. Ibu saya akan menghantar perabot siap ke rumah pelanggan dengan menolak sendiri troli. Malangnya perniagaan ayah saya tidak berjaya, sehingga dia terpaksa menutup kedainya. Itu membuatkan saya berasa sedih. Saya sebenarnya bercadang untuk meneruskan impian bapa saya. Saya sangat suka menerokai perkara yang baharu, jadi saya mencipta perabot saya sendiri yang 20% hingga 30% lebih murah daripada pesaing dan 30%-50% lebih murah daripada yang dibuat mengikut tempahan. Pada mulanya kami gagal membuat promosi dan pemasaran kerana pelanggan tidak dapat menerima konsep dan rekabentuk perabot kami. Dalam fasa kedua perkembangannya, perniagaan kami terjejas dan dibelenggu masalah kewangan. Kami cuba mendapatkan bantuan daripada beberapa bank komersial tetapi permohonan kami ditolak kerana syarikat kami baru beroperasi selama satu (1) tahun, dan bukan tiga (3) seperti yang disyaratkan. Kami bernasib baik kerana terserempak dengan CGC. Pinjaman yang saya pohon adalah BizMula-i. Mereka memberikan pinjaman sebanyak RM200,000 dan pengeluaran kemudiannya menjadi lancar. Selepas itu, produk kami didaftar untuk hak cipta. Dengan sokongan CGC, perniagaan kami berkembang dengan lebih pesat. Tahun depan, kami merancang untuk memperkenalkan perabot kami sekurang-kurangnya ke tiga (3) negara luar. Untuk mengembangkan lagi perniagaan, anda perlu kreatif. Jika anda ingin kekal bersaing, anda perlu sentiasa menginovasi produk anda."

LOGARUBEN A/L ANLANDAM PRAGASAM
Pemilik
A. Pragasam Enterprise Sdn. Bhd.

"SEGALANYA MUNGKIN JIKA KITA BERUSAHA ...

Saya berasal dari Ipoh. Saya mengambil alih perniagaan bapa saya selepas dia meninggal dunia dan saya terpaksa melupakan impian untuk menyertai Tentera Udara. Saya berhadapan dengan banyak cabaran sepanjang tempoh lima (5) tahun perniagaan. Untuk menyahut cabaran dalam perniagaan pengangkutan dan logistik, saya mempunyai bilangan lori yang banyak untuk memastikan pelanggan berasa lebih yakin terhadap keupayaan syarikat saya dalam menghantar barangan mereka tepat pada masanya. Semuanya berjalan lancar sehingga tahun 2012 apabila saya memutuskan untuk menambah bilangan lori saya. Aliran tunai merupakan cabaran yang utama selepas beberapa kali permohonan mendapatkan pinjaman bank ditolak. Seorang rakan mencadangkan agar saya pergi ke CGC untuk mendapatkan kelulusan pinjaman yang lebih pantas. Saya segera ke sana dan berbincang dengan pegawai mereka. Sehari selepas itu, saya diminta supaya pergi ke pejabat mereka kerana pinjaman saya telah pun diluluskan. Mereka bertanya jika saya ingin menerima atau menolaknya dan sudah tentu saya menerima tawaran mereka dengan gembira. Kini, saya berazam untuk membuka beberapa cawangan yang baharu di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru. Segalanya mungkin jika kita berusaha. Kita pasti berjaya jika kita berusaha."

LINY AK SAPA
Pemilik
J & L Eyan
Beauty Care

"YANG PENTING ADALAH MEMILIKI PEMIKIRAN POSITIF DAN SENTIASA BERUSAHA MEMAJUKAN PERNIAGAAN...

Saya berketurunan Bisaya dari kampung Induk Sangkar, Limbang, Sarawak. Selepas berumah tanga, saya berpindah ke Kuching. Keluarga saya sentiasa menjadi keutamaan saya walaupun saya pernah melakukan pelbagai kerja. Peluang untuk menghabiskan masa bersama mereka menjadi satu masalah yang utama ketika saya bekerja untuk orang lain. Ini menimbulkan ilham dan saya memulakan J & L Eyan Beauty Care. Saya hanya berpendidikan sekolah Menengah kerana ibu bapa saya tidak mampu membiayai pelajaran saya ke peringkat yang lebih tinggi. Namun saya memahami keadaan mereka. Saya memutuskan untuk menjual produk kecantikan dan kesihatan berasaskan herba yang mempunyai sijil halal dan sesuai untuk semua golongan. Pada suatu hari, saya pergi ke pejabat CGC semasa saya hendak pergi ke bank. Saya bertemu dengan pegawai CGC dan memutuskan untuk mendapatkan kemudahan BizWanita-i, produk khusus untuk usahawan wanita seperti saya. Ketika itu saya telah menceburi bidang perniagaan lebih dari setahun. Saya sukakan produk ini kerana ia mematuhi Syariah. Dalam masa 10 tahun yang akan datang, saya berharap agar J&L Eyan Beauty Care menjadi jenama yang terkenal di Sarawak dan juga di Semenanjung Malaysia. Moto saya adalah "sentiasa menjadi diri anda, jangan cuba menjadi orang lain".

"KAMI BERJAYA MEMBINA LADANG SOLAR 8 MEGAWAT DALAM MASA 3 TAHUN ...

DATO' IR.
GUNTOR TOBENG
Pengarah Urusan
Gading Kencana
Sdn. Bhd.

Saya Dato' Ir. Guntor Tobeng, seorang usahawan yang sentiasa meninjau peluang dan cabaran yang baharu untuk Gading Kencana, sebuah syarikat tenaga alternatif yang saya tubuhkan pada 1993 dengan pengeluaran lampu solar untuk taman. Selepas itu, kami menerokai bidang Bekalan kepada Tarif di mana tenaga solar dijana dan dijual kembali kepada grid nasional. Projek ladang solar bernilai kira-kira RM83 juta. Apabila kami cuba mendapatkan pembiayaan untuk projek tersebut, permohonan kami langsung tidak dipertimbangkan kerana mereka berpendapat bahawa projek kami tidak masuk akal. Tetapi kami tidak kehilangan segalanya kerana Tuhan memakbulkan doa saya apabila kami berjaya mendapat bantuan kewangan di bawah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau yang diuruskan oleh CGC. Kami diberikan 60% pembiayaan oleh CGC dan ini memberi kami subsidi faedah sebanyak 2%. Dengan hikmah ini, kami berjaya membina sebuah ladang solar yang menjana 8 megawat tenaga dalam tempoh tiga (3) tahun. Pada masa depan, kami meletakkan sasaran untuk membina ladang 50 megawat dalam masa setahun, yang kami yakin boleh dibina dan disiapkan tepat pada masanya.

KISAH KEJAYAAN

KALAIMAR A/P VADWILL
Pengasas
iFix Solutions Sdn. Bhd.

"BAKAT DAN PELUANG ... BERUSAHA UNTUK MEMPERBAIKI KEHIDUPAN. TIDAK TUNDUK KEPADA RINTANGAN..."

Saya lahir dan dibesarkan di Ipoh dalam sebuah keluarga yang miskin, tetapi saya masih mampu menamatkan pengajian dalam Pengurusan Sumber Manusia. Saya berhenti kerja sepenuh masa untuk menerokai dunia perniagaan dalam memperbaiki komputer riba dan PC dengan rakan kongsi saya. Apabila perniagaan semakin berkembang, cabaran utama yang kami hadapi adalah kekurangan modal. Saya terdengar iklan radio CGC yang menawarkan bantuan kewangan kepada perniagaan kecil dan sederhana. Pada suatu hari, seorang pegawai CGC datang menemui kami dan menerangkan tentang produk mereka. Akhirnya, kami memilih BizWanita-i, produk yang dirangka khusus untuk peniaga wanita yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan. Dengan BizWanita-i, kami mampu mengembangkan saiz perniagaan kami. CGC memahami keperluan anda dan menyediakan bantuan kewangan dalam waktu yang singkat. Kini, saya bertekad untuk menjadikan iFix Solutions syarikat nombor satu dalam jualan dan servis komputer di Negeri Sembilan."

"KHIDMAT NASIHAT YANG DIBERIKAN ADALAH FLEKSIBEL, BERBANDING DENGAN BANK-BANK YANG LAIN..."

ROLAND SZE
Pengasas
Tawai Trading Sdn. Bhd.



Saya berasal dari Ranau, tetapi kini menetap di Telupit kerana menjalankan perniagaan membekalkan bahan pembinaan.

Saya pernah membantu bapa saya semasa dia menjadi seorang kontraktor. Sejak itu, saya terlibat dalam kerja pembinaan. Perniagaan ini timbul daripada kefahaman saya terhadap keperluan masyarakat. Kami membekalkan bahan binaan kepada banyak projek di sini. Kami akan membuat perkiraan berapa banyakkah bahan yang diperlukan dan menyediakan anggaran kos. Perkhidmatan ini sangat jarang disediakan di tempat lain. Tetapi saya menyediakan perkhidmatan yang lengkap dari A ke Z. Saya sentiasa ingin memastikan bahawa saya mempunyai stok yang mencukupi kerana perniagaan saya adalah berasaskan kepada pembekalan dan penjualan bahan.

Jika stok tidak mencukupi, saya tidak akan dapat memenuhi apa jua janji yang telah saya buat dengan pelanggan atau memenuhi tempahan mereka. Saya mengenali CGC daripada seorang rakan yang bekerja di sebuah bank. Kemudian saya bertemu dengan pegawai CGC. Saya memilih BizMula-i, yang sesuai untuk perniagaan saya. Khidmat nasihat yang mereka berikan juga fleksibel, berbanding dengan bank-bank yang lain. Ibu bapa saya pernah berkata, untuk berjaya dalam hidup, kita perlu gigih dan berdikari. Ya, inilah pegangan hidup saya. Dalam tempoh 10 tahun dari sekarang, wawasan syarikat saya adalah untuk memperluaskan rangkaian kedai ke lebih banyak kawasan, khususnya di Sabah."

FLOSSY BAYA
Teras Jaya Kualiti Sdn. Bhd.

"YANG PENTING ADALAH MEMILIKI PEMIKIRAN YANG POSITIF DAN SENTIASA BERUSAHA UNTUK MEMAJUKAN PERNIAGAAN...

Nama saya Flossy Baya dari Miri. Saya memiliki Teras Jaya Kualiti Sdn Bhd yang membekal peralatan ortopedik, produk tenusu dan multivitamin ke hospital dan poliklinik. Saya telah menceburi bidang perniagaan farmaseutikal ini sejak lebih daripada 10 tahun dan yang paling utama bekalan dihantar tepat pada masanya. Berasaskan kepada pengalaman yang lalu, walaupun bekalan tersedia di Miri, namun ia memerlukan masa dua hingga tiga hari untuk sampai ke destinasinya. Sebelum ini, kami diarahkan untuk membayar deposit untuk membuat tempahan kerana kami bukanlah pembekal yang dikenali. Kami sentiasa mendahulukan duit kami untuk menjelaskan pembayaran. Itulah sebabnya mengapa kami memerlukan bantuan CGC melalui BizMula-i. Kami diberi pinjaman berjadual tanpa cagaran, yang kami tidak akan dapat daripada mana-mana bank kerana mereka jarang membantu syarikat baharu seperti kami. Kini, kami boleh menjalankan perniagaan pembekalan dan memenuhi tempahan borong dengan lancar dan cekap. Kami akan dapat menghantar bekalan ke utara Sarawak dan berharap ke seluruh Malaysia Timur dalam tempoh 10 tahun. Saya tidak percaya dalam menunggu untuk sesuatu berlaku. Kita perlu menjadi penggerak dan pelaksana terlebih dahulu."

DATO' SHARIFAH HJ. MOHD TAMIN
Syarikat Salmi Hj. Tamin Sdn. Bhd.

"KINI, SYARIKAT KAMI MENGELUARKAN 5,000 BOTOL SEHARI...

Dato' Sharifah Hj. Mohd Tamin, wanita di sebalik kejayaan Kicap Tamin.

Bapa saya memulakan perniagaan kecil Kicap Tamin di Batu Gajah, Perak pada 1951, dengan modal sebanyak RM10 sahaja. Beliau menambah pengeluaran kepada 700 botol sehari dan seterusnya kepada 3,500 botol sehari berikutan peningkatan permintaan. Ini memaksa beliau untuk mengembangkan perniagaannya dan membina sebuah kilang di Enggor, tidak jauh dari bandar diraja, Kuala Kangsar, Perak. Pada tahun 1990, saya telah mengambil alih Syarikat Salmi Hj Tamin Sdn Bhd dan Syarikat Zamani Hj Tamin Sdn Bhd. Apabila kerajaan memperkenalkan peraturan pengeluaran kicap untuk memastikan kualiti produk yang konsisten, kami membuat keputusan untuk mengambil pengurusan profesional bagi meluaskan pasaran kami di Perak, dan kemudiannya ke Lembah Klang dan akhirnya ke seluruh negara. Kami memohon bantuan pembiayaan daripada CGC untuk menerokai pasaran luar negeri termasuk United Kingdom, Brunei, Jepun, Vietnam dan Maldives. CGC menyediakan dana untuk kami membeli mesin yang diperlukan bagi proses automasi. Ini membolehkan syarikat beralih daripada kaedah pengeluaran tradisi kepada penggunaan teknologi yang moden. Kami juga mengubahsuai rasa kicap agar menepati citarasa penduduk di negara-negara tersebut. Syarikat ini kini memperolehi sijil ISO9001:2000 dan sijil halal, mempunyai lebih 250 pekerja dan empat (4) pusat pengedaran yang mengeluarkan lebih 50 jenis kicap dan kordial. Kini, syarikat kami mengeluarkan 5,000 kicap sehari berbanding hanya 100 botol di peringkat permulaan dahulu."

KISAH KEJAYAAN

NEILLY AOUZURRA
Pemilik
Panera Bakery
& Café

"YA, SAYA BERHARAP UNTUK MELIHAT PANERA BAKERY & CAFÉ DI SEMUA TEMPAT; MUNGKIN DI SELURUH ASIA TENGGARA ...

Saya berasal dari Kuching, Sarawak. Kedai roti saya, Panera Bakery & Café kini beroperasi di Heritage Garden. Sebelum ini, saya bekerja dalam industri perhotelan selama 17 tahun yang mengajar saya tentang pelanggan yang berbeza khususnya dalam F&B. Sebagai contoh, pelanggan lebih sukakan kek yang kecil dan comel yang hanya boleh ditemui di hotel. Oleh itu, saya terfikir mengapa tidak saya jual kek sebegini di kedai kek saya dan pada harga yang lebih murah. Kek yang lebih mampu dibeli oleh ramai pelanggan. Satu hari, saya membuka gerai di salah satu pameran anjuran institusi kewangan dan CGC juga mempunyai gerai di situ. Setelah bertanya tentang mereka, saya mendapat penjelasan yang memuaskan. Kemudian, saya memohon untuk produk BizWanita-i untuk mengembangkan perniagaan saya. Sebelum itu, saya tidak dapat memenuhi tempahan pelanggan kerana saya tidak mempunyai kemudahan atau mesin yang mencukupi untuk tempahan yang banyak. Tetapi dengan bantuan CGC, kini saya mempunyai dua (2) buah ketuhar, tiga (3) peti sejuk dan dua (2) buah peti sejuk beku. Insyaallah, 10 tahun dari sekarang, saya ingin melihat Panera Bakery and Café beroperasi di setiap Bahagian di Sarawak, Sabah, Semenanjung Malaysia dan Asia Tenggara. Tidak kira betapa sukar sekali pun, saya tetap akan teruskan langkah. Saya percaya setiap usaha pasti akan membuahkan kejayaan manis."

LIM KOK HING
Pengasas Bersama dan
Pengarah Eksekutif
iPay88 Sdn. Bhd.

"ANDA HANYA PERLU MENJAGA REPUTASI...

Keluarga saya kecil. Bapa saya bekerja dalam memperbaiki mesin jahit dan ibu saya merupakan seorang suri rumah. Semasa saya masih belajar, saya sangat gemar menonton berita ekonomi. Saya berasa cemburu apabila ahli perniagaan dan perniagaan mereka. Saya memulakan perniagaan saya pada 1 September 1997 semasa krisis kewangan. Saya berfikir "Apakah yang sepatutnya saya lakukan? Bolehkah saya meneruskan impian saya? Adakah saya patut menceburi perniagaan yang mempunyai potensi pertumbuhan dalam jangka panjang, atau berputus asa?" Selepas berfikir selama dua malam, saya membuat keputusan untuk meneruskannya. Saya memilih bidang komunikasi dan teknologi. Perniagaan saya memerlukan jumlah dana yang besar dan ketika itu pinjaman bank sangat sukar. Saya beruntung kerana sebuah bank mengesyorkan CGC dan jika CGC boleh menjadi penjamin, mereka boleh meluluskan pinjaman saya walaupun tanpa cagaran yang cukup. Pinjaman pertama saya berjumlah RM500,000 dan perniagaan saya pun bermula. Ini benar-benar membantu saya dan saya tidak akan melupakannya. Sasaran saya adalah untuk mengembangkan iPay88 ke seluruh ASEAN. Anda hanya perlu menjaga reputasi, kerana reputasi bukan sahaja milik peribadi anda, malah ia adalah gambaran kepada keluarga anda, syarikat dan negara anda. Pastikan anda tunaikan apa yang telah dijanjikan."

DATUK SERI NELSON KWOK
Nelson's Franchise (M) Sdn. Bhd.

"SAYA BERHARAP MEMPUNYAI 3,000 GERAI DALAM MASA TERDEKAT ...

Saya memulakan perniagaan keluarga dalam bidang import pada tahun 80-an dengan meminjam RM5,000 daripada ibu saya. Selepas dua (2) tahun, saya mendapati saya sentiasa perlu mencari produk yang baharu dan saya beralih kepada perniagaan permainan yang agak berjaya. Daripada sebuah kedai, perniagaan ini berkembang dengan pantas kepada lima (5) buah. Perniagaan saya mampu berkembang dengan bantuan CGC. Pada suatu hari, seorang petani datang ke kedai saya dengan jagung buatannya dan memberitahu bahawa kedai saya merupakan lokasi yang sesuai untuk menjual jagungnya. Jadi saya meletakkan sebuah gerai kecil di hadapan kedai. Apa yang mengejutkan saya adalah sambutan terhadap jagung tersebut sangat menggalakkan. Tidak seperti barang mainan, setiap hari saya melihat ramai pelanggan yang kembali untuk membeli jagungnya. Selepas dua (2) tahun saya sedar yang saya perlukan lebih banyak dana untuk mengembangkan perniagaan jagung tersebut. Saya berbincang dengan bank dan disyorkan agar mengambil pinjaman yang bertempoh. Pembiayaan pertama saya adalah RM50,000 yang diterima di bawah jaminan CGC. Ini benar-benar membantu saya untuk membeli stok yang baharu dan memperoleh sedikit wang. Tanpa CGC, bank mungkin tidak meluluskan pinjaman saya. Kita perlu melakukannya sepenuh hati. Semasa sesi perkongsian, saya akan memberitahu mereka supaya jangan terus menceburi bidang perniagaan selepas tamat belajar. Bekerja dahulu dan timba pengalaman selama dua hingga tiga tahun, kemudian barulah mulakan perniagaan sendiri. Jika kami tidak melakukan R&D dan mempraktikan inovasi, tidak mungkin Nelson akan wujud. Kini, kami mempunyai 1,000 buah kiosk dan berharap untuk menambahnya menjadi 3,000. Saya juga bertekad untuk memperkenalkan jenama ini ke lebih banyak negara."

MURUGESU A/L M. NARASIMHA
Pengasas Vata VM Synergy (M) Sdn. Bhd.



"DALAM TEMPOH 10 TAHUN, SAYA MENJANGKA SYARIKAT KAMI AKAN MENJADI SYARIKAT TEKNOLOGI HIJAU YANG TERKEMUKA....

Saya berkelulusan dalam Kejuruteraan Mekanikal dari Aberdeen, Scotland. Daripada mata pelajaran yang saya pelajari, hinggalah kepada industri yang saya bekerja, semuanya berasaskan pencemaran alam sekitar. Justeru itu, saya memilih untuk menerokai bidang yang mesra alam sekitar iaitu industri penapisan minyak masak, yang merupakan sebahagian daripada industri minyak sawit. Minat saya terhadap perladangan dan tanaman semakin meningkat. Hari ini, kami menukar bahan buangan menjadi sumber kekayaan. Kami bermula dengan pengkomposan vermin di kawasan kediaman Orang Asli. Daripada sisa air, kami mengeluarkan metana untuk menjana tenaga elektrik. Kami berbeza daripada syarikat lain dalam industri ini kerana kami menyahkompos sisa dan pengurusan sisa kami tidak mempunyai patogen dan ia tidak mengandungi najis haiwan. Kami bernasib baik kerana Persatuan Koperasi Pembiayaan Tanah Nasional meyakini dan memberi projek yang besar kepada kami. Kami berusaha untuk mendapatkan pembiayaan daripada dana syarikat dan bank. Ketika itulah kami bertemu CGC dan saya hanya tahu bahawa CGC menjamin pinjaman daripada bank komersial dan juga memberi pinjaman. Saya memohon untuk mendapatkannya dan mereka membantu kami. Dalam masa 10 tahun, saya menjangka syarikat kami menjadi sebuah syarikat Teknologi Hijau yang terkemuka. Jenama kami, Vata Asli akan dikenali kerana baja organiknya dan kami juga akan mengeksport keluaran kami. Kami perlu memiliki keyakinan diri. Sepanjang tempoh 10 tahun yang lepas, jika saya berputus asa dan berhenti berusaha, saya pasti tidak akan berada di sini. Saya gembira kerana telah menjalankan tanggungjawab saya terhadap alam sekitar."

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

1. PENGENALAN

Bagi memastikan supaya perniagaan dan hal ehwal Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad ("CGC" atau "Perbadanan") mampu mempertingkatkan kemajuan perniagaan dan kebertanggungjawaban korporat dengan matlamat untuk merealisasikan nilai jangka panjang pemegang saham di samping mengambil kira kepentingan pihak-pihak berkepentingan yang lain, Lembaga Pengarah Perbadanan komited sepenuhnya untuk melunaskan kewajipan seperti yang telah ditetapkan dalam Akta Syarikat, 2016 dan cadangan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 ("Kod"). Lembaga Pengarah turut mengakui kepentingan tadbir urus korporat dan sentiasa berusaha memastikan supaya standard amalan tertinggi diterima pakai dalam segenap aktiviti Perbadanan.

Keteguhan komitmen Perbadanan dalam merealisasi hasrat ini jelas terbukti apabila Perbadanan diisytihar sebagai pemenang kategori 'Laporan Tahunan Terbaik bagi Organisasi Bukan Senarai Awam' pada majlis Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan Malaysia (NACRA) 2016 yang berprestij atas kejayaannya menampilkan standard tadbir urus korporat yang tinggi.

Justeru, Lembaga Pengarah dengan sukacitanya memaklumkan kepada para pemegang saham tentang cara Perbadanan mengguna pakai prinsip-prinsip tadbir urus korporat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, sebagaimana yang dibentangkan di bawah.

2. LEMBAGA PENGARAH

2.1 Piagam Lembaga Pengarah

Sejajar dengan cadangan Kod, Lembaga Pengarah dipandu oleh Piagam Lembaga Pengarah yang berperanan sebagai sumber rujukan penting bagi para Pengarah berkaitan peranan, kuasa, tugas dan fungsi Lembaga Pengarah. Piagam Lembaga Pengarah menetapkan, antara lain, peranan dan tanggungjawab, autoriti, prosedur, penilaian dan struktur Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah, serta hubungan antara Lembaga Pengarah dengan pihak Pengurusan dan pemegang saham Perbadanan.

Tanggungjawab utama Lembaga Pengarah adalah untuk membangunkan strategi korporat dan menetapkan sasaran, mendukung pendekatan pengurusan prestasi korporat yang kukuh, memantau pembangunan pemimpin masa hadapan dan modal insan Perbadanan, memahami dan menguruskan risiko Perbadanan, menerima pakai pandangan pemegang saham semasa membuat keputusan dan mengimbangi kepentingan pihak-pihak berkepentingan.

Piagam Lembaga Pengarah seterusnya menggariskan perkara-perkara yang dikhaskan untuk Lembaga Pengarah yang meliputi antara lain, bidang-bidang seperti tatacara Lembaga Pengarah, imbuhan, operasi, kewangan dan hal-hal yang lain. Walau bagaimanapun, Lembaga Pengarah berhak menyerahkan tanggungjawab untuk membuat keputusan bagi perkara-perkara khas tertentu kepada Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah, para Pengarah secara individu atau Pihak Pengurusan.

Lembaga Pengarah akan mengkaji semula Piagam Lembaga Pengarah apabila perlu untuk mengambil kira segala perubahan dasar, prosedur dan proses Perbadanan serta memastikan pematuhan dengan undang-undang dan peraturan baharu serta yang dipinda. Satu salinan Piagam Lembaga Pengarah disediakan di muka surat 266 hingga 273 dalam Laporan Tahunan ini dan turut dimuatkan ke dalam laman sesawang Perbadanan di www.cgc.com.my.

2.2 Komposisi dan Kepelbagaian Lembaga Pengarah

Perbadanan diterajui dan diuruskan oleh Lembaga Pengarah yang berpengalaman dengan ahli-ahli yang mempunyai pelbagai kelayakan, kemahiran, pengetahuan, pengalaman dan kepakaran seperti dalam bidang pelaburan dan perbankan, insurans, pentadbiran, kewangan, perakaunan, analisis dan penarafan kredit, teknologi maklumat, perniagaan, perundingan, pengurusan aset serta hartanah.

Lembaga Pengarah mengakui kepentingan untuk mempertingkatkan kepelbagaian lembaga pengarah bagi membangunkan kemampuan untuk membuat keputusan dengan meningkatkan sumber-sumber intelek dan pandangan yang berbeza di kalangan ahli Lembaga Pengarah.

Bagi mencerminkan fokus Perbadanan dalam mempertingkatkan kemampuan IT yang dimiliki melalui Pelan Induk IT ("ITBP") projek-projek Penyusunan Semula Proses Perniagaan, Encik Choong Tuck Oon yang berpengalaman luas dalam teknologi, strategi dan transformasi perbankan dan insurans telah dilantik sebagai pengarah Perbadanan pada bulan Januari 2017. Berikutan pelantikan beliau, Lembaga Pengarah kini dianggotai oleh sembilan (9) orang ahli yang mana semuanya terdiri daripada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

Mengenai kepelbagaian gender pula, Lembaga Pengarah kini mempunyai seorang ahli wanita iaitu Puan Nadzirah Abd. Rashid. Lembaga Pengarah berhasrat untuk mengekalkan gabungan kemahiran, pengalaman, kepakaran dan latar belakang yang optimum dalam Lembaga Pengarah dan turut memberi keutamaan yang sewajarnya terhadap manfaat yang dibawa oleh kepelbagaian gender.

Profil ringkas setiap ahli Lembaga Pengarah dibentangkan di muka surat 32 hingga 40 dalam Laporan Tahunan ini.

2.3 Pembahagian peranan dan tanggungjawab di antara Pengerusi dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif ("PCEO")

Peranan dan tanggungjawab Pengerusi, Dato' Agil Natt dan PCEO, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak adalah berbeza dan diasingkan secara jelas bagi memastikan keseimbangan kuasa dan autoriti.

Pengerusi bertanggungjawab ke atas kepimpinan keseluruhan dan keberkesanan Lembaga Pengarah. Peranan utama beliau antara lain termasuk memastikan supaya Lembaga Pengarah berfungsi secara berkesan, tersusun dan bebas daripada Pengurusan serta melaksanakan fungsi tadbir urus dalam perkara-perkara yang memerlukan kesaksamaan dan kewibawaan korporat. Sementara itu, PCEO pula bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah terhadap pengurusan harian bagi memastikan Perbadanan dikendalikan secara lancar dan berkesan.

Peranan dan tanggungjawab Pengerusi dan PCEO telah dijelaskan dalam Piagam Lembaga Pengarah.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

2.4 Tempoh Perkhidmatan Pengarah Bebas

Piagam Lembaga Pengarah memperuntukkan bahawa tempoh perkhidmatan Pengarah Bebas hendaklah tidak melebihi tiga (3) penggal yang meliputi tiga (3) tahun bagi setiap penggal atau sembilan (9) tahun secara keseluruhan. Lembaga Pengarah boleh, tertakluk kepada penilaian tahunan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan ("BNRC"), mengesyorkan untuk kelulusan pemegang saham, seorang Pengarah Bebas yang telah berkhidmat bagi tempoh terkumpul selama sembilan (9) tahun untuk kekal sebagai Pengarah Bebas.

Tiada seorang pun di kalangan Pengarah Bebas yang telah berkhidmat untuk tempoh terkumpul selama lebih sembilan (9) tahun bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

2.5 Mesyuarat Lembaga Pengarah

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat dua bulan sekali dengan mesyuarat tambahan diadakan apabila perlu untuk membincangkan isu-isu penting yang perlu dipertimbangkan di luar mesyuarat yang telah dijadualkan.

Kalendar Mesyuarat Tahunan dirangka terlebih dahulu untuk menetapkan jadual tarikh-tarikh Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Penyemak sebelum akhir tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 bagi memberikan masa yang cukup kepada para Pengarah untuk membuat perancangan.

Agenda mesyuarat Lembaga Pengarah disediakan selepas perbincangan antara Pengerusi, PCEO dan Ketua Penasihat Perundangan & Setiausaha Syarikat ("GC&CS") pada setiap pertemuan pra-mesyuarat Lembaga Pengarah. Notis mesyuarat akan diberikan kepada setiap ahli Lembaga sebaik-baiknya tujuh (7) hari bekerja sebelum tarikh mesyuarat.

Kertas cadangan dan laporan Lembaga Pengarah yang disediakan meliputi latar belakang, objektif, isu-isu utama, rasional, kesan dan maklumat lain yang berkaitan untuk membolehkan Lembaga Pengarah membuat keputusan yang tepat dan berkesan.

Terma Rujukan Lembaga Pengarah menyatakan bahawa ahli-ahli Lembaga Pengarah boleh menghadiri mesyuarat yang diadakan melalui persidangan video, persidangan menerusi internet atau persidangan melalui telefon. Keputusan mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah dibuat dengan sebulat suara atau dengan kata sepakat, dan keputusan serta kesimpulan tersebut direkodkan dalam minit mesyuarat dengan sewajarnya. Sekiranya bilangan undi adalah sama, Pengerusi mempunyai undi kedua atau undi pemutus.

Di samping itu, minit mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah turut mengandungi perbincangan di kalangan ahli yang membawa kepada tercapainya keputusan bagi memastikan minit tersebut direkod dengan tepat. Keputusan juga boleh diperolehi melalui resolusi pekeliling yang kemudiannya akan dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah untuk makluman.

Pengurusan Kanan dijemput hadir dan bersuara di Mesyuarat Lembaga Pengarah berhubung perkara-perkara yang berkaitan dengan tanggungjawab mereka dan memberikan nasihat mengenai perkara berkaitan dalam agenda bagi membolehkan Lembaga Pengarah membuat keputusan yang tepat.

Lembaga Pengarah telah mengadakan tujuh (7) mesyuarat bagi tahun kewangan 2016. Butiran kehadiran Pengarah di Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:-

	Tarikh Pelantikan	Tarikh Peletakan Jawatan	LEMBAGA PENGARAH (dua bulan sekali)	BGAC (dua bulan sekali)	BIC (dua bulan sekali)	BRMC (setiap suku tahun)	BBDC (setiap suku tahun)	BNRC (setiap suku tahun)	BITC[1] (setiap suku tahun)
Nama Pengarah			Kehadiran	Kehadiran	Kehadiran	Kehadiran	Kehadiran	Kehadiran	Kehadiran
Dato' Agil Natt	18.06.2013		7/7 (Pengerusi)	-	-	-	-	4/4 (Pengerusi)	-
Datuk David Chua Kok Tee[2]	15.02.2013		7/7	-	7/7	6/6	4/4	-	0/0
Dato' Syed Moheeb Syed Kamarulzaman[3]	15.01.2014		7/7	-	-	5/6	4/4 (Pengerusi)	4/4	0/0
Encik Mohamed Rashdi Mohamed Ghazalli[4]	03.03.2014		7/7	-	7/7	6/6 (Pengerusi)	4/4	-	0/0
Encik Teoh Kok Lin[5]	27.06.2014		7/7	7/7	7/7 (Pengerusi)	6/6	-	-	0/0
Encik Suresh Menon	17.07.2014		7/7	7/7	7/7	5/6	-	-	-
Encik Ong Eng Bin	14.10.2014		6/7	6/7	-	-	2/4	3/4	-
Puan Nadzirah Abd. Rashid[6]	22.10.2015		7/7	7/7 (Pengerusi)	7/7	-	-	4/4	-
Encik Choong Tuck Oon[7]	20.01.2017		1/1	-	-	-	-	-	0/0 (Pengerusi)
Bilangan Mesyuarat diadakan pada TK2016			7	7	7	6	4	4	0

Nota:-

1 Jawatankuasa IT ("BITC") yang baru dibentuk telah mengadakan mesyuarat pertamanya pada 20 Februari 2017.
2 Dilantik sebagai ahli dan Pengerusi BITC berkuatkuasa mulai 7 Disember 2016 dan kemudian tidak lagi memegang jawatan pengerusi berkuatkuasa mulai 19 April 2017.
3 Dilantik sebagai ahli BITC berkuatkuasa mulai 7 Disember 2016.
4 Dilantik sebagai ahli BITC berkuatkuasa mulai 7 Disember 2016.
5 Dilantik sebagai ahli BITC berkuatkuasa mulai 7 Disember 2016.
6 Dilantik sebagai ahli BITC berkuatkuasa mulai 7 Disember 2016 dan kemudian melepaskan keahlian berkuatkuasa mulai 12 Januari 2017.
7 Dilantik sebagai Pengarah dan ahli BITC berkuatkuasa mulai 20 Januari 2017 dan kemudian dilantik sebagai Pengerusi BITC berkuatkuasa mulai 19 April 2017.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

2.6 Tahap Komitmen Masa

Lembaga Pengarah berpuas hati dengan tahap komitmen masa yang disumbangkan oleh Pengarah ke arah melaksanakan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai Pengarah Perbadanan. Ini terbukti melalui rekod kehadiran Pengarah di Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Mesyuarat Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di atas.

Selain itu, bagi memastikan supaya komitmen masa Pengarah kepada Perbadanan tidak terjejas, setiap Pengarah memegang tidak lebih daripada lima (5) jawatan pengarah dalam syarikat tersenarai awam dan sepuluh (10) jawatan pengarah dalam syarikat bukan senarai awam, tidak termasuk anak syarikat kepada syarikat tersenarai awam dan Perbadanan serta syarikat milik keluarga.

2.7 Proses Pelantikan Lembaga Pengarah

Pelantikan para Pengarah baharu ke Lembaga Pengarah dipertimbangkan terlebih dahulu oleh BNRC, dengan mengambil kira gabungan kemahiran, kecekapan, pengalaman dan ciri-ciri lain yang diperlukan sebelum mereka disyorkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

Walaupun Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap pelantikan Pengarah baharu, BNRC telah diberi peranan untuk menilai dan menjalankan pemilihan awal sebelum mengemukakan cadangan kepada Lembaga Pengarah.

2.8 Penilaian Lembaga Pengarah

Pada 7 Disember 2016, Lembaga Pengarah telah meluluskan pelantikan juruperunding luar bebas untuk membuat penilaian terhadap keberkesanan semasa Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah dan para Pengarah secara individu serta membantu Pengerusi dan Lembaga Pengarah mempertimbangkan secara proaktif perkara yang boleh mempertingkatkan kesiapsiagaan Lembaga Pengarah untuk menangani pelbagai perkara strategik baharu yang utama bagi Perbadanan.

Taksiran Keberkesanan Lembaga Pengarah dan Penilaian Individu Pengarah 2016 telah dilaksanakan oleh Akademi Pengarah Malaysia ("MINDA") pada awal 2017 melalui satu siri sesi temu bual antara para Pengarah dan MINDA. Dua (2) set soal selidik temu bual berstruktur menggunakan lapan (8) parameter Rangka Kerja Taksiran Lembaga Pengarah telah dibangunkan oleh MINDA dan dipersetujui oleh kumpulan penaja yang terdiri daripada Pengerusi, PCEO dan GC&CS.

Rangka Kerja Taksiran Lembaga Pengarah yang digunakan dalam soal selidik telah menganalisis lapan (8) komponen keberkesanan Lembaga Pengarah berikut:-

1. Komposisi Lembaga Pengarah;
2. Kepimpinan Lembaga Pengarah;
3. Maklumat Lembaga Pengarah;
4. Dinamik Lembaga Pengarah;
5. Agenda dan Mesyuarat Lembaga Pengarah;
6. Hubungan Lembaga Pengarah / Pengurusan;
7. Jawatankuasa Lembaga Pengarah; dan
8. Proses-proses Lembaga Pengarah.

Temu bual turut dijalankan dengan beberapa individu terpilih dari kalangan Pengurusan Kanan untuk mendapatkan maklum balas daripada sudut pandang Pengurusan.

Taksiran tersebut mendedahkan bahawa Lembaga Pengarah adalah sebuah "Lembaga Pengarah yang saling berhubungan" yang memberikan pemahaman, nasihat dan sokongan kepada Pengurusan berhubung pelbagai keputusan dan pelaksanaan penting. Kelebihan utama yang lain termasuk kepelbagaian latar belakang ahli Lembaga Pengarah yang bersesuaian dengan keperluan Perbadanan, ciri-ciri kepimpinan Pengerusi yang dinamik serta sikap hormat-menghormati dan kesetiakawanan yang tinggi antara Pengerusi dan ahli-ahli Lembaga Pengarah yang lain.

Daripada taksiran tersebut, Lembaga Pengarah mengenal pasti bahawa terdapat ruang penambahbaikan dalam bidang-bidang tertentu seperti yang disenaraikan di bawah dan akan ditangani oleh Lembaga Pengarah sendiri melalui pelan-pelan tindakan yang sedang dirangka pada masa ini:-

1. Perancangan penggantian bagi Lembaga Pengarah dan Pengurusan;
2. Perancangan pengurusan bakat;
3. Pengurangan risiko bagi memastikan agar Perbadanan terus relevan;
4. Pengurusan data kewangan yang berguna; dan
5. Pengurusan perubahan.

2.9 Persaraan dan Pemilihan Semula Pengarah

Menurut Artikel 76A dan 76B Tataurusan Perbadanan, satu pertiga (1/3) daripada Pengarah atau jika bilangan mereka bukan tiga (3) atau gandaan tiga (3), maka bilangan paling hampir dengan satu pertiga (1/3) hendaklah bersara daripada memegang jawatan dan layak untuk pemilihan semula dengan syarat semua Pengarah hendaklah bersara sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sekali. Selain itu, menurut Artikel 77 Tataurusan Perbadanan, mana-mana individu yang dilantik oleh Lembaga Pengarah sama ada untuk mengisi kekosongan biasa atau sebagai tambahan kepada Pengarah sedia ada, hendaklah memegang jawatan sehingga Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") yang akan datang dan kemudian layak untuk pemilihan semula.

Berdasarkan Penilaian Individu Pengarah MINDA di mana tiada penemuan bertentangan ditemui, BNRC mengemukakan cadangannya berhubung pemilihan semula para Pengarah yang bersara pada AGM kepada Lembaga Pengarah untuk dipertimbangkan. Pemilihan semula tersebut akan disyorkan kepada pemegang saham untuk diluluskan pada AGM setelah mendapat sokongan Lembaga Pengarah. Pemilihan semula memastikan supaya pemegang saham mempunyai peluang dari semasa ke semasa untuk menilai semula komposisi Lembaga Pengarah.

Bagi AGM ke-44 Perbadanan yang akan datang, Lembaga Pengarah telah menyokong dan mengesyorkan pemilihan semula para Pengarah berikut untuk diluluskan oleh pemegang saham:-

1. Encik Teoh Kok Lin, Encik Suresh Menon dan Encik Ong Eng Bin yang bersara menurut Artikel 76A dan 76B Tataurusan Perbadanan; dan
2. Encik Choong Tuck Oon yang bersara menurut Artikel 77 Tataurusan Perbadanan.

Pemilihan semula setiap Pengarah hendaklah dijalankan secara berasingan.

2.10 Setiausaha Syarikat

GC&CS bertanggungjawab memastikan supaya prosedur Lembaga Pengarah diikuti serta syarat dan peraturan yang diguna pakai bagi menjalankan hal ehwal Lembaga Pengarah dipatuhi. GC&CS menasihati Lembaga Pengarah mengenai isu-isu berkaitan tadbir urus korporat serta pematuhan dengan undang-undang, peraturan, prosedur dan keperluan kawal selia. Beliau turut bertanggungjawab menasihati Pengarah tentang kewajipan dan tugas mereka untuk mendedahkan kepentingan mereka dalam sekuriti dan sebarang percanggahan kepentingan dalam transaksi yang melibatkan Perbadanan.

Lembaga Pengarah mempunyai akses tidak terhad kepada nasihat dan khidmat GC&CS yang bertanggungjawab untuk menyediakan Pengarah dengan dokumen Lembaga Pengarah dan perkara yang berkaitan. Sokongan dan khidmat yang diberikan oleh GC&CS dinilai pada tahun kewangan untuk memastikan beliau mempunyai kelayakan dan kecekapan yang bersesuaian.

2.11 Imbuhan Pengarah

Lembaga Pengarah terus menyedari bahawa imbuhan yang kompetitif adalah penting untuk menarik, mengekalkan dan mendorong para Pengarah yang mempunyai pengalaman dan kepakaran berkaitan yang diperlukan bagi memimpin Perbadanan. BNRC boleh mencadangkan imbuhan semasa para Pengarah yang berpadanan dengan komitmen masa dan kepakaran Pengarah, risiko serta kerumitan berkaitan dengan visi dan misi serta perniagaan Perbadanan.

Imbuhan Pengarah termasuk yuran bulanan tetap dan elaun mesyuarat. Elaun mesyuarat dibayar untuk kehadiran ahli Lembaga Pengarah di mesyuarat Lembaga Pengarah, mesyuarat Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah, mesyuarat ahli Lembaga Pengarah dengan Pihak Pengawal Selia, AGM, Mesyuarat Agung Luar Biasa dan mesyuarat-mesyuarat lain yang dipersetujui oleh Lembaga. Imbuhan Pengarah yang sedia ada telah diluluskan oleh para pemegang saham. Tiada Pengarah yang terlibat dalam menentukan imbuhan mereka sendiri.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Imbuhan agregat yang dibayar kepada Pengarah Perbadanan seperti yang didedahkan dalam Penyata Kewangan Perbadanan adalah seperti berikut:

	Gaji dan Bonus	Yuran Pengarah	Elaun Mesyuarat	Manfaat Seumpamanya	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pengarah Bukan Eksekutif:					
Dato' Agil Natt	-	144	34	-	178
Datuk David Chua Kok Tee	-	60	62	-	122
Dato' Syed Moheeb Syed Kamarulzaman	-	60	52	-	112
Encik Mohamed Rashdi Mohamed Ghazalli	-	60	62	-	122
Encik Teoh Kok Lin	-	60	66	-	126
Encik Suresh Menon	-	60	64	-	124
Encik Ong Eng Bin	-	60	44	-	104
Puan Nadzirah Abd. Rashid	-	60	62	-	122
Encik Choong Tuck Oon[1]	-	-	-	-	-
Jumlah	**-**	**564**	**446**	**-**	**1,010**

Nota:-

[1] Dilantik sebagai Pengarah berkuatkuasa mulai 20 Januari 2017.

Menurut Seksyen 230(1) Akta Syarikat, 2016, kelulusan pemegang saham bagi manfaat Pengarah berjumlah RM1,350,800 yang akan dibayar kepada Pengerusi dan para Pengarah akan dicadangkan pada AGM ke-44 Perbadanan yang akan datang.

2.12 Bekalan dan Akses kepada Maklumat

Pengarah dibekalkan dengan dan mempunyai akses tidak terhad kepada maklumat yang berkaitan dengan perniagaan dan hal ehwal Kumpulan bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas dengan berkesan.

Semua mesyuarat berjadual akan didahului dengan agenda rasmi yang dikeluarkan oleh GC&CS dengan nasihat Pengerusi dan PCEO. Sebelum mesyuarat, dokumen sewajarnya yang meliputi agenda dan laporan berkaitan isu-isu mesyuarat diedarkan kepada Ahli Lembaga Pengarah. Semua Pengarah mempunyai akses penuh dan tepat pada masanya kepada maklumat, dengan dokumen Lembaga Pengarah diedarkan sebelum mesyuarat. Ini memastikan supaya Pengarah mempunyai masa secukupnya untuk memahami isu-isu yang dibincangkan dalam mesyuarat, yang seterusnya mempertingkatkan proses membuat keputusan.

Lembaga Pengarah mempunyai akses penuh kepada maklumat lanjut dalam Perbadanan dan berhak untuk mendapatkan pendedahan fakta yang sepenuhnya daripada Pengurusan. Lembaga Pengarah juga boleh mendapatkan nasihat bebas dan maklumat daripada pihak-pihak luar dalam menjalankan tugas mereka.

2.13 Latihan Pengarah

Pengarah digalakkan menghadiri seminar dan/atau persidangan dari semasa ke semasa untuk mengikuti perkembangan pengetahuan yang diperlukan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan.

Taklimat induksi juga dianjurkan untuk para Pengarah baharu bagi membolehkan mereka memahami sepenuhnya bentuk perniagaan, isu-isu semasa dalam Perbadanan dan strategi korporat serta struktur dan pengurusan Perbadanan. Encik Choong Tuck Oon yang menyertai Perbadanan sebagai Pengarah pada 20 Januari 2017 telah menghadiri taklimat induksi sedemikian pada tarikh yang sama.

Sepanjang tahun kewangan, para Pengarah telah menghadiri, secara individu atau secara berkumpulan, pelbagai program dan taklimat antara lain, seperti berikut:

Program Latihan Dalaman CGC

- Taklimat mengenai Kepentingan Penjenamaan bagi sesebuah Organisasi;
- Sesi Taklimat dengan Huawei Technologies (M) Sdn Bhd; dan
- Pendidikan Pengarah Berterusan – Pembentangan mengenai Akta Syarikat Baharu 2016.

Forum FIDE / ICLIF / FIDE

- Siri Kepimpinan Lembaga Pengarah Ternama yang Pertama: Kealpaan Risiko Siber;
- Dialog Suruhanjaya Sekuriti-FIDE FORUM: Impak FinTech ke atas Institusi Kewangan;
- FIDE Elektif: Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman Bank (ICAAP);
- Inovasi Berasaskan Teknologi Penting; dan
- Siri Kepimpinan Lembaga Pengarah Ternama ke 3: Penilaian Lembaga Pengarah Berkesan

Seminar / Persidangan / Latihan Luar Lain

- Persidangan Gabungan Institusi Sokongan Kredit Asia ke-29 (ACSIC);
- Persidangan Kewangan Mampan Global Tahun ke 6 (GSFC 6);
- Sidang Kemuncak Tenaga Kepimpinan Asia 2016 anjuran Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus ICLIF;
- Forum bertajuk 'One Belt One Road' anjuran Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia;
- Persidangan ke-14 dbAccess China 2016;
- Hari Korporat Thai anjuran Bursa Saham Thailand;
- Invest Malaysia 2016;
- Persidangan Tahunan ke-10 Indonesia CIMB;
- Forum Pelabur China 2016;
- Pengawasan Lembaga Pengarah Dinamik (DiBD) 2016 anjuran Akademi Pengarah Malaysia (MINDA);
- Persidangan Promosi Pelaburan ke-2 bagi Malaysia & China –'Two Countries, Twin Parks' anjuran Majlis Perniagaan Malaysia – China (MCBC);
- Konvensyen Insurans Ejen Am 2016;
- Forum Ekonomi Digital Malaysia - China;
- Forum mengenai Laut China Selatan – 'A Way Forward' anjuran Pusat Kajian Dasar Awam (CPPS) di bawah Institut Strategi & Kepimpinan Asia (ASLI); dan
- Forum Ekonomi & Perniagaan Perbendaharaan Global OCBC.

Selain menghadiri pelbagai program latihan, salah seorang daripada Pengarah Perbadanan turut dijemput untuk berucap di forum-forum anjuran badan kerajaan dan universiti.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

3.0 JAWATANKUASA PENYEMAK LEMBAGA PENGARAH

Di bawah Memorandum dan Tataurusan Perbadanan dan Piagam Lembaga Pengarah, Lembaga Pengarah mengagihkan tanggungjawab tertentu kepada Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah bagi membantu melaksanakan fungsinya dalam memastikan pemantauan yang bebas. Ini membolehkan Lembaga Pengarah memperuntukkan masa yang lebih dan fokus kepada perbincangan mengenai isu-isu tertentu dan penting.

Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah beroperasi terutamanya dalam kapasiti ulasan atau nasihat, kecuali dalam kes-kes di mana kuasa dan kebenaran diberikan secara khusus kepada Jawatankuasa oleh Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah pada masa ini mempunyai enam (6) Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah utama yang setiap satu dipengerusikan oleh Pengarah Bukan Eksekutif yang bebas daripada pengurusan dan dibentuk dengan kuasa tertentu yang telah diagihkan bagi membantu Lembaga Pengarah dalam melaksanakan tanggungjawabnya:-

1. Jawatankuasa Tadbir Urus dan Audit;
2. Jawatankuasa Pelaburan;
3. Jawatankuasa Pengurusan Risiko;
4. Jawatankuasa Pembangunan Bumiputera;
5. Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan; dan
6. Jawatankuasa IT.

Pada Disember 2016, Lembaga Pengarah telah meluluskan penubuhan sebuah Jawatankuasa IT baharu yang menyelia projek / inisiatif berkaitan IT yang dikenal pasti dalam ITBP Perbadanan pada peringkat awal pelaksanaannya.

Setiap Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah ditadbir oleh Terma Rujukan ("TOR") yang ditakrif dengan jelas, yang dikaji dari semasa ke semasa jika perlu, untuk memastikan ia kekal relevan dan terkini. TOR penting bagi enam (6) Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:

3.1 Jawatankuasa Tadbir Urus dan Audit ("BGAC")

Fungsi utama BGAC adalah untuk membantu Lembaga Pengarah dalam fungsi pengawasannya bagi membentuk kawalan kos yang berkesan, menilai risiko dan mengesyorkan tindakan pembetulan yang sesuai untuk mengurangkan risiko tersebut serta memastikan proses tadbir urus yang sesuai untuk Perbadanan. BGAC turut memberi jaminan bahawa laporan dan pendedahan kewangan Perbadanan dijalankan secara telus dan proses audit adalah selaras dengan amalan dan standard audit terbaik yang disyorkan, menepati keperluan undang-undang dan peraturan, serta standard tadbir urus korporat.

Tugas dan Tanggungjawab

BGAC membantu Lembaga Pengarah melaksanakan peranan penyemakannya berhubung perkara-perkara berikut:-

i. Memastikan supaya akaun tahunan disediakan pada masanya dan secara tepat;
ii. Mengkaji penyata kewangan untuk dikemukakan kepada Lembaga Pengarah dan memastikan ia diterbitkan dengan segera;
iii. Mengkaji dan mengesahkan piagam audit dan mengemukakannya kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan;
iv. Mengkaji dan meluluskan rancangan dan bajet tahunan audit dalaman;
v. Mengkaji keberkesanan kawalan dalaman, termasuk skop program audit dalaman, fungsi dan sumber jabatan audit dalaman dan bahawa ia mempunyai kuasa yang diperlukan untuk menjalankan kerjanya dan mengesyorkan tindakan yang akan diambil oleh Pengurusan;
vi. Mengkaji penemuan audit dalaman termasuk laporan penyiasatan dan mengsyorkan tindakan yang perlu diambil oleh pengurusan;
vii. Menilai kecukupan tindakan pembetulan pengurusan yang diambil berdasarkan laporan audit;
viii. Memastikan supaya proses dan prosedur yang sesuai telah disediakan untuk mematuhi semua undang-undang, penguatkuasaan dan peraturan yang ditetapkan oleh semua badan penguatkuasaan yang berkaitan serta standard tadbir urus korporat yang tinggi;

ix. Mengkaji dan mengesahkan program etika untuk kelulusan Lembaga Pengarah dan memantau perkembangan pelaksanaan, serta memastikan supaya Kod Etika Perniagaan dan Program Penyampaian Maklumat dilaksanakan di seluruh Perbadanan dan dipatuhi;
x. Menilai keberkesanan program etika dan persekitaran etika dalam Perbadanan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, perubahan-perubahan yang perlu terhadap Kod Etika Perniagaan;
xi. Mengkaji laporan mengenai pelanggaran kod Etika Perniagaan dan isu-isu Penyampaian Maklumat serta pecah amanah yang melibatkan jawatan-jawatan penting;
xii. Menilai prestasi dan menyediakan taksiran dan menentukan pakej imbuhan Ketua Juruaudit Dalaman;
xiii. Meluluskan pelantikan, pemindahan dan pemecatan Ketua Juruaudit Dalaman;
xiv. Memastikan kakitangan audit dalaman memiliki kelayakan yang sesuai dan diberikan latihan dan pendidikan profesional berterusan yang bersesuaian dengan tujuan untuk mempertingkatkan atau memperkayakan audit dan kemahiran teknikal mereka yang berkaitan;
xv. Menilai dan mengesahkan bilangan sumber yang diperlukan seperti yang ditentukan dan dibuktikan oleh Ketua Juruaudit Dalaman dalam perbincangannya dengan PCEO;
xvi. Menilai kualiti juruaudit luar, skop rancangan audit mereka, laporan audit mereka, bantuan yang diberikan oleh pihak pengurusan dan kakitangannya kepada juruaudit dan sebarang penemuan dan tindakan yang perlu diambil;
xvii. Memilih dan mengesyorkan Juruaudit Luar untuk dilantik oleh Lembaga Pengarah setiap tahun; dan
xviii. Melaksanakan sebarang kerja lain seperti yang diarahkan oleh Lembaga Pengarah atau yang dianggap wajar oleh BGAC.

3.2 Jawatankuasa Pelaburan ("BIC")

Jawatankuasa Pelaburan menentukan hala tuju strategik pelaburan Perbadanan dengan menyemak semula peruntukan aset dan portfolio pelaburan tahunan apabila perlu. Ini dicapai dengan mengambil kira keadaan makroekonomi semasa dan akan datang serta hasrat Perbadanan untuk memperoleh pulangan daripada risiko.

Tugas dan Tanggungjawab

Tugas dan tanggungjawab utama BIC adalah seperti berikut:-

i. Mengkaji objektif pelaburan, mengesyorkan dan/atau meluluskan (jika sesuai) strategi, dasar dan garis panduan dan menyediakan hala tuju strategik yang mentadbir aktiviti pelaburan Perbadanan;
ii. Memastikan laporan yang tetap dan mencukupi, dan mengkaji prestasi portfolio pelaburan berhubung dengan:-
    a) Kepelbagaian portfolio;
    b) Had dan sasaran pelaburan; dan
    c) Pulangan daripada pelaburan.
iii. Memastikan sistem kawalan dalaman yang mencukupi tersedia dan semua aktiviti pelaburan mematuhi sepenuhnya dasar, prosedur dan garis panduan yang ditetapkan; dan
iv. Membincangkan, mengesyorkan dan/atau meluluskan, dalam liputan had kuasanya, syor-syor / cadangan pelaburan yang dibentangkan oleh Pengurusan.

3.3 Jawatankuasa Pengurusan Risiko ("BRMC")

BRMC membantu Lembaga Pengarah dengan mengadakan forum khusus untuk mempertimbangkan dan memutuskan isu-isu berkaitan dengan pengurusan risiko. BRMC memainkan peranan sebagai penasihat dalam membantu Lembaga Pengarah mengenal pasti, menilai, mengurus dan mengawal risiko berkaitan kredit, pasaran, kecairan, operasi, perundangan dan risiko-risiko lain dalam Perbadanan, bertujuan untuk memastikan proses pengurusan risiko yang berkesan telah tersedia. BRMC bermesyuarat secara kerap untuk menyemak dan menilai rangka kerja pengurusan risiko yang sedia ada dan mengemukakan saranan kepada Lembaga Pengarah bagi memastikan Perbadanan menerima pakai pendekatan yang menyeluruh untuk menangani isu-isu risiko dalam Perbadanan.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Tugas dan Tanggungjawab

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab BRMC:-

i. Menyediakan hala tuju bagi strategi pengurusan risiko secara menyeluruh dan strategi pematuhan Perbadanan;
ii. Meluluskan dasar dan prosedur untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal secara berkesan pendedahan risiko dan pematuhan Perbadanan;
iii. Meluluskan dasar dan sistem kawalan dalaman berkaitan Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Menangani Pembiayaan Keganasan (AML / CFT);
iv. Mengkaji semula pematuhan Perbadanan kepada dasar dan prosedur yang sedia ada berhubung dengan pengurusan risiko, dan pematuhan kepada undang-undang, peraturan dan garis panduan;
v. Mengkaji dan meluluskan had kuasa mengikut dasar dan prosedur yang dibenarkan oleh Lembaga Pengarah;
vi. Meneliti perkara-perkara lain yang berkaitan dengan pengurusan risiko dan pematuhan yang dirujuk oleh Lembaga Pengarah;
vii. Mengkaji dan meluluskan produk atau perkhidmatan, termasuk penetapan harga dan memastikan pematuhan kepada garis panduan sedia ada yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan/atau badan kawal selia lain yang berkaitan;
viii. Mengkaji dan meluluskan hapus kira jaminan dan akaun pembiayaan;
ix. Meluluskan pelantikan, pemecatan dan imbuhan serta penilaian prestasi Ketua Pegawai Risiko dan Ketua Pematuhan; dan
x. Menyokong sebarang perubahan dalam jumlah sumber yang diperlukan oleh Bahagian Pengurusan Risiko dan Jabatan Pematuhan.

3.4 Jawatankuasa Pembangunan Bumiputera ("BBDC")

BBDC menyediakan garis panduan strategik dan hala tuju keseluruhan pembangunan PKS Bumiputera melalui pelbagai program yang disediakan oleh Perbadanan. BBDC mendorong agenda Bumiputera dan melapor kepada Lembaga Pengarah untuk mempertimbangkan cadangan dan saranan yang telah dibentangkan terlebih dahulu di peringkat BBDC. BBDC turut memastikan aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan perniagaan Bumiputera dirancang dan dipantau dengan rapi.

Tugas dan Tanggungjawab

Tanggungjawab utama BBDC adalah seperti berikut:-

i. Memastikan PKS Bumiputera diberikan akses pembiayaan yang sewajarnya dengan kos yang berpatutan;
ii. Memastikan supaya dana-dana khas diuruskan dengan baik dan disalurkan kepada PKS Bumiputera yang layak;
iii. Memastikan polisi dan prosedur yang sesuai diwujudkan untuk mengurus dan mengendalikan dana-dana khas;
iv. Mengkaji dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah atau pihak berkuasa yang berkenaan mengenai polisi dan prosedur berkaitan dengan pembangunan PKS Bumiputera;
v. Mengawal selia program untuk pembangunan PKS Bumiputera; dan
vi. Membincang dan mengesyorkan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan pembangunan Bumiputera yang dirujuk kepada BBDC.

3.5 Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan ("BNRC")

BNRC terdiri secara eksklusif daripada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan fungsi utama BNRC adalah untuk membantu Lembaga Pengarah dalam pelantikan dan imbuhan para Pengarah dan PCEO serta menilai keberkesanan Pengarah secara individu, Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah dan menilai prestasi Ketua Pegawai Eksekutif dan para Pegawai Pengurusan Kanan.

BNRC juga membantu Lembaga Pengarah dalam menetapkan dasar, strategi dan amalan utama berkaitan sumber manusia, rancangan penggantian Pengurusan, sistem prestasi dan imbuhan, tatacara perniagaan dan etika tingkah laku kakitangan.

BNRC turut bertanggungjawab untuk meneliti rancangan penggantian, komposisi dan kepelbagaian gender Lembaga Pengarah.

Tugas dan Tanggungjawab

i. BNRC diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mengkaji, membuat keputusan dan/atau meluluskan perkara-perkara berikut:

   a) Keperluan minimum, gabungan kemahiran, pengalaman, kelayakan dan kecekapan-kecekapan teras lain yang diperlukan, terma dan syarat kontrak pekerjaan untuk para Pegawai Pengurusan Kanan;
   b) Pelantikan, penamatan perkhidmatan dan pembaharuan kontrak pekerjaan dan penilaian prestasi para Pegawai Pengurusan Kanan;
   c) Rancangan penggantian untuk Pegawai Pengurusan Kanan;
   d) Pelaksanaan dan kajian Program Latihan Pengarah bagi membolehkan Pengarah mengikuti perkembangan terkini dalam industri; dan
   e) Melantik perunding/penasihat untuk memberikan khidmat professional dan maklumat berkaitan pelaksanaan tugas BNRC, dengan kos ditanggung oleh Perbadanan, bagi memastikan Ahli-ahli BNRC berupaya membuat keputusan dan cadangan termaklum kepada Lembaga Pengarah.

ii. BNRC bertanggungjawab untuk mengkaji/ menilai dan mengesyorkan perkara-perkara berikut kepada Lembaga Pengarah:-

   a) Komposisi keseluruhan Lembaga Pengarah, dari segi tahap pelbagai kemahiran dan keseimbangan yang sewajarnya antara Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah Bukan Eksekutif dan Pengarah Bebas;
   b) Keperluan minimum Lembaga Pengarah, keperluan gabungan kemahiran, pengalaman, kelayakan dan kecekapan teras lain yang perlu dimiliki Pengarah;
   c) Keperluan minimum bagi Ketua Pegawai Eksekutif yang terdiri daripada keperluan gabungan kemahiran, pengalaman, kelayakan dan kecekapan teras lain yang perlu dimiliki Ketua Pegawai Eksekutif;
   d) Calon-calon jawatan Pengarah, keanggotaan Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan Setiausaha Syarikat (di mana perlu untuk penilaian bagi pelantikan semula);
   e) Rangka kerja imbuhan untuk Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif untuk kelulusan Lembaga Pengarah di mana rangka kerja tersebut meliputi semua aspek imbuhan termasuk yuran, gaji, elaun, bonus dan manfaat seumpamanya bagi Pengarah;
   f) Mekanisma untuk penilaian formal berkenaan kecekapan keseluruhan Lembaga Pengarah dan sumbangan setiap Pengarah dalam mewujudkan Lembaga Pengarah yang efektif, sumbangan Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah dan prestasi Ketua Pegawai Eksekutif di mana penilaian tahunan dijalankan berdasarkan kriteria prestasi yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
   g) Pemecatan Pengarah atau Ketua Pegawai Eksekutif daripada Lembaga Pengarah atau Pengurusan sekiranya Pengarah atau Ketua Pegawai Eksekutif tersebut tidak efektif, menyeleweng atau cuai dalam menjalankan tugas; dan
   h) Dasar, strategi, prestasi dan sistem ganjaran utama Perbadanan yang berkaitan dengan sumber manusia untuk memupuk tatacara dan tingkah laku kakitangan yang beretika ketika menjalankan perniagaan, komitmen kakitangan terhadap operasi Perbadanan dan tahap kepuasan kakitangan yang tinggi.

3.6 Jawatankuasa IT ("BITC")

Tujuan utama pembentukan BITC yang dianggotai secara eksklusif oleh para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif adalah untuk membantu Lembaga Pengarah dalam tadbir urus projek-projek IT secara keseluruhan yang telah dikenal pasti di bawah Laporan ITBP (2017-2019).

Tugas dan Tanggungjawab

Tanggungjawan utama BITC adalah seperti berikut:-

i. Menentukan hala tuju strategi IT seperti yang dikenal pasti dalam Laporan ITBP (2017-2019);
ii. Mengkaji perkara-perkara berkaitan dengan dasar IT bagi sebarang projek potensi di bawah ITBP;
iii. Memantau perkembangan pelaksanaan projek ITBP;
iv. Mengkaji dan mengemukakan saranan kepada Lembaga Pengarah berhubung Perbelanjaan Modal Bukan Bajet yang berkaitan ITBP; dan
v. Memantau dan memberi perhatian terhadap masa depan teknologi, arah aliran dan pembangunan industri IT.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

4.0 JAWATANKUASA PENGURUSAN

Lembaga Pengarah boleh mengagihkan mana-mana kuasa mereka kepada jawatankuasa-jawatankuasa yang dianggotai oleh ahli-ahli mereka sendiri sebagaimana yang mereka fikirkan perlu. Lembaga Pengarah menyerahkan tanggungjawab pengurusan harian Perbadanan kepada PCEO. PCEO dan pihak Pengurusan beliau bertanggungjawab memastikan supaya maklumat berkualiti tinggi diberikan kepada Lembaga Pengarah mengenai prestasi kewangan dan strategik Perbadanan.

Peranan utama Jawatankuasa-jawatankuasa Pengurusan adalah sebagai sumber utama hala tuju dan membuat keputusan bagi operasi jabatan-jabatan dalam Perbadanan. Selain itu, mereka turut mewujudkan rangka kerja bagi semua jabatan untuk memastikan supaya isu-isu yang dihadapi oleh Perbadanan ditangani dengan sewajarnya dan semua keputusan yang bersesuaian telah dibuat untuk mengurangkan kesan daripada isu tersebut.

5.0 KOMUNIKASI PEMEGANG SAHAM

Lembaga Pengarah dan Pengurusan menyedari kepentingan untuk mengekalkan ketelusan, ketekalan dan kebertanggungjawaban kepada pemegang saham dan mematuhi rangka kerja tadbir urus korporat bagi memastikan kejayaan Perbadanan yang berterusan. Dalam hal ini, Perbadanan komited untuk memastikan sebaran maklumat penting yang tepat pada masanya kepada pemegang saham.

AGM adalah forum utama untuk berdialog dengan semua pemegang saham. Para pemegang saham dimaklumkan tentang mesyuarat tersebut dan diberikan satu salinan Laporan Tahunan Perbadanan sebelum mesyuarat. Notis AGM diedarkan sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh mesyuarat untuk memberikan pemegang saham masa yang secukupnya bagi meneliti Laporan Tahunan dan dokumen yang menyokong resolusi yang dicadangkan.

Pada setiap AGM, Lembaga Pengarah akan membentangkan perkembangan dan prestasi perniagaan Perbadanan. Lembaga Pengarah menghargai sesi dialog dengan pemegang saham dan minat pemegang saham yang mendalam terhadap prestasi Perbadanan. Para pemegang saham digalakkan untuk mengambil bahagian dalam sesi soal jawab mengenai resolusi yang dicadangkan atau operasi am Perbadanan. Lembaga Pengarah serta Juruaudit Luar Perbadanan juga turut hadir untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh pemegang saham semasa mesyuarat.

Penerbitan Laporan Tahunan dan lawan sesawang Perbadanan di www.cgc.com.my merupakan saluran komunikasi lain yang disediakan untuk para pemegang saham bagi memastikan mereka mempunyai akses yang mudah dan menyenangkan kepada maklumat penting mereka.

6.0 DASAR PENYAMPAIAN MAKLUMAT

Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa rangka kerja penyampaian maklumat yang mencukupi telah tersedia, sejak mula dilaksanakan pada bulan Julai 2007 dan ditambah baik pada 2013 dan 2016. Semua kakitangan dan orang ramai boleh mengemukakan kemusykilan mereka mengenai sebarang tatacara tidak sewajarnya yang dilakukan atau akan dilakukan oleh kakitangan Perbadanan menerusi saluran-saluran berikut tanpa perlu berasa bimbang terhadap tindak balas:-

- Alamat Emel Dilindungi untuk para Pegawai Bertugas;
- Penghantaran secara atas talian melalui laman sesawang Perbadanan di www.cgc.com.my;
- Menghantar sendiri kepada mana-mana Pegawai Bertugas menggunakan Borang Penyampaian Maklumat yang ditetapkan dengan cara memuat turut borang tersebut daripada laman sesawang perbadanan; atau
- Secara bertulis kepada Alamat Penyampaian Maklumat yang ditetapkan.

Saluran-saluran tersebut melindungi kakitangan dan orang ramai yang bercadang untuk "memberi maklumat" daripada sebarang akibat buruk yang timbul berikutan laporan yang jujur dan memberi jaminan terhadap kerahsiaannya. Kerahsiaan bagi semua perkara yang dibangkitkan dan identiti penyampai maklumat adalah dilindungi di bawah Dasar ini.

7.0 HUBUNGAN LEMBAGA PENGARAH DENGAN JURUAUDIT

AUDIT DALAMAN

Audit Dalaman Perbadanan yang diketuai oleh Ketua Juruaudit Dalaman, melaporkan keputusan auditnya secara langsung kepada BGAC. Audit Dalaman dipandu oleh Piagam Audit dan menilai secara kerap keberkesanan proses pengurusan risiko, mengkaji keberkesanan operasi sistem kawalan dalaman dan pematuhan kawalan di seluruh Perbadanan. Minit mesyuarat BGAC akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk makluman mereka dan turut berperanan sebagai rujukan yang berguna, khususnya jika ada Pengarah yang ingin membangkitkan isu-isu penting atau mendapatkan penjelasan mengenainya.

AUDIT LUAR

BGAC dan Lembaga Pengarah amat menitik beratkan objektiviti dan kebebasan Juruaudit Luar Perbadanan, iaitu Tetuan PricewaterhouseCoopers, dalam menyediakan laporan yang relevan dan telus kepada pemegang saham. Bagi memastikan pendedahan penuh perkara-perkara yang perlu, Juruaudit Luar Perbadanan kerap dijemput untuk menghadiri mesyuarat BGAC (serta AGM), selain daripada perbincangan dua kali setahun dengan BGAC tanpa kehadiran Pengurusan Kanan.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO & KAWALAN DALAMAN

PENGURUSAN RISIKO PERUSAHAAN

Dalam situasi perniagaan masa kini yang kian mencabar, syarikat-syarikat perniagaan semakin terdedah kepada pelbagai ketidakpastian rentetan daripada keadaan peluang perniagaan dan risiko yang sentiasa berubah. Justeru, Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perusahaan (ERM) yang proaktif adalah amat penting dalam mewujudkan dan melindungi nilai pemegang kepentingan melalui penyepaduan sepenuhnya pengurusan risiko ke dalam struktur tadbir urus serta proses membuat keputusan sesebuah organisasi.

Selaras dengan penyataan di atas, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) (seterusnya dirujuk sebagai "Perbadanan") telah menerima pakai Rangka Kerja ERM untuk mentadbir perniagaan dan operasinya. Ini membolehkan Perbadanan menangani pendedahan risiko organisasi dengan tersusun dan praktikal secara berterusan yang mencakupi risiko kredit, risiko pasaran, risiko operasi, risiko pematuhan, risiko strategik dan risiko reputasi.

Rangka Kerja ERM menggariskan tadbir urus dan struktur, proses, akauntabiliti dan tanggungjawabnya pengurusan risiko di seluruh Perbadanan. Ia turut memberikan kepada Lembaga Pengarah dan Pengurusan satu kaedah untuk menjangka dan menangani risiko sedia ada dan potensi, dengan mengambil kira perubahan persekitaran operasi dalaman dan luaran Perbadanan. Kewujudan ERM dalam Perbadanan turut membolehkan Pengurusan menangani ketidaktentuan dan risiko serta peluang yang berkaitan dengannya secara berkesan, di samping meningkatkan keupayaan untuk membina atau meninggikan nilai bagi pemegang kepentingan.

Objektif berikut adalah prinsip-prinsip yang menjadi panduan berkaitan pelaksanaan ERM di seluruh Perbadanan:

a) Memastikan supaya semua risiko yang dihadapi dikenal pasti, dipantau dan diuruskan dengan secukupnya.
b) Memberi Lembaga Pengarah dan Pengurusan suatu pandangan perusahaan yang menyeluruh terhadap pendedahan risiko Perbadanan, membolehkan Perbadanan mengambil tindakan strategik untuk mengurangkan potensi kerugian.
c) Memberi Lembaga Pengarah dan Pengurusan suatu pandangan perusahaan yang menyeluruh terhadap hubung kait antara risiko, kawalan dan cara bagaimana pengurangan pendedahan terhadap suatu risiko boleh meningkatkan atau memberi kesan kepada risiko yang lain.
d) Menyediakan satu kaedah pengutamaan dalam kepelbagaian pengurusan risiko dan inisiatif kawalan.
e) Memastikan supaya budaya pengurusan risiko diterapkan dan diamalkan secara konsisten di semua peringkat di dalam Perbadanan dengan tujuan untuk membolehkan suatu pandangan yang tepat berhubung risiko-risiko yang boleh diterima.

PENCAPAIAN ERM PADA 2016

1. Pelaksanaan sistem 'FICO's BLAZE' pada bulan Ogos 2016 untuk memberi skor dan menilai permohonan pinjaman serta pengesanan tingkah laku para pelanggan sedia ada.
2. Pelaksanaan sistem Pencegahan Pengubahan Wang Haram & Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML / CFT) pada bulan Mei 2016.
3. Pelancaran Rangka Kerja Pematuhan Perbadanan pada November 2016.
4. Pelaksanaan Penilaian Kendiri bagi semua jabatan dan cawangan dalam Perbadanan.
5. Kejayaan pelaksanaan dan penyelesaian ujian Pelan Kesinambungan Perniagaan bagi semua cawangan Perbadanan.
6. Kajian ke atas model peletakan harga produk bagi Perbadanan.

STRUKTUR TADBIR URUS ERM

Struktur tadbir urus ERM menyediakan kebertanggungjawaban dan tanggungjawab yang jelas dalam menguruskan risiko dalam Perbadanan. Ini memastikan supaya aktiviti ERM sentiasa bersesuaian dan berhemah, dan supaya risiko-risiko penting sentiasa diuruskan dan dipantau. Struktur tadbir urus ERM Perbadanan adalah seperti dalam gambar rajah di bawah:



a) Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara muktamad ke atas hal-hal berkaitan ERM. Menerusi peranannya untuk menyemak, Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan supaya semua risiko dalam Perbadanan ditangani secara berkesan dan, pada masa yang sama, mengoptimumkan nilai pemegang saham dan pihak berkepentingan. Tanggungjawab utama Lembaga Pengarah termasuk meluluskan dasar berkaitan Rangka Kerja ERM Perbadanan; memastikan supaya Pengurusan mengambil langkah yang sewajarnya untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko; dan sebagai titik akhir di mana isu-isu penting berkaitan pengurusan risiko disampaikan. Lembaga Pengarah juga telah mewujudkan Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko (BRMC) untuk menyokong fungsi semakannya.

b) Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko (BRMC)

BRMC adalah sebuah jawatankuasa yang dianggotai oleh para Pengarah Bukan eksekutif yang bertanggungjawab menyemak pendedahan risiko Perbadanan. BRMC membantu Lembaga Pengarah mengenal pasti, menilai, mengurus dan mengawal risiko dalam bidang-bidang seperti kredit, pasaran, kecairan, operasi, perundangan dan risiko-risiko lain bagi memastikan supaya proses pengurusan risiko telah disediakan dan berfungsi dengan baik.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO & KAWALAN DALAMAN

c) Jawatankuasa Peringkat Pengurusan

Jawatankuasa Peringkat Pengurusan dianggotai oleh pengurusan kanan yang bertanggungjawab menyokong BRMC dalam pelaksanaan rangka kerja ERM yang berkesan dan memastikan supaya ERM diterapkan dalam Perbadanan. Dua (2) jawatankuasa pengurusan yang telah dibentuk untuk tujuan tersebut adalah:

i. Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC) – mengawasi risiko kredit, risiko pasaran, risiko operasi, risiko pematuhan dan hal-hal berkaitan risiko strategik.

ii. Jawatankuasa Pengurusan Aset Liabliti (ALCO) – menilai, memantau dan meluluskan amalan berkaitan risiko disebabkan oleh ketidakseimbangan dalam struktur modal dan hal-hal berkaitan risiko kecairan.

TIGA BARISAN PERTAHANAN

Perbadanan memastikan penglibatan semua jabatan dalam Perbadanan untuk mengurus risiko dan ini digambarkan melalui konsep "3 Barisan Pertahanan" seperti yang ditunjukkan dalam gambar rajah di bawah:



- Barisan Pertahanan 1: Jabatan Perniagaan dan Sokongan
  - Dalam menguruskan risiko, Perbadanan meletakkan kebertanggungjawaban dan pemilikan bagi pengurusan risiko perusahaan harian sehampir mungkin dengan punca kemungkinan sesuatu risiko itu terjadi.
  - Terdiri daripada semua jabatan perniagaan dan sokongan yang merupakan pemilik risiko.
  - Bertanggungjawab melaksanakan objektif perniagaan masing-masing dan mengambil risiko dalam lingkungan dasar dan had yang diluluskan, piawaian seluruh Perbadanan serta prosedur operasi standard yang diluluskan.

- Barisan Pertahanan 2: Bahagian Pengurusan Risiko
  - Memastikan pengenalpastian, penilaian, pengukuran, pengumpulan dan laporan risiko ke peringkat jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Pengurusan secara proaktif, tepat pada masa dan objektif.
  - Menyediakan gambaran menyeluruh dan bersepadu berkenaan risiko dalam Perbadanan melalui struktur pengawasan ERM kepada jawatankuasa peringkat Lembaga Pengarah dan Pengurusan.
  - Memastikan pengawasan dan pengurusan risiko yang bebas wujud dalam Perbadanan.
  - Menetapkan dasar, kaedah dan alat pengawalan risiko.

- Barisan Pertahanan 3: Audit Dalaman
  - Memberi jaminan bebas ke atas keberkesanan inisiatif, dasar dan kawalan ERM.

Dalam memperkukuhkan tadbir urus kawalan dalaman Perbadanan, peranan dan tanggungjawab ketiga-tiga barisan pertahanan tersebut telah dinyatakan dan diasingkan secara jelas, dalam erti kata lain ia bebas antara satu sama lain. Ini adalah untuk mengelakkan kemungkinan percanggahan kepentingan antara "3 Barisan Pertahanan" dan untuk memastikan kebertanggungjawaban.

PROSES ERM

Dalam melaksanakan ERM secara cekap dan berkesan, Perbadanan mempunyai enam komponen yang saling berkaitan yang terhasil daripada cara pengurusan menjalankan operasi perniagaan dan disepadukan dengan proses-proses pengurusan. Komponen-komponen tersebut dipaparkan dalam kitaran ERM di bawah:



PENYATA PENGURUSAN RISIKO & KAWALAN DALAMAN

- Mengenal pasti Risiko – Mengenal pasti risiko yang timbul daripada objektif strategik Perbadanan dan risiko yang boleh menghalang Perbadanan daripada mencapai objektif strategiknya.

- Menilai Risiko - Menganalisis punca risiko dan menentukan kemungkinan dan akibat daripada pendedahan risiko. Mengutamakan risiko berdasarkan penarafan risiko.

- Mengurus Risiko – Mengenal pasti kawalan dan tindakan pengurangan untuk menguruskan risiko yang sering wujud dalam kecenderungan pengambilan risiko Perbadanan. Menempatkan kawalan tersebut melalui penglibatan secara berterusan dengan pemilik risiko.

- Memantau dan Melaporkan Risiko - Memantau dan melaporkan risiko melalui pelbagai alat dan laporan ERM yang digunakan.

- Komunikasi Risiko - Bagi memupuk budaya yang diingini, pihak Pengurusan memastikan supaya strategi komunikasi yang berkesan diwujudkan untuk memberi kesedaran dan pemahaman secara umum kepada semua kakitangan mengenai proses ERM Perbadanan serta untuk menyebarkan maklumat tentang hal-hal berkaitan risiko dalam Perbadanan.

PENGURUSAN RISIKO-RISIKO UTAMA PERBADANAN

1. Pengurusan Risiko Kredit

Risiko Kredit adalah risiko kerugian kewangan yang timbul akibat kegagalan pihak berurusan melaksanakan obligasi kontrak dalam menyelesaikan komitmen kewangan mereka. Risiko kredit menyatakan pendedahan kepada kerugian sebenar atau kemungkinan kerugian kos melepas akibat keingkaran pembayaran balik yang dilakukan oleh sesebuah entiti ekonomi atau perundangan (iaitu penghutang atau penanggung) yang berurusan dengan Perbadanan. Pendedahan risiko kredit Perbadanan adalah disebabkan oleh atau berpunca terutamanya daripada Risiko Keingkaran Pembayaran Balik, Risiko Penumpuan dan Risiko Penyelesaian.

Matlamat utama pengurusan risiko kredit adalah untuk memaksimumkan kadar pulangan dilaraskan dengan risiko Perbadanan dengan mengekalkan pendedahan terhadap risiko kredit dalam lingkungan had paramenter yang boleh diterima. Perbadanan menguruskan risiko kredit yang sedia wujud dalam keseluruhan portfolio serta risiko dalam urusniaga kredit secara individu. Garis panduan dan had pengurusan risiko diwujudkan untuk mentadbir pengurusan pendedahan Perbadanan terhadap risiko harian. Garis panduan dan had yang ditetapkan ini adalah sejajar dengan kecenderungan pengambilan risiko Perbadanan dan mengukur Peletakan Harga Berperingkat dan Berkadar Tambah, Kerugian Tersukat, Penetapan Harga, kajian keperluan dan had digunakan untuk menguruskan risiko tersebut.

Model Pemarkahan Kredit Dalaman dan Model Penarafan Risiko Dalaman digunakan untuk menilai kelayakan kredit peminjam dengan menggunakan analisis pemarkahan berdasarkan statistik dan pertimbangan. Model-model ini dikaji dari semasa ke semasa bagi memastikan keseragaman di antara kecederungan pengambilan risiko dan kadar toleransi risiko Perbadanan.

Perbadanan turut memantau dan melaporkan kualiti aset portfolio kredit dan pendedahan kredit kepada Lembaga Pengarah dan Pengurusan secara kerap. Pemantauan tersebut termasuk analisis suasana sektor ekonomi, kajian sektor berisiko tinggi, analisis penarafan / pemarkahan kredit, analisis portfolio tuntutan, analisis Pertumbuhan Pinjaman lwn. Pinjaman tidak berbayar (NPL)/Kemerosotan Nilai dan analisis senarai pemantauan yang memaparkan arah aliran pendedahan seluruh Perbadanan serta bidang-bidang utama yang menjadi kebimbangan / akaun terjejas akibat perubahan dalam profil risiko Perbadanan.

2. Pengurusan Risiko Pasaran

Risiko pasaran adalah pendedahan risiko pendapatan atau nilai bersih yang timbul daripada perubahan faktor-faktor pasaran, contohnya kadar faedah, kadar pertukaran asing dan indeks yang memberi kesan kepada pendapatan, perbelanjaan dan nilai kunci kira-kira.

Pendedahan Perbadanan terhadap risiko pasaran adalah disebabkan oleh atau berpunca terutamanya daripada risiko kadar faedah dan risiko kecairan.

Objektif utama Perbadanan dalam menguruskan risiko pasaran adalah untuk mengurangkan atau menghapuskan risiko kerugian yang tidak dijangka dalam kedudukan kunci kira-kira yang timbul akibat pergerakan pasaran yang tidak diingini. Untuk memudahkan pengurusan risiko pasaran, Perbadanan memantau dan mengkaji secara bebas had risiko dan tahap risiko yang telah ditetapkan

dalam lingkungan falsafah pegurusan risiko dan kadar toleransi risiko Perbadanan yang dipersetujui, termasuk menasihati Lembaga Pengarah dan Pengurusan berhubung kawalan risiko, strategi pengurusan aset liabiliti, peringkat-peringkat had, kelulusan bagi produk pelaburan baharu dan keputusan berkaitan peruntukan aset modal. Ini adalah untuk memastikan supaya strategi risiko pasaran Perbadanan selaras dengan kecenderungan pengambilan risiko yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kecairan telah diwujudkan untuk memantau dan mengawal pendedahan risiko kecairan dan keperluan pembiayaan bagi memastikan supaya obligasi kewangan sentiasa dapat dipenuhi. Risiko mudah tunai timbul apabila Perbadanan tidak dapat memenuhi obligasi kewangannya apabila sampai masanya. Oleh itu, risiko kecairan diuruskan untuk mengekalkan portfolio aset cair dan sumber dana berkualiti yang tinggi dan berpelbagai dalam suasana perniagaan biasa dan tertekan, dan turut mengkaji profil kematangan aset and liabiliti serta mengenal pasti sebarang ketidakpadanan kematangan.

3. Pengurusan Risiko Operasi

Risiko Operasi adalah risiko kerugian secara langsung atau tidak langsung akibat ketidakcukupan atau kegagalan proses, manusia dan sistem dalaman atau akibat peristiwa-peristiwa luaran.

Pengurusan Risiko Operasi Perbadanan ditadbir oleh Rangka Kerja ERM beserta dasar dan prosedur risiko operasi. Selaras dengan amalan terbaik, Perbadanan menggunakan kaedah berikut bagi pengurusan risiko operasi:

No.	Kaedah	Penerangan
1.	Penilaian Kendiri Risiko (RCSA)	Untuk membolehkan penilaian sendiri ke atas risiko dan kawalan sedia ada dalam Perbadanan oleh pemilik risiko.
2.	Penilaian Kendiri (CSA)	Untuk mengesahkan keberkesanan kawalan yang diisytiharkan dalam RCSA. Juga dikenali sebagai 'ujian terkawal'.
3.	Petunjuk Risiko Utama (KRI)	Untuk memberi isyarat amaran awal kepada Perbadanan apabila terdapat bidang risiko operasi kritikal dalam entiti yang mempunyai tahap pendedahan yang berkemungkinan melebihi had risiko boleh diterima yang ditetapkan.
4.	Pengurusan Insiden (IM)	Untuk merekod peristiwa-peristiwa berkaitan risiko dan kesan berkaitan peristiwa tersebut, seperti kesan kewangan (kerugian), kesan bukan kewangan, pemulihan langsung, pemulihan daripada insurans, punca kejadian dan kegagalan kawalan.

Perbadanan menguruskan risiko operasi dengan mewujudkan dasar, prosedur, kaedah pengurusan risiko dan program-program kesedaran risiko. Perbadanan turut menggunakan sistem penyelesaian Pengurusan Risiko Operasi untuk menangani risiko operasi dengan lebih baik. Profil risiko dipantau dari semasa ke semasa dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah dan Pengurusan. Penilaian kendiri risiko operasi secara berkala juga dilakukan oleh unit-unit perniagaan dan sokongan untuk mengenal pasti dan menguruskan risiko operasi.

Untuk memupuk dan mengukuhkan kesedaran risiko di kalangan kakitangan, Program Kesedaran Risiko Operasi dijalankan secara berkala. Program ini dibangunkan dan dilaksanakan sejajar dengan pengurusan risiko operasi yang mantap.

Perbadanan juga telah melaksanakan Rangka Kerja Pengurusan Penipuan untuk menerapkan kesedaran, memudahkan laporan, pengurusan, dan pemantauan perakara-perkara berkaitan penipuan dalaman dan luaran. Menerusi rangka kerja ini, Perbadanan berhasrat untuk terus melindungi aset, reputasi dan daya maju kewangannya dari segi pengurusan penipuan, dan juga bertujuan untuk menggalakkan tingkah laku organisasi yang konsisten dalam menangani penipuan.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO & KAWALAN DALAMAN

4. Pengurusan Risiko Pematuhan

Risiko Pematuhan adalah risiko sekatan undang-undang atau peraturan, kerugian kewangan yang besar, atau kehilangan reputasi kerana Perbadanan boleh terjejas akibat kegagalan mematuhi undang-undang dan peraturan yang diguna pakai kepada Perbadanan.

Dalam memastikan supaya Perbadanan mematuhi semua undang-undang dan peraturan berkaitan yang mentadbir urusan Perbadanan, Jabatan Pematuhan sentiasa berkomunikasi dengan Pengurusan Kanan dan semua Pegawai Pematuhan Khas (DCO) yang dilantik di setiap jabatan termasuk cawangan.

Sehubungan itu, Rangka Kerja Pematuhan (Rangka Kerja) menggariskan pendekatan yang akan diambil oleh Jabatan Pematuhan dalam melaksanakan fungsi Jabatan Pematuhan untuk memastikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan, dan mencegah ketidakpatuhan jika perlu. Di samping itu, Rangka Kerja turut menyediakan dasar dan garis panduan asas berhubung pengurusan dan penyemakan pematuhan bagi Perbadanan.

Sebagai usaha untuk memastikan supaya operasi Perbadanan selaras dengan keperluan berkanun, Jabatan Pematuhan akan mengkaji dan menguji proses-proses utama yang dipilih berdasarkan Grid Pematuhan dan Senarai Semak Pematuhan dikeluarkan kepada DCO. Grid Pematuhan adalah kaedah yang diguna pakai untuk memantau semua undang-undang berkaitan yang boleh menjejaskan Perbadanan. Akta yang dikenal pasti akan dibentuk sebagai senarai semak bagi memudahkan penilaian Pematuhan terhadap keperluan Berkanun / Peraturan, yang mengandungi piawaian minimum yang perlu dipatuhi.

Jabatan Pematuhan bertanggungjawab untuk menjalankan pemantauan berterusan termasuk pelaksanaan tindakan pembetulan. Ini adalah untuk memastikan supaya sebarang kejadian ketidakpatuhan dilaporkan dan tindakan pembetulan telah dilaksanakan.

Berhubung dengan Pencegahan Pengubahan Wang Haram / Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML / CFT), Perbadanan disenarai sebagai salah sebuah Institusi Pelapor (RI) oleh BNM. Semua RI dikehendaki di sisi undang-undang untuk menjalankan langkah-langkah pencegahan untuk mencegah institusi masing-masing daripada digunakan sebagai saluran pengubahan wang haram dan aktiviti pembiayaan keganasan. Langkah pencegahan tersebut termasuk menjalankan penilaian risiko, aplikasi usaha wajar pelanggan, menghantar laporan mengenai transaksi mencurigakan (STR), mengekalkan dan menyimpan rekod transaksi dan pelaksanaan program AML/CFT yang bertepatan dengan profil risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan RI.

Bagi memastikan supaya keberkesanan dan pematuhan dengan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA) dan garis panduan mengenai Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) – Institusi Perbankan dan Pengambilan Deposit (Sektor 1) yang dikeluarkan oleh BNM, Perbadanan telah mengautomasikan proses-prosesnya dalam memenuhi keperluan AML/CFT dengan memperkenalkan Sistem AML/CFT pada 27 Mei 2016.

Sistem AML/CFT membantu keseluruhan proses AML/CFT dalam Perbadanan memantau dan mengkaji risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan yang meliputi perkara-perkara berikut:

i) Penilaian risiko automatik berdasarkan tindak tanduk transaksi dan maklumat statik;
ii) Saringan pelanggan dilaksanakan berdasarkan senarai pemantauan penguatkuasaan semasa pembentukan hubungan dan untuk sentiasa memantau para pelanggan sedia ada;
iii) Pengesanan secara masa sebenar atau data transaksi sejarah yang mempunyai bentuk-bentuk aktiviti yang mencurigakan; dan
iv) Melaporkan transaksi mencurigakan kepada Jabatan Pematuhan.

Pada masa hadapan, Jabatan Pematuhan merancang untuk mempertingkatkan prosedur pengesanan penipuan dan latihan berkaitan pengesanan penipuan di dalam Perbadanan.

5. Pengurusan Risiko Strategik

Risiko strategik adalah risiko semasa atau kesan yang dijangka terhadap pendapatan, modal, reputasi atau kedudukan Perbadanan yang timbul daripada perubahan persekitaran di mana Perbadanan menjalankan operasi dan berpunca daripada keputusan strategik yang menyebabkan kerugian, pelaksanaan keputusan yang tidak wajar, atau kurangnya tindak balas terhadap industri, ekonomi atau perubahan teknologi. Perbadanan memantau risiko strategik bagi memastikan rancangan strategik dilaksanakan dengan mengambil kira risiko yang berpotensi menghalang Perbadanan mencapai objektif strategiknya.

6. Pengurusan Risiko Reputasi

Risiko reputasi adalah kesan semasa atau kesan prospektif terhadap pendapatan dan modal yang timbul daripada persepsi negatif terhadap Perbadanan oleh pihak berkepentingan sedia ada dan berpotensi seperti pelanggan, rakan niaga perdagangan, pekerja, pembekal, pengawal selia / badan-badan kerajaan dan pelabur yang boleh memberi kesan buruk terhadap keupayaan Perbadanan untuk mengekalkan hubungan perniagaan sedia ada atau menjalin hubungan perniagaan baharu dan meneruskan akses kepada sumber pembiayaan.

Kegagalan untuk menguruskan risiko strategik, risiko kredit, risiko pasaran, risiko operasi atau risiko pematuhan boleh mendedahkan Perbadanan kepada risiko reputasi. Dalam menguruskan risiko reputasi secara lebih berkesan, faktor-faktor risiko reputasi digabungkan bersama pengurusan risiko strategik, risiko kredit, risiko pasaran, risiko operasi dan risiko pematuhan. Semua pendedahan kepada pihak berkepentingan turut dibentangkan secara jelas, tepat dan telus.

PENGURUSAN MODAL

Perbadanan telah melaksanakan Rangka Kerja Kecukupan Modal yang mentakrif mekanisme untuk menentukan kecukupan modal beserta pelan tindakan pemulihan bagi menangani masalah kekurangan modal. Ia bertujuan untuk memastikan agar modal yang secukupnya tersedia untuk menyokong profil risiko dan strategi pertumbuhan Perbadanan.

Rangka kerja ini diterima pakai oleh Perbadanan ke atas pendekatan untuk mematuhi keperluan modal seperti yang dikehendaki di bawah Garis Panduan BNM berkenaan dengan Kecukupan Modal. Pengekalan modal kawal selia adalah berasaskan kepada tiga komponen utama iaitu risiko kredit, risiko operasi dan risiko pasaran.

Perbadanan telah menerima pakai tiga nisbah yang berbeza iaitu Nisbah Kecukupan Modal, Nisbah Rizab Jaminan dan Nisbah Perlindungan Kecairan.

Nisbah-nisbah tersebut dilaporkan kepada Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan dari semasa ke semasa:

Nisbah	Rasional
Nisbah Kecukupan Modal	Untuk mengukur kesiapsiagaan dan kemampuan Perbadanan untuk menghadapi kerugian yang dijangka berpunca daripada peristiwa-peristiwa kredit, pasaran dan operasi yang buruk.
Nisbah Rizab Jaminan	Untuk memastikan supaya Perbadanan beroperasi secara berhemah dan cekap daripada segi modal, untuk mengurangkan kemungkinan penarikan balik modal daripada pemegang saham.

Nisbah Perlindungan Kecairan : Untuk memastikan supaya Perbadanan mempunyai stok aset cair berkualiti tinggi tak dihalang yang mencukupi (HQLA) yang boleh ditukar dengan mudah dan segera kepada tunai dalam pasaran persendirian untuk memenuhi keperluan kecairan bagi senario tekanan kecairan selama 30 hari. Ini adalah selaras dengan piawaian BASEL.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO & KAWALAN DALAMAN

UJIAN TEKANAN

Ujian tekanan adalah kaedah pengurusan risiko penting yang bertindak sebagai amaran terhadap akibat buruk yang tidak dijangka berkaitan dengan pelbagai risiko dan untuk mengenal pasti peristiwa yang mungkin berlaku atau perubahan keadaan kewangan dan ekonomi pada masa hadapan yang boleh memberi kesan buruk terhadap pendedahan yang dialami oleh Perbadanan. Ia merupakan suatu penilaian terhadap keupayaan Perbadanan untuk menghadapi perubahan tersebut, biasanya berkaitan keupayan modal dan pendapatannya untuk menyerap potensi kerugian besar.

Ujian tekanan bertujuan untuk mengenal pasti dan mengurangkan bidang-bidang yang membimbangkan bagi mencegah atau mengurangkan kesan daripada keadaan buruk yang mungkin memberi impak kepada Pulangan Atas Pelaburan (ROI), Pendapatan Jaminan dan Nisbah Kecukupan Modal Perbadanan.

Ujian tekanan dijalankan dari semasa ke semasa dan keputusan ujian tekanan tersebut dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah dan Pengurusan. Pengurusan akan mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya untuk menangani risiko yang telah dikenal pasti jika keputusan tersebut boleh memberi kesan yang besar ke atas strategi Perbadanan. Penilaian bebas terhadap prosedur dan proses ujian tekanan dilakukan secara dari semasa ke semasa untuk memastikan kualiti dan keberkesanan ujian tekanan tersebut.

PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERNIAGAAN

Dalam memastikan kesinambungan perniagaan Perbadanan sekiranya berlaku darurat, bencana atau krisis, Perbadanan sentiasa bersedia untuk mencapai kebingkasan organisasi melalui Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM) yang terdiri daripada Pelan Kesinambungan Perniagaan (BCP) dan Pelan Pemulihan Bencana (DRP).

Di bawah BCP dan DRP, lokasi alternatif yang sedia beroperasi telah diwujudkan untuk Ibu Pejabat dan semua Cawangan bagi meneruskan perniagaan dan jika timbul keperluan akibat bencana atau krisis. Satu siri latihan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM) iaitu ujian BCP dan DRP dijalankan untuk memastikan keberkesanan BCM dalam menyediakan senarai perkhidmatan asas minimum semasa gangguan perniagaan.

Jawatankuasa yang berkaitan iaitu Jawatankuasa Pelan Kesinambungan Perniagaan (BCPC) dan Pasukan Pengurusan Krisis (CMT) bertanggungjawab untuk menangani isu-isu krisis berkaitan kesinambungan perniagaan di semua peringkat dalam Perbadanan (Ibu Pejabat dan dan Cawangan).

CGC
CGC
KREDIT CGC

PROGRAM JANGKAUAN

HARI EKSPORT 2016 : MELANGKAH LEBIH JAUH OLEH MATRADE

Penyertaan CGC dalam Hari Eksport 2016 bermatlamat untuk mewujudkan platform perniagaan kepada usahawan dan syarikat-syarikat Malaysia untuk saling bertukar maklumat, berkongsi kisah kejayaan, idea dan cabaran dalam menerokai pasaran antarabangsa.

Acara ini menampilkan sesi panel dan taklimat pasaran oleh Perbadanan Kemajuan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan beberapa agensi seperti Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), Amanah Investment Bank Bhd dan Bank Negara Malaysia. Acara utama adalah ceramah mengenai Program e-Pembelajaran MATRADE yang menampilkan sistem pembelajaran atas talian yang dimajukan untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran PKS dalam memajukan perniagaan eksport mereka.

PAMERAN PKS MAYBANK – MEMBINA KAPASITI & KEUPAYAAN USAHAWAN PKS

CGC telah mengambil bahagian dalam Pameran/ Seminar PKS Maybank yang berjudul "Membina Kapasiti & Keupayaan Usahawan PKS". Acara ini yang bermula di Hotel Grand Bluewave, Shah Alam, telah berlangsung dari 22 Mac hingga Ogos 2016 di 8 lokasi di seluruh negara. Kira-kira 1,200 peserta (lebih kurang 150 orang setiap lokasi) menghadiri acara ini yang disasarkan kepada pelanggan PKS sedia ada MBB (dengan pinjaman dan bukan pinjaman) serta bakal usahawan PKS. Satu ruang pameran dan slot ceramah selama 20 minit telah diperuntukkan kepada CGC di setiap lokasi.

HARI TERBUKA MAGIC CENTRAL (MAGIC) & ACE

Pusat Inovasi & Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) dan Pusat Keusahawanan ASEAN untuk Keusahawanan (ACE) yang merupakan agensi yang dibiayai oleh kerajaan, telah menganjurkan 'Hari Terbuka' pada 29 Februari 2016 di Cyberjaya untuk para usahawan dan mereka yang baru menceburi bidang tersebut yang ingin mendapatkan bantuan dan bimbingan daripada pelbagai Agensi Kerajaan dan rakan MaGIC dan ACE. Hari Terbuka ini terbukti mencapai matlamatnya apabila disertai oleh tiga puluh agensi keraaan dan rakan kerjasama termasuk CGC serta 180 usahawan dan usahawan baharu.

TAKLIMAT BANK NEGARA MALAYSIA (BNM) TENTANG BANTUAN UNTUK PKS

BNM telah menganjurkan satu sesi taklimat mengenai bantuan yang tersedia kepada PKS dan FI sebagai sebahagian daripada usaha yang berterusan untuk mempertingkatkan kesedaran pegawai FI dan PKS tentang kewujudan pelbagai inisiatif bagi pembangunan PKS.

CGC merupakan salah satu penceramah di taklimat tersebut, selain daripada Persatuan Bank-Bank Malaysia (SBM), SME Corporation Malaysia (SME Corp) dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Taklimat tersebut terbahagi kepada dua sesi iaitu untuk PKS dan FI. Selain itu, BNM turut mengundang CGC untuk menyertai kaunter maklumat bagi mempromosikan skim-skim CGC kepada PKS.

PAMERAN KEWANGAN

Pameran kewangan, yang dianjurkan oleh Federation of Malaysia Chinese Guilds Association dan disahkan oleh SAME, telah menerima penyertaan daripada 18 institusi kewangan tempatan, termasuk Bank Negara Malaysia, CGC, Lembaga Kemajuan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan SME Bank.

SIRI LATIHAN SEKRETARIAT KHAS UNTUK MEMPERKASA USAHAWAN INDIA (SEED) : RIGHT SIZE YOUR FUND

Ini merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh Sekretariat Khas untuk Memperkasa Usahawan India (SEED) dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM), yang bermatlamat untuk mendedahkan para usahawan kepada jenis bantuan yang tersedia untuk PKS yang sedang menghadapi kesulitan. Latihan yang bertemakan 'Right Size Your Fund' ini, juga bermatlamat untuk memberi pemahaman berhubung perkhidmatan penghantaran wang yang disediakan oleh kiriman perkhidmatan untuk PKS di Malaysia.

CERAMAH MENGENAI PEMASARAN DIGITAL OLEH CGC & KLSCCI

Dengan kerjasama Dewan Perniagaan dan Industri Cina Kuala Lumpur dan Selangor (KLSCCCI), CGC telah menganjurkan sesi taklimat mengenai "Pemasaran Digital". Lebih kurang 120 peserta, termasuk ahli KLSCCCI menghadiri ceramah tersebut. KLSCCI telah mengundang dua (2) usahawan pemasaran digital iaitu Encik Yeoh Chen Chow dari KFit dan Encik Chin Ren Yi dari MyBurgerLab untuk berkongsi kisah kejayaan mereka. CGC juga telah mengadakan sesi taklimat mengenai peranannya dalam meningkatkan akses PKS kepada pembiayaan. Selain daripada sesi taklimat, CGC juga menyediakan gerai untuk para peserta mempromosi produk/perkhidmatan mereka.

PROGRAM JANGKAUAN

SISWAPRENEUR PUTRA @ 1 MALAYSIA (UPM)

CGC menyertai program SISWAPRENEUR PUTRA @ 1 MALAYSIA yang dianjurkan oleh Pusat Pembangunan Keusahawanan & Kebolehpasaran Siswazah (CEM) Universiti Putra Malaysia sebagai salah satu peserta pameran. Program dua (2) hari ini telah berlangsung di Panggung Percubaan UPM dari 24 hingga 25 November 2016.

Objektif program ini adalah untuk mempertingkatkan ciri-ciri keusahawanan dan kebolehpasaran dalam kalangan siswazah serta mendedahkan mereka kepada pilihan dan pengetahuan tentang manfaat, skim, geran atau pakej kewangan yang mungkin boleh membantu atau mengembangkan perniagaan mereka.

SESI CERAMAH OLEH CGC DAN PENIAGAWATI

CGC telah bekerjasama dengan PENIAGAWATI untuk menganjurkan sesi taklimat kepada ahli-ahlinya. PENIAGAWATI adalah sebuah persatuan untuk usahawan wanita Bumiputera di seluruh negara. Misinya adalah untuk menjadi wadah dalam merealisasikan bakat keusahawanan wanita dengan menganjurkan pelbagai program latihan dan kursus kejurulatihan bagi mempertingkatkan bilangan usahawan wanita yang boleh menjadi pemangkin ekonomi negara. Sejajar dengan ini, CGC mengambil inisiatif dalam menjadi rakan strategik yang menyediakan khidmat nasihat berhubung pembiayaan yang ditawarkan kepada usahawan wanita.

CERAMAH PERNIAGAAN OLEH KUMPULAN AMBANK

CGC menyertai acara ceramah perniagaan AmBank yang dikenali sebagai "Boss Talk with Chan Fong". Di samping Chan Fong sebagai pengacara, AmBank diwakili oleh pakar PKS mereka iaitu Yeow Swee Yun (Ketua Komersial, Perbankan Borong) dan David Yeoh (Ketua Pebankan PKS). Topik perniagaan yang dibincangkan adalah bagaimana cara terbaik untuk PKS mengatasi pelbagai rintangan dalam situasi yang mencabar. Lebih kurang 700 PKS menyertai acara ini dan promosi dibuat melalui iklan radio dan Facebook. CGC telah diberi ruang pameran bagi mempromosi produk dan perkhidmatannya kepada para peserta.

BENGKEL PERUNCITAN DALAM ERA DIGITAL UNTUK PKS

CGC telah mengambil inisiatif bekerjasama dengan Dewan Perniagaan dan Industri Cina Kuala Lumpur dan Selangor (KLSCCCI) untuk menganjurkan sesi perkongsian selama setengah hari tentang Perniagaan dalam Era Digital. Ia merupakan salah satu inisiatif di bawah program pembangunannya untuk menyokong PKS di negara ini.

Program ini menyaksikan penyertaan lebih daripada 100 PKS dan menjadi plafom yang sesuai untuk PKS belajar dan mengembangkan perniagaan mereka dan menerokai bidang perniagaan baharu. Di samping itu, program ini juga bermatlamat untuk membantu PKS dalam menimba pengetahuan yang berharga untuk mempersiapkan diri agar menjadi lebih berdaya saing di era digital ini bagi menembusi pasaran tempatan dan antarabangsa.

KARNIVAL KEWANGAN 2017

CGC telah mengambil bahagian dalam Karnival Kewangan anjuran Bank Negara Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur dari 13 hingga 15 Januari 2017.

Karnival yang bertemakan 'Prihatin Terhadap Keperluan Kewangan Anda' berperanan sebagai pusat setempat bagi orang ramai untuk mendapatkan maklumat mengenai produk dan perkhidmatan kewangan, melakukan urus niaga kewangan, belajar tentang pelbagai inisiatif baharu dan peluang perniagaan serta pengurusan kewangan.

Selain daripada menjadi pemamer di Karnival Kewangan ini, CGC juga menyertai sesi panel 'Bual Bicara Tentang Pembiayaan PKS' yang disertai oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif CGC Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak. Sesi ini bertujuan untuk menyediakan landasan bagi menambah kesedaran tentang inisiatif yang diambil untuk bagi mempertingkatkan akses kepada pembiayaan PKS.

MESYUARAT JAWATANKUASA MAJLIS EKONOMI BUMIPUTERA SARAWAK

CGC telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Khas Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) Sarawak yang diadakan pada 29 Julai 2016 untuk membentangkan usul mengenai pembiayaan bagi sub-kontraktor Bumiputera melalui skim Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i (TPUB-i) sebagai sokongan kepada pelaksanaan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak. Melalui inisiatif ini, CGC bekerjasama rapat dengan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak (DUBS), Dewan Perniagaan dan Industri Dayak (DCCI), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Unit Pembangunan Usahawan dan Industri Halal (UPUIH). Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Fadillah Yusof.

BENGKEL UNTUK PKS MENEMBUSI PASARAN KE PASARAYA BESAR

CGC dengan kerjasama Steinbeis Malaysia Foundation telah menganjurkan bengkel setengah hari yang bertemakan 'Entry to Hypermarket' sebagai sebahagian daripada inisiatifnya di bawah Program Pembangunan dalam membantu PKS mengatasi pelbagai cabaran untuk memasuki pasaran tempatan dan antarabangsa.

Bengkel yang diadakan di Bangunan CGC Kelana Jaya ini telah menyaksikan penyertaan lebih 60 PKS daripada sektor makanan dan minuman (F&B). Ini membuktikan usaha dan komitmen CGC untuk meluaskan liputannya kepada PKS bagi membantu mereka memenuhi keperluan pembiayaan dan akses pasaran.

PENYATA KEMAMPANAN

KOMITED UNTUK MENCIPTA NILAI KEMAMPANAN

Sebagai peneraju utama dalam pembangunan PKS, CGC terus berkembang pesat, mentransformasi organisasi, produk dan perkhidmatannya supaya dapat memenuhi dengan berkesan keperluan dan ekosistem PKS yang sentiasa berubah-ubah. Tumbuh daripada mandat asal kami membantu PKS memperoleh pembiayaan daripada institusi kewangan dengan menyediakan jaminan, atau pembiayaan langsung atau segmen PKS tertentu, kami telah mengorak langkah untuk menawarkan khidmat nasihat di bawah Program Pembangunan kami.

Kami menyedari kepentingan mewujudkan nilai yang dikongsi bersama dengan pemegang kepentingan kami dan memastikan keteguhan masa depan CGC. Justeru, kami komited untuk mengekalkan pengurusan yang bertanggungjawab dan pembangunan mampan dalam bidang Ekonomi, Alam Sekitar dan Sosial. Dengan memastikan kemajuan di seluruh CGC, kami berusaha mengukuhkan kecekapan operasi dan mencipta nilai mampan untuk pemegang kepentingan kami.

PENDEKATAN KAMI TERHADAP KEMAMPANAN

Skop dan Kaedah

Penyata Kemampanan pertama ini menggariskan komitmen CGC untuk menjalankan perniagaan dalam cara yang bertanggungjawab dan mampan melalui prestasi Ekonomi, Alam Sekitar dan Sosial (EES). Meliputi tempoh dari 1 Januari hingga 31 Disember 2016, penyata ini memfokus terutamanya terhadap kemampanan aktiviti perniagaan entiti Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad. Penyata Kemampanan ini perlu dibaca seiringan dengan keseluruhan Laporan tahunan 2016 CGC yang turut mengemukakan aspek kewangan dan bukan kewangan dalam perniagaan CGC. Untuk mengelakkan pertindanan kandungan, rujukan boleh dibuat kepada maklumat sedia ada yang terdapat di bahagian lain Penyata Tahunan ini.

Kemampanan Tadbir Urus

Komitmen CGC terhadap pertumbuhan mampan terzahir di semua peringkat organisasi. Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan kami menjadi teladan utama dengan memberi penekanan terhadap kepentingan untuk mencapai agenda yang mengekalkan amalan baik dalam EES. Kepimpinan kami komited untuk melabur dalam langkah-langkah yang mencipta nilai bagi pemegang kepentingan kami. Di peringkat pelaksanaan, pasukan CGC menjalankan fungsi harian mereka dalam cara yang positif dan memberi kesan jangka panjang terhadap EES. Dengan semua kakitangan memainkan peranan masing-masing memastikan sikap yang bertanggungjawab dan mampan, CGC pasti akan berjaya mengekalkan reputasi dan meningkatkan nilai pemegang sahamnya.

Pendedahan dan Jaminan Luaran

Dengan amalan kemampanan menjadi sebahagian penting dalam operasi harian CGC, kami masih di peringkat awal membangunkan sebuah polisi kemampanan formal yang merangkumi semua bidang. Ini merupakan Penyata Kemampanan disatukan kami yang pertama, dan ia tidak tertakluk kepada jaminan luaran. Kami sedang cuba menyelaras pengumpulan data kemampanan dan aktiviti pemantauan kami di seluruh CGC.

BUTIRAN KEMAMPANAN PENTING / RISIKO UTAMA

CGC masih belum menjalankan analisis rasmi untuk menentukan apakah topik yang penting kepada pemegang kepentingan luar dan dalaman kami. Walau bagaimanapun, kami telah mengenal pasti beberapa risiko dalam bidang-bidang utama yang mungkin mempunyai kesan langsung dan tidak langsung terhadap keuapayaan kami mencipta, mengekal atau merosotkan nilai EES. Risiko-risiko ini dan inisatif untuk mengurangkan kesan risiko ini dikemukakan dalam bahagian "Penyata mengenai Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman" daripada Laporan Tahunan ini.

AKTVITI MELIBATKAN PEMEGANG KEPENTINGAN

Seiringan dengan perkembangan perniagaan CGC dan pasarannya, CGC mendapati dirinya semakin terlibat dengan jumlah kumpulan pemegang kepentingan yang semakin bertambah. Penglibatan dengan pemegang kepentingan yang berterusan merupakan komponen penting dalam strategi kemampanan CGC dan CGC komited untuk terus melaksanakan aktiviti dalam bidang ini.

Dengan melibatkan pemegang kepentingan utama kami seperti kakitangan, pemegang kepentingan (iaitu Bank Negara Malaysia atau BNM) dan institusi kewangan (FI), PKS, agensi kerajaan, media dan ketua komuniti, CGC mampu bertindak balas terhadap harapan kumpulan ini yang berbeza. Kami memanfaatkan pelbagai platform seperti mesyuarat yang kerap, formal dan tidak formal, pameran bergerak, seminar, ceramah/bengkel dan makan tengah hari, antara yang melibatkan pemegang kepentingan ini.

Sepanjang pelaksanaan aktiviti ini, kami telah berhadapan dengan pelbagai isu penting pemegang kepentingan. Sehingga kini, isu-isu ini meliputi topik seperti mewujudkan akses yang lebih luas kepada pembiayaan untuk PKS, agenda pembangunan PKS Bumiputera, prosedur dan kepantasan kelulusan dan pembayaran pembiayaan, hubungan kerjasama yang lebih erat antara agensi, kehadiran jenama dan keketaraan, serta pelbagai isu yang lain.

MENGEKALKAN AMALAN EKONOMI YANG BAIK

Strategi Perniagaan Berfokus

CGC terus memperbaiki strategi perniagaannya untuk memastikan pertumbuhan mampan perniagaannya. Dengan mengekalkan pendekaran yang sangat berfokus, ini membolehkan CGC memenuhi keperluan perkembangan dalam ekonomi dan persekitaran perniagaan. Untuk maklumat dalaman tenteang hala tuju strategik keseluruhan dan prestasi operasi CGC, sila rujuk kepada bahagian "Mesej Presiden/CEO dan Perbincangan dan Analisis Pengurusan" dalam Laporan Tahunan ini.

PENYATA KEMAMPANAN

Mengukuhkan Ekosistem PKS

Kini, PKS memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia dan akan terus menjadi tonggak utama dalam pertumbuhan ekonomi negara. Di bawah Pelan INduk PKS 2012-2020, PKS dijangka akan menyumbangkan antara 36.3% hingga 41% kepada KDNK menjelang 2020. Kami menyedari bahawa seluruh ekosistem pasaran adalah penting kepada pertumbuhan mampan dan kami kekal komited untuk melaksanakan inisiatif yang akan membantu kami memperkukuhkan hubungan kami dengan pelanggan PKS serta BNM, FI pembekal, rakan industri dan pemegang kepentingan lain di pasaran. Sejajar dengan ini, CGC terus melaksanakan pelbagai aktiviti yang menghasilkan kesan ketara dan mencipta nilai dalam sektor ini, pasaran dan komuniti di mana kami beroperasi.

Kerjasama Strategik

Dalam menyokong pembangunan PKS, CGC terus menjalin hubungan perkongsian kerjasama dengan rakan-rakan strategik bagi menyediakan akses pembiayaan yang berterusan kepada PKS. Pada tahun yang ditinjau, CGC telah memeterai perjanjian berikut:

- Pada bulan Jun 2016, kami telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Johor Petroleum Development Corp (JPDC), SME Corp Malaysia, SME Bank dan TERAJU bagi menyediakan bantuan kewangan kepada PKS yang menyertai projek-projek di Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC), khususnya syarikat yang terlibat dalam sector perkidmatan sokongan.

- Pada bulan Ogos 2016, menandatangani MoU dengan Mass Rapid Tansit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) untuk menyediakan bantuan kepada syarikat Bumiputera layak yang menyertai dalam projek MRT Laluan 2 di bawah projek MRT Lembah Klang (KVMRT).

- Pada bulan September 2016, kami telah memeterai perjanjian perkongsian strategik dengan Maybank untuk menyediakan pembiayaan sehingga RM1.5 bilion kepada PKS melalui PG CGC – jumlah terbesar di Malaysia tersedia untuk PKS tempatan mengembangkan perniagaan mereka.

- Pada bulan Januari 2017, kami menyelesaikan perjanjian jaminan portfolio dengan Bank Simpanan Nasional (BSN) untuk menyediakan sehingga RM50 juta pembiayaan kepada syarikat mikro.

Perkongsian Pengetahuan dan Rangkaian

Aktiviti perkongsian pengetahuan dan rangkaian perniagaan CGC telah membuahkan hasil berikut:

- CGC dengan kerjasama MATRADE telah menyediakan akses pasarangan antarabangsa dan membantu kejayaan penyertaan tiga pelanggannya dalam Ekspo China-ASEAN ke 13 di Nanning. China. Platform ini telah membolehkan PKS ini menimba pengalaman tidak ternilai dan pendedahan antarabangsa daripada pameran dan pemasaran produk mereka.

- CGC menerokai bidang penyediaan khidmat nasihat yang menyaksikannya menghubungkan PKS dengan bakal pembeli dan memberi merek bimbingan cara terbaik untuk menembusi pasaran pasar raya besar. CGC juga bekerjasama dengan Steinbeis Malaysia Foundation untuk menyediakan bantuan kepakaran kepada PKS dalam pelbagai bidang sebelum mereka menerokai pasaran tempatan dan antarabangsa.

Untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai usahasama CGC serta usaha perkongsian pengetahuan dan rangkaian kami, sila rujuk kepada bahagian "Perutusan Presiden/CEO dan Perbincangan dan Analisis Pengurusan" serta "Program Jangkauan" serta "Peristiwa Korporat" Laporan Tahunan ini. Pada tahun 2017, CGC akan terus bekerjasama dengan pelbagai institusi kewangan pembangunan (DFI) dan agensi-agensi kerajaan untuk menyediakan pembiayaan mikro kepada PKS sebagai sebahagian daripada usahanya untuk menyokong kesaksamaan kewangan.

Amalan Telus Di Pasaran

Kami terus melaksanakan dasar yang mengutamakan tadbir urus, ketelusan dan sikap terbaik di pasaran dalam operasi seharian kami. Ini meliputi perkara berikut:

- Penyata Tadbir Urus Korporat yang menjelaskan tentang peranan Lembaga Pengarah diterbitkan di dalam Laporan Tahunan CGC;

- Kod Tatacara yang memberi penekanan terhadap etika perniagaan tentang urusan antara kakitangan CGC dengan pelanggan;

- Polisi Membuat Laporan (yang dikemas kini pada November 2016) dan diterbitkan dalam laman web CGC, serta Rangka Kerja Pengurusan Penipuan yang merangkumi penipuan secara menyeluruh. Dasar Rangka Kerja dan Membuat Laporan ini yang perlu dibaca seiringan, meliputi perkara yang berkaitan salahlaku.

Anugerah dan Penghargaan Perniagaan

CGC terus memperoleh pengiktirafan daripada pasaran berikutan kejayaan kami dalam pelbagai bidang. Bagi tahun yang ditinjau, kami telah menerima anugerah dan penghargaan atas komitmen terhadap kecemerlangan perniagaan. Ini meliputi Anugerah NACRA bagi Laporan Tahunan Terbaik untuk organisasi yang tidak tersenarai, Karlsruhe, Brand Laureate dan HR Asia. Butiran mengenai anugerah ini dikemukakan dalam bahagian "Pencapaian & Kejayaan 2016" Laporan Tahunan ini.

MENGUTAMAKAN AMALAN ALAM SEKITAR YANG BAIK

CGC mempunyai kesedaran yang tinggi tentang kemampanan alam sekitar. Dalam menjalankan operasi, kami sentiasa komited untuk melindungi alam sekitar melalui usaha tidak langsung seperti membiayai pelaburan teknologi hijau dan melaksanakan pelbagai aktiviti secara langsung yang menggalakkan kesedaran pemeliharaan alam sekitar.

Pembiayaan Teknologi Alam Sekitar

CGC merupakan salah sebuah daripada agensi yang dibeeri mandat oleh Kerajaan untuk menguruskan Skim Pembiayiaan Teknologi Hijau (GTFS) yang bermatlamat untuk menangani keperluan pembiayaan industri dalam pertumbuhan bidang baharu, khususnya pelaburan dalam teknologi hijau. Dana GTFS berjumlah RM3.5 bilion yang diperkenalkan pada 2010 ini, diwujudkan oleh Kerajaan untuk menggalakkan perniagaan melabur dalam teknologi hijau dan membangunkan bangunan mesra alam ekitar. Kerajaan berjanji untuk menanggung 2% daripada kadar faedah dan menyediakan 60% jaminan daripada jumlah pembiayaan melalui CGC, dengan baki 40% ditanggung oleh institusi kewangan yang mengambil bahagian.

Pada bulan Mac 2017, Kerajaan mengumumkan bahawa ia akan melanjutkan GTFS untuk tempoh selama lima tahun lagi dengan peruntukan tambahan sebanyak RM5 bilion (tambahan kepada RM3.5 bilion asal yang berakhir sehingga Disember 2017). Dikenali sebagai GTFS 2.0, fasa ini bermatlamat untuk menggalakkan pertumbuhan dalam seKtor teknologi hijau dan menjadikannya lebih kompetitif.

Sebagai salah sebuah daripada dua agensi pelaksanaan, CGC diberi mandat untuk memastikan kejayaan GTFS demgam menerajui aktiviti pemasaran dan promosi yang akan mempertingkatkan tahap kesedaran terhadap skim ini di kalangan pengeluar dan pengguna. Berhubung dengan usaha promosi, GC bekerjasama erat dengan Malaysian Green Technology Corporation (Green Tech Malaysia) untuk menyokong syarikat-syarikat yang menerokai bidang teknologi hijau, satu bidang yang agak baharu bagi usahawan Malaysia. CGC turut menggiatkan usaha promosinya untuk menimbulkan kesedaran tentang potensi besar dalam sektor ini melalui penyertaannya di beberapa pameran dan seminar yang dianjurkan oleh persatuan perniagaan dan dewan perniagaan di seluruh negara.

Salah satu daripada pelanggan GTFS CGC yang terbesar dan paling Berjaya ialah Gading Kencana Sdn Bhd, sebuah syarikat perkhidmatan memperharui tenaga di Malaysia. Menyedari potensi tenaga diperbaharui di Malaysia, pengasasnya telah menerajui syarikat untuk menerokai bidang ini sejak dari penubuhannya, bermula dengan pasaran lampu tenaga solar, berkembang kepada sistem dan hibrid solar dan baru-baru ini menerokai sistem PV solar berskala besar dengan penghasilan tenaga sehingga beberapa ratus kilowatt. Walaupun pun telah berkembang pesat, syarikat ini menambah lagi perkhidmatannya daripada audit tenaga kepada rundingan kecekapan penggunaan tenaga dan pelbagai khidmat lain, untuk menjadi pusat khidmat serba lengkap bagi keperluan tenaga boleh diperbaharui kepada pelanggan mereka.

PENYATA KEMAMPANAN

Inisiatif Hijau Secara Berpasukan

Sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk melindungi alam sekitar dan meminimumkan jejak karbon, kami telah mengadakan CGC Fun Walk, program alam sekitar untuk Pengurusan dan kakitangan yang bertemakan "Teamwork", iaitu salah satu daripada lima Nilai Teras CGC. Di peringkat permulaan program tahun 2016 ini, kakitangan CGC bekerjasama sebagai sebuah pasukan untuk menyegarkan alam sekitar di Taman Perbandaran Kelana Jaya, Selangor dengan membersihkan taman tersebut dan bergotong-royong menanam pokok. Program seluruh negara melibatkan kakitangan dari 16 cawangan CGC berlangsung pada 8 Oktober 2016, dengan setiap cawangan menganjurkan pelbagai aktiviti untuk memperbaiki kualiti alam sekitar di bandaraya atau bandar mereka. Lebih kurang 250 kakitangan CGC terlibat dalam program ini.

Di samping itu, kami turut menganjurkan program kitar semula di seluruh negara yang melibatkan pengutipan fail-fail lama, laporan/penerbitan, peralatan, tin/botol, dll. Hasil jualan daripada aktiviti ini disalurkan kepada sebuah badan kebajikan yang terpilih.

MENDUKUNG AMALAN SOSIAL YANG BAIK

Amalan Buruh dan Pekerja Yang Baik

Kejayaan CGC selama ini terhasil daripada usaha tekun tenaga kerjanya yang berdedikasi. Pada akhir Disember 2016, tenaga kerja CGC berjumlah 535 kakitangan. Dari segi kekuatan tenaga manusia, CGC berjaya mengekalkan jumlah pekerjanya dalam julat saran sepanjang tahun. Dengan jumlah ini dan penggunaan sumber yang cekap, kami berjaya mencapai kadar produktiviti yang tinggi berbanding dengan tahun-tahun terdahulu.

Komposisi tenaga kerja CGC adalah seperti berikut:

	2016	2015
Gender		
Lelaki	200 (37%)	204 (38%)
Wanita	335 (63%)	335 (62%)
Pendidikan		
Ijazah & Ke atas	413 (77%)	417 (77%)
Diploma & Sijil	64 (12%)	64 (12%)
Lain-lain	58 (11%)	58 (11%)
Umur		
Bawah 50 tahun	497 (93%)	505 (94%)
Melebihi 50 tahun	38 (7%)	34 (6%)
Jenis Pekerjaan		
Tetap	523 (98%)	528 (98%)
Berkontrak	12 (2%)	11 (2%)
Jumlah Tenaga Kerja	**535 kakitangan**	**539 kakitangan**

Meraikan Kepelbagaian

Buat masa ini, CGC mempunyai polisi dan inisiatif berkaitan dengan pengambilan, pengekalan, latihan dan pembangunan, serta aktiviti korporat dan sosial tajaan CGC. Ini dilaksanakan dalam cara yang tidak mendiskriminasi kaum, agama, gender, usia, keupayaan atau status. CGC bertekad untuk mengambil, melantik, menaikkan pangkat, memaju dan memberi ganjaran kepada kakitangannya berasaskan kepada kriteria yang ditetapkan oleh syarikat dan sejajar dengan prinsip meritokrasi dan kesaksamaan. Semua langkah ini adalah untuk memastikan seluruh keluarga CGC kekal dalam keadaan seimbang, sejahtera dan harmoni.

Berkaitan dengan kepelbagaian gender, Lembaga Pengarah buat masa ini mempunyai seorang ahli wanita bernama Puan Nadzirah Abd. Rashid. Lembaga berhasrat untuk mengekalkan campuran kemahiran, pengalaman, kepakaran dan latar belakang yang optimum sambil memberi penghormatan sewajarnya terhadap manfaat kepelbagaian gender.

Pengurusan Bakat dan Perancangan Penggantian

Sejajar dengan strategi modal insan kami untuk mencapai prestasi tinggi dan menjadi organisasi penting menjelang 2020, kami bertekad untuk membangunkan sekumpulan bakat dalaman bagi mengisi kekosongan perjawatan di CGC. Kami memanfaatkan bakat pengurusan sebagai komponen utama dalam proses perancangan penggantian CGC. Ini melibatkan proses mengenal pasti kakitangan Berpotensi Tinggi dan memasukkan mereka ke dalam program pembangunan pantas syarikat. Matlamat kami adalah untuk memperoleh modal intelektual yang tepat di dalam tenaga kerja kami bagi memastikan kelangsungan perniagaan dan ketersediaan pemimpin masa depan kami.

Pada 2016, Lembaga Pengarah telah melulusan Rangka Kerja Pelan Penggantian dan Pengurusan Bakat CGC. Jabatan Modal Insan kini sedang melaksanakan dengan aktif pelan ini di seluruh CGC khususnya berhubung dengan langkah pencalonan/pemilihan dan penilaian. Aktiviti pembangunan disasar akan bermula pada suku ketiga tahun 2017.

Keterlibatan Kakitangan

Oleh kerana kakitangan yang terlibat lebih berpuas hati dengan kerja mereka, cenderung untuk kekal lebih lama dan lebih produktif dan komited, CGC terus memberi perhatian utama terhadap aktiviti melibatkan kakitangan bagi berkomunikasi dan menyatukan mereka. Sepanjang tahun 2016, kami melaksanakan beberapa aktiviti penglibatan yang menghasilkan keputusan positif.

Buat kali pertama, satu acara dikenali sebagai HCD2U telah dilangsungkan pada suku ketiga 2016 sebagai wadah untuk Jabatan Modal Insan (HCD) berhubung dengan kakitangan dan menyediakan perkhidmatan tambah nilai kepada mderka. Sepanjang acara ini, wakil daripada beberapa badan berkanun serta daripada hospital terkemuka telah diundang untuk berkongsi pengetahuan dan melayani sebarang pertanyaan daripada kakitangan. Sesi perkongsian pengetahuan dengan HCD turut diadakan.

Kaji Selidik Penglibatan Kakitangan Tahunan telah dijalankan pada bulan Ogos 2016 untuk menilai tahap keterlibatan kakitangan. Kira-kira 99.6% kakitangan menjawab kaji selidik tersebut dan keputusan mendapatan 73% kakitangan CGC terlibat. Berdasarkan keputusan kaji selidik tersebut, kakitangan CGC secara umumnya adalah gigih, mempunyai kefahaman tentang kerja berpasukan, setia dan jelas tentang matlamat serta aspirasi CGC.

Manfaat Ganjaran Penuh

Kami terus menggerakkan pelbagai inisiatif untuk memastikan modal insan kami mencapai potensi penuh mereka dan mampu memberi sumbangan yang terbaik. Bagi melabur dalam bakat masa kini untuk manfaat masa depan, kami terus memastikan pakej ganjaran dan manfaat CGC sentiasa saksama, seimbang, kompetitif dan sejajar dengan pasaran. Ini penting bukan sahaja untuk mengekalkan dan mendorong kakitangan, tetapi juga untuk menarik bakat baharu ke dalam CGC.

Berlatar belakangkan persekitaran pasaran yang mencabar pada tahun 2016, kami menyemak semula beberapa manfaat dan mempertingkatkan yang lain untuk kekal berdaya saing dan menambahbaik beberapa polisi. CGC mengguna pakai strategi modal insan yang memberi kesaksamaan dan keseimbangan datipada perspektif ganjaran-cemuhan.

Selain itu, kami juga melaksanakan langkah untuk mengetatkan beberapa prosedur tertentu. Ini meliputi menyediakan garis panduan disiplin yang lebih komprehensif bagi memastikan semua aspek perhubungan kakitangan diuruskan dengan berkesan dan adil, serta mengekalkan amalan baik yang umum dan sikap standard yang diharapkan daripada semua kakitangan.

CGC sentiasa memberi penekanan terhadap budaya berteraskan prestasi dan kakitangan yang berhak diberi ganjaran sewajarnya melalui kenaikan gaji tahunan, bonus berkaitan prestasi, kenaikan pangkat tahunan/langkah peningkatan serta pelbagai program anugerah berkaitan yang diambil oleh CGC.

Pengiktirafan Kakitangan

CGC percaya terhadap usaha mempamerkan penghargaannya kepada kakitangannya atas kesetiaan teguh mereka, sokongan, komitmen dan sumbangan terhadap pertumbuhan CGC. Justeru, pada suku terakhir tahun, semua kakitangan CGC termasuk Lembaga Pengarah diundang menghadiri majlis Makan Malam Tahunan CGC. Sempena acara ini, tiga majlis telah diadakan iaitu majlis Anugerah Penghargaan Perkhidmatan (di mana seramai 18 pekerja diiktiraf atas jasa, perkhidmatan cemerlang dan kesetiaan kepada CGC); majlis Anugerah Percutian Ke Luar Negeri untuk Jualan Terbaik (untuk memberi ganjaran kepada kakitangan di peringkat cawangan atas usaha dan pencapaian mereka mengatasi sasaran bagi tahun). Buat pertama kali, CGC memberi pengiktirafan kepada beberapa jabatan yang telah menyumbang terhadap kejayaan mencapai tujuh anugerah berprestij pada tahun ini. CGC akan terus mengenal pasti bahagian yang boleh ditambah baik untuk mempertingkatkan tahap penglibatan di kalangan kakitangan.

PENYATA KEMAMPANAN

Latihan dan Pembangunan Tenaga Manusia

Sejajar dengan sasaran CGC untuk membina sebuah organisasi berpretasi tinggi dengan tahap penyampaian, profesionalisme, kecekapan dan keberkesanan yang unggul, HCD erus melaksanakan pelbagai program latihan di semua peringkat organisasi pada 2016. Tahun ini menyaksikan Bajet Latihan & Pembangunan berjumlah RM2.7 juta, digunakan sepenuhnya. Peruntukan ini mewakili 4.4% daripada kos kakitangan yang lebih tinggi daripada Garis Panduan Perbelanjaan Latihan Pekerja BNM sebanyak 2.5% bagi DFI. Ini menunjukkan komitmen kami terhadap pembangunan bakat dalaman kami.

Secara purata, setiap kakitangan menerima minimum tiga hari latihan pada 2016. Sebanyak 132 program latihan dalam syarikat dan 73 latihan luar dijalankan sepanjang 2016 melibatkan 100% daripada liputan kakitangan. Dari bulan April hingga Mei 2016, sebanyak 10 program seluruh CGC diajalankan dengan tema "THINK Team 2016". "THINK" adalah singkatan kepada Teamwork (Kerja Berpasukan), Hardworking (Kegigihan), Integrity (Integriti), Nurture (Memupuk) dan Berpengetahuan. Sesi membina pasukan diadakan untuk semua kakitangan CGC dengan objektif utama ditumpukan kepada usaha pengukuhan pasukan dan sinergi sambil menyemai Budaya Berprestasi Tinggi.

Sebagai sebuah organisasi yang sedang pesat membangun, CGC beriltizam untuk membina kecemerlangan dan kepakaran dalam pelbagai bidang. Kami berbangga menjadi organisasi yang turut membentuk golongan profesional masa depan sepertimana terbukti melalui kerjasama berterusan kami dengan Institute Chartered of Accounting in England and Wales (ICAEW). CGC juga meneruskan perkongsiannya dengan Asian Institute of Chartered Bankers (AICB) bagi program persijilannya yang terkemuka iaitu Advanced Credit Enhancer (ACE).

Pada tahun ini, pendedahan latihan tidak terhad kepada Ibu Pejabat sahaja tetapi turut merangkumi cawangan di seluruh negara. Penekanan utama telah diberi terhadap pembangunan kecekapan cawangan dengan menyediakan Program Pembangunan Cawangan yang bermatlamat untuk mempertingkatkan kecekapan kakitangan cawangan di semua peringkat. Pelbagai modul yang merangkumi program Kemahiran Jualan, Kredit Asas, Kecemerlangan Produk dan Bimbingan Mentor telah dirangka khusus untuk memenuhi matlamat perniagaan CGC.

Anugerah dan Penghargaan Modal Insan

Tahun 2016 merupakan tahun CGC mencapai kecemerlangan seperti yang tergambar melalui pengiktirafan yang diterima oleh sumber manusia kami. CGC telah dianugerahi pengiktirafan Penjenamaan Kakitangan sebagai salah satu penerima Anuerah HR Asia; Syarikat Terbaik untuk Bekerja di Asia (Bahagian Malaysia). Maklumat lanjut boleh dirujuk di bahagian "Pencapaian & Kejayaan 2016* Laporan Tahunan ini.

MASYARAKAT/KOMUNITI

Memperkayakan Komuniti

Kami kekal komited untuk memberi kesan positif kepada masyarakat di mana kami beroperasi. Daripada menyokong sekolah dan murid-murid sekolah, kepada menyediakan sokongan wang tunai dan barangan kepada badan amal dan mereka yang kurang upaya, kepada usaha menyebarkan keceriaan di musim perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali, Hari Keamatan, Gawai dan Krismas, CGC terus memfokuskan usahanya untuk berbakti kepada komuniti dan membangunkan masa depan mampan untuk mereka. CGC meluaskan liputannya kepada mereka yang memerlukan bantuan melalui interaksi dengan kanak-kanak sekolah dan masyarakat setempat, organisasikebajikan dan kumpulan berkepentingan bagi membantu pembangunan sumber jangka panjang dan konstruktif.

Pada 2016, CGC telah memperuntukkan lebih kurang RM400,000 untuk program pembangunan komuniti dan program jangkauan. Ini meliputi pelancaran 25 program Tanggungjawab Korporat (CR) yang dianjurkan dengan kerjasama pelbagai badan amal dan NGO. Secara keseluruhan, lebih kurang 3,000 orang rakyat Malaysia di seluruh negara menerima manfaat daripada usaha kami.

Satu senarai aktiviti Tanggungjawab Korporat yang telah dijalankan oleh Syarikat disediakan dalam bahagian "Tanggungjawab Korporat" Laporan Tahunan ini.

MEMBINA MASA DEPAN MAMPAN

Ketika bergerak maju ke hadapan, kami bukan sahaja terus bertekad untuk menyemai kemampanan dalam strategi dan operasi perniagaan kami, malahan usaha yang lebih besar lagi. CGC akan memfokuskan usahanya terhadap langkah pelaksanaan untuk memastikan agar agenda kemampanan kami selars dengan strategi perniagaannya dan menghasilkan prestasi mampan dari segi EES. Kesimpulannya, dalam jangka panjang CGC bercita-cita untuk mengimbangi antara keunggulan prestasi Ekonominya dengan ciri-ciri kebertanggungjawaban terhadap Alam Sekitar dan pertimbangan Sosial agar CGC dijadikan teladan sebagai korporat yang bertanggungjawab.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT

APR SUMBANGAN UNTUK PEMBINAAN PAGAR SEKOLAH

CGC telah menyumbang sebanyak RM10,000.00 kepada Sekolah Kebangsaan Bukit Lanjan (Asli) Damansara Perdana, Kuala Lumpur sebagai sokongan terhadap inisiatif sekolah tersebut dalam menyediakan persekitaran yang lebih terjamin dan selamat kepada murid-muridnya. Inisiatif Tanggungjawab Korporat ini dijalankan dengan kerjasama Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC).

Majlis Perasmian pagar sekolah SK Bukit Lanjan (Asli) untuk keselamatan para muridnya. (Dari kiri): Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak, Ketua Pegawai Eksekutif MARC, En. Razlan Mohamed, Guru Besar SK Bukit Lanjan, En. Khairul Anuar, Pengurus Kanan Kumpulan Handal Resources En. Azli Abdullah dan Ketua Ekonomi MARC, En. Nor Zahidi Alias.

APR CGC MENYOKONG ACARA 'RELAY FOR LIFE'

CGC mengambil bahagian dalam acara 'Relay For Life' anjuran Persatuan Kebangsaan Kanser Malaysia (NCSM) yang dianjurkan sebagai tanda sokongan kepada golongan yang pernah menghidapi kanser di Malaysia. CGC telah menyumbang sebanyak RM10,000.00 sejajar dengan objektif program tanggungjawab korporatnya. Acara ini juga berperanan sebagai platform untuk warga kerja CGC memupuk semangat berpasukan dan menyumbang kepada masyarakat.

Sukarelawan CGC menyertai acara Relay for Life yang diadakan di Padang Timur, Petaling Jaya, Selangor.

MEI TANGGUNGJAWAB KORPORAT SEMPENA PESTA KEAMATAN

Warga kerja CGC melawat Rumah Warga Tua Sri Harapan yang terletak di Sandakan Sabah untuk membawa sinar harapan dan keceriaan kepada 43 orang penghuninya. Program ini disertai oleh warga kerja CGC dari ibu pejabat dan cawangan Sandakan.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif CGC Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak (2 dari kiri) menyampaikan replika cek kepada YB Datuk Hajah Jainab Datuk Seri Panglima Hj Ahmad Ayid, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna (4 dari kanan). Turut hadir ialah YBhg. Datuk Hjh Armani Datuk Hj. Mahiruddin (4 dari kiri) dan YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Hj. Ampong Puyon (5 dari kiri).

MEI TANGGUNGJAWAB KORPORAT SEMPENA HARI GAWAI

CGC berkongsi kegembiraan dan kasih sayang mereka dengan kanak-kanak dan golongan berkeperluan khas di Miri, Sarawak. Aktiviti Tanggungjawab Korporat ini dianjurkan sempena Sambutan Hari Gawai yang diadakan di Pusat Bulan Sabit Merah (MRC) Sunflower Malaysia.

MRC menerima sumbangan sebanyak RM12,000.00 daripada CGC untuk menyokong Pusat MRC Sunflower dalam melatih dan memupuk perkembangan kanak-kanak berkeperluan khas melalui program dan latihan khusus. CGC mempamerkan komitmennya untuk berbakti kepada semua peringkat masyarakat agar masa depan yang lestari boleh dipupuk untuk golongan kurang bernasib baik dan yang memerlukan bantuan.

Turut hadir untuk memeriahkan program ini ialah YB Dato' Sebastian Ting, Wakil Rakyat Piasai, Sarawak.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak (tengah) bersama kanak-kanak dan Pengerusi MRC, Puan Liza Chai (barisan tengah, kanan) di Pusart MRC Sunflower.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT

JUN BERKONGSI CAHAYA DAN KEBERKATAN RAMADHAN

Untuk berkongsi keceriaan dan mendapat keberkatan di bulan Ramadhan yang mulia, CGC telah menganjurkan majlis Iftar bagi meraikan 40 kanak-kanak dari Rumah Bakti Cahaya Hati (RBCJ) bersama warga kerja dan para jemputannya. Majlis Iftar ini diadakan di Masjid Kelana Jaya Petra di Kelana Jaya, Selangor.

CGC menyampaikan duit raya dan hadiah kepada anak-anak yatim yang hadir. CGC turut menyumbang RM8,000.00 kepada rumah anak yatim tersebut untuk membantu meringankan perbelanjaan aktiviti harian mereka.

Pengerusi CGC Dato' Agil Natt (tengah) menyampaikan sumbangan kepada Pengurus Rumah Bakti Cahaya Hati (RBCH) Puan Wahyuning Widayati Sanyoto. Diperhatikan oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak (kiri).

Pengarah CGC Datuk David Chua Kok Tee menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak dari Rumah Bakti Cahaya Hati (RBCH).

JUN PROGRAM PENGAGIHAN BUBUR LAMBUK & SURAT KHABAR

Program Pengagihan Bubur Lambuk telah diadakan dengan kerjasama Utusan Malaysia di Masjid Jamek Kampung Baru, Kuala Lumpur untuk jemaah dan komuniti berhampiran. Majlis penyampaian replika cek juga berlangsung bagi menandakan penajaan bernilai RM40,000.00 oleh CGC yang merangkumi sumbangan 8,000 naskhah akhbar kepada pengguna jalan raya dengan mesej khas 'Selamat Hari Raya Aidilfitri, Ikhlas daripada CGC' dicetak pada muka hadapan.

Pengerusi CGC Dato' Agil Natt (tengah) bersama-sama Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak (kanan) sedang mengagihkan bubur lambuk.

OGO SUMBANGAN KEPADA ISRA UNTUK PENERBITAN BUKU TEKS EKONOMI ISLAM

CGC menyumbang sebanyak RM200,000.00 kepada International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA) sebagai sokongan kepada usahanya dalam menerbitkan buku teks ekonomi Islam. ISRA adalah sebuah organisasi yang mempromosi penyelidikan gunaan dalam bidang Shariah dan kewangan Islam

Pasukan CGC dan ISRA bergambar di majlis penyerahan replika cek. Dari kiri (CGC) Naib Presiden Kanan, Pembangunan Bumiputera dan Produk, En. Mohd Azman Mohd Taufik, Naib Presiden Kanan, Perkhidmatan Korporat ketika itu, Datin Komathi Lalitha Veeriah, Ketua Pegawai Risiko, En. Perbagaran Kuppusamy, Ketua Pegawai Kewangan, Tn. Syed Naufal Shahabudin, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif CGC Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak. Pengarah Eksekutif ISRA, Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin, Pengarah Operasi, Jabatan Hal Ehwal Am, En. Abu Bakar Sidek, Ketua Pegawai Eksekutif ISRA Consultancy Sdn Bhd. Dr. Ashraf bin Md Hashim dan Pengarah Penyelidikan, Jabatan Hal Ehwal Penyelidikan, Dr. Marjan Muhammad.

OKT MEMBAWA KERIANGAN DEEPAVALI KEPADA MASYARAKAT DI PERAK

Bersempena dengan perayaan Deepavali, CGC meneruskan inisiatif Tanggungjawab Korporatnya dengan menganjurkan program membeli-belah untuk golongan kurang bernasib baik di Perak. Lebih kurang 30 keluarga telah menerima baucar membeli-belah bernilai RM350.00 setiap keluarga untuk membeli barangan keperluan mereka dalam menyambut Perayaan Cahaya. CGC telah menyumbang sebanyak RM16,000.00 kepada penerima dan rumah perlindungan.

Ketua Pegawai Kewangan CGC, Tuan Syed Naufal Shahabudin (3 dari kanan) dan Penolong Naib Presiden Komunikasi Korporat En. Kumaran Vyraperumal sedang menyampaikan sumbangan kepada penerima di program tersebut sambil diperhatikan oleh Pn. Punitha Jeyabalan, Pengurus, Cawangan CGC Ipoh.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT

OKT SUMBANGAN KEPADA PERTUBUHAN KEBAJIKAN MENTAL SELANGOR

CGC menderma sebanyak RM3,000 kepada Pertubuhan Kebajikan Mental Selangor (PKMS), untuk membantu perbelanjaan harian pusat tersebut.

Naib Presiden Kanan Perkhidmatan Korporat ketika itu, Datin Komathi Lalitha Veeriah (2 dari kanan) menyampaikan cek replika kepada Presiden Pertubuhan Kebajikan Mental Selangor (PKMS), En. Prem Anand (3 dari kanan). Penyerahan tersebut disaksikan oleh Penolong Naib Presiden Komunikasi Korporat CGC, En. Kumaran Vyraperumal (kanan).

OKT SUMBANGAN KEPADA PERTUBUHAN PERMATA AL-MAHABBAH, PULAU PINANG (PUSAT JAGAAN PERMATA KASIH)

CGC bermurah hati dalam menghulurkan bantuan kepada Pertubuhan Permata Al-Mahabah, Pulau Pinang (Pusat Jagaan Permata Kasih), sebuah rumah anak-anak yatim yang dihuni oleh lebih kurang 60 orang kanak-kanak. CGC telah menyumbangkan RM25,000.00 untuk membolehkan rumah tersebut membeli sebuah van bagi menyelesaikan masalah pengangkutan mereka. Pusat itu kini mampu menyusun lebih banyak aktiviti untuk anak-anak yatim tersebut.

Ketua Cawangan CGC, Prai, Pn. Wan Faizah (4 dari kanan) bersama kanak-kanak semasa penyerahan van kepada Rumah Anak Yatim tersebut.

OKT SUMBANGAN KEPADA PERTUBUHAN KEBAJIKAN SKIZOFRENIA MALAYSIA

CGC mennghulurkan sumbangan berjumlah RM7,350.00 kepada Pertubuhan Kebajikan Skizofrenia Malaysia bagi menyokong usaha mereka dalam mengumpul derma untuk membeli tiga (3) buah kerusi roda automatik untuk kegunaan penghuninya.

Ketua Pegawai Kewangan CGC, Tuan Syed Naufal Shahabudin (6 dari kanan) menyampaikan cek replika kepada Presiden Pertubuhan Kebajikan Skizofrenia Malaysia, En. Lourdes Mudiappan (4 dari kiri) sebagai tanda sumbangan CGC kepada yayasan berkenaan. Turut hadir semasa penyerahan sumbangan tersebut adalah Naib Presiden Komunikasi Korporat CGC En. Kumaran Vyraperumal bersama-sama dengan warga kerja CGC dari jabatan Modal Insan dan Komunikasi Korporat.

OKT KEMPEN DERMA DARAH

Dengan kerjasama Pusat Darah Negara, CGC telah menganjurkan kempen derma darah di ibu pejabatnya di Kelana Jaya,Selangor. Kempen ini yang merupakan aktiviti tahunan CGC mendapat sokongan daripada 44 warga kerjanya yang tampil menderma darah.

Warga kerja CGC yang prihatin mempamerkan sokongan mereka dengan menyertai Kempen Derma Darah.

DEC SUMBANGAN KRISMAS UNTUK RUMAH HOPE

Bersempena dengan sambutan Hari Krismas, CGC menyumbangkan RM12,000.00 kepada Rumah Hope, Petaling Jaya, Selangor bagi membantu inisiatif mereka dalam menyediakan persekitaran yang kondusif serta kemudahan penjagaan kesihatan kepada kanak-kanak di rumah tersebut.

Ketua Pengawai Kewangan CGC, Tuan Syed Naufal Shahabuddin (2 dari kiri) sedang menyerahkan cek RM10,000.00 kepada Pengerusi Rumah Hope, En. Jacob Matthew (2 dari kanan) dengan disaksikan oleh Penolong Naib Presiden Komunikasi Korporat CGC, En. Kumaran Vyraperumal (kanan sekali) dan Pentadbir Rumah Hope, Cik Stephanie Chia (kiri).

DIS SUMBANGAN UNTUK ALAM SEKITAR BERSIH

Warga kerja CGC menyapu, membersih dan mengindahkan persekitaran di Taman Perbandaran Kelana Jaya. Antara aktiviti yang disusun ialah menanam pokok bagi menggambarkan sumbangan dan sokongan mereka terhadap program tersebut. Ini merupakan sebahagian daripada inisiatif CGC dalam memupuk semangat kerja berpasukan dan kesedaran sivik di kalangan warga kerjanya.

Sebanyak 100 batang pokok telah ditanam di taman tersebut. Program ini juga dianjurkan di seluruh negara oleh warga kerja CGC di semua 16 cawangannya.

Warga kerja CGC sedang menanam anak pokok di Taman Perbandaran Kelana Jaya.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT

DIS PROGRAM KEMBALI KE SEKOLAH UNTUK MASYARAKAT ORANG ASLI

CGC telah mengadakan Program 'Kembali Ke Sekolah' Ke 3 untuk Orang Asli sebagai sebahagian daripada sumbangannya untuk kanak-kanak tersebut bagi sesi persekolahan 2017. CGC menyumbangkan barangan keperluan persekolahan kepada 158 kanak-kanak sekolah dari Penempatan Orang Asli Batang Kali, Selangor.

Program Tanggungjawab Korporat 'Kembali Ke Sekolah' CGC untuk Orang Asli ini bertujuan untuk meringankan beban kewangan keluarga Orang Asli sebelum sesi persekolahan bermula. Ia juga untuk meningkatkan minat dan menyemai tentang kepentingan pendidikan dalam kalangan Kanak-Kanak Orang Asli.

Program ini menyaksikan pasukan pengurusan CGC dan para sukarelawan dari Kelab Rekreasi CGC (KRCGC) melayani kanak-kanak dan keluarga mereka dengan pelbagai aktiviti dan hidangan makan tengah hari yang lazat.

Pasukan Pengurusan dan warga kerja CGC bersama kanak-kanak orang Asli memberi isyarat 'bagus' untuk program ini.

JAN MAKAN TENGAHARI & MEMBELI-BELAH SEMPENA HARI TAHUN BARU CINA

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak bersama Pengurusan Kanan CGC dan penerima sumbangan sedang menggaul Yee Sang semasa majlis makan tengahari Tahun Baru Cina yang diadakan untuk keluarga kurang bernasib baik di Kuala Lumpur.

Bersempena Perayaan Tahun Baru Cina, CGC dengan kerjasama KECHARA Soup Kitchen membawa keriangan dan keceriaan kepada 30 buah keluarga Cina yang kurang bernasib baik dengan meraikan mereka di majlis khas makan tengah hari dan membeli-belah sempena Tahun Baru Cina.

Keluarga tersebut menerima baucar membeli-belah TESCO bernilai RM300.00 setiap satu untuk membeli-belah. Mereka turut diraikan dengan persembahan tarian singa dan menggaul hidangan tradisi Cina – Yee Sang. Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak, telah menyampaikan derma RM5,000.00 kepada Cik Julie Tan, Naib Presiden KECHARA Soup Kitchen sebagai tanda sokongan terhadap usaha murni mereka yang berhasrat untuk membantu golongan miskin bandar.

APR

PROGRAM PENGAGIHAN MAKANAN UNTUK GOLONGAN GELANDANGAN DAN MISKIN BANDAR

Untuk menyampaikan baktinya kepada komuniti yang kurang bernasib baik, CGC telah menganjurkan program pembahagian makanan khusus kepada 750 orang gelandangan dan miskin bandar di Kuala Lumpur dengan kerjasama PERTIWI Soup Kitchen. Selain itu, CGC juga menyumbangkan RM4,000.00 kepada PERTIWI Soup Kitchen untuk menyokong usaha murni mereka.

Program yang diadakan di Pusat Khidmat Gelandangan Medan Tuanku, Kuala Lumpur ini telah dihadiri oleh Pengerusi CGC, Dato' Agil Natt dan isteri, Datin Sharifah Fatimah, Pengurusan Kanan dan warga kerja termasuk daripada cawangan Kota Kinabalu dan Sandakan.

Sumbangan telah disampaikan oleh Pengerusi CGC, Dato' Agil Natt kepada Pengerusi Projek PERTIWI Soup Kitchen, Datuk Munirah Abdul Hamid.

APR

PROGRAM TANGGUNGJAWAB KORPORAT BERSAMA OLEH CGC & EXIM BANK MALAYSIA

Sekumpulan 171 orang kanak-kanak Rohingya dari Madrasah Hashimiah (MH) Selayang, Selangor menghabiskan masa penuh keriangan di Zoo Negara, ihsan CGC dan EXIM Bank. Program ini bermatlamat untuk memberi kanak-kanak yang berusia antara 4 hingga 18 tahun ini, peluang untuk menikmati pelbagai aktiviti luar dan menimba ilmu pengetahuan mengenai usaha pemeliharaan dan pemuliharaan haiwan di Zoo Negara. Program ini juga bermatlamat untuk membantu rumah anak yatim ini dari segi kewangan kerana sumber pendapatan utamanya hanya bergantung kepada sumbangan derma daripada syarikat-syarikat korporat, badan bukan kerajaan (NGO), organisasi kebajikan, zakat dan sumbangan orang perseorangan untuk menampung perbelanjaan mereka.

Usahasama yang pertama antara dua buah institusi kewangan ini telah dihadiri oleh Dato' Agil Natt, Pengerusi CGC, Datuk Mat Noor Nawi, Pengerusi EXIM Bank, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, dan Pn Norzilah Mohammed, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif EXIM Bank serta Pengurusan dan warga kerja kedua-dua organisasi.

Pengerusi CGC, Dato' Agil Natt (hujung kiri) dan Pengerusi EXIM Bank, Datuk Mohd Noor Nawi (2 dari kiri), Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif (2 dari kanan) dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif EXIM Bank Pn. Norzilah Mohammed (hujung kanan) bergambar dengan kanak-kanak Rohingya sambil memberi isyarat 'bagus'.

ULASAN OPERASI

118 Skim Jaminan /Pembiayaan

120 Kajian Operasi

122 Maklumat Utama Operasi

124 Peristiwa Korporat

130 CGC Dalam Liputan Akhbar

132 Kesedaran Jenama dan Hubungan Media

SKIM JAMINAN /PEMBIAYAAN

Pada 2016, CGC mengendalikan sejumlah 19 skim jaminan/pembiayaan, enam (6) daripadanya di bawah kategori Skim Utama, enam (6) di bawah kategori Skim Sokongan Kerajaan, empat (4) di bawah Skim Pembiayaan, Skim Jaminan Portfolio, Skim SmallBiz Express dan Skim Jaminan Borong.

Skim Jaminan/Pembiayaan CGC adalah seperti disenaraikan di bawah:

SKIM UTAMA

1. BizJamin
2. BizJamin-i
3. BizJamin Bumi
4. BizJamin Bumi-i
5. BizMaju
6. BizSME

SKIM SOKONGAN KERAJAAN

1. Skim Jaminan Fleksi (FGS)
2. Skim Pembiayaan Francais (FFS)
3. Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS)
4. Skim-i Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS-i)
5. Skim Pembiayaan Hartanah Pintar (IPFS)
6. Skim-i Pembiayaan Hartanah Pintar (IPFS-i)

SKIM PEMBIAYAAN

1. Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i (TPUB-i)
2. BizMula-i
3. BizWanita-i
4. BizBina-i

SKIM JAMINAN PORTFOLIO

SKIM SMALLBIZ EXPRESS (SBE)

SKIM JAMINAN BORONG

SKIM	2014		2015		2016	
	Bilangan Akaun	Nilai (RM Juta)	Bilangan Akaun	Nilai (RM Juta)	Bilangan Akaun	Nilai (RM Juta)
SKIM UTAMA	1187	315.5	982	255.7	848	227.2
ENHANCER	599	155.2	436	123.1	357	99.3
ENHANCER-i	114	44.9	113	55.2	127	57.2
SBE	57	5	86	0	37	1.1
DAGS	224	69.6	62	17.1	90	23.3
Lain-lain*	193	40.8	285	60.3	237	46.3
SKIM SOKONGAN KERAJAAN	240	604.2	1,318	740.7	651	641.4
FGS	167	65.8	323	141.4	601	310.4
FFS	13	21.9	4	4.2	2	0.2
GTFS	20	190.9	31	162.7	24	143.2
GTFS-i	30	285.2	24	287.0	23	186.1
IPFS	1	10.0	-	-	-	-
IPFS-i	9	30.4	3	6.5	1	1.5
SRF	-	-	933	138.9	-	-
SKIM PEMBIAYAAN	230	604.2	1,318	740.7	574	210.2
TPUB-i	167	65.8	323	141.4	201	178.0
Pemberian Pinjaman Langsung	13	21.9	4	4.2	-	-
BizMula-i	20	190.9	31	162.7	230	19.6
BizWanita-i	30	285.2	24	287.0	143	12.6
JAMINAN PORTFOLIO*	2,689	1,575.0	2,997	1,680.0	3,680	2,705.0
JAMINAN BORONG*	2,296	500.0	2,075	450.0	1,815	440.0
JUMLAH	6,839	3,175.2	8,225	3,355.6	7,568	4,223.8

Nota:
* Lain-lain: BizMaju, Enhancer Express, BizJamin Bumi, BizJamin Bumi-i, & BizSME #.
* Jumlah bagi PG & WG bagi tahun 2016 dicapai berasaskan kepada perjanjian ditandatangani dengan FI.

KAJIAN OPERASI

HALA TUJU PEMBERIAN PINJAMAN MENGIKUT SEKTOR

Secara umum, CGC mengkategori portfolionya kepada tiga (3) sektor utama iaitu perniagaan am, perkilangan dan pertanian. Bilangan dan nilai jaminan/pembiayaan di bawah sektor-sektor ini adalah seperti berikut:

SEKTOR	Bilangan Akaun	Nilai (RM Juta)
Perniagaan Am	6,450	2,867.9
Perkilangan	974	507.7
Pertanian	107	52.3

TABURAN MENGIKUT NEGERI

Tiga (3) negeri teratas mengikut bilangan akaun dan nilai jaminan/pembiayaan adalah seperti ditunjukkan di bawah:

NEGERI	Bilangan Akaun	Nilai (RM Juta)
Selangor	1,882	920.6
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	1,440	836.9
Johor	903	372.6

JULAT JAMINAN / SAIZ PEMBIAYAAN

Julat jaminan / saiz pembiayaan dan nilai diluluskan di bawah semua skim adalah seperti ditunjukkan di bawah:

JULAT PINJAMAN	Skim Keseluruhan	
	Bilangan Akaun	Nilai (RM Juta)
RM100,000 & ke bawah	1,148	133.2
RM100,001 – RM500,000	4,723	1,402.6
RM500,001 – RM1,000,000	1,359	1,132.5
RM1,000,001 – RM2,000,000	211	317.9
RM2,000,001 & ke atas	90	441.6

PECAHAN KOMPOSISI JAMINAN/PEMBIAYAAN MENGIKUT KUMPULAN

Bilangan akaun dan nilai jaminan / pembiayaan adalah seperti ditunjuk di bawah:

KUMPULAN	Bilangan Akaun	Nilai (RM Juta)
Bumiputera	1,568	748.5
Cina	5,144	2,400.6
India	538	171.5
Lain-lain	281	107.3

MAKLUMAT UTAMA OPERASI

BILANGAN DAN NILAI KESELURUHAN JAMINAN / PEMBIAYAAN DI BAWAH SEMUA SKIM

BILANGAN



NILAI (RM Bilion)



JUMLAH JAMINAN / PEMBIAYAAN (MENGIKUT BILANGAN DAN NILAI DI BAWAH SEMUA SKIM)

BILANGAN



NILAI (RM Bilion)



JULAT JAMINAN / SAIZ PEMBIAYAAN (SEMUA SKIM)



PECAHAN JAMINAN / KOMPOSISI PEMBIAYAN MENGIKUT KUMPULAN (SEMUA SKIM)



PERISTIWA KORPORAT

PERKONGSIAN STRATEGIK CGC DAN BSN BAGI MEMPERTINGKAT PEMBIAYAAN MIKRO PKS

Dari kiri: Pengerusi CGC, Dato' Agil Natt, Presiden/CEO CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak, Pengarah Pembangunan Kewangan dan Perniagaan BNM, Puan Marina Abdul Kahar, Timbalan Menteri Kewangan I, YB Dato' Wira Othman Aziz, Timbalan Ketua Eksekutif BSN, Encik Kameel Abdul Halim dan Pengerusi BSN, Tan Sri Abu Bakar Hj. Abdullah.

CGC mencipta satu lagi kejayaan apabila ia menandatangani perjanjian Jaminan Portfolio (PG) pertama yang pernah dilaksana dengan BSN untuk menyediakan pembiayaan sebanyak RM50 juta kepada perniagaan mikro. Di bawah perjanjian ini, perniagaan mikro boleh memohon sama ada kemudahan pembiayaan Islam atau Konvensional daripada BSN iaitu minimum sebanyak RM5,000 hingga maksimum RM50,000 pada tempoh tetap lima tahun.

CGC akan menyediakan jaminan sehingga 70% ke atas jumlah pembiayaan yang diluluskan oleh Bank sepertimana dipersetujui di bawah perjanjian tersebut. Kolaborasi ini menunjukkan usaha kedua-dua pihak untuk menyediakan bantuan kewangan kepada Perniagaan Mikro yang layak dan berdaya maju. Di samping itu, ia juga bertujuan mendorong transformasi perniagaan-perniagaan tersebut menjadi PKS, selain menyasar untuk meliputi kira-kira 2,500 perniagaan mikro Bumiputera dan bukan Bumiputera di seluruh negara.

PERKONGSIAN STRATEGIK CGC DAN CIMB BAGI MEMPERTINGKAT PEMBIAYAAN PKS

Ketua Pegawai Eksekutif CIMB, Perbankan Pengguna Kumpulan Encik Renzo Viegas (kiri) bertukar dokumen MoU dengan Ketua Pegawai Perniagaan CGC, Encik Leong Weng Choong (kanan), disaksikan oleh Presiden/CEO CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak (kedua dari kanan) dan Ketua Eksekutif Kumpulan CIMB, YM Tengku Dato' Sri Zafrul Abdul Aziz (kedua dari kiri).

CGC dan CIMB menandatangani perjanjian perkongsian strategik sebagai sebahagian daripada usahasama untuk memupuk dan mempromosi pertumbuhan sektor PKS Malaysia.

Dengan termeterai perjanjian ini, sejumlah RM1 bilion pembiayaan tersedia kepada PKS melalui produk pembiayaan inovatif Jaminan Portfolio (PG).

INSTITUSI KEWANGAN DAN PELANGGAN CEMERLANG DIBERI PENGHORMATAN DI MAJLIS ANUGERAH PKS CGC

Pengerusi CGC, YBhg. Dato' Agil Natt (kiri) dan Presiden/CEO CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak (kanan) dengan penerima Anugerah Rakan FI Teratas. kedua dari kiri, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif OCBC Al-Amin Bank Berhad, Tuan Syed Abdull Aziz Syed Kechik, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Islamic, Encik Nor Shahrizan Sulaiman, YB Datuk Johari Abdul Ghani (ketika itu Timbalan Menteri Kewangan II dan kini Menteri Kewangan II), Pengarah Urusan Kumpulan SME Bank, YBhg. Datuk Mohd Radzif Mohd Yunus dan Ketua Perkidmatan Kewangan Komuniti Malaysia Maybank, YBhg. Datuk Hamirullah Boorhan.

CGC memberi penghormatan kepada empat (4) bank terkemuka atas sumbangan ketara masing-masing terhadap pembiayaan PKS pada tahun 2015 dan kepada 10 pelanggan cemerlang mereka atas rekod pencapaian cemerlang di majlis Anugerah PKS CGC.

Majlis Anugerah PKS CGC yang diadakan sempena Mesyuarat Agung Tahunan ke 43 mengiktiraf bank-bank dalam lima kategori berlainan iaitu, Rakan FI Teratas (kategori keseluruhan), Rakan Kewangan Terbaik, Rakan FI Bumiputera Teratas, Rakan FI Teratas bagi Bank Islam dan Rakan FI Teratas bagi Institusi Kewangan Pembangunan (DFI). Ia diadakan di One World Hotel Petaling Jaya, Selangor dan dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kewangan II ketika itu, YB Dato' Johari Abdul Ghani.

Maybank, Maybank Islamic, OCBC Al-Amin Bank Berhad dan SME Bank muncul sebagai pemenang Anugerah Rakan FI Teratas di bawah kategori keseluruhan. Maybank Islamic turut memenangi anugerah Rakan Kewangan Terbaik sementara OCBC Al-Amin memenangi Anugerah Rakan FI Teratas bagi Bank Islam manakala SME Bank pula diberi Anugerah Rakan FI bagi Institusi Kewangan Pembangunan (DFI).

CGC juga menyampaikan "Anugerah Pelanggan Contoh" kepada para pelanggan yang menunjukkan rekod pencapaian bayaran balik yang baik untuk kemudahan pembiayaan yang diperoleh dan "Anugerah Pelanggan Terbaik" kepada para pelanggan yang tidak lagi memerlukan lindungan jaminan berikutan rekod kredit mereka yang cemerlang serta kejayaan yang dicapai dalam perniagaan.

PEMBIAYAAN BAGI PKS BUMIPUTERA MELALUI PROJEK KOMPLEKS PETROLEUM BERSEPADU PENGERANG

Presiden/CEO CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak (tiga dari kiri) bertukar dokumen dengan CEO JPDC, Encik Mohd Yazid Jaa'far (kedua dari kanan), disaksikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah Negeri Johor, YB Datuk Ir. Hj. Hasni Mohammad (tengah).

CGC menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Perbadanan Pembangunan Petroleum Johor (JPDC) untuk memberi akses pembiayaan kepada PKS Bumiputera yang terlibat dalam projek Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang.

Pembiayaan kepada PKS Bumiputera yang telah diberi kontrak di bawah projek Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) disediakan oleh CGC sebagai sokongan kepada agenda kerajaan untuk mempertingkatkan taraf PKS Bumiputera dengan menyediakan pelbagai peluang untuk memainkan peranan utama dalam menyumbang kepada ekonomi negara.

PERISTIWA KORPORAT

MEMORANDUM PERSEAHAMAN (MOU) BERSAMA MRT CORP BAGI MEMBANTU KONTRAKTOR KECIL BUMIPUTERA MENDAPAT AKSES PEMBIAYAAN

Pengerusi CGC, Dato' Agil Natt (kedua dari kiri) dan Presiden/ CEO CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed. Disaksi oleh CEO MRT Corp, Dato' Sri Shahril Mokhtar.

CGC menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama MRT Corp. untuk membantu kontraktor kecil Bumiputera yang mengambil bahagian dalam projek MRT Laluan Sungai Buloh- Serdang-Putrajaya (SSP) di bawah projek MRT Lembah Klang (KVMRT) untuk mendapatkan akses kepada pembiayaan.

Kolaborasi ini menunjukkan peranan CGC dalam pelbagai projek pembangunan infrastruktur seperti MRT Laluan 2 yang termasuk di bawah agenda Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

Majlis menandatangani MoU yang diadakan di Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia itu telah disaksikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed dan Pengerusi CGC, Dato' Agil Natt.

MAJLIS MENANDATANGANI JAMINAN PORTFOLIO (PG) ANTARA CGC DAN AMBANK ISLAMIC

Presiden/CEO CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak (duduk kiri), Pengerusi CGC, Dato' Agil Natt (berdiri kiri), Pengerusi Kumpulan AmBank, Tan Sri Dato' Azman Hashim (tengah), CEO AmBank Islamic, Encik Eqhwan Mokhzanee Muhammad (duduk kanan), dan CEO Kumpulan AmBank, Dato' Sulaiman Mohd Tahir (berdiri kanan)

CGC dan AmBank Islamic menandatangani perjanjian Jaminan Portfolio (PG) untuk mempertingkatkan lagi pembiayaan PKS di Malaysia. Melalui kolaborasi kedua ini, CGC dan AmBank akan menyediakan sebanyak RM300 juta pembiayaan kepada PKS yang layak.

Ia bertujuan untuk meluaskan lagi capaian PKS CGC di Malaysia melalui produk dan perkhidmatannya sambil pada masa yang sama, menyokong agenda kerajaan dalam membolehkan PKS menjadi penyumbang penting kepada pertumbuhan ekonomi negara.

"KLINIK USAHAWAN" UNTUK PKS DI SABAH

YB Datuk Haji Tawfiq Datuk Seri Panglima Haji Abu Bakar Titingan, Menteri Belia dan Sukan Sabah (barisan depan, lima dari kiri), YBhg. Datuk Haji Osman Haji Jamal, Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah (barisan depan, empat dari kiri) dan Presiden/CEO CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak (barisan depan, enam dari kiri) dengan para peserta Klinik Usahawan.

CGC menganjurkan "Klinik Usahawan" di Sabah untuk mewujudkan platform bagi PKS mendapatkan maklumat lanjut mengenai produk pembiayaan serta khidmat nasihatnya serta mempertingkatkan capaian PKS.

"Klinik Usahawan" yang berlangsung di Promenade Hotel, Tawau telah dirasmikan oleh by YB Datuk Haji Tawfiq Datuk Seri Panglima Haji Abu Bakar Titingan, Menteri Belia dan Sukan Sabah. Ia telah dihadiri oleh lebih 300 peserta.

CGC MENGANJURKAN CERAMAH PERNIAGAAN UNTUK PKS BUMIPUTERA

Naib Presiden Kanan Pembangunan Bumiputera & Produk CGC, Encik Mohamed Azman Mohamed Taufik (tiga dari kiri) dengan paa penceramah di sesi tersebut.

CGC menjalin kolaborasi bersama 9 TERAJU dalam menganjurkan ceramah keusahawanan selama sehari - 'Dahsyatnya Berbisnes' yang bertujuan untuk membantu usahawan Bumiputera mendapatkan maklumat mengenai pembiayaan perniagaan dan khidmat nasihat dan juga untuk memperkasa mereka melalui beberapa latihan sebagai sebahagian daripada inisiatif hubungan dengan para usahawan Bumiputera.

Melalui ceramah ini, CGC telah mewujudkan kesedaran tentang kemudahan pembiayaan yang tersedia kepada usahawan Bumiputera mendapatkan pembiayaan untuk perniagaan mereka.

PERISTIWA KORPORAT

CGC ANTARA PENAJA THE STAR OUTSTANDING BUSINESS AWARDS (SOBA)

Dari kiri: CEO MATRADE, YBhg Dato' Dzulkifli Mahmud, Presiden/ CEO CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak, MD/CEO Kumpulan Star Media Group Berhad, YBhg. Datuk Seri Wong Chun Wai, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Kedua, YB Dato' Seri Ong Ka Chuan, Pengerusi The Star Media Group Berhad YBhg Dato' Fu Ah Kiow, CEO Ambank Islamic Berhad, Encik Eqhwan Mokhzanee bin Muhammad, Pengarah Hartanah UOA Development Berhad, Cik Cecilia Chan dan MD/CEO BMW Malaysia, Encik Han Sang Yun.

CGC merupakan antara penaja The Star Outstanding Business Awards (SOBA) 2016.

SOBA mengiktiraf perniagaan baharu iaitu perniagaan-perniagaan tempatan atas sumbangan mereka kepada ekonomi Malaysia dan atas usaha dan pencapaian terbilang mereka.

SOBA menyuntik semangat dan menggalakkan perniagaan tempatan mempromosi Malaysia dan pada masa yang sama menaikkan nama PKS serta para usahawan baharu.

CGC mengambil bahagian sebagai salah sebuah penaja untuk kali kedua kerana objektif SOBA juga selaras dengan objektif CGC iaitu untuk memupuk dan menggalakkan keusahawanan di Malaysia.

PERSIDANGAN ACSIC KE-29 DI BANGKOK

Pengerusi CGC, YBhg. Dato' Agil Natt (kedua dari kiri) dan Presiden/ CEO CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak (kedua dari kanan) menghadiri Persidangan ACSIC Ke-29 yang berlangsung di Bangkok. Turut berada dalam gambar ialah Ketua Pegawai Perniagaan CGC, Encik Leong Weng Choong (di hujung kiri) dan Naib Presiden Penjenamaan dan Khidmat Nasihat Strategik CGC, Cik Jenny Hoh Chiew Moi (di hujung kanan).

Persidangan ACSIC Ke-29 yang bertemakan "Credit Supplementation: The Challenges of Creating Value for Entrepreneurs" telah berlangsung di the Peninsula Bangkok pada bulan November 2016. Persidangan ini bermatlamat untuk menggalakkan perkembangan sihat sistem penambahan kredit untuk perniagaan kecil di negara-negara Asia melalui pertukaran maklumat, perbincangan, serta pertukaran kakitangan di kalangan institusi pertambahan kredit kecil di Asia.

JAMINAN PORTFOLIO (PG) BERNILAI RM1.5 BILION UNTUK MENYOKONG PEMBIAYAAN PKS BERSAMA MAYBANK

Ketua Perbankan PKS Maybank, Encik Mohd Zaini Aris (kiri) bertukar dokumen dengan Ketua Pegawai Perniagaan CGC, Encik Leong Weng Choong (kanan). Yang menyaksikan ialah Ketua Komuniti Perkhidmatan Kewangan Maybank, YBhg. Datuk Hamirullah Boorhan (kedua dari kiri) dan Presiden/CEO CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak (dua dari kanan).

CGC mencapai satu lagi kejayaan selepas menandatangani perjanjian perkongsian strategik dengan Maybank bagi menyediakan sehingga RM1.5 bilion pembiayaan untuk PKS melalui skim jaminan portfolio (PG) CGC.

Perkongsian strategik ini menyediakan peluang kepada kedua-dua pihak untuk bersama-sama membawa PKS ke satu tahap lebih tinggi dan kekal responsif memandangkan PKS merupakan penyumbang penting kepada ekonomi Malaysia.

CGC MENYOKONG ANUGERAH GOLDEN EAGLE (GEA) OLEH NANYANG

(Dari kiri) Encik Yap Seng Chong, Ketua Jaminan – Ernst & Young, Datuk Dr. Ting Chung Cheng, Presiden Kehormat Persatuan Pelabur Taipei di Malaysia, Datuk Dr. A. T. Kumararajah, Hakim GEA /CEO Urussetia Pemerkasaan Usahawan India (SEED), Encik Chan Aun Kuang, Ketua Pengarang Nanyang Siang Pau, Datuk Michael Kang Hua Keong, Presiden Kebangsaan Persatuan PKS Malaysia, Tan Sri Datuk Sir Tiong Hiew King, Pengerusi Eksekutif Kumpulan Media Chinese International Limited dan Nanyang Press Holding, Y.B. Datuk Johari Abdul Ghani, Menteri Kewangan II, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak, Presiden/CEO CGC, Datuk Ter Leong Yap, Presiden Associated Chinese Chamber of Commerce & Industry Malaysia, Encik Low Hoong Fee, CEO Nanyang Siang Pau, Dato, Chua Tia Guan, Ahli Pengasas Pasukan Petugas Khas Pemudah Perniagaan, Jabatan Perdana Menteri (PEMUDAH), Encik Ho Hon Sang, CEO Mah Sing Group, Dato' Low Kian Chuan, Hakim GEA, Cik Sin Wai Yeng, Pengarang Eksekutif Nanyang Siang Pau.

CGC merupakan antara penaja utama Anugerah Nanyang Golden Eagle (GEA 2016) yang memberi penghormatan kepada PKS terbaik di Malaysia dengan memberi mereka pengiktirafan sewajarnya kerana mencapai kejayaan yang diusahakan dan pencapaian terbilang.

GEA bertujuan menyediakan platform berkesan untuk menanda aras PKS berjaya dan bagi mengiktiraf kegigihan mereka mencapai kecemerlangan di pasaran masakini yang sering berubah, berdaya saing dan bersifat global.

CGC mengambil bahagian sebagai penaja GEA 2016 yang buat pertama kali mempertingkatkan selanjutnya capaian PKS kepada pelbagai segmen komuniti PKS.

CGC DALAM LIPUTAN AKHBAR

CGC bekerjasama dengan fintech

Workshop guides SMEs in their quest to penetrate hypermarkets

CGC targets RM14.5bil SME loan base by 2020

CIMB and CGC to offer RM1bil in loans to SMEs

RM300m boost for SME financing

Maybank partners CGC in RM1.5bil financing deal

Amount is in addition to RM1.2bil in 2014 and RM1.0bil last year

CGC-BSN pact to offer RM50m financing to micro entreprises

KESEDARAN JENAMA DAN HUBUNGAN MEDIA

HUBUNGAN MEDIA

Kehadiran CGC melalui liputan media bertambah teguh pada tahun 2016 dengan liputan media diperoleh, antara lain mengenai beberapa kolaborasinya dengan institusi kewangan tempatan, pelancaran produk baharu, menandatangani Memorandum Persefahaman dan inisiatif Tanggungjawab Korporat (CR). Di samping itu, beberapa temu bual eksklusif bersama media juga diatur bagi ahli-ahli Lembaga, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif dan pengurusan kanan dengan beberapa akhbar utama dan stesen radio dan TV terkemuka. Selain itu, usaha dan inisiatif menjalin hubungan erat dengan media melalui aktiviti membina rangkaian seperti pelancaran media dan lawatan media juga dianjurkan pada tahun ini.

KEMPEN PENGIKLANAN

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan menambahbaik dan mempromosi CGC sebagai jenama terulung di kalangan PKS, CGC mengendalikan beberapa kempen pengiklanan pada tahun 2016. Kempen tersebut termasuk pengiklanan korporat dan produk dilaksanakan di media utama seperti media cetak, radio, atas talian dan juga di media sosial. Dalam meningkatkan pendekatan kami melalui segmen PKS di negara ini, kempen pengiklanan telah dijalankan dalam bahasa utama iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil.

KESEDARAN JENAMA DAN HUBUNGAN MEDIA

PENAMPILAN JENAMA

Selaras dengan aspirasi untuk menjadi Pilihan Utama bagi PKS Menjelang 2020 seperti digariskan dalam Pelan Strategik 5 Tahun (2016-2020), CGC telah mengambil keputusan untuk berketerampilan lebih proaktif dan relevan kepada PKS. CGC akan terus memanfaatkan pengalamannya selama 45 tahun dalam memperkasa PKS Malaysia untuk mewujudkan 'CGC' sebagai Institusi Jaminan yang menjadi rakan pertumbuhan dan perkembangan perniagaan mereka.

HAK PENJENAMAAN STESEN LRT

Projek Perluasan Laluan (LEP); yang melibatkan pengluasan laluan Transit Rel Ringan (LRT) Kelana Jaya yang dijalankan oleh Prasarana Integrated Development Sdn Bhd (PRIDE), berjaya disiapkan pada bulan Jun 2016. Peluasan yang mewujudkan 13 stesen baharu memberi peluang kepada CGC mengambil bahagian dan mendapat hak menama Stesen LRT Glenmarie, yang terletak di sekitar ibu pejabat CGC di Kelana Business Centre, Petaling Jaya, Selangor.

CGC berjaya mendapatkan hak penjenamaan kepada stesen berkenaan yang telah diberi nama baharu sebagai Stesen LRT CGC Glenmarie mulai 9 Mei 2017. Dengan hak penjenamaan stesen ini, CGC juga menikmati hak menggunakan 70% ruang iklan di stesen tersebut untuk mempromosi jenamanya. Di samping itu, logo CGC juga akan dipaparkan di semua peta laluan stesen LRT yang akan secara berkesan membolehkan CGC sampai kepada jutaan individu yang berulang-alik menggunakan perkhidmatan LRT bersepadu di Lembah Klang.

Melalui inisiatif ini, kami akan menampilkan jenama dan perkhidmatan CGC lebih rapat kepada rakyat Malaysia dan mewujudkan tahap kesedaran lebih tinggi selaras dengan aspirasi kami untuk menjadi Pilihan Utama bagi PKS Menjelang 2020.

Persiaran Kerjaya
Parkir Kereta
Bas
Plaza Glenmarie
Kelana Centre Point
Pusat Dagangan Kelana
Stadium MBPJ
Taman Tasik Bandaran
LRT Laluan Kelana Jaya
CGC
TPUB-i
BizSME
Pembiayaan untuk
Mengembangkan
Perniagaan Anda

CGC - Glenmarie
Subang Jaya
Psrn. Kewajipan
Bangsar
Bdr. Sunway
K. Lumpur
Petaling Jaya
Klang
Shah Alam

PENYATA KEWANGAN

138 Laporan Para Pengarah

142 Penyata Kedudukan Kewangan

144 Penyata-penyata Pendapatan Komprehensif

146 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

148 Penyata-penyata Aliran Tunai

151 Nota-nota Penyata Kewangan

259 Penyata Pengarah

259 Akuan Berkanun

260 Laporan Juruaudit Bebas

LAPORAN PARA PENGARAH

LAPORAN PARA PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

AKTIVITI UTAMA

Syarikat telah terlibat terutamanya dalam penyediaan jaminan, pinjaman dan pembiayaan. Aktiviti utama syarikat subsidiari adalah penyediaan perkhidmatan rujukan kredit, penarafan kredit dan perkhidmatan seumpamanya yang berkaitan dengan biro kredit. Tiada perubahan ketara dalam aktiviti-aktiviti utama ini sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	236,284	167,730

DIVIDEN

Tiada dividen yang dibayar atau diisytiharkan oleh Syarikat sejak akhir tahun keuntungan lepas. Para Pengarah tidak mencadangkan sebarang bayaran dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Semua pindahan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan dinyatakan dalam penyata kewangan.

HUTANG DAN PEMBIAYAAN LAPUK DAN RAGU

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah yang sewajarnya untuk menentukan bahawa langkah sepatutnya telah diambil berhubung dengan penghapusan hutang dan pembiayaan lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang dan pembiayaan tidak berbayar, dan berpuas hati bahawa semua hutang dan pembiayaan lapuk yang diketahui telah pun dihapus kira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang dan pembiayaan ragu.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang keadaan yang mungkin menyebabkan jumlah yang dihapus kira sebagai hutang lapuk atau jumlah peruntukan bagi hutang dan pembiayaan tidak berbayar dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi pada tahap ketara.

ASET SEMASA

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa aset semasa, selain hutang dan pembiayaan, yang tidak berkemungkinan menunjukkan nilai buku sebenar dalam urusan perniagaan biasa Kumpulan dan Syarikat, nilainya seperti yang ditunjukkan dalam rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat, telah diturun nilai ke paras yang dijangka dapat dihasilkan.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan di mana nilai harta semasa Kumpulan dan Syarikat dalam penyata kewangan mengelirukan.

KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang wujud berkaitan dengan kaedah penilaian aset dan tanggungan Kumpulan dan Syarikat yang boleh mengelirukan atau tidak tepat.

LIABILITI LUAR JANGKA DAN LIABILITI LAIN

Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:

(a) sebarang gadaian ke atas harta Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan bagi menjamin liabiliti mana-mana pihak lain; atau

(b) apa-apa liabiliti luar jangka ke atas Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan daripada perjalanan biasa perniagaan atau kegiatan-kegiatan Kumpulan.

Tidak ada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain bagi Kumpulan dan Syarikat yang telah atau mungkin dituntut dalam jangka masa dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang mana, mengikut andaian para Pengarah, akan atau boleh menjejaskan keupayaan Kumpulan dan Syarikat dalam memenuhi tanggungan apabila tiba masanya.

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak diperkatakan di dalam laporan ini atau penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang boleh menyebabkan jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan atau tidak sesuai.

LAPORAN PARA PENGARAH

PERKARA-PERKARA YANG LUAR BIASA

Pada pendapat para Pengarah:

(a) hasil operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan ini tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang butiran, urus niaga atau kejadian penting dan luar biasa;

(b) tidak ada sebarang butiran, urus niaga atau peristiwa penting dan luar biasa yang berbangkit antara akhir tahun kewangan hingga tarikh laporan ini, yang akan menjejaskan dengan nyata hasil operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan laporan ini dibuat.

PARA PENGARAH

Para Pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh laporan yang lepas dan tarikh laporan ini adalah seperti berikut:

Dato' Agil Natt (Pengerusi)
Datuk David Chua Kok Tee
Dato' Syed Moheeb Syed Kamarulzaman
Encik Mohamed Rashdi Mohamed Ghazalli
Encik Teoh Kok Lin
Encik Suresh Kumar Tas Menon
Encik Ong Eng Bin
Puan Nadzirah Abd Rashid
Encik Choong Tuck Oon – Dilantik pada 20 Januari 2017
Datuk Mohd Nasir Ahmad – Bersara pada 1 Januari 2016

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Mengikut daftar pegangan saham Pengarah, tiada Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan yang memiliki sebarang kepentingan dalam saham atau debentur Syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan pada tahun kewangan.

MANFAAT PARA PENGARAH

Sejak akhir tahun kewangan lepas, tiada Pengarah Syarikat telah menerima atau layak untuk menerima apa-apa manfaat (selain daripada manfaat saraan Pengarah seperti yang dinyatakan dalam Nota 45 kepada penyata kewangan) mengikut kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat yang berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma yang mana Pengarah itu adalah ahli, atau dengan syarikat lain di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, Syarikat tidak terlibat dalam sebarang rancangan yang bertujuan untuk membolehkan Pengarah Syarikat mendapat manfaat melalui saham atau debentur Syarikat, atau mana-mana syarikat lain.

JURUAUDIT

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan perkhidmatan.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi bertarikh 26 April 2017.

DATO' AGIL NATT
Pengerusi

DATUK DAVID CHUA KOK TEE
Pengarah

Kuala Lumpur
26 April 2017

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2016

	Nota	Kumpulan 31.12.2016 RM'000	Kumpulan 31.12.2015 RM'000	Syarikat 31.12.2016 RM'000	Syarikat 31.12.2015 RM'000
ASET					
Hartanah, loji dan peralatan	4	**20,540**	22,390	**19,925**	21,967
Aset tidak ketara	5	**18,663**	12,586	**13,164**	6,736
Pelaburan dalam subsidiari	6	**-**	-	**5,182**	20,175
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	7	**788,050**	730,268	**500,200**	500,200
Dana pelaburan: Tersedia untuk dijual ("AFS")	8	**-**	28,871	**-**	28,871
Pelaburan berstruktur: Nilai saksama melalui untung rugi ("FVTPL')	9	**143,868**	310,163	**143,868**	310,163
Sekuriti pelaburan: AFS	10	**1,491,345**	960,534	**1,491,345**	960,534
Sekuriti pelaburan: Dipegang sehingga matang ("HTM")	11	**90,574**	90,572	**90,574**	90,572
Sekuriti pelaburan: Dipegang untuk dagangan ("HFT")	12	**15,115**	-	**15,115**	-
Sekuriti pelaburan: FVTPL	13	**649,676**	660,694	**649,676**	660,694
Aset kewangan derivatif	14	**145**	876	**145**	876
Deposit berjangka	15	**1,334,841**	1,640,757	**1,334,841**	1,640,757
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	16	**192,627**	235,727	**192,627**	235,727
Pinjaman belum berbayar daripada subsidiari	17	**-**	-	**125**	125
Jumlah belum berbayar daripada subsidiari	17	**-**	-	**1,865**	8,146
Penghutang perniagaan dan penghutang lain	19	**29,739**	18,774	**28,197**	16,632
Tunai dan setara tunai		**65,900**	55,169	**59,970**	40,642
JUMLAH ASET		**4,841,083**	4,767,381	**4,546,819**	4,542,817
EKUITI DAN LIABILITI					
Ekuiti yang diagihkan kepada Pemegang Saham Syarikat					
Modal saham	20	**1,585,600**	1,585,600	**1,585,600**	1,585,600
Rizab	21	**1,789,680**	1,552,489	**1,500,729**	1,332,999
Rizab sedia untuk jualan	22	**2,204**	12,886	**2,275**	13,966
		3,377,484	3,150,975	**3,088,604**	2,932,565
Kepentingan tidak dikawal		**2,460**	3,367	**-**	-
JUMLAH EKUITI		**3,379,944**	3,154,342	**3,088,604**	2,932,565

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		31.12.2016 RM'000	31.12.2015 RM'000	**31.12.2016 RM'000**	31.12.2015 RM'000
LIABILITI					
Jumlah belum berbayar kepada Bank Negara Malaysia ("BNM")	18	**1,919**	492	**1,919**	492
Dana daripada BNM	23	**801,500**	801,500	**801,500**	801,500
Skim Jaminan Usahawan Kecil	24	**44,523**	51,599	**44,523**	51,599
Tabung Usahawan Kecil	25	**36,809**	35,352	**36,809**	35,352
Dana Kerajaan	26	**150,342**	150,342	**150,342**	150,342
Saham keutamaan	27	**200,000**	200,000	**200,000**	200,000
Kemudahan Pemodenan dan Bantuan PKS	28	**-**	150,000	**-**	150,000
Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil	29	**11,075**	11,075	**11,075**	11,075
Liabiliti kewangan derivatif	30	**1,014**	2,390	**1,014**	2,390
Pinjaman belum berbayar kepada kepentingan tidak dikawal	32	**38**	38	**-**	-
Peruntukan bagi tuntutan di bawah skim jaminan	31	**20,743**	34,528	**20,743**	34,528
Tuntutan pemiutang		**1,671**	2,557	**1,671**	2,557
Pemiutang perniagaan dan pemiutang lain	32	**191,125**	173,166	**188,619**	170,417
Liabilliti cukai tertunda	41	**380**	-	**-**	-
JUMLAH LIABILITI		**1,461,139**	1,613,039	**1,458,215**	1,610,252
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		**4,841,083**	4,767,381	**4,546,819**	4,542,817

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting daripada penyata kewangan.

PENYATA-PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

		Kumpulan		Syarikat	
	Nota	**2016 RM'000**	2015 RM'000	**2016 RM'000**	2015 RM'000
Hasil	36	**140,153**	116,276	**132,124**	108,556
Pendapatan pelaburan	37	**178,232**	145,703	**178,232**	145,703
		318,385	261,979	**310,356**	254,259
Pendapatan operasi lain	38	**61,528**	63,411	**67,791**	69,503
Jumlah pendapatan		**379,913**	325,390	**378,147**	323,762
Kos kakitangan	39	**62,702**	53,846	**60,417**	51,999
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan		**3,783**	3,064	**3,662**	3,005
Pelunasan aset tidak ketara		**4,623**	4,945	**3,021**	2,902
Peruntukan bagi tuntutan di bawah skim jaminan		**71,370**	55,110	**71,370**	55,110
Peruntukan bagi rosot nilai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (bersih)		**20,335**	34,594	**20,335**	34,594
Peruntukan dibuat bagi rosot nilai pelaburan dalam subsidiari		**-**	-	**14,993**	60
Perbelanjaan faedah bagi pinjaman daripada Kerajaan		**4,500**	4,500	**4,500**	4,500
Perbelanjaan operasi lain		**38,659**	38,389	**32,119**	31,562
Jumlah perbelanjaan operasi		**205,972**	194,448	**210,417**	183,732
Bahagian keuntungan selepas cukai syarikat bersekutu		**62,723**	59,757	**-**	-
Keuntungan sebelum cukai	40	**236,664**	190,699	**167,730**	140,030
Cukai	41	**(380)**	-	**-**	-
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan		**236,284**	190,699	**167,730**	140,030

	Nota	Kumpulan 2016 RM'000	Kumpulan 2015 RM'000	Syarikat 2016 RM'000	Syarikat 2015 RM'000
Pendapatan komprehensif lain:					
Perkara yang boleh dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian selepas akhir tahun					
Rizab sedia untuk jualan					
- Kerugian nilai saksama bersih atas pelaburan AFS		**2,147**	6,054	**2,147**	6,054
- Keuntungan diperoleh dipindahkan kepada penyata pendapatan selepas pelupusan		**(13,838)**	-	**(13,838)**	-
- Bahagian pendapatan komprehensif lain syarikat bersekutu		**1,009**	1,507	**-**	-
Pendapatan komprehensif lain bagi tahun kewangan		**(10,682)**	7,561	**(11,691)**	6,054
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		**225,602**	198,260	**156,039**	146,084
Keuntungan/(kerugian) bersih bagi tahun kewangan boleh diagihkan kepada:					
Pemegang-pemegang saham Syarikat		**237,191**	192,221	**167,730**	140,030
Kepentingan tidak dikawal		**(907)**	(1,522)	**-**	-
		236,284	190,699	**167,730**	140,030
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif bagi tahun kewangan boleh diagihkan kepada:					
Pemegang-pemegang saham Syarikat		**226,509**	199,782	**156,039**	146,084
Kepentingan tidak dikawal		**(907)**	(1,522)	**-**	-
		225,602	198,260	**156,039**	146,084

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting daripada penyata kewangan.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

		<---------- Boleh Diagihkan kepada Pemegang-Pemegang Saham Syarikat ---------->							
Kumpulan	**Nota**	**Modal saham RM'000**	**Rizab Program Khas RM'000**	**Rizab Skim Perbankan Islam ("SPI") RM'000**	**Rizab Khas RM'000**	**Rizab AFS RM'000**	**Pendapatan tersimpan RM'000**	**Kepentingan tidak dikawal RM'000**	**Jumlah ekuiti RM'000**
Baki pada 1 Januari 2015		1,585,600	247,655	10,553	415,520	5,325	693,878	195	2,958,726
Pembayaran balik pada tahun kewangan	21	-	(3,894)	-	-	-	-	-	(3,894)
Permodalan pinjaman belum berbayar kepada kepentingan tidak dikawal	32	-	-	-	-	-	-	1,250	1,250
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif bagi tahun kewangan		-	-	-	-	7,561	192,221	(1,522)	198,260
Pindahan antara pemegang saham		-	-	-	-	-	(3,444)	3,444	-
Pindahan antara rizab	21	-	14,320	3,790	41,280	-	(59,390)	-	-
Baki pada 31 Disember 2015		1,585,600	258,081	14,343	456,800	12,886	823,265	3,367	3,154,342
Baki pada 1 Januari 2016 – seperti dilaporkan sebelumnya		**1,585,600**	**258,081**	**14,343**	**456,800**	**12,886**	**823,265**	**3,367**	**3,154,342**
Pembayaran balik pada tahun kewangan	21	-	-	-	-	-	-	-	-
Permodalan pinjaman belum berbayar kepada kepentingan tidak dikawal	32	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif bagi tahun kewangan		-	-	-	-	**(10,682)**	**237,191**	**(907)**	**225,602**
Pindahan antara pemegang saham		-	-	-	-	-	-	-	-
Pindahan antara rizab	21	-	**14,140**	**595**	**51,416**	-	**(66,151)**	-	-
Baki pada 31 Disember 2016		**1,585,600**	**272,221**	**14,938**	**508,216**	**2,204**	**994,305**	**2,460**	**3,379,944**

		<----------Tidak Boleh Diagih---------->				<-------Boleh Diagih ------->		
Syarikat	**Nota**	**Modal saham RM'000**	**Rizab Program Khas RM'000**	**Rizab Skim Perbankan Islam ("SPI") RM'000**	**Rizab Khas RM'000**	**Rizab AFS RM'000**	**Pendapatan tersimpan RM'000**	**Jumlah ekuiti RM'000**
Baki pada 1 Januari 2015		1,585,600	247,655	10,553	415,520	7,912	523,135	2,790,375
Pembayaran balik pada tahun kewangan	21	-	(3,894)	-	-	-	-	(3,894)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		-	-	-	-	6,054	140,030	146,084
Pindahan antara rizab	21	-	14,320	3,790	41,280	-	(59,390)	-
Baki pada 31 Disember 2015		1,585,600	258,081	14,343	456,800	13,966	603,775	2,932,565
Baki pada 1 Januari 2016 – seperti dilaporkan sebelumnya		**1,585,600**	**258,081**	**14,343**	**456,800**	**13,966**	**603,775**	**2,932,565**
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		**-**	**-**	**-**	**-**	**(11,691)**	**167,730**	**156,039**
Pindahan antara rizab	21	**-**	**14,140**	**595**	**51,416**	**-**	**(66,151)**	**-**
Baki pada 31 Disember 2016		**1,585,600**	**272,221**	**14,938**	**508,216**	**2,275**	**705,354**	**3,088,604**

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting daripada penyata kewangan.

PENYATA-PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	Kumpulan		Syarikat	
	2016 RM'000	2015 RM'000	**2016 RM'000**	2015 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN OPERASI				
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	**236,284**	190,699	**167,730**	140,030
Pelarasan untuk:				
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	**3,783**	3,064	**3,662**	3,005
Pelunasan aset tidak ketara	**4,623**	4,945	**3,021**	2,902
Kerugian daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	**82**	4	**82**	4
Keuntungan daripada pelupusan dana pelaburan: AFS	**(14,991)**	-	**(14,991)**	-
Keuntungan belum diperoleh ke atas pelaburan berstruktur	**6,132**	5,259	**6,132**	5,259
Kerugian nilai saksama belum diperoleh daripada pelaburan berstruktur	**10,163**	6,602	**10,163**	6,602
(Keuntungan)/kerugian daripada pelaburan AFS	**(1,305)**	97	**(1,305)**	97
Keuntungan diperoleh daripada pelaburan FVTPL	**(23,674)**	(11,879)	**(23,674)**	(11,879)
Kerugian diperoleh daripada pelaburan dipegang untuk dagangan	**183**	-	**183**	-
Pelunasan premium daripada pelaburan dipegang untuk dagangan	**3**	-	**3**	-
Kerugian/(keuntungan) nilai saksama belum diperoleh daripada pelaburan FVTPL	**2,868**	(13,610)	**2,868**	(13,610)
Pelunasan premium pelaburan AFS	**407**	119	**407**	119
Pelunasan premium pelaburan FVTPL	**2,193**	2,309	**2,193**	2,309
Kerugian diperoleh daripada derivatif	**3,850**	31,580	**3,850**	31,580
Kerugian/(keuntungan) belum diperoleh derivatif	**2,217**	(8,487)	**2,217**	(8,487)
Peruntukan bagi tuntutan dibawah skim jaminan	**71,370**	55,110	**71,370**	55,110
Peruntukan bagi rosot nilai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (bersih)	**20,335**	34,594	**20,335**	34,594
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dihapus kira	**(10)**	(13)	**(10)**	(13)
Peruntukan dibuat bagi rosot nilai pelaburan dalam subsidiari	**-**	-	**14,993**	60
Pelunasan pendapatan tertunda	**(3,381)**	(3,422)	**(3,381)**	(3,422)
Pertambahan pinjaman Kerajaan	**3,381**	3,422	**3,381**	3,422
Pendapatan faedah daripada subsidiari	**-**	-	**-**	(138)
Perbelanjaan faedah daripada pinjaman Kerajaan	**4,500**	4,500	**4,500**	4,500
Perkongsian keuntungan syarikat bersekutu	**(62,723)**	(59,757)	**-**	-
Cukai	**380**	-	**-**	-
	266,670	245,136	**273,729**	252,044

	Kumpulan		Syarikat	
	2016 RM'000	2015 RM'000	**2016 RM'000**	2015 RM'000
Tambahan faedah akan diterima daripada pelaburan	**(10,357)**	(2,768)	**(10,357)**	(2,768)
Kurangan/(tambahan) jumlah belum berbayar daripada subsidiari	**-**	-	**6,281**	(5,703)
Tambahan dalam jumlah belum berbayar daripada BNM	**1,427**	399	**1,427**	399
Tambahan penghutang perniagaan dan penghutang lain	**(10,966)**	(7,116)	**(11,564)**	(6,201)
Kurangan/(tambahan) pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	**22,776**	(20,823)	**22,776**	(20,823)
Kurangan tuntutan pemiutang	**(86,042)**	(62,900)	**(86,042)**	(62,900)
Tambahan dalam pemiutang lain	**21,342**	29,240	**21,582**	28,052
Tunai dijana daripada operasi	**204,850**	181,168	**217,832**	182,100
Cukai dibayar	**(1)**	-	**-**	-
Aliran masuk tunai bersih daripada kegiatan operasi	**204,849**	181,168	**217,832**	182,100
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PELABURAN				
Perolehan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	**151**	48	**151**	48
Perolehan daripada pelupusan aset tidak ketara	**30**	-	**29**	-
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	**(6,892)**	(8,076)	**(6,473)**	(7,794)
Pembelian aset tidak ketara	**(6,003)**	(3,718)	**(4,857)**	(2,313)
Pembayaran balik pinjaman belum berbayar daripada subsidiari	**-**	-	**-**	104
Pelaburan dalam subsidiari	**-**	-	**-**	(10,000)
Pengagihan modal bersih dalam dana pelaburan (AFS)	**30,024**	7,594	**30,024**	7,594
Pembelian pelaburan AFS	**(750,086)**	(476,848)	**(750,086)**	(476,848)
Pembelian pelaburan berstruktur	**(150,000)**	-	**(150,000)**	-
Pembelian pelaburan FVTPL	**(802,388)**	(424,357)	**(802,388)**	(424,357)
Pembelian pelaburan dipegang untuk dagangan	**(15,165)**	-	**(15,165)**	-
Perolehan daripada pelupusan pelaburan AFS	**231,322**	179,794	**231,322**	179,794
Perolehan daripada pelupusan pelaburan FVTPL	**833,235**	482,979	**833,235**	482,979
Perolehan daripada kematangan pelaburan berstruktur	**300,000**	350,000	**300,000**	350,000
(Kurangan)/Tambahan dalam liabiliti kewangan derivatif – bersih	**(6,712)**	(31,545)	**(6,712)**	(31,545)
Kurangan/(Tambahan) dalam deposit berjangka	**305,916**	(301,350)	**305,916**	(301,350)
Dividen diterima daripada syarikat bersekutu	**5,950**	5,600	**-**	-
Aliran keluar tunai bersih daripada kegiatan pelaburan	**(30,618)**	(219,879)	**(35,004)**	(233,688)

PENYATA-PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	Kumpulan		Syarikat	
	2016	2015	**2016**	2015
	RM'000	RM'000	**RM'000**	RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PEMBIAYAAN				
Pengeluaran pinjaman belum berbayar kepada kepentingan tidak dikawal	**-**	10	**-**	-
Pembayaran balik Skim Jaminan Usahawan Kecil	**(9,000)**	(4,000)	**(9,000)**	(4,000)
Pembayaran balik Kemudahan Pemodenan dan Bantuan SME	**(150,000)**	-	**(150,000)**	-
Pembayaran balik faedah daripada dana Kerajaan	**(4,500)**	(4,500)	**(4,500)**	(4,500)
Pembayaran balik dana YEDP	**-**	(3,894)	**-**	(3,894)
Aliran keluar tunai bersih dalam kegiatan pembiayaan	**(163,500)**	(12,384)	**(163,500)**	(12,394)
PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA TAHUN KEWANGAN	**10,731**	(51,095)	**19,328**	(63,982)
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN	**55,169**	106,264	**40,642**	104,624
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN	**65,900**	55,169	**59,970**	40,642
Tunai dan setara tunai merangkumi:				
Wang tunai dan baki bank	**65,900**	55,169	**59,970**	40,642

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting daripada penyata kewangan.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2016

1. KEGIATAN UTAMA DAN MAKLUMAT AM

Syarikat ini adalah syarikat awam yang mempunyai liabiliti terhad awam, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Alamat pejabat berdaftar Syarikat adalah di Aras 14, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, No. 97, Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor.

Tempat utama urusan perniagaan Syarikat terletak di Aras 8, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, No. 97, Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor.

Kegiatan utama Syarikat adalah memberi jaminan, pinjaman dan pembiayaan. Kegiatan utama subsidiari adalah menyediakan perkhidmatan rujukan kredit, penarafan kredit dan perkhidmatan lain yang berkaitan dengan biro kredit. Tiada perubahan ketara dalam kegiatan-kegiatan tersebut sepanjang tahun kewangan.

Penyata kewangan ini diluluskan untuk terbitan mengikut resolusi Lembaga Pengarah pada 26 April 2017.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA

Dasar-dasar perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam menangani perkara-perkara yang dianggap penting berhubung dengan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan mengikut peruntukan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah, kecuali jika dinyatakan sebaliknya dalam ringkasan dasar-dasar perakaunan utama.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MFRS memerlukan penggunaan anggaran perakaunan yang kritikal serta andaian yang memberi kesan kepada jumlah aset dan liabiliti dan pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah hasil dan perbelanjaan dalam tempoh yang dilaporkan. Pertimbangan para Pengarah juga diperlukan dalam proses mengguna pakai dasar-dasar perakaunan Syarikat. Walaupun anggaran dan pertimbangan tersebut dibuat berdasarkan kebijaksanaan para Pengarah mengenai peristiwa semasa dan tindakan terkini, namun keputusan sebenar mungkin berbeza.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.1 Asas penyediaan (sambungan)

Perkara yang melibatkan tahap pertimbangan yang lebih tinggi atau rumit, atau bidang di mana andaian dan anggaran memberi kesan kepada penyata kewangan dinyatakan dalam Nota 3.

(a) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran yang berkuat kuasa.

Kumpulan telah mengguna pakai pindaan berikut buat kali pertama bagi tahun kewangan bermula pada 1 Januari 2016:

- Pindaan kepada MFRS 101 'Pembentangan penyata kewangan' – Inisiatif pendedahan
- Pindaan kepada MFRS 10, 12 & 128 "Entiti pelaburan – Penggunaan pengecualian penggabungan"
- Penambahbaikan tahunan kepada MFRS Kitaran 2012 – 2014

Penerimaan pindaan kepada piawaian yang diterbitkan tidak memberi apa-apa kesan kepada penyata kewangan Syarikat.

(b) Piawaian dan pindaan yang telah diterbitkan tetapi belum berkuat kuasa.

Beberapa piawaian dan pindaan baharu kepada piawaian dan tafsiran yang berkuat kuasa bagi tahun kewangan bermula selepas 1 Januari 2016. Tiada antaranya yang dijangka memberi kesan ketara terhadap penyata kewangan Syarikat, melainkan yang dinyatakan di bawah ini:

- Pindaan kepada MFRS 107 "Penyata Aliran Tunai – Inisiatif Pendedahan (berkuat kuasa dari 1 Januari 2017) memperkenalkan pendedahan tambahan mengenai perubahan dalam liabiliti yang timbul daripada aktiviti pembiayaan.
- Pindaan kepada MFRS 112 'Cukai Pendapatan – Pengiktirafan Aset Cukai Tertunda bagi Kerugian Belum Diperoleh (berkuat kuasa dari 1 Januari 2017) yang menjelaskan keperluan mengiktiraf aset cukai tertunda atas kerugian belum diperoleh yang timbul daripada perbezaan sementara yang boleh ditolak daripada aset dibawa pada nilai saksama.

  Selain itu, dalam menilai sama ada sesebuah entiti mempunyai keuntungan boleh dicukai yang mencukupi pada tempoh akan datang yang boleh mengurangkan perbezaan sementara yang boleh digunakan, pindaan tersebut memerlukan entiti membandingkan perbezaan sementara yang boleh dikurangkan dengan keuntungan boleh cukai masa depan yang tidak termasuk potongan cukai yang terbit daripada pembalikan perbezaan sementara tersebut.

  Pindaan ini akan diguna pakai secara retrospektif.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.1 Asas penyediaan (sambungan)

(b) Piawaian dan pindaan yang telah diterbitkan tetapi belum berkuat kuasa. (sambungan)

- Tafsiran IC 22 'Urus Niaga Mata Wang Asing dan Pertimbangan Pendahuluan (berkuat kuasa dari 1 Januari 2018) diguna pakai apabila sesebuah entiti mengiktiraf aset bukan kewangan atau liabiliti bukan kewangan yang timbul daripada pembayaran atau penerimaan pertimbangan pendahuluan. MFRS 121 memerlukan sesebuah entiti menggunakan kadar pertukaran pada tarikh urus niaga untuk mencatatkan urus niaga mata wang asing.

  Tafsiran IC 22 menyediakan garis panduan cara untuk menentukan 'tarikh urus niaga' apabila satu pembayaran/penerimaan tunggal dibuat, serta situasi di mana beberapa pembayaran/penerimaan dibuat.

  Tarikh urus niaga adalah tarikh apabila pembayaran atau penerimaan bayaran pendahuluan menyebabkan wujud aset bukan kewangan atau liabiliti bukan kewangan apabila entiti berkenaan tidak lagi terdedah kepada risiko pertukaran mata wang asing.

  Jika terdapat beberapa pembayaran atau penerimaan secara pendahuluan, entiti berkenaan perlu menentukan tarikh urus niaga bagi setiap pembayaran atau penerimaan.

  Sesebuah entiti mempunyai pilihan untuk mengguna pakai Tafsiran IC 22 secara retrospektif atau prospektif.

- MFRS 9 'Instrumen Kewangan' (berkuat kuasa dari 1 Januari 2018) akan menggantikan MFRS 139 "Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran".

  MFRS 9 mengekalkan tetapi meringkaskan model pengukuran campuran dalam MFRS 139 dan mewujudkan tiga kategori pengukuran utama bagi aset kewangan: kos yang dilunaskan, nilai saksama melalui untung rugi dan nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("OCI"). Asas klasifikasi bergantung kepada model perniagaan entiti dan ciri-ciri aliran tunai aset kewangan. Pelaburan dalam pelaburan ekuiti sentiasa diukur pada nilai saksama melalui untung rugi dengan pilihan tidak boleh batal pada peringkat permulaan untuk menunjukkan perubahan dalam nilai saksama dalam OCI (dengan syarat instrumen tidak dipegang untuk dagangan). Instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan hanya jika entiti tersebut memegangnya untuk mengutip aliran tunai yang dikontrak dan aliran tunai tersebut mewakili jumlah prinsipal dan faedah.

  Bagi liabiliti, piawaian tersebut mengekalkan keperluan MFRS 139. Ini meliputi perakaunan kos dilunaskan bagi kebanyakan liabiliti kewangan, dengan perangkaian derivatif yang sedia terkandung. Perubahan utama berlaku dalam hal di mana opsyen nilai saksama tersebut diambil kira sebagai liabiliti kewangan, bahagian nilai saksama yang terbit daripada risiko kredit entiti itu sendiri direkodkan dalam pendapatan komprehensif lain berbanding dalam penyata pendapatan, kecuali jika ini menyebabkan ketidakpadanan perakaunan.

  MFRS 9 memperkenalkan model kerugian kredit jangkaan daripada kemerosotan nilai yang menggantikan model kerugian kemerosotan nilai yang ditanggung dalam MFRS 139. Model risiko kerugian kredit yang dijangka adalah berciri masa depan dan tidak memerlukan sesuatu peristiwa berlaku sebelum kerugian kredit diiktiraf.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.1 Asas penyediaan (sambungan)

(b) Piawaian dan pindaan yang telah diterbitkan tetapi belum berkuat kuasa. (sambungan)

- MFRS 15 'Hasil daripada kontrak dengan pelanggan (berkuat kuasa dari 1 Januari 2018) menggantikan MFRS 118 'Hasil' dan MFRS 111 'Kontrak Pembinaan' dan tafsiran yang berkenaan dengannya. Prinsip teras dalam MFRS 15 adalah sesebuah entiti mengiktiraf hasil untuk menggambarkan pindahan barangan atau perkhidmatan yang dijanjikan kepada pelanggan dalam satu jumlah yang menunjukkan pembayaran yang dijangka layak oleh entiti sebagai pertukaran bagi barangan atau perkhidmatan tersebut.

  Hasil diiktiraf apabila pelanggan memperoleh kawalan ke atas barangan atau perkhidmatan berkenaan iaitu apabila pelanggan mempunyai keupayaan untuk mengarahkan penggunaan dan mendapat manfaat daripada barangan atau perkhidmatan tersebut.

  Proses lima langkah digunakan sebelum hasil boleh diiktiraf:

  - Mengenal pasti kontrak dengan pelanggan;
  - Mengenal pasti obligasi pelaksanaan yang berasingan;
  - Menentukan harga urus niaga kontrak;
  - Memperuntukkan harga urus niaga kepada setiap obligasi pelaksanaan; dan
  - Mengiktiraf hasil apabila setiap obligasi pelaksanaan dipenuhi.

  Peruntukan utama piawaian baharu ini adalah seperti berikut:

  - Apa jua barangan atau perkhidmatan pukal yang berbeza perlu diiktiraf secara berasingan dan sebarang diskaun atau rebat daripada harga kontrak perlu diperuntukkan kepada elemen yang berasingan.
  - Jika pertimbangan berpelbagai (seperti untuk insentif, rebat, yuran pelaksanaan, royalti, hasil sesuatu kejayaan dll), jumlah minimum hasil perlu diiktiraf jika ia tidak mempunyai risiko pembalikan.
  - Keadaan di mana hasil boleh diiktiraf mungkin berubah: sesetengah hasil yang telah diiktiraf pada masa ini mungkin perlu diiktiraf sepanjang tempoh kontrak atau sebaliknya pada penghujung tempoh kontrak.
  - Terdapat beberapa peraturan khusus baharu mengenai lesen, waranti, yuran muka tidak boleh dikembalikan dan perjanjian konsainmen, sekadar menyebut beberapa peraturan.
  - Seperti juga sebarang piawaian baharu, pendedahan juga semakin meningkat.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.1 Asas penyediaan (sambungan)

(b) Piawaian dan pindaan yang telah diterbitkan tetapi belum berkuat kuasa. (sambungan)

- MFRS 16 'Pajakan' (berkuat kuasa dari 1 Januari 2019) menggantikan MFRS 117 'Pajakan' dan Tafsiran yang berkaitan.

  Di bawah MFRS 16, pajakan adalah kontrak (atau sebahagian daripada kontrak) yang memberi hak kawalan penggunaan aset yang dikenal pasti untuk tempoh masa sebagai tukaran kepada pembayaran.

  MFRS 16 menghapuskan pengelasan pajakan oleh pemegang pajakan sama ada sebagai pajakan kewangan (dalam kunci kira-kira) atau pajakan operasi (di luar kunci kira-kira). MFRS 16 memerlukan pemajak mengiktiraf 'hak penggunaan' aset asas dan liabiliti pajakan menggambarkan bayaran pajakan masa depan bagi sebahagian besar pajakan.

  Hak penggunaan aset disusut nilai menurut prinsip dalam MFRS 116 'Hartanah, Loji dan Peralatan' dan liabiliti pajakan ditambah mengikut masa dengan perbelanjaan faedah diiktiraf dalam penyata pendapatan.

  Bagi pemegang pajakan MFRS 16 mengekalkan sebahagian besar keperluan dalam MFRS 117. Pemegang pajakan terus mengelaskan semua pajakan sebagai pajakan operasi atau pajakan kewangan dan mengambil kira secara berasingan.

Syarikat akan menggunakan piawaian ini apabila ia berkuat kuasa. Penggunaan piawaian di atas, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran kepada piawaian sedia ada tidak dijangka akan memberi kesan ketara terhadap penyata kewangan Syarikat kecuali bagi MFRS 9. Kesan kewangan penggunaan MFRS 9 masih lagi dinilai oleh Syarikat.

2.2 Penyatuan, subsidiari dan syarikat bersekutu

(a) Subsidiari-subsidiari

Subsidiari-subsidiari adalah semua entiti yang mana Kumpulan mempunyai kawalan ke atasnya. Kumpulan mengawal entiti tersebut apabila Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak kepada pulangan yang berubah-ubah daripada penglibatannya dengan entiti dan mempunyai keupayaan untuk memberi kesan kepada pulangan tersebut melalui kuasanya ke atas entiti. Subsidiari disatukan sepenuhnya dari tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan. Ia diasingkan pada tarikh kawalan tersebut tamat.

Kumpulan menggunakan kaedah pengambilalihan bagi mengambil kira penggabungan perniagaan. Pertimbangan yang dipindahkan untuk pembelian subsidiari ialah nilai-nilai saksama aset yang dipindahkan, liabiliti yang ditanggung oleh bekas pemilik syarikat yang diambil alih dan kepentingan ekuiti yang diterbitkan oleh Kumpulan. Pertimbangan yang dipindahkan termasuklah nilai-nilai saksama sebarang aset atau liabiliti akibat daripada pengaturan pertimbangan luar jangka. Aset dikenal pasti yang diambil alih dan liabiliti serta liabiliti luar jangka yang ditanggung dalam gabungan perniagaan diukur pada mulanya menurut nilai saksama pada tarikh pengambilalihan.

Kumpulan mengiktiraf sebarang kepentingan luar kawalan dalam syarikat yang diambil alih mengikut kes demi kes, sama ada pada nilai saksama atau pada nisbah saham kepentingan tidak dikawal daripada jumlah yang diiktiraf dalam aset bersih syarikat diambil alih yang boleh dikenal pasti.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.2 Penyatuan, subsidiari dan syarikat bersekutu (sambungan)

(a) Subsidiari-subsidiari (sambungan)

Kos berkaitan pengambilalihan dibelanjakan apabila berlaku.

Jika penyatuan perniagaan tersebut berlaku secara berperingkat, nilai saksama ekuiti Syarikat yang sebelum ini dipegang dalam syarikat yang diambil alih pada tarikh pengambilalihan dinilai semula kepada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan melalui penyata pendapatan.

Sebarang ganjaran luar jangka yang akan dipindahkan oleh Kumpulan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Perubahan seterusnya kepada nilai saksama bagi pertimbangan luar jangka yang disifatkan sebagai suatu aset atau liabiliti diambil kira menurut MFRS 139, sama ada dalam penyata pendapatan atau sebagai perubahan kepada pendapatan komprehensif lain. Pertimbangan luar jangka yang dikelaskan sebagai ekuiti tidak diukur semula dan penyelesaian berikutnya diambil kira dalam ekuiti.

Sebarang lebihan ganjaran yang dipindahkan, jumlah sebarang kepentingan tidak dikawal syarikat yang diambil alih dan nilai saksama tarikh pengambilalihan dalam kepentingan ekuiti terdahulu syarikat yang diambil alih ke atas nilai saksama aset bersih yang boleh dikenal pasti diiktiraf sebagai muhibah. Jika jumlah pertimbangan yang dipindahkan, kepentingan tidak dikawal yang diiktiraf dan kepentingan yang sebelumnya dipegang setelah diukur adalah kurang daripada nilai saksama aset bersih subsidiari yang dibeli dalam kes pembelian yang rendah, perbezaannya diiktiraf secara langsung dalam penyata pendapatan.

Urus niaga antara syarikat, baki-baki dan keuntungan/(kerugian) belum diperoleh atas urus niaga antara syarikat-syarikat dalam Kumpulan adalah dihapuskan semasa penyatuan. Apabila perlu, jumlah yang dilaporkan oleh subsidiari akan diselaraskan bagi mematuhi dasar-dasar perakaunan Kumpulan.

(b) Syarikat-syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah semua entiti yang mana Kumpulan mempunyai pengaruh yang ketara tetapi tidak dikawal, umumnya disertai oleh pegangan saham antara 20% hingga 50% daripada hak mengundi. Pengaruh yang ketara adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam dasar-dasar kewangan dan operasi melalui wakil Lembaga Pengarah tetapi tidak mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas dasar-dasar tersebut.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu diambil kira menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Di bawah kaedah ekuiti, pelaburan pada peringkat awal diiktiraf pada kos dan jumlah bawa ditambah atau dikurangkan untuk mengikiraf bahagian pelabur daripada keuntungan atau kerugian pelabur selepas tarikh pengambilalihan. Pelaburan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu meliputi muhibah dikenal pasti semasa pengambilalihan.

Jika kepentingan pemilikan dalam syarikat bersekutu dikurangkan tetapi pengaruh penting kekal, hanya sebahagian saham daripada jumlah yang diiktiraf sebelumnya dalam pendapatan komprehensif lain dikelaskan semula kepada penyata pendapat mengikut kesesuaian.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.2 Penyatuan, subsidiari dan syarikat bersekutu (sambungan)

(b) Syarikat-syarikat bersekutu (sambungan)

Bahagian Kumpulan daripada keuntungan atau kerugian selepas pengambilalihan diiktiraf dalam penyata pendapatan dan bahagiannya daripada perubahan selepas pengambilalihan dalam pendapatan komprehensif lain diiktiraf dengan pelarasan sewajarnya kepada jumlah bawa pelaburan. Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu menyamai atau melebihi kepentingannya dalam syarikat tersebut, termasuk sebarang penghutang tidak bercagar, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian selanjutnya, melainkan ia telah menanggung obligasi perundangan atau konstruktif atau membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu tersebut.

Kumpulan menentukan pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat bukti nyata bahawa pelaburan dalam syarikat bersekutu mengalami rosot nilai. Jika ini berlaku Kumpulan mengira jumlah rosot tersebut sebagai perbezaan antara jumlah yang boleh dikutip semula daripada syarikat bersekutu dan nilai bawanya dan mengiktiraf jumlah itu bersebelahan dengan 'bahagian untung/(rugi) syarikat bersekutu' dalam penyata pendapatan.

Keuntungan dan kerugian yang terhasil daripada urus niaga untung dan rugi antara Kumpulan dan syarikat bersekutunya diiktiraf dalam penyata kewangan Kumpulan hanya setakat kepentingan pelabur tidak berkaitan dalam syarikat bersekutu. Kerugian belum diperoleh dihapuskan kecuali jika urus niaga tersebut memberikan bukti terdapat rosot nilai aset yang dipindahkan. Dasar perakaunan syarikat bersekutu telah ditukar jika perlu bagi memastikan keseragaman dengan dasar-dasar yang diguna pakai oleh Kumpulan.

Kecairan keuntungan dan kerugian yang timbul daripada pelaburan dalam syarikat bersekutu diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(c) Pelaburan dalam subsidiari dan syarikat bersekutu

Di dalam penyata kewangan berasingan Syarikat, pelaburan dalam subsidiari dan syarikat bersekutu dibawa pada kos setelah kerugian rosot nilai terkumpul. Pada akhir setiap tempoh laporan, Kumpulan menilai sama ada terdapat petunjuk rosot nilai. Jika wujud petunjuk kemerosotan, jumlah bawa pelaburan dinilai dan diturunkan nilainya dengan segera kepada jumlah yang boleh dikutip semula. Lihat Nota 2.6 dasar perakaunan mengenai rosot nilai aset bukan kewangan.

Semasa pelupusan pelaburan dalam subsidiari dan syarikat bersekutu, perbezaan antara kutipan pelupusan dan jumlah bawa pelaburan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

2.3 Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai. Kos merangkumi perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan aset tersebut.

Kos berikutnya termasuk dalam jumlah bawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, jika sesuai, hanya apabila manfaat ekonomi masa depan yang berkaitan dengan butiran tersebut berkemungkinan akan mengalir masuk kepada Kumpulan dan Syarikat, dan kos butiran tersebut boleh diukur dengan pasti. Jumlah bawa bahagian yang diganti tidak diiktiraf. Semua baik pulih dan penyelenggaraan lain diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan pada tahun kewangan ia ditanggung.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.3 Hartanah, loji dan peralatan (sambungan)

Susut nilai hartanah, loji dan peralatan dikira mengikut asas garis lurus bagi memperuntukkan kos aset sehingga ke nilai sisanya sepanjang anggaran hayat kegunaannya, yang diringkaskan seperti berikut:

Bangunan	25 tahun
Tanah pegangan pajakan	Mengikut baki tempoh pajakan
Kenderaan bermotor	5 tahun
Peralatan pejabat	5 tahun
Perabot, kelengkapan dan lekapan	5 tahun
Pengubahsuaian	5 tahun
Peralatan komputer	5 tahun

Kaedah nilai sisa, hayat kegunaan dan kaedah susut nilai akan disemak pada setiap akhir tahun kewangan dan diselaraskan sebagaimana patut.

Pada akhir tempoh laporan, Kumpulan dan Syarikat menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk rosot nilai. Jika petunjuk tersebut wujud, satu analisis dijalankan untuk menilai sama ada jumlah bawa aset boleh diperolehi semula sepenuhnya. Nilai akan diturunkan jika jumlah bawa melebihi jumlah boleh diperolehi semula. Lihat Nota 2.6 dasar perakaunan mengenai rosot nilai aset bukan kewangan.

Keuntungan dan kerugian daripada pelupusan ditentukan dengan membandingkan kutipan dengan jumlah bawaan dan dikredit atau dicaj kepada penyata pendapatan.

2.4 Aset tidak ketara

Aset tidak ketara merangkumi kos data dan perisian aplikasi yang dipermodalkan.

Aset tidak ketara dengan usia guna yang terhad, dinyatakan pada nilai kos dan tolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul.

Perbelanjaan seterusnya hanya akan dipermodalkan jika ianya meningkatkan faedah ekonomi pada masa hadapan daripada aset-aset tertentu yang berkaitan dengannya. Semua perbelanjaan lain akan diambil kira dalam penyata pendapatan apabila ia ditanggung.

Aset tidak ketara dengan jangka hayat penggunaan yang terhad dilunaskan pada tarikh ia sedia untuk digunakan. Pelunasan diiktiraf dalam penyata pendapatan berasaskan garis lurus sepanjang anggaran hayat aset tidak ketara, seperti berikut:

Kos data yang dipermodalkan	5 tahun
Perisian aplikasi	5 tahun

Kaedah pelunasan, hayat kegunaan dan nilai sisa aset dikaji semula pada akhir setiap tempoh laporan dan dilaraskan jika sesuai,

Pada akhir tempoh laporan, Kumpulan dan Syarikat menilai sama ada wujud sebarang petunjuk rosot nilai. Sekiranya wujud, analisis dilakukan untuk menilai sama ada nilai bawa aset boleh diperolehi semula sepenuhnya. Pelupusan dibuat jika nilai bawa melebihi jumlah boleh diperolehi semula. Sila lihat dasar perakaunan Nota 2.6 mengenai rosot nilai aset bukan kewangan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.4 Aset tidak ketara (sambungan)

Perbelanjaan yang ditanggung untuk pembangunan perisian dikira sebagai perbelanjaan pembangunan sehingga perisian tersebut sedia untuk digunakan. Perbelanjaan ini juga termasuk kos perisian, gaji, dan kos pinjaman yang berkaitan secara langsung dengan pembangunan ini.

2.5 Aset kewangan

(a) Pengelasan

Kumpulan dan Syarikat mengelaskan aset kewangannya dalam kategori berikut: aset kewangan pada FVTPL, pinjaman dan pemiutang, pelaburan kewangan AFS dan pelaburan kewangan HTM. Pengelasan tersebut bergantung kepada tujuan aset kewangan tersebut dibeli. Pihak pengurusan menentukan klasifikasi pada awal pengiktirafan.

(i) Aset kewangan pada FVTPL

Aset kewangan FVTPL adalah aset kewangan yang dipegang untuk dagangan. Aset kewangan dikelaskan dalam kategori ini jika ia dibeli atau ditanggung terutamanya untuk tujuan jualan atau dibeli semula dalam tempoh terdekat. Aset dalam kategori ini kelaskan sebagai aset semasa jika dijangka akan dijelaskan dalam tempoh 12 bulan; jika tidak, ia dikelaskan sebagai bukan semasa.

(ii) Pinjaman dan penghutang

Pinjaman dan hutang belum diterima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut dalam pasaran aktif. Ia termasuk aset semasa, kecuali bagi tempoh matang yang lebih dari 12 bulan dari tarikh akhir tempoh laporan. Ini telah diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa.

Pinjaman dan penghutang Kumpulan dan Syarikat meliputi 'deposit berjangka', 'pinjaman', 'pendahuluan dan pembiayaan', 'pinjaman belum berbayar daripada subsidiari', 'jumlah belum berbayar daripada subsidiari, 'penghutang perniagaan dan penghutang lain' dan 'tunai dan setara tunai' dalam penyata kedudukan kewangan.

(iii) Pelaburan kewangan AFS

Pelaburan kewangan AFS adalah bukan derivatif yang dikhususkan dalam kategori ini atau tidak dikelaskan dalam mana-mana kategori lain. Ia termasuk dalam aset bukan semasa kecuali jika pelaburan telah matang atau pengurusan berhasrat untuk melupuskannya dalam tempoh 12 bulan dari akhir tempoh laporan.

(iv) Pelaburan kewangan HTM

Pelaburan kewangan HTM adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan dan kematangan tetap yang mana pengurusan Kumpulan dan Syarikat mempunyai hasrat yang positif dan mampu untuk memegangnya sehingga matang. Jika Kumpulan dan Syarikat ingin menjual selain daripada jumlah tidak ketara aset kewangan HTM, seluruh kategori akan berubah dan diklasifikasikan semula sebagai AFS.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.5 Aset kewangan (sambungan)

(b) Pengiktirafan dan pengukuran permulaan

Aset kewangan yang permulaannya diiktiraf pada nilai saksama termasuk kos urus niaga bagi semua aset kewangan tidak dibawa pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Aset kewangan sebagai FVTPL pada permulaan diiktiraf pada nilai saksama dan kos urus niaga dibelanjakan dalam penyata pendapatan.

(c) Pengukuran seterusnya – keuntungan dan kerugian

Aset kewangan pada FVTPL dan aset kewangan AFS seterusnya dikira pada nilai saksama.

Pinjaman dan penghutang dan aset kewangan HTM seterusnya dikira pada pelunasan kos menggunakan kaedah faedah efektif.

Perubahan dalam nilai saksama aset FVTPL termasuk kesan pertukaran mata wang, pendapatan faedah dan dividen diiktiraf dalam penyata pendapatan pada tempoh perubahan tersebut berlaku.

Perubahan dalam nilai saksama aset AFS dinyatakan dalam pendapatan komprehensif lain, kecuali untuk kerugian rosot nilai (sila lihat polisi perakaunan Nota 2.5 (d)) dan keuntungan dan kerugian pertukaran asing. Perbezaan pertukaran bagi aset-aset kewangan dinyatakan dalam penyata pendapatan.

Faedah dan pendapatan dividen atas aset kewangan AFS adalah dinyatakan secara berasingan dalam penyata pendapatan. Faedah atas sekuriti hutang AFS dikira menggunakan kaedah faedah efektif dan dinyatakan dalam penyata pendapatan. Pendapatan dividen atas instrumen ekuiti AFS dinyatakan dalam penyata pendapatan apabila hak Kumpulan dan Syarikat untuk menerima bayaran telah ditentukan.

(d) Pengukuran seterusnya - Rosot nilai aset kewangan

Aset dibawa pada kos dilunaskan

Kumpulan dan Syarikat menilai pada penghujung tempoh laporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan rosot nilai. Aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan rosot nilai dan kerugian rosot nilai berlaku hanya jika terdapat bukti objektif rosot nilai akibat daripada satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset (satu 'kejadian kerugian') dan kejadian kerugian tersebut (atau kejadian-kejadian) mempunyai kesan ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan aset kewangan atau kumpulan aset kewangan yang boleh dianggarkan dengan pasti.

Bukti rosot nilai mungkin termasuk petunjuk bahawa peminjam atau sekumpulan peminjam mengalami kesulitan kewangan yang ketara, kemungkinan mereka akan diisytiharkan muflis atau penyusunan semula keingkaran atau kegagalan pembayaran faedah atau pokok atau jika terdapat data yang boleh diperhati menunjukkan bahawa terdapat penurunan yang besar dalam anggaran aliran tunai masa depan, seperti perubahan dalam keadaan ekonomi yang berhubung kait dengan kegagalan bayaran.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.5 Aset kewangan (sambungan)

(d) Pengukuran seterusnya - Rosot nilai aset kewangan (sambungan)

Aset dibawa pada kos dilunaskan (sambungan)

Jumlah kerugian diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawa aset dan nilai semasa aliran tunai masa hadapan yang dianggarkan (tidak termasuk kerugian kredit masa depan yang belum dialami) dikurangkan pada kadar faedah berkesan asal aset kewangan. Jumlah bawa aset dikurang dan jumlah kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan. Jika 'pinjaman dan penghutang' mempunyai kadar faedah yang berubah-ubah, kadar diskaun bagi pengukuran sebarang kerugian rosot nilai adalah kadar faedah berkesan semasa yang ditentukan di bawah kontrak. Sebagai langkah segera yang praktikal, Kumpulan dan Syarikat boleh mengukur rosot nilai pada asas nilai saksama instrumen menggunakan harga pasaran pemerhati.

Jika dalam tempoh berikutnya, jumlah kerugian rosot nilai berkurangan dan pengurangan boleh dikaitkan secara objektif kepada kejadian yang berlaku selepas rosot nilai diiktiraf (seperti peningkatan dalam penarafan kredit penghutang), pembalikan kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Apabila sesuatu aset tidak boleh dikutip, ia dihapus kira daripada akaun peruntukan berkaitan. Aset tersebut dihapus kira selepas semua prosedur yang perlu telah sempurna dan jumlah kerugian telah ditentukan.

(i) Taksiran individu

Kumpulan dan Syarikat akan menilai sama ada wujudnya bukti rosot nilai dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang disifatkan menjadi ketara secara individu.

Jika wujud bukti secara objektif bahawa kerugian rosot nilai berlaku, jumlah kerugian diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawa pinjaman dan nilai semasa dan anggaran aliran tunai masa depan dikurangkan pada kadar faedah berkesan asal pinjaman tersebut. Jumlah bawa pinjaman dikurangkan melalui akaun peruntukan dan jumlah kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Semua pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan lain yang telah ditaksir secara individu, tetapi tidak dianggap mengalami rosot nilai secara bersendirian, ditaksir secara kolektif bagi rosot nilai.

(ii) Taksiran kolektif

Pinjaman, pendahuluan, pembiayaan dan akaun belum diterima yang tidak signifikan secara individu dan pinjaman yang telah dinilai secara individu tanpa ada sebarang bukti bagi rosot nilai adalah dikumpulkan bersama untuk tafsiran rosot nilai kolektif. Pinjaman ini dikumpulkan dalam ciri-ciri risiko kredit yang sama untuk penilaian kolektif, di mana data daripada portfolio pinjaman (seperti kualiti kredit, tahap tunggakan, penggunaan kredit, pinjaman kepada nisbah cagaran, dan lain-lain) dan penumpuan risiko (seperti prestasi kumpulan individu berlainan) adalah diambil kira.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.5 Aset kewangan (sambungan)

(d) Pengukuran seterusnya - Rosot nilai aset kewangan (sambungan)

Aset dibawa pada kos dilunaskan (sambungan)

(ii) Taksiran kolektif (sambungan)

Aliran tunai masa depan di dalam kumpulan aset kewangan yang dinilai secara kolektif untuk rosot nilai adalah dianggarkan berdasarkan pengalaman lalu kerugian Kumpulan dan Syarikat. Pengalaman kerugian diselaraskan berdasarkan data semasa yang diperhatikan bagi mencerminkan kesan keadaan semasa yang tidak memberi kesan ke atas tempoh berdasarkan pengalaman kerugian dan untuk menghapuskan kesan keadaan dalam tempoh sejarah yang tidak wujud pada masa ini.

Anggaran perubahan dalam aliran tunai masa depan bagi kumpulan aset haruslah mencerminkan dan selaras dengan perubahan dalam data pemerhatian yang berkaitan dari semasa ke semasa. Kaedah dan andaian yang digunakan untuk menganggar aliran tunai masa depan disemak dengan kerap oleh Kumpulan dan Syarikat untuk mengurangkan perbezaan antara anggaran kerugian dan pengalaman kerugian sebenar.

Aset yang dikelaskan sebagai sedia untuk jualan

Kumpulan dan Syarikat akan menilai pada akhir tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan atau Kumpulan aset kewangan yang mengalami rosot nilai.

Bagi sekuriti hutang, Kumpulan dan Syarikat menggunakan kriteria pengukuran kerugian rosot nilai yang diguna pakai untuk 'aset yang dibawa pada kos pelunasan' di atas.

Dalam sekuriti ekuiti yang dikelaskan sebagai "sedia untuk jualan", sebagai tambahan kepada kriteria bagi 'aset yang dibawa pada kos pelunasan' di atas, penurunan yang ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama sekuriti di bawah kosnya juga dianggap sebagai petunjuk bahawa aset ini mengalami rosot nilai. Jika bukti tersebut wujud bagi aset kewangan sedia untuk dijual, kerugian terkumpul yang telah dinyatakan secara langsung dalam ekuiti dikeluarkan daripada ekuiti dan dinyatakan dalam penyata pendapatan. Jumlah kerugian terkumpul yang dikelaskan semula kepada penyata pendapatan adalah perbezaan antara kos perolehan dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian rosot nilai ke atas aset kewangan yang sebelumnya diiktiraf dalam penyata pendapatan. Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan daripada instrumen ekuiti yang dikelaskan sebagai sedia untuk jualan tidak akan dinilai semula melalui penyata pendapatan.

(e) Penyahiktirafan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak bagi menerima aliran tunai daripada aset kewangan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan Kumpulan dan Syarikat telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan tersebut.

Apabila pelaburan kewangan AFS dijual, maka pelarasan nilai saksama terkumpul yang dinyatakan di dalam pendapatan komprehensif yang lain akan dikelaskan semula kepada penyata pendapatan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.5 Aset kewangan (sambungan)

(f) Pengelasan semula aset kewangan

Kumpulan dan Syarikat boleh memilih untuk mengelaskan semula aset kewangan bukan derivatif dipegang untuk urus niaga ("HFT") keluar daripada kategori HFT di mana:

- dalam keadaan yang jarang berlaku, ia tidak lagi dipegang untuk tujuan jualan atau membeli balik dalam tempoh terdekat; atau

- ia tidak lagi dipegang untuk tujuan perniagaan, ia telah memenuhi definisi pinjaman dan jumlah belum terima pada pengelasan awal dan Kumpulan dan Syarikat mempunyai niat dan keupayaan memegangnya untuk masa akan datang, sehingga matang pada tarikh pengelasan semula.

Pengelasan semula dibuat pada nilai saksama pada tarikh pengelasan semula.

2.6 Rosot nilai aset bukan kewangan

Aset yang mempunyai jangka hayat yang tidak jelas, sebagai contoh aset tidak ketara belum sedia untuk digunakan, tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji setiap tahun untuk rosot nilai. Aset yang tertakluk kepada pelunasan disemak untuk rosot nilai apabila peristiwa atau perubahan keadaan yang menunjukkan nilai bawaan mungkin tidak boleh diperoleh semula. Kerugian rosot nilai dinyatakan jumlahnya apabila nilai bawaan aset melebihi jumlah yang boleh diperoleh semula. Jumlah yang boleh diperoleh semula adalah nilai lebih tinggi daripada nilai saksama aset ditolak kos jualan dan nilai dalam penggunaan. Bagi tujuan penilaian rosot nilai, aset-aset dikumpulkan pada tahap terendah di mana aliran tunai yang boleh dikenal pasti (unit penjanaan tunai). Aset bukan kewangan selain daripada muhibah yang mengalami rosot nilai disemak bagi kemungkinan pembalikan rosot nilai pada setiap tarikh laporan.

Kerugian rosot nilai dicaj kepada penyata pendapatan melainkan jika ia bertentangan dengan penilaian semula sebelumnya, yang mana ia dicaj kepada lebihan penilaian semula. Kerugian rosot nilai atas muhibah tidak boleh dinilaikan semula. Berhubung dengan aset lain, sebarang peningkatan dalam jumlah yang boleh diperoleh semula dinyatakan dalam penyata pendapatan kecuali kerugian rosot nilai ke atas aset yang dinilai semula yang mana ia akan dibawa kepada lebihan rizab penilaian semula.

2.7 Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan dinilai pada kos pelunasan, kecuali liabiliti urus niaga yang telah ditetapkan pada nilai saksama, yang mana ianya dipegang pada nilai saksama melalui untung rugi. Liabiliti kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama melalui untung rugi, pada mulanya ia dikenal pasti mengikut nilai saksama termasuk kos urus niaga. Liabiliti kewangan yang telah dinyatakan pada nilai saksama melalui untung rugi pada permulaan dikenal pasti mengikut nilai saksama, dan kos urus niaga akan dicajkan di dalam penyata pendapatan. Liabiliti kewangan ini akan mengalami penyahiktirafan apabila ia dihapuskan.

(a) Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi

Kategori ini terdiri daripada dua sub-kategori: liabiliti kewangan dipegang untuk urus niaga ("HFT") dan liabiliti kewangan yang ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi pada pengiktirafan permulaan.

Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai HFT jika ia diperolehi atau kewujudannya berlaku dengan tujuan untuk penjualan atau pembelian semula dalam tempoh terdekat atau jika ia adalah sebahagian daripada portfolio untuk instrumen kewangan dikenal pasti yang diuruskan secara bersama dan terdapat bukti terkini corak sebenar pengambilan untung jangka pendek. Derivatif juga dikategorikan sebagai HFT melainkan jika dikhususkan sebagai perlindungan nilai.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.7 Liabiliti kewangan (sambungan)

(b) Liabiliti kewangan lain diukur pada kos pelunasan

Liabiliti kewangan lain pada permulaannya diiktiraf pada nilai saksama termasuk kos urus niaga. Selepas itu, liabiliti kewangan yang diukur semula pada kos pelunasan menggunakan kadar faedah efektif.

Liabiliti kewangan lain diukur pada kos pelunasan adalah 'jumlah belum berbayar kepada Bank Negara Malaysia', 'Dana Bank Negara Malaysia', 'Skim Jaminan Usahawan Kecil', 'Tabung Usahawan Kecil', 'Dana Kerajaan', 'saham keutamaan', 'Skim Kemudahan Pemodenan dan Bantuan PKS', 'Bantuan Kemudahan PKS', 'Dana Pembiayaan Usahawan Kecil', 'pinjaman belum berbayar kepada kepentingan tidak dikawal', 'jumlah belum berbayar kepada subsidiari', 'tuntutan yang belum berbayar' dan 'pemiutang lain'.

(c) Penyahiktirafan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila ia telah ditebus atau terhapus.

2.8 Instrumen kewangan derivatif

Pada permulaan, derivatif dinyatakan pada nilai saksama pada tarikh kontrak derivatif dimeterai dan kemudiannya diukur semula pada nilai saksama. Nilai saksama diperoleh daripada siar harga nilai pasaran dalam pasaran aktif termasuk pasaran urus niaga yang terkini dan teknik penilaian, termasuk model aliran tunai berdiskaun dan model opsyen penetapan harga, yang mana sesuai. Kesemua derivatif dibawa sebagai aset apabila nilai saksama adalah positif dan sebagai liabiliti apabila nilai saksama adalah negatif.

Bukti terbaik bagi nilai saksama derivatif pada pengiktirafan permulaan adalah harga urus niaga (iaitu nilai saksama bayaran yang diberi atau diterima) kecuali nilai saksama instrumen ini mempunyai bukti perbandingan dengan urus niaga yang boleh dilihat daripada pasaran semasa yang lain di dalam instrumen yang sama (iaitu tanpa pengubahsuaian atau penukaran semula) atau berdasarkan teknik penilaian yang mana pembolehubahnya termasuk hanya data daripada pasaran yang boleh diperhatikan.

Kaedah pengiktirafan nilai saksama kerugian atau keuntungan bergantung sama ada derivatif itu adalah instrumen perlindungan nilai atau tidak, dan jika benar, jenis derivatif yang dilindung nilai.

2.9 Pajakan operasi

Pajakan operasi merupakan pajakan aset yang mana sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan dikekalkan oleh pemajak. Pembayaran yang dibuat ke atas pajakan operasi dicajkan kepada penyata pendapatan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

Apabila pajakan operasi dihentikan sebelum tamat tempoh pajakan, sebarang pembayaran penalti yang perlu dibuat kepada pemajak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun kewangan di mana penamatan tersebut berlaku.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.10 Tunai dan setara tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, setara tunai dipegang bagi tujuan memenuhi komitmen tunai jangka pendek dan bukannya untuk pelaburan atau tujuan lain. Tunai dan setara tunai merangkumi tunai dalam tangan, deposit panggilan yang dipegang dalam institusi kewangan, pelaburan berkecairan tinggi dengan kematangan asal 3 bulan atau kurang yang boleh ditukar segera kepada jumlah tunai yang diketahui dan yang tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.11 Modal saham

Saham biasa

Saham biasa adalah dikelaskan sebagai ekuiti. Kenaikan kos secara langsung yang berkaitan dengan penerbitan saham baharu dan opsyen dinyatakan dalam ekuiti sebagai pemotongan bersih cukai, daripada hasil terbitan.

Saham keutamaan

Saham keutamaan dikelaskan sebagai liabiliti jika ia boleh ditebus pada tarikh tertentu, atau mengikut pilihan pemegang saham keutamaan, atau jika bayaran dividen tidak ditetapkan. Dividen diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah dalam penyata pendapatan.

2.12 Cukai pendapatan semasa dan tertunda

Cukai semasa

Caj cukai pendapatan semasa dikira berdasarkan undang-undang percukaian Malaysia yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada akhir tempoh laporan dan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Pihak Pengurusan secara berkala menilai kedudukan yang perlu diambil dalam borang cukai terhadap situasi di mana peraturan cukai yang dikenakan adalah tertakluk kepada tafsiran. Mereka membuat peruntukan yang sesuai atas dasar jumlah yang perlu dibayar kepada pihak berkuasa percukaian. Liabiliti ini dikira menggunakan anggaran yang terbaik yang akan berlaku.

Cukai tertunda

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti iaitu perbezaan sementara yang wujud antara jumlah aset dan liabiliti untuk tujuan percukaian dan jumlah bawa di dalam penyata kewangan. Walau bagaimanapun, cukai tertangguh ini tidak akan diambil kira jika ia wujud hasil daripada pengiktirafan permulaan sesuatu aset atau liabiliti dalam urus niaga selain daripada kombinasi perniagaan yang mana urus niaga pada masa itu tidak akan menjejaskan sama ada perakaunan atau keuntungan dan kerugian yang boleh dicukai.

Cukai tertunda ditentukan dengan menggunakan kadar percukaian (dan undang-undang cukai) yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada akhir tempoh laporan dan dijangka akan digunakan apabila aset cukai tertunda berkaitan dikenal pasti atau liabiliti cukai tertunda ini sudah diselesaikan.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.12 Cukai pendapatan semasa dan tertunda (sambungan)

Cukai tertunda (sambungan)

Aset cukai tertunda dikenal pasti pada tahap yang terdapat kemungkinan akan adanya keuntungan bercukai. Perbezaan sementara yang dibenarkan atau kerugian cukai yang belum digunakan boleh ditolak daripadanya.

Aset dan liabiliti daripada cukai pendapatan tertunda dan cukai pendapatan akan diimbangkan apabila wujudnya penguatkuasaan hak yang dikuatkuasakan bagi mengimbangi aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa dan apabila aset dan liabiliti cukai pendapatan tertunda yang berkaitan dengan cukai yang dikenakan oleh pihak berkuasa percukaian yang sama kepada entiti yang sama boleh cukai atau entiti yang berbeza boleh cukai di mana terdapatnya hasrat untuk menyelesaikan baki bersih cukai.

Cukai tertunda dikenal pasti dalam penyata pendapatan kecuali apabila ia berlaku daripada urus niaga yang dikenal pasti dalam pendapatan komprehensif yang lain, dalam kes ini, cukai tertunda juga dicajkan atau dikreditkan ke pendapatan komprehensif lain.

2.13 Kebajikan kakitangan

Kebajikan kakitangan jangka pendek

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit, bonus dan manfaat bukan kewangan adalah diakru dalam tempoh tahun kewangan yang mana perkhidmatan tersebut telah diberikan oleh kakitangan Kumpulan dan Syarikat dan diukur pada jumlah yang dijangka akan dibayar apabila liabiliti dijelaskan. Liabiliti dibentangkan sebagai pemiutang lain dalam penyata kedudukan kewangan.

Pelan caruman wajib

Kumpulan dan Syarikat menyumbang kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") iaitu pelan caruman yang ditetapkan. Caruman Kumpulan dan Syarikat kepada pelan caruman ini dicajkan kepada penyata pendapatan tahun kewangan berkenaan. Apabila caruman telah dibayar, Kumpulan dan Syarikat tidak lagi mempunyai obligasi atas pembayaran tersebut.

2.14 Geran Kerajaan

Manfaat daripada pinjaman Kerajaan pada kadar faedah di bawah paras pasaran diambil kira sebagai geran Kerajaan. Pinjaman Kerajaan diiktiraf sebagai liabiliti kewangan, dan diukur mengikut MFRS 139 'Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran'. Geran Kerajaan diukur sebagai perbezaan antara nilai bawaan permulaan pinjaman Kerajaan yang ditentukan mengikut MFRS 139 dan jumlah yang diterima. Geran Kerajaan dibentangkan sebagai pendapatan tertangguh dalam penyata kedudukan kewangan.

Geran Kerajaan dikenal pasti apabila terdapat jaminan yang wajar bahawa geran tersebut akan diterima, dan Kumpulan dan Syarikat akan mematuhi syarat-syarat yang disertakan bersama pemberian tersebut. Geran Kerajaan dikenal pasti dalam penyata pendapatan secara teratur sepanjang tempoh di mana perbelanjaan bagi kos yang berkaitan dengan tujuan geran tersebut diberikan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.14 Geran Kerajaan (sambungan)

Kumpulan dan Syarikat telah mengguna pakai peruntukan peralihan dalam MFRS 120 'Perakaunan bagi Geran Kerajaan dan Pendedahan bagi Bantuan Kerajaan' dan Pindaan bagi MFRS 1 'Penggunaan Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia' ke atas Pinjaman Kerajaan. Peruntukan perakaunan MFRS 120 patut diguna pakai secara prospektif untuk pemberian yang belum diterima atau kena bayar balik setelah tarikh efektif piawaian tersebut. Geran tersebut adalah 'Tabung Usahawan Kecil' dan 'Skim Jaminan Usahawan Kecil'.

Pinjaman Kerajaan yang wujud pada tarikh peralihan adalah 'Dana daripada Bank Negara Malaysia' bagi Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i dan langganan saham Danajamin Nasional Berhad, 'dana Kerajaan', 'saham keutamaan', 'Kemudahan Pemodenan dan Bantuan PKS' dan 'Dana Kewangan Usahawan Kecil'. Pinjaman Kerajaan ini dinyatakan pada nilai bawaannya yang dahulu.

2.15 Peruntukan bagi tuntutan di bawah Skim Jaminan

Peruntukan bagi tuntutan untuk pendedahan Kumpulan dan Syarikat terhadap jaminan yang diberi berdasarkan notis daripada institusi kewangan apabila akaun dikelaskan sebagai tidak berbayar dan apabila tuntutan dibuat oleh institusi kewangan.

Peruntukan bagi tuntutan diambil kira secara langsung kepada penyata pendapatan. Pindahan lebihan atau kurangan yang melibatkan rizab khas dibuat melalui keuntungan terkumpul.

2.16 Peruntukan

Peruntukan dikenal pasti oleh Kumpulan dan Syarikat apabila semua syarat berikut dipenuhi:

(i) Kumpulan dan Syarikat mempunyai obligasi undang-undang atau obligasi konstruktif hasil daripada peristiwa yang lepas;

(ii) Aliran keluar sumber mungkin diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut; dan

(iii) Anggaran yang munasabah bagi jumlah obligasi boleh dibuat.

2.17 Pendapatan tertunda (tidak termasuk geran Kerajaan)

Pendapatan tertunda merangkumi yuran langganan yang dibayar secara pendahuluan dan yuran daripada pakej prabayar. Pendapatan tertunda dikenal pasti sebagai hasil dalam penyata pendapatan apabila perkhidmatan diberikan.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.18 Luar jangkaan

Kumpulan dan Syarikat tidak mengenal pasti aset dan liabiliti luar jangka, tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti luar jangka adalah obligasi yang mungkin timbul daripada peristiwa terdahulu yang mana kewujudannya akan disahkan oleh kejadian atau tidak terjadinya satu atau lebih kejadian di luar kawalan Kumpulan dan Syarikat atau obligasi semasa yang tidak dikenal pasti kerana aliran keluar sumber tidak diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Liabiliti luar jangka juga timbul dalam keadaan yang amat luar biasa di mana terdapat liabiliti yang tidak boleh dikenal pasti kerana ia tidak boleh diukur dengan pasti. Walau bagaimanapun, liabiliti luar jangka tidak meliputi kontrak jaminan kewangan.

Aset luar jangka adalah aset yang mungkin timbul daripada peristiwa terdahulu yang mana kewujudannya akan disahkan oleh kejadian atau tidak terjadinya satu atau lebih kejadian akan datang di luar kawalan Kumpulan dan Syarikat. Kumpulan dan Syarikat tidak mengenal pasti aset luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya apabila pengaliran masuk faedah ekonomi berkemungkinan wujud, tetapi tidak semestinya berlaku.

2.19 Pengiktirafan hasil

Hasil diukur pada nilai saksama daripada pembayaran yang telah diterima atau akan diterima daripada jualan barangan atau perkhidmatan dalam perjalanan biasa aktiviti Kumpulan dan Syarikat. Hasil ditunjukkan selepas ditolak cukai barangan dan perkhidmatan, kembalian, rebat dan diskaun dan jumlah yang dikumpul bagi pihak ketiga dan selepas penghapusan jualan dalam Kumpulan dan Syarikat.

Kumpulan dan Syarikat mengiktiraf hasil apabila jumlah hasil boleh diukur dengan pasti, berkemungkinan bahawa manfaat masa depan ekonomi akan mengalir ke entiti dan kriteria tertentu telah dipenuhi bagi setiap aktiviti Kumpulan dan Syarikat yang dinyatakan di bawah. Kumpulan dan Syarikat membuat anggaran berasaskan kepada keputusan masa lalu, dengan mempertimbangkan jenis pelanggan, jenis urus niaga dan perincian setiap perjanjian.

(i) Yuran jaminan dikenal pasti mengikut nisbah menggunakan asas akruan sepanjang tempoh masa jaminan-jaminan yang telah diberikan.

(ii) Pendapatan faedah/keuntungan dikenal pasti menggunakan kaedah faedah/keuntungan efektif. Apabila pinjaman dan akaun penghutang merosot, Kumpulan dan Syarikat akan mengurangkan nilai bawaan kepada nilai yang boleh diperolehi, yang mana aliran tunai masa depan yang dianggarkan akan didiskaunkan pada kadar efektif asal faedah/keuntungan instrumen, dan terus didiskaunkan sebagai pendapatan faedah/keuntungan. Pendapatan faedah/keuntungan ke atas pinjaman rosot nilai dan penghutang diiktiraf menggunakan kadar faedah efektif yang asal.

(iii) Pendapatan faedah lain, termasuk pelunasan premium atau tambahan diskaun, dikenal pasti berdasarkan pembahagian masa yang mengambil kira hasil efektif aset tersebut.

(iv) Pendapatan sewa dikenal pasti mengikur kadar masa apabila kegagalan pembayaran sewa telah berlaku dan sewa tertunggak masih belum dijelaskan, di mana pengiktirafan pendapatan sewa digantung. Selepas digantung, pendapatan sewa dikenal pasti berasaskan penerimaan bayaran sehingga kesemua tunggakan habis dibayar.

(v) Pendapatan lain dikenal pasti apabila jumlah pendapatan dapat diukur dengan pasti dan berkemungkinan manfaat ekonomi masa hadapan akan mengalir kepada entiti. Pendapatan subsidiari dikenal pasti apabila perkhidmatan diberi dan diterima oleh pelanggan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.20 Mata wang asing

(a) Mata wang fungsi dan pembentangan

Item yang dimasukkan ke dalam penyata kewangan bagi setiap entiti dalam Kumpulan diukur menggunakan mata wang utama persekitaran ekonomi di mana entiti tersebut beroperasi ("mata wang fungsian"). Penyata kewangan disatukan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, yang merupakan mata wang fungsian dan pembentangan Kumpulan dan Syarikat.

(b) Urus niaga dan baki mata wang asing

Urus niaga mata wang asing ditukarkan kepada mata wang fungsian menggunakan kadar pertukaran semasa mengikut tarikh urus niaga atau nilaian di mana barangan itu dinilai semula. Keuntungan dan kerugian daripada urus niaga tersebut dan daripada terjemahan kepada kadar pertukaran akhir tahun bagi aset dan liabiliti kewangan dinyatakan dalam penyata pendapatan.

Perubahan dalam nilai saksama sekuriti kewangan yang didominasikan dalam mata wang asing diklasifikasikan sebagai pelaburan kewangan AFS dianalisis antara perbezaan pertukaran yang terhasil daripada pertukaran sekuriti dalam kos pelunasan dan pertukaran yang lain dalam nilai bawa bagi sekuriti. Perbezaan terjemahan yang berkaitan dengan perubahan dalam kos pelunasan dinyatakan di dalam penyata pendapatan, dan perubahan yang lain dalam nilai bawa dinyatakan di dalam pendapatan komprehensif yang lain.

Perbezaan pertukaran daripada aset dan liabiliti seperti ekuiti yang dipegang pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian akan dikenal pasti di dalam penyata pendapatan sebagai sebahagian daripada keuntungan nilai saksama atau kerugian. Perbezaan pertukaran ke atas aset kewangan bukan kewangan, seperti ekuiti yang dikelaskan sebagai sedia untuk jualan, akan dimasukkan ke dalam pendapatan komprehensif yang lain.

2.21 Pengimbangan instrumen kewangan

Aset dan liabiliti kewangan diimbangi dan jumlah bersih dibentangkan di dalam penyata kedudukan kewangan apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangi jumlah yang dikenal pasti dan terdapat tujuan untuk menyelesaikan secara bersih atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara pada masa serentak. Hak mengikut undang-undang tidak boleh bergantung pada peristiwa masa hadapan dan hendaklah boleh dikuatkuasakan dalam urusan perniagaan biasa dan sekiranya berlaku keingkaran, insolvensi atau muflis.

2.22 Kontrak-kontrak jaminan kewangan

Kontrak jaminan kewangan adalah kontrak yang memerlukan Kumpulan atau Syarikat untuk membuat bayaran tertentu bagi membayar balik kepada pemegang bagi kerugian yang dialami kerana penghutang tertentu gagal membuat bayaran apabila tiba masanya, mengikut terma-terma instrumen hutang.

Kontrak jaminan kewangan dikenal pasti sebagai liabiliti kewangan pada masa jaminan tersebut dikeluarkan. Liabiliti pada mulanya diukur pada nilai saksama dan seterusnya pada yang lebih tinggi daripada jumlah yang ditentukan mengikut MFRS 137 "Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka" dan jumlah yang dikenal pasti pada permulaan ditolak pelunasan terkumpul, di mana sesuai.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.22 Kontrak-kontrak jaminan kewangan (sambungan)

Nilai saksama bagi jaminan kewangan ditentukan sebagai nilai semasa perbezaan dalam aliran tunai bersih antara bayaran kontrak di bawah instrumen hutang dan bayaran yang akan diperlukan tanpa jaminan, atau jumlah anggaran yang akan dibayar kepada pihak ketiga untuk mengambil alih tanggung jawab.

Jaminan kewangan berhubung dengan pinjaman atau yang kena dibayar daripada subsidiari yang disediakan oleh Syarikat bagi sebarang pampasan, nilai saksama diambil kira sebagai sumbangan dan dikenal pasti sebagai sebahagian daripada kos pelaburan dalam subsidiari.

3. ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN YANG KRITIKAL

Anggaran dan asas andaian akan disemak secara berterusan. Semakan ke atas anggaran perakaunan adalah dikenal pasti dalam tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa depan jika semakan memberi kesan kepada tempoh semasa dan akan datang.

Kumpulan dan Syarikat membuat anggaran dan andaian mengenai masa hadapan. Anggaran perakaunan yang terhasil akan, mengikut definisinya jarang menyamai keputusan sebenar. Anggaran dan andaian yang berisiko tinggi menyebabkan pelarasan ketara kepada jumlah bawaan aset dan liabiliti pada tahun kewangan yang akan datang adalah seperti berikut.

(a) Nilai saksama produk berstruktur dan instrumen kewangan lain

Nilai saksama instrumen kewangan yang tidak diniagakan dalam pasaran aktif (contohnya, derivatif "over-the-counter") ditentukan dengan menggunakan teknik penilaian. Kumpulan dan Syarikat menggunakan pertimbangan untuk memilih pelbagai kaedah dan membuat anggaran terutamanya yang berdasarkan kepada keadaan pasaran yang wujud pada akhir setiap tempoh pelaporan. Sila lihat Nota 47(d) untuk andaian penting yang digunakan bagi menganggarkan nilai saksama instrumen kewangan.

(b) Peruntukan kerugian pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

Anggaran dan pertimbangan perakaunan yang berkaitan dengan rosot nilai pinjaman dan peruntukan bagi kedudukan di luar kunci kira-kira adalah anggaran perakaunan yang kritikal kerana andaian asas yang digunakan untuk kedua-dua nilai rosot nilai secara individu dan kolektif boleh berubah dari semasa ke semasa dan boleh memberi kesan ketara kepada keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat.

Dalam mentaksir rosot nilai bagi aset, pertimbangan pihak pengurusan diperlukan. Penentuan peruntukan rosot nilai yang diperlukan bagi pinjaman yang dianggap penting secara individu memerlukan penggunaan pertimbangan pengurusan yang besar mengenai perkara-perkara seperti keadaan ekonomi tempatan, prestasi kewangan pihak berkaitan dan nilai cagaran yang dipegang, yang mana pasaran yang boleh diakses belum tersedia. Jumlah sebenar aliran tunai masa hadapan dan waktunya mungkin akan berbeza daripada anggaran yang digunakan oleh pihak pengurusan dan seterusnya menyebabkan kerugian sebenar akan berbeza daripada peruntukan yang dilaporkan.

3. ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN YANG KRITIKAL (SAMBUNGAN)

(b) Peruntukan kerugian pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (sambungan)

Peruntukan rosot nilai bagi pinjaman yang secara individunya adalah penting tetapi tidak ada bukti objektif yang rosot nilai wujud akan ditentukan secara kolektif. Peruntukan rosot nilai kolektif dikira berasaskan portfolio menggunakan model statistik yang menggabungkan banyak anggaran dan pertimbangan, oleh itu ia tertakluk kepada ketidakpastian anggaran. Kumpulan dan Syarikat kerap melakukan kajian semula model dan data dan andaian setakat yang mungkin bagi mencerminkan keadaan ekonomi semasa. Kebarangkalian kelalaian, kerugian mungkir, dan tempoh kehilangan pengenalan, antara lain, semua ini akan diambil kira semasa kajian ini dilakukan.

(c) Aset cukai tertunda

Pertimbangan penting diperlukan dalam menentukan aset cukai tertunda kerana ia melibatkan keuntungan boleh cukai masa depan tertunda. Keputusan akhir keuntungan boleh cukai masa depan adalah berbeza daripada anggaran permulaan, perbezaan tersebut akan memberi kesan kepada aset cukai dan liabiliti tertunda dalam tahun kewangan penentuan tersebut dibuat.

(d) Peruntukan bagi tuntutan di bawah skim jaminan

Peruntukan bagi tuntutan oleh institusi kewangan di bawah skim jaminan dibuat berdasarkan notis pinjaman tidak berbayar dan penyerahan tuntutan oleh institusi kewangan dengan menggunakan peratusan jumlah pinjaman yang tidak berbayar dan penyerahan tuntutan berdasarkan pengalaman lepas.

(e) Peruntukan bagi rosot nilai pelaburan dalam syarikat subsidiari

Syarikat menaksir rosot nilai pelaburan dalam sebuah syarikat subsidiari setiap tahun menurut dasar perakaunannya dalam Nota 2.6 kepada penyata kewangan. Jumlah yang boleh dikutip semula dalam subsidiarinya dinilai berasaskan kepada nilai kegunaan. Nilai kegunaan ditentu menggunakan nilai semasa anggaran masa hadapan wang tunai yang dijangka akan dijana daripada perniagaan subsidiari tersebut, menggunakan anggaran seperti yang dinyatakan dalam Nota 6 kepada penyata kewangan.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kumpulan	Bangunan RM'000	Tanah pajakan jangka panjang RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Peralatan pejabat RM'000	Perabot kelengkapan & lekapan RM'000	Pengubah-suaian RM'000	Peralatan komputer RM'000	Kerja dalam proses RM'000	Jumlah RM'000
Kos									
Pada 1 Januari 2016	39,081	5,010	144	2,795	3,879	8,043	14,042	4,650	77,644
Tambahan	-	-	-	703	948	1,650	1,583	2,008	6,892
Pelupusan	-	-	-	(325)	(590)	(333)	(261)	-	(1,509)
Pindahan daripada kerja dalam proses	-	-	-	240	191	-	154	(585)	-
Pengelasan semula kepada aset tidak ketara (Nota 5)	-	-	-	-	-	-	-	(4,727)	(4,727)
Pada 31 Disember 2016	39,081	5,010	144	3,413	4,428	9,360	15,518	1,346	78,300
Tolak: Susut nilai terkumpul									
Pada 1 Januari 2016	29,701	2,806	143	2,147	3,338	4,752	12,367	-	55,254
Caj bagi tahun kewangan	1,564	28	-	337	249	858	747	-	3,783
Pelupusan	-	-	-	(325)	(554)	(281)	(117)	-	(1,277)
Pada 31 Disember 2016	31,265	2,834	143	2,159	3,033	5,329	12,997	-	57,760
Nilai buku bersih:									
Pada 31 Disember 2016	7,816	2,176	1	1,254	1,395	4,031	2,521	1,346	20,540

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

i) Lembaga Pengarah akan berpandukan kepada perkara-perkara lain yang berkaitan dengan Pengarah sebagaimana termaktub di bawah Garis Panduan Pelantikan Lembaga Pengarah Perbadanan yang boleh dipinda dari masa ke semasa.

2.3 Program Latihan Pengarah

i) Para Pengarah dihendaki menghadiri Program Latihan Pengarah yang terdiri daripada:-

a) Sesi Induksi Dalaman; dan

b) Program Pembelajaran dan Pembangunan Berterusan ("CLDP").

ii) Setiap Pengarah yang baru dilantik akan melalui Sesi Induksi Dalaman yang bertujuan untuk menyampaikan kepada para Pengarah yang baru dilantik tentang visi dan misi Perbadanan, falsafah dan ciri-ciri perniagaan, isu-isu semasa dalam Perbadanan, strategi korporat dan kehendak Perbadanan.

iii) Sepanjang tempoh perkhidmatan Pengarah, para Pengarah akan mengambil bahagian dalam CLDP yang bermatlamat untuk memberikan latihan berterusan kepada para Pengarah supaya mereka sentiasa mengikuti perkembangan terkini dalam industri DFI.

iv) Lembaga akan menilai keperluan latihan para Pengarah yang selanjutnya secara berterusan.

2.4 Penilaian Keberkesanan

i) BNRC diberi kuasa oleh Lembaga untuk menjalankan penilaian tahunan ke atas prestasi setiap Pengarah.

ii) Keputusan penilaian BNRC akan dilaporkan kepada Lembaga dan cadangan BNRC akan diambil kira oleh Lembaga dalam menentukan penilaian para Pengarah yang akan dilantik semula/dipilih semula semasa Mesyuarat Agung akan datang.

PIAGAM LEMBAGA PENGARAH

2.5 Imbuhan

i) Imbuhan yang bersesuaian bagi para Pengarah hendaklah dinilai dan disyorkan oleh BNRC.

ii) Para Pengarah berhak ke atas perbelanjaan perjalanan, hotel dan perbelanjaan lain yang secara munasabah akan ditanggung oleh para Pengarah dalam melaksanakan tugas termasuklah sebarang perbelanjaan yang ditanggung berkaitan kehadiran para Pengarah ke Mesyuarat Lembaga Pengarah.

iii) Imbuhan khas, sebagai tambahan kepada imbuhan biasa Pengarah (iaitu gaji, komisyen, bahagian dalam keuntungan atau sebaliknya) boleh diberikan sekiranya Pengarah tersebut dikehendaki untuk melaksanakan atau membuat sebarang tugas atau perkhidmatan khas diluar tugas biasa sebagai seorang Pengarah.

iv) Imbuhan para Pengarah hendaklah ditentukan dari masa ke semasa oleh Perbadanan dalam Mesyuarat Agung.

3. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UTAMA

3.1 Lembaga Pengarah

i) Menurut Tataurusan Perbadanan, perniagaan Perbadanan secara amnya akan diuruskan oleh Lembaga.

ii) Kecuali urusan yang memerlukan kelulusan daripada para Pemegang Saham Perbadanan, Lembaga boleh melaksanakan segala kuasa Perbadanan dan melaksanakan sesuatu bagi pihak Perbadanan atau sebarang tindakan yang boleh dilaksanakan dan dilakukan oleh Perbadanan.

iii) Lembaga Pengarah hendaklah menunaikan tanggungjawab pengawasan berdasarkan peranan dan tanggungjawab berikut:-

a) Menyumbang kepada pembangunan strategi dan penetapan sasaran korporat;

b) Mendukung pendekatan pengurusan prestasi yang kukuh;

c) Mengawasi pembangunan pemimpin masa hadapan dan modal insan Perbadanan;

d) Memahami dan menguruskan risiko Perbadanan;

e) Menerima pakai pandangan pemegang saham semasa membuat keputusan;

f) Mengimbangi kepentingan pihak berkepentingan yang sah; dan

g) Melaksanakan fungsi-fungsi lain yang ditetapkan oleh undang-undang.

iv) Beberapa perkara khusus telah ditetapkan sebagai Perkara Khas yang mana kuasa membuat keputusan hendaklah hanya dibawah budi bicara dan tanggungjawab Lembaga. Melainkan telah dihadkan oleh Akta Syarikat, 1965 atau Tataurusan Perbadanan, tiada yang terkandung dalam piagam ini akan menghadkan Lembaga daripada mewakilkan, pada bila-bila masa, tanggungjawab ke atas Perkara Khas atau sebarang keputusan khusus kepada Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah, Pengarah secara individu atau Pengurusan Perbadanan.

v) Butiran mengenai Perkara Khas adalah seperti yang terkandung dalam Lampiran A.

3.2 Pengerusi

i) Pengerusi bertanggungjawab untuk memimpin secara keseluruhan dan memastikan Lembaga Pengarah berfungsi dengan efisien.

ii) Peranan utama Pengerusi, antara lain adalah seperti berikut:

a) Memastikan Lembaga berfungsi secara berkesan, bersepadu dan bebas daripada Pengurusan;

b) Mentadbir urus dalam hal-hal yang memerlukan kesaksamaan dan kewibawaan korporat;

c) Memimpin Lembaga, termasuk mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Mesyuarat Agung Perbadanan serta menentukan hala tuju perbincangan Lembaga agar menggunakan masa yang ada dengan berkesan untuk membincangkan isu-isu kritikal yang dihadapi oleh Perbadanan;

d) Menggalakkan hubungan yang membina dan saling menghormati antara Lembaga dan Pengurusan Perbadanan; dan

e) Memastikan wujudnya komunikasi yang berkesan antara Perbadanan dan/atau anak-anak syarikat dan para pemegang sahamnya dan/atau pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan.

3.3 Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif

i) Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab kepada Lembaga bagi pengurusan harian Perbadanan.

ii) Peranan utama Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, antara lain adalah seperti berikut:

a) Melaksanakan hala tuju strategik Perbadanan sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga;

b) Memastikan perniagaan Perbadanan diuruskan dengan sewajarnya dan cekap dengan memastikan kumpulan eksekutif melaksanakan dasar dan strategi yang diterima pakai oleh Lembaga dan Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah;

c) Memastikan objektif dan standard prestasi difahami oleh Pengurusan Perbadanan dan warga kerja; dan

d) Memastikan perancangan operasi dan sistem kawalan telah tersedia, memantau keputusan prestasi berbanding perancangan dan di mana perlu, mengambil tindakan pemulihan.

4. PROSES LEMBAGA PENGARAH

4.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah

i) Para Pengarah boleh berhimpun untuk menjalankan tugas, bersurai dan mengawal selia mesyuarat sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Lembaga.

ii) Lembaga Pengarah akan berpandu kepada Terma Rujukan bagi Mesyuarat Lembaga Pengarah.

iii) Perkara Khas, semua keputusan strategik dan pelaburan dibuat di Mesyuarat Lembaga Pengarah selepas melalui proses-proses yang perlu, perbincangan dan pertimbangan.

4.2 Resolusi Pekeliling

i) Di luar Mesyuarat Lembaga Pengarah, urusan perniagaan yang penting atau yang memerlukan kelulusan segera Lembaga Pengarah boleh dicapai melalui Resolusi Pekeliling dengan sisipan semua maklumat yang relevan bagi membolehkan Lembaga membuat keputusan yang termaklum.

ii) Resolusi Pekeliling bertulis yang ditandatangani dengan sewajarnya oleh semua Ahli Lembaga adalah efektif untuk semua tujuan sebagaimana resolusi yang diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah yang dipanggil, diadakan dan dihadiri dengan sewajarnya.

4.3 Nasihat Bebas

Lembaga Pengarah boleh mendapatkan nasihat dan maklumat dari pihak-pihak yang bebas dalam melaksanakan tugas dengan kos yang ditanggung oleh Perbadanan untuk memastikan para Pengarah dapat membuat keputusan yang bebas dan termaklum.

5. KUASA MEWAKILKAN

Kecuali dihadkan di bawah undang-undang atau Tataurusan Perbadanan, tiada yang terkandung di dalam Piagam ini akan menghadkan Lembaga untuk mewakilkan tanggungjwab tertentu kepada Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah, para Pengarah, Pengurusan atau sesiapa sahaja.

5.1 Jawatankuasa-Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah

i) Jawatankuasa-Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah berikut ditubuhkan bagi membantu Lembaga menjalankan tanggungjawabnya:-

a) Jawatankuasa Tadbir Urus dan Audit;
b) Jawatankuasa Pengurusan Risiko;
c) Jawatankuasa Pelaburan;
d) Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan;
e) Jawatankuasa Pembangunan Bumiputera; dan
f) Jawatankuasa IT.

PIAGAM LEMBAGA PENGARAH

ii) Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah beroperasi mengikut peranan dan tanggungjawab yang ditakrif dengan jelas sebagaimana termaktub dalam Terma Rujukan setiap Jawatankuasa.

iii) Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah melapor kepada Lembaga berhubung perbincangan, penemuan dan cadangan mereka. Para Pengerusi Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah melapor kepada Lembaga mengenai perkara-perkara yang dibincangkan di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Penyemak masing-masing.

iv) Minit-minit Mesyuarat Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah akan dibentangkan di Mesyuarat Lembaga untuk perbincangan dan arahan lanjut.

v) Walaupun Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah mempunyai kuasa untuk membincangkan perkara-perkara yang diwakilkan kepada mereka, semua keputusan dan/atau cadangan yang dibuat oleh Jawatankuasa-Jawatankuasa tersebut akan dibawa kepada perhatian Lembaga yang secara kolektif bertanggungjawab terhadap kejayaan, perniagaan, strategi, pengurusan risiko, operasi dan prestasi kewangan Perbadanan.

vi) Lembaga Pengarah boleh, dari masa ke semasa, menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa atau jawatankuasa ad hoc untuk diwakilkan dengan fungsi-fungsi tertentu sebagaimana yang difikirkan perlu atau wajar.

5.2 Pengurusan Perbadanan

i) Lembaga Pengarah boleh mewakilkan kuasa dan fungsinya kepada Pengurusan Perbadanan melalui manual perwakilan yang bersesuaian atau manual kuasa.

ii) Walau bagaimanapun, tanggungjawab muktamad dalam penetapan strategi dan kawalan Perbadanan digalas oleh para Pengarah berdasarkan panduan daripada Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif.

iii) Lembaga akan dibekalkan dengan maklumat yang berkualiti oleh Pengurusan Perbadanan dalam bentuk, tempoh masa dan kualiti yang membolehkan Lembaga melaksanakan tugasnya dengan berkesan.

iv) Lembaga berhak meminta sebarang maklumat tambahan pada bila-bila masa yang mereka fikirkan perlu.

5.3 Surat Kuasa Wakil, Wakil Korporat dan Proksi

i) Lembaga Pengarah dibenarkan melalui Surat Kuasa Peguam, Sijil atau Borang Proksi melantik mana-mana perbadanan, firma, individu atau sekumpulan individu untuk menjadi peguam, wakil korporat atau proksi bagi pihak Perbadanan.

ii) Pelantikan peguam, wakil korporat atau proksi boleh dibuat untuk tujuan tertentu dimana kuasa, autoriti dan budi bicara tersebut tidak melebihi kuasa yang dimiliki atau yang boleh dilaksana oleh Lembaga di bawah Tataurusan Pertubuhan dan bagi tempoh tertentu dan tertakluk kepada syarat yang difikirkan sesuai oleh Lembaga.

6. KEWAJIPAN UNTUK BERHATI-HATI, PERTIMBANGAN PERNIAGAAN DAN KEBERGANTUNGAN KEPADA MAKLUMAT

i) Lembaga hendaklah pada setiap masa menggunakan kuasanya untuk tujuan yang wajar dan dengan ikhlas untuk kepentingan Perbadanan.

ii) Setiap Pengarah hendaklah melaksanakan tugas dengan berhati-hati, mahir serta tekun dengan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang diharapkan dari seorang Pengarah yang mempunyai tanggungjawab yang sama; dan sebarang pengetahuan tambahan, kemahiran dan pengalaman yang sesungguhnya dimiliki oleh Pengarah tersebut.

iii) Setiap Pengarah yang membuat pertimbangan perniagaan dianggap memenuhi keperluan tugas sebagaimana yang telah dinyatakan dan bersamaan dengan tugas-tugas yang setara di bawah undang-undang am dan adil jika Pengarah tersebut:-

a) membuat pertimbangan perniagaan dengan ikhlas untuk tujuan yang wajar;

b) tidak mempunyai kepentingan peribadi dalam perkara yang berkaitan dengan pertimbangan perniagaan;

c) dimaklumkan mengenai perkara berkaitan pertimbangan perniagaan hingga ke tahap ia boleh dipercayai oleh Pengarah secara munasabah bahawa ia wajar di lakukan dalam keadaan tersebut; dan

d) mempercayai dengan sewajarnya bahawa pertimbangan perniagaan tersebut adalah demi kepentingan Perbadanan.

iv) Pengarah yang melaksanakan tugas boleh bergantung kepada maklumat, nasihat profesional atau pakar, pendapat, laporan atau penyata termasuk penyata kewangan atau data-data kewangan lain yang disedia, dibentang atau dibuat oleh:

a) mana-mana pegawai Perbadanan (atau Syarikat berkaitan) yang dipercayai oleh Pengarah atas sebab yang munasabah sebagai boleh dipercayai dan cekap dalam perkara berkenaan;

b) mana-mana orang perseorangan yang dikekalkan oleh Perbadanan di mana ia melibatkan kemahiran atau kepakaran yang berkaitan yang dipercayai oleh Pengarah dengan munasabah bahawa ia adalah kecekapan atau kepakaran orang tersebut;

c) Pengarah lain dalam perkara yang berkaitan dengan kuasa Pengarah tersebut; atau

d) mana-mana Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah yang tidak dianggotai oleh Pengarah tersebut berkaitan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Jawatankuasa tersebut.

v) Kebergantungan Pengarah kepada maklumat yang dibekalkan oleh orang lain adalah dianggap dibuat atas sebab yang munasabah jika dilakukan dengan ikhlas dan selepas membuat penilaian bebas ke atas maklumat atau nasihat, pendapat, laporan atau penyata termasuk penyata kewangan dan data-data kewangan lain, setelah mengambil kira pengetahuan Pengarah tentang Perbadanan dan kerumitan struktur serta operasi Perbadanan.

7. MESYUARAT AGUNG

i) Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") akan diadakan sekali dalam tahun kalendar pada suatu masa (tidak lebih dari lima belas (15) bulan selepas mengadakan Mesyuarat Agung terdahulu) dan di tempat yang boleh ditentukan oleh Lembaga.

ii) Lembaga Pengarah berhak untuk mengadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa ("EGM") sama ada atas inisiatif sendiri atau sebagaimana yang diminta oleh pemegang saham untuk membuat keputusan mengenai sebarang perkara khusus atau mustahak yang memerlukan perhatian segera Perbadanan.

8. KERAHSIAAN DAN PENDEDAHAN KEPENTINGAN

i) Para Pengarah dikehendaki bertindak atas kepentingan Perbadanan dan hendaklah berakujanji untuk memelihara kerahsiaan berkaitan maklumat sulit Perbadanan.

ii) Pengarah akan memaklumkan kepada Lembaga:

a) sebarang kepentingan peribadi/keluarga dalam perkara yang berkaitan dengan hal ehwal Perbadanan; dan

b) kepentingan lain (secara langsung atau tidak langsung) yang sesuai untuk didedahkan dengan tujuan untuk mengelak sebarang percanggahan kepentingan atau persepsi mengenai percanggahan kepentingan.

iii) Seorang pengarah bebas hendaklah mendedahkan dengan serta-merta kepada Lembaga mengenai sebarang perubahan dalam situasi beliau yang boleh menjejaskan status beliau sebagai pengarah bebas. Dalam keadaan sedemikian, lembaga hendaklah mengkaji jawatan beliau sebagai pengarah bebas untuk mengesahkan atau menukar status jawatan beliau.

9. ETIKA DAN PEMATUHAN

Para Pengarah dikehendaki mematuhi Kod Tadbir Urus Korporat Perbadanan termasuk sebarang pindaan yang dibuat seterusnya.

10. KAJIAN SEMULA PIAGAM LEMBAGA PENGARAH

i) Piagam Lembaga Pengarah telah diterima pakai oleh Lembaga pada 10 Disember 2013 dan hendaklah berkuatkuasa dari 1 Januari 2014. Sebarang pindaan seterusnya ke atas Piagam Lembaga boleh dibuat melalui kelulusan Lembaga.

ii) Piagam Lembaga Pengarah akan dikaji semula secara berkala dan dikemaskini selaras dengan keperluan Perbadanan dan sebarang undang-undang atau peraturan baharu yang mungkin membawa impak kepada pelaksanaan tugas dan/atau tanggungjawab Lembaga.

PIAGAM LEMBAGA PENGARAH

Lampiran A

PERKARA-PERKARA KHAS	
Tatacara Lembaga Pengarah	
1.	Pelantikan dan pengesyoran bagi penyingkiran Pengarah.
2.	Pelantikan dan penyingkiran Setiausaha Syarikat.
3.	Pelantikan ahli Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah.
4.	Kelulusan terma rujukan bagi Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah dan pindaan kepada terma tersebut.
5.	Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif dan/atau Pengarah Eksekutif Perbadanan dan tugas-tugas mereka dan kesinambungan (atau tidak) khidmat mereka.
6.	Pengesyoran bagi pelantikan juruaudit luar dan yuran audit mereka yang berkaitan.
Imbuhan	
7.	Kelulusan/pengesyoran bagi pengaturan yuran/imbuhan Pengarah bagi Pengarah Bukan Eksekutif.
8.	Kelulusan pakej, struktur dan dasar imbuhan bagi Ketua Pegawai Eksekutif dan/atau Pengarah Eksekutif.
Operasi	
9.	Kelulusan strategi perniagaan dan pelan operasi dan bajet tahunan.
10.	Kajian prestasi secara berterusan berbanding strategi perniagaan dan pelan operasi kumpulan, termasuk memantau risko utama dan dasar serta tindakan pengurusan risiko.
11.	Kelulusan perbelanjaan modal melebihi Had Kuasa Kelulusan seperti yang mungkin ditentukan dari semasa ke semasa.
12.	Kelulusan penghapusan hutang lapuk yang melebihi jumlah yang ditetapkan seperti yang mungkin ditentukan dari semasa ke semasa.
13.	Kelulusan pelaburan atau penarikan pelaburan dalam sesebuah syarikat / perniagaan / hartanah / pelaksanaan.
14.	Kelulusan pelaburan atau penarikan pelaburan dalam sesebuah projek modal yang mewakili suatu pempelbagaian penting daripada aktiviti perniagaan sedia ada.
15.	Kelulusan perubahan dalam aktiviti utama Perbadanan atau Kumpulan.
16.	Kelulusan dasar pelaburan dan mandat bank.
17.	Kelulusan Penandatangan yang Diberi Kuasa dan Had-had Kelulusan Kuasa bagi Perbadanan.
18.	Mengkaji dan meluluskan syor-syor daripada Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah.

Kewangan	
19.	Kelulusan penyata kewangan interim dan tahunan.
20.	Kelulusan pengeluaran pengumuman kewangan.
21.	Kelulusan Laporan Pengarah Tahunan, Akaun Berkanun dan Penyata Tadbir Urus Korporat.
22.	Kelulusan dividen interim, pengesyoran dividen akhir dan penentuan sebarang pengagihan lain.
23.	Terima pakai dasar-dasar perakaunan.
24.	Mengkaji keberkesanan sistem kawalan dalaman Perbadanan.
Perkara-perkara Lain	
25.	Pemberian kuasa peguam dan pelantikan, peletakan jawatan atau pemecatan wakil korporat atau proksi oleh Perbadanan.
26.	Pematerian / pelaksanaan skim / instrumen hutang atau jaminan utama.
27.	Pengesyoran pengubahan Memorandum dan / atau Tataurusan Perbadanan.
28.	Pengubahan tarikh rujukan perakaunan, pejabat berdaftar dan nama Perbadanan.
29.	Perumpukan, penerbitan, pendaftaran atau sebarang perkara berkaitan saham Perbadanan.
30.	Skim pembinaan semula atau penstrukturan semula.
31.	Melulus, membangun dan / atau melaksanakan semua pembentangan, laporan atau sebarang komunikasi penting pemegang saham bagi Perbadanan.
32.	Sebarang keputusan perniagaan penting lain.
33.	Sebarang perkara lain yang memerlukan mesyuarat agung pemegang saham atau sebarang kelas pemegang saham diadakan.
34.	Sebarang perkara penting lain seperti yang mungkin diperlukan oleh undang-undang atau pihak berkuasa pentadbiran.
35.	Sebarang perkara lain yang memerlukan kelulusan Lembaga di bawah Had Kelulusan Kuasa Perbadanan.

PIAGAM PEMATUHAN

1. PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Lembaga Pengarah ("Lembaga") dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawabke atas prestasi dan hal ehwal Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad ("CGC").

Budaya korporat Perbadanan mengutamakan prinsip kejujuran dan kewibawaan di mana Pengurusan
Kanan akan memimpin melalui teladan dan akan memastikan pengurusan pematuhan CGC yang berkesan. Dalam CGC, pematuhan bermula di peringkat atasan dan merupakan bahagian penting dalam aktiviti perniagaan CGC.

Setiap pekerja CGC bertanggungjawab untuk menjalankan perniagaan dengan mematuhi sepenuhnya undang-undang, kaedah, peraturan dan garis panduan yang mentadbir perniagaan CGC.

1.2 Objektif

Objektif Piagam Pematuhan ini adalah untuk menentukan peranan dan fungsi Unit Pematuhan.

1.3 Unit Pematuhan

Unit Pematuhan ditubuhkan pada tahun 2013 untuk memainkan peranan terutamanya dalam penyeliaan bagi setiap peringkat pengurusan dalam CGC untuk memastikan supaya CGC mematuhi semua undang-undang, kaedah, peraturan dan garis panduan yang mentadbir perniagaan CGC.

Dalam hal ini, Unit Pematuhan mengekalkan komunikasi yang berterusan dengan semua Pengurusan Kanan dan Ketua Jabatan dalam struktur CGC dengan tujuan untuk menambahbaik kajian pengawalselian yang sedia ada dan memastikan dasar-dasar dan prosedur yang perlu disediakan untuk memungkinkan pengawasan yang sewajarnya di setiap Jabatan.

Jabatan Pematuhan melapor kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga ("BRMC") mengenai status dan kemaskini Pengurusan Risiko Pematuhan Perbadanan terutamanya Pematuhan Berkanun dan Pematuhan Peraturan (secara kolektif disebut sebagai "Risiko Pematuhan") yang dihadapi oleh CGC.

2. STRUKTUR PENGURUSAN RISIKO PEMATUHAN

2.1 Jabatan Pematuhan mengenal pasti, menilai, melaksana dan memantau keakuran terhdap Pematuhan Berkanun dan Pematuhan Peraturan oleh para pekerja CGC.

KATEGORI	SKOP
Pematuhan Berkanun	• Mengenal pasti, menilai dan melaksanakan keperluan pematuhan dibawah Akta-akta diguna pakai yang mentadbir CGC. Contohnya Akta-Akta Diguna Pakai yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia – Akta Syarikat 2016, Akta Kerja 1955, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001, Akta Persaingan 2010, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan lain-lain.
Pematuhan Peraturan	• Mengenal pasti, menilai dan melaksanakan syarat-syarat pematuhan dibawah kaedah dan peraturan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa. Contohnya Garis panduan, Peraturan, Perintah, Arahan dan lain-lain yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Kementerian, Keraajaan Tempatan atau Agensi Penguatkuasa.

2.2 An overall approach to Compliance Risks Management encompasses:-

KATEGORI	PENERANGAN
Kenal pasti	• Mengenal pasti Risiko Pematuhan dalam Perbadanan.
Penilaian	• Mengenal pasti Risiko Pematuhan dari segi kemungkinan dan tahap kesan buruk akibat pelanggaran pematuhan (kewangan, kawal selia, operasi, reputasi dan lain-lain).
Pengurusan	• Mengenal pasti Risiko Pematuhan dan membina konsep kawalan yang sesuai. • Melaksanakan, membuat dan menyelia kawalan Risiko Pematuhan. • Menilai dan menguji keberkesanan kawalan.
Laporan	• Pemantauan dan laporan aktiviti setiap Jabatan bagi memastikan pematuhan kepada rangka kerja kanun yang mentadbir, kawal selia dan etika yang berkaitan di bawah undang-undang.

PIAGAM PEMATUHAN

3. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

3.1 Peranan dan tanggungjawab Jabatan Pematuhan termasuk:

i) melaporkan kepada BRMC mengenai status dan kemaskini Risiko Pematuhan CGC terutamanya isu-isu ketidakpatuhan yang dihadapi oleh CGC;

ii) memantau perkembangan berkanun dan kawal selia dan menilai kesannya terhadap CGC;

iii) menasihati dan memantau analisis kesan operasi dengan Jabatan-jabatan mengenai syarat pematuhan berkanun dan kawal selia baharu;

iv) mengenal pasti, menilai dan memantau pematuhan, langkah-langkah pemulihan atau pembetulan Risiko Pematuhan oleh Jabatan;

v) berhubungan dengan Kementerian, Agensi Kerajaan, Pihak Berkuasa Pentadbiran dan Agensi Penguatkuasaan (secara kolektif dirujuk sebagai "Pihak Berkuasa") berkenaan sebarang isu Risiko Pematuhan;

vi) mewujudkan Rangka Kerja Pematuhan dan membangunkan lagi peranan dan fungsi pematuhan; dan

vii) menyediakan latihan kepada Jabatan-jabatan berkenaan keperluan Pematuhan Berkanundan Kawal Selia baharu dan menggalakkan penerapan budaya pematuhan dalam CGC.

4. KEBEBASAN

4.1 Jabatan Pematuhan menjalankan fungsi secara bebas dan objektif untuk memastikan pertimbangan yang adil dan saksama yang penting untuk pengurusan Risiko Pematuhan berhemat.

5. KUASA DAN TANGGUNGJAWAB

5.1 Jabatan Pematuhan hendaklah mempunyai akses tidak terhalang dan secara langsung kepada semua aktiviti dalam bidang yang dipertanggungjawabkan termasuk tetapi tidak terhad kepada semua dokumentasi, sistem (contohnya daftar aduan, laporan dan fail penyampai maklumat) dan akses kepada para pekerja CGC yang mana Jabatan Pematuhan percaya secara munasabah diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab secara berkesan.

5.2 Tugas-tugas khusus berkaitan fungsi pematuhan boleh dikontrak keluar, tetapi ia tetap tertakluk kepada pengawasan sewajarnya oleh Jabatan Pematuhan.

6. JAMINAN KUALITI

6.1 Jabatan Pematuhan akan mematuhi semua piawaian, garis panduan, dasar, prosedur dan arahan berkaitan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dalaman dan luaran.

7. RANGKA KERJA PEMATUHAN

7.1 Berdasarkan Piagam Pematuhan ini, Rangka Kerja Pematuhan dilaksanakan sebagai kaedah utama bagi Jabatan Pematuhan, Pengurusan Kanan, Ketua Jabatan dan para pekerja Perbadanan untuk masing-masing menyelia, mengurus dan menjalankan perniagaan dengan mematuhi sepenuhnya segala undang-undang, kaedah, peraturan dan garis panduan yang mentadbir CGC.

RANGKAIAN CAWANGAN

PUSAT KHIDMAT PELANGGAN

Level 2, Bangunan CGC,
Kelana Business Centre
No. 97, Jalan SS7/2,
47301 Petaling Jaya, Selangor

Hotline : 03-7880 0088
Facsimile : 03-7803 0077
Person to Contact : Firdaus Abdullah
E-mail : csc@cgc.com.my

CAWANGAN UTAMA

Level 1, Bangunan CGC,
Kelana Business Centre
No. 97, Jalan SS7/2,
47301 Petaling Jaya, Selangor

Phone : 03-7804 8100
Facsimile : 03-7806 1290
Person to Contact : Azizul Fadzli Samad
E-mail : azizul@cgc.com.my

RANGKAIAN CAWANGAN

ALOR SETAR

5 GF, Kompleks Perniagaan Utama Sultanah Sambungan,
Lebuhraya Sultanah Bahiyah,
05350 Alor Setar, Kedah.
Phone : 04-731 2300
Facsimile : 04-734 1500
Person to Contact : Norella Shaik Haroon
E-mail : norella@cgc.com.my

BATU PAHAT

No. 20 Jalan Maju,
Taman Maju Bukit Pasir,
83000 Batu Pahat, Johor.
Phone : 07-432 2633
Facsimile : 07-432 3088
Person to Contact : Khairunizan Mohamed Taufek
E-mail : khairunizan@cgc.com.my

IPOH

No. 50, Ground Floor,
Persiaran Greenhill,
30450 Ipoh, Perak.
Phone : 05-243 3900
Facsimile : 05-243 4900
Person to Contact : Punitha Jeyabalan
E-mail : punitha@cgc.com.my

JOHOR BAHRU

46, Jalan Sulam,
Taman Sentosa,
80150 Johor Bahru, Johor.
Phone : 07-338 2788
Facsimile : 07-334 4977
Person to Contact : Brian, Lim Yee Yik
E-mail : brian@cgc.com.my

KOTA BHARU

P.T. 164 Ground Floor,
Section 26, Jalan Dusun Muda,
15400 Kota Bharu, Kelantan.
Phone : 09-743 7730
Facsimile : 09-743 7752
Person to Contact : Azman Mohd Ariffin
E-mail : azman@cgc.com.my

KOTA KINABALU

D-21-G & D-21-1, Lot 21 Block D,
KK Times Square Signature Office,
Off Costal Highway,
88100 Kota Kinabalu, Sabah.
Phone : 088-486 850
Facsimile : 088-486 851
Person to Contact : Agnes @ Vivy Toisin
E-mail : agnesvivy@cgc.com.my

KUALA LUMPUR

No.34 A-0-1, Jalan 1/27F,
Jalan Wangsa Delima 6,
Pusat Bandar Wangsa Maju,
53300 Kuala Lumpur.
Phone : 03-414 96476
Facsimile : 03-414 91237
Person to Contact : Mohamad Yasser Mohd Aris
E-mail : mohamadyasser@cgc.com.my

KUALA TERENGGANU

111A, Ground Floor,
Jalan Batas Baru,
20300 Kuala Terengganu, Terengganu.
Phone : 09-625 2400
Facsimile : 09-625 2399
Person to Contact : Rosli Yahya
E-mail : rosliyahya@cgc.com.my

KUANTAN

No. 113A, Ground & 1st Floor,
Sri Dagangan Kuantan, Jalan Tun Ismail,
25000 Kuantan, Pahang.
Phone : 09-513 9277
Facsimile : 09-513 9577
Person to Contact : Khalipudza @ Liza Abd. Kahar
E-mail : khalipudza@cgc.com.my

KUCHING

192L GF, Lot 468,
Al-Idrus Commercial Centre, Jalan Satok,
93400 Kuching, Sarawak.
Phone : 082-424 200
Facsimile : 082-427 300
Person to Contact : Stellarose AK Nelson
E-mail : stella@cgc.com.my

MELAKA

No. 194, Jalan Merdeka,
Taman Melaka Raya,
75000 Melaka
Phone : 06-284 4300
Facsimile : 06-283 2205
Person to Contact : Mohd Haniza Mohd Jaapar
E-mail : mdhaniza@cgc.com.my

MIRI

Lot No 789 GF, Block 9 MCLD,
Bintang Jaya Commercial Centre,
98000 Miri, Sarawak.
Phone : 085-421 270
Facsimile : 085-410 370
Person to Contact : Alex Chin Shea Chien
E-mail : scchin@cgc.com.my

PRAI

Lot 9G, No. 2782,
Taman Inderawasih, Jalan Chain Ferry,
13700 Prai, Penang.
Phone : 04-399 2400
Facsimile : 04-397 5434
Person to Contact : Wan Faizah Zakaria
E-mail : faizah@cgc.com.my

SANDAKAN

Lot 8, Blok 1,
Jalan Labuk Bandar Indah,
Mile 4, 90000 Sandakan, Sabah.
Phone : 089-224 698
Facsimile : 089-224 963
Person to Contact : Yap Pien Chie
E-mail : pcyap@cgc.com.my

SEREMBAN

No. 9, Jalan S2 B15,
Pusat Dagangan Seremban 2,
70300 Seremban, Negeri Sembilan
Phone : 06-601 7600
Facsimile : 06-601 7001
Person to Contact : Aiza Hj Mat Zip
E-mail : aiza@cgc.com.my

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-44

ADALAH DIMAKLUMKAN bahawa Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") yang ke ke-44 Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad ("Perbadanan") akan diadakan di Taming Sari 3, The Royale Chulan Kuala Lumpur, 5 Jalan Conlay, 50450 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan pada hari Isnin, 22 haribulan Mei 2017 jam 12.00 tengahari untuk tujuan-tujuan berikut:

AGENDA

SEBAGAI URUSAN BIASA:

1. Untuk menerima Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 bersama dengan laporan para Pengarah dan Juruaudit.

2. Untuk memilih semula para Pengarah berikut yang bersara secara giliran selaras dengan Artikel 76A dan 76B Tataurusan Perbadanan:-

   a) Encik Teoh Kok Lin; **Resolusi 1**

   b) Encik Suresh Kumar A/L T.A.S Menon; dan **Resolusi 2**

   c) Encik Ong Eng Bin. **Resolusi 3**

3. Untuk memilih semula Encik Choong Tuck Oon sebagai Pengarah yang bersara selaras dengan Artikel 77 Tataurusan Perbadanan. **Resolusi 4**

4. Untuk meluluskan yuran Pengarah berjumlah RM144,000 setahun bagi Pengerusi Bukan Eksekutif dan RM60,000 setahun bagi para Pengarah Bukan Eksekutif dari 31 Januari 2017 hingga ke AGM Perbadanan ke-45, dibayar menurut cara yang boleh ditentukan oleh para Pengarah. **Resolusi 5**

5. Untuk meluluskan manfaat Pengarah berjumlah sehingga RM1,350,800 yang perlu dibayar kepada Pengerusi Bukan Eksekutif dan para Pengarah Bukan Eksekutif dari 31 Januari 2017 hingga ke AGM Perbadanan ke-45, dibayar menurut cara yang boleh ditentukan oleh para Pengarah. **Resolusi 6**

6. Untuk melantik semula Tetuan PricewaterhouseCoopers sebagai Juruaudit Perbadanan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 dan untuk memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka. **Resolusi 7**

7. Untuk melaksanakan sebarang urusan biasa lain yang mana notis sewajarnya telah diberi menurut Akta Syarikat, 2016 dan Tataurusan Perbadanan.

ATAS PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

DAENG HAFEZ ARAFAT BIN ZUHUD
(LS0007002)
Setiausaha Syarikat

Petaling Jaya
28 April 2017

NOTA:

Proksi

1. Seorang ahli yang layak untuk hadir, mengambil bahagian, bercakap dan mengundi adalah berhak untuk untuk melantik seorang proksi untuk hadir, mengambil bahagian, bercakap dan mengundi bagi pihak beliau. Proksi tidak semestinya ahli Perbadanan dan tiada had yang akan membataskan kelayakan seseorang proksi.

2. Instrumen pelantikan proksi hendaklah secara bertulis di bawah tandatangan pelantik atau peguam beliau yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis atau, jika pelantik adalah sebuah syarikat, sama ada di bawah tandatangan seorang pegawai atau peguam syarikat tersebut.

3. Seorang ahli syarikat yang memiliki modal saham boleh melantik lebih daripada seorang proksi untuk tujuan mesyuarat, dengan syarat bahawa ahli tersebut menyatakan bahagian pegangan saham beliau yang akan diwakili oleh setiap proksi.

4. Instrumen pelantikan proksi dan kuasa peguam atau autoriti lain, jika ada, yang telah ditandatangani, atau salinan notari yang telah disahkan bagi kuasa autoriti tersebut hendaklah diserahkan di Pejabat Berdaftar Perbadanan - Aras 14, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, 97, Jalan SS7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, tidak lewat dari 48 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi mengadakan mesyuarat tersebut atau sebarang penundaannya.

Penyata Kewangan Diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016

5. Penyata kewangan diaudit disediakan menurut Akta Syarikat, 1965 untuk dibincangkan hanya di bawah Agenda 1. Seperti yang dinasihatkan oleh Juruaudit Perbadanan, Perbadanan dikehendaki mematuhi Akta Syarikat, 1965 bagi penyata kewangan diauditnya, dengan syarat penyata tersebut adalah untuk tempoh berakhir 31 Disember 2016.

6. Penyata kewangan diaudit tidak memerlukan kelulusan pemegang saham dan oleh yang demikian, tidak akan dibuka untuk pengundian.

Pemilihan semula para Pengarah yang bersara menurut Artikel 76A dan 76B Tataurusan Perbadanan ("AA")

7. Artikel 76A dalam AA memperuntukkan satu pertiga (1/3) daripada para Pengarah Perbadanan pada masa ini, atau, jika bilangan mereka bukan tiga (3) atau dalam gandaan tiga (3), bilangan terdekat dengan satu pertiga (1/3) hendaklah bersara daripada memegang jawatan.

8. Artikel 76B dalam AA memperuntukkan bahawa para Pengarah yang akan bersara hendaklah mereka yang telah memegang jawatan paling lama sejak pemilihan mereka yang terakhir, tetapi bagi mereka yang menjadi pengarah pada hari yang sama dengan mereka yang akan bersara, hendaklah ditentukan secara undian.

   Daripada saiz Lembaga pada masa ini iaitu sembilan (9) orang, tiga (3) orang Pengarah akan bersara menurut Artikel 76A dan 76B dalam AA. Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan Lembaga Pengarah ("BNRC") dalam mesyuaratnya pada 3 April 2017 telah meluluskan, manakala Lembaga Pengarah pada 19 April 2017 telah mengesyorkan untuk kelulusan pemegang saham pada AGM ini agar Encik Teoh Kok Lin, Encik Suresh Kumar A/L T.A.S Menon dan Encik Ong Eng Bin dipilih semula untuk menganggotai Lembaga Perbadanan.

Pelantikan semula Pengarah menurut Artikel 77 AA Perbadanan

9. Artikel 77 dalam AA memperuntukkan bahawa para Pengarah hendaklah memiliki kuasa untuk melantik sesiapa sahaja menjadi Pengarah, sama ada untuk mengisi kekosongan biasa atau sebagai penambahan kepada bilangan Pengarah sedia ada, dan bahawa para Pengarah yang dilantik hendaklah memegang jawatan sehingga AGM berikutnya dan hendaklah layak untuk pemilihan semula.

   Encik Choong Tuck Oon yang dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Perbadanan pada 20 Januari 2017, hendaklah memegang jawatan sehingga AGM ke-44 dan hendaklah layak untuk pemilihan semula menurut Artikel 77 dalam AA.

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-44

Yuran Pengarah

10. Seksyen 230(1) Akta Syarikat 2016 memperuntukkan bahawa "yuran" pengarah dan "sebarang manfaat" yang perlu dibayar kepada para pengarah sesebuah syarikat awam hendaklah mendapat kelulusan di mesyuarat agung. Yuran yang dicadangkan hendaklah tidak berubah berdasarkan struktur yuran berikut yang telah diluluskan oleh para pemegang saham pada AGM yang lalu:-

Penerangan	Diluluskan dalam AGM ke-43 pada 1 Jun 2016
Yuran Pengerusi	RM144,000 setahun
Yuran Ahli	RM60,000 setahun bagi setiap Pengarah

Manfaat Pengarah

11. Manfaat Pengarah meliputi elaun dan emolumen-emolumen lain yang perlu dibayar kepada Pengerusi Bukan Eksekutif dan para Pengarah Bukan Eksekutif, yang mana butirannya adalah seperti berikut:-

Penerangan	Pengerusi Bukan Eksekutif dan Pengarah
Elaun Mesyuarat bagi Lembaga Pengarah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah	RM2,000 setiap mesyuarat
Pemandu bagi Pengerusi Lembaga Pengarah	RM7,200 setahun (berdasarkan kadar maksimum boleh dicukai)
Manfaat lain yang boleh dituntut	Perlindungan perubatan, percutian & komunikasi dan manfaat-manfaat lain yang boleh dituntut

Dalam menentukan jumlah anggaran manfaat bagi Pengerusi Bukan Eksekutif dan para Pengarah, pelbagai faktor perlu diambil kira oleh Lembaga Pengarah termasuk bilangan mesyuarat berjadual bagi Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan bilangan Pengarah Bukan Eksekutif yang terlibat dalam mesyuarat tersebut.

Pembayaran manfaat bagi para Pengarah Bukan Eksekutif akan dilakukan oleh Perbadanan secara bulanan dan/atau apabila ia dikenakan.

Pelantikan Semula Juruaudit

12. Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus dan Audit ("BGAC") pada 27 Mac 2017 telah melaksanakan satu penilaian tahunan terhadap kesesuaian dan kebebasan Tetuan PricewaterhouseCoopers ("PwC") selaras dengan dasar Juruaudit Luar Perbadanan yang telah disemak semula dan diluluskan dengan sewajarnya oleh Lembaga Pengarah pada bulan Januari 2017.

BGAC berpuas hati dengan PwC dari segi kualiti audit, kecekapan, kebebasan dan sumber yang diperuntukkan untuk menyempurnakan tugasan. Pada 26 April 2016, Lembaga Pengarah telah meluluskan syor yang dikemukakan oleh BGAC untuk kelulusan pemegang saham berhubung pelantikan semula PwC sebagai juruaudit luar Perbadanan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

BORANG PROKSI

CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD

No Syarikat : 12441-M (Diperbadankan di Malaysia)

Saya/Kami _____

(nama syarikat)

dari _____

(alamat penuh)

sebagai ahli Perbadanan yang disebut di atas, dengan ini melantik _____

_____ No KP/No Pasport _____

atau jika beliau gagal _____

No KP/No Pasport _____

atau jika beliau gagal, Pengerusi mesyuarat sebagai proksi saya/kami untuk mengundi bagi pihak saya/kami pada Mesyuarat Agung Tahun ke-44 ("AGM") Perbadanan yang akan diadakan di Taming Sari 3, The Royale Chulan Kuala Lumpur, 5 Jalan Conlay, 50450 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan pada hari Isnin, 22 haribulan Mei 2017 jam 12.00 tengahari dan pada sebarang penundaannya dengan cara yang ditunjukkan di bawah:

No Resolusi	Resolusi Biasa:	Menyokong	Menentang
	Untuk memilih semula para Pengarah yang bersara secara giliran menurut Artikel 76A dan 76B Tataurusan Perbadanan:-		
1	Encik Teoh Kok Lin		
2	Encik Suresh Kumar A/L T.A.S Menon		
3	Encik Ong Eng Bin		
4	Untuk memilih semula Encik Choong Tuck Oon sebagai Pengarah yang bersara menurut Artikel 77 Tataurusan Perbadanan.		
5	Untuk meluluskan yuran Pengarah berjumlah RM144,000 setahun bagi Pengerusi Bukan Eksekutif dan RM60,000 setahun bagi setiap Pengarah Bukan Eksekutif dari AGM ke-44 hingga ke AGM ke-45 Perbadanan, dibayar menurut cara yang ditentukan oleh para Pengarah.		
6	Untuk meluluskan manfaat Pengarah berjumlah sehingga RM1,350,800 yang perlu dibayar kepada Pengerusi Bukan Eksekutif dan para Pengarah Bukan Eksekutif dari 31 Januari 2017 hingga ke AGM Perbadanan ke-45, dibayar menurut cara yang boleh ditentukan oleh para Pengarah.		
7	Untuk melantik semula Tetuan PricewaterhouseCoopers sebagai Juruaudit Perbadanan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 dan untuk memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka.		

(Sila tanda pangkah (X) dalam ruang yang disediakan sama ada anda ingin undian anda dibuat untuk menyokong atau menentang Resolusi. Jika arahan khusus tidak diberikan, proksi anda akan mengundi atau menarik diri daripada mengundi mengikut budi bicara beliau).

Ditandatangani pada _____ haribulan _____ 2017.

_____

Signature

Nota:-

1. Seorang ahli yang layak untuk hadir, mengambil bahagian, bercakap dan mengundi adalah berhak untuk untuk melantik seorang proksi untuk hadir, mengambil bahagian, bercakap dan mengundi bagi pihak beliau. Proksi tidak semestinya ahli Perbadanan dan tiada had yang akan membataskan kelayakan seseorang proksi.
2. Instrumen pelantikan proksi hendaklah secara bertulis di bawah tandatangan pelantik atau peguam beliau yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis atau, jika pelantik adalah sebuah syarikat, sama ada di bawah tandatangan seorang pegawai atau peguam syarikat tersebut.
3. Seorang ahli syarikat yang memiliki modal saham boleh melantik lebih daripada seorang proksi untuk tujuan mesyuarat, dengan syarat bahawa ahli tersebut menyatakan bahagian pegangan saham beliau yang akan diwakili oleh setiap proksi.
4. Instrumen pelantikan proksi dan kuasa peguam atau autoriti lain, jika ada, yang telah ditandatangani, atau salinan notari yang telah disahkan bagi kuasa autoriti tersebut hendaklah diserahkan di Pejabat Berdaftar Perbadanan - Aras 14, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, 97, Jalan SS7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, tidak lewat dari 48 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi mengadakan mesyuarat tersebut atau sebarang penundaannya.

Fold Here

STAMP

COMPANY SECRETARY

CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD (12441-M)

Level 14, Bangunan CGC, Kelana Business Centre
No. 97 Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

Fold Here

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad
12441-M

Tingkat 14, Bangunan CGC
Kelana Business Centre
No. 97, Jalan SS7/2
47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

T: 603 7806 2300
F: 603 7806 3308

www.cgc.com.my